

R A L A T

hal	kol	salah	betul
ix		Cik Mazlipan	Cik Mazlipah
5	2	Ho Ah Loke	Loke Wan Tho
4	1	Malays Arts Film	Malay Arts Film
16		kapal dengan Jepun	kapal dagangan Jepun
18		22 Mac 1919	22 Mac 1929
21	1	menyanyi cara,	menyanyi, cara
21	1	Pengaruh Hindu	Pengaruh Hindustan
28		PHANI MAJUM	PHANI MAJUMDAR
31	1	8 Jalan Ampang	8 Jalan Ampas
31	2	di Book Teck Road	di Boon Teck Road
31	2	ialah Siput Sarawak	ialah Kasma Booty, Siput ----
35	3	H.R. Narayanan	H.R. Narayana
47	1	memainkan lagi	memainkan lagu
47	1	syor itu	syor itu
47	1	niat mencerna	niat mencerca
54	3	untuk dipermudah- kan	untuk dimudahkan
71	1	mengenai dengan filem	mengenai filem
71	2	berlakon dalam sebanyak	berlakon sebanyak
71	2	perlu dipindah	perlu dipinda
71	2	ini yang dipanggil	ini dipanggil
76		MOHD. FAFFI	MOHD. RAFFI
82		MAHMOOD	MAHMUD
94	1	boleh disebut	boleh dibuat
98	1	Saudara Minyak	Saudagar Minyak....
99	1	bekerja mereka	mereka bekerja
114		yang menyangkan orang....	yang menyangka orang....
118		BERSAMA	PERSAMA
130	1	akan melatih menuturkan	akan melatih -menuturkan
122		pelawat-pelawat	pelakon-pelakon
140		di warung itu tentu	di warung itu belanjanya tentu
197	2	masa media	media massa
198	3	sudah dipermudahkan	sudah dimudahkan
202		Teramat Mulia, Tuanku....	Teramat Mulia Tunku....
207		Y.A.M.	Y.T.M.
219		GERHANA	KACA PERMATA

hal	kol	salah	betul
222		Loke Wan Toh	Loke Wan Tho
222		Filem Asia pula	Filem Asia Pasifik pula
239	2	ketua pengarah	ketua pengarah itu di- sandang oleh Encik Shahrom Sha'ban
241		membuat	membuka
244		Filem	Filem
261	3	Filem ketika	Filem ketiga
262		keluaran Studio Mereka	Keluasan Studio Merdeka
267		Ada pula lagu-lagu itu ditarikan pula	Ada lagu-lagu itu yang ditarikan pula
267		Indonesia Sutradaranya...	Indonesia, Sutradaranya.....
274	3	several	reversal
277	1	mahal daripada jikalau	mahal dari ongkos diproses
277	1	melalui syarikat filem dan	syarikat Cathay, pemberita filem dan....
277	2	teknik digunakan...	teknik ini digunakan...
281	2	Seria Filem	Varia Filem
289	1	seperti yang lalu....	seperti yang kami lalui.
300	1	Penerbit-penerbit	Pengeluar-pengeluar
302	1	Persatuan Pembit	Persatuan Pengeluar- pengeluar
302	1	Penerbit-penerbit	Pengeluar-pengeluar
302	2	keindividualan	keindividualan
303	2	ketika pada	pada ketika
303	3	dasarnya seolah- olah saya	dasarnya saya .....
303	1	S Kadarisman	(pindahkan ke baris tiga atas selepas Hussein Hanif)
312		DATUK	TUN

# KACA PERMATA

MEMOIR SEORANG  
PENGARAH

Assalamualaikum

Alhamdulillah. Saya bersyukur ke hadirat Allah Yang Maha Berkuasa kerana dengan kehendak dan petunjuk-Nya, dapat saya menyusun buku ini sekadar yang terupaya.

Semenjak saya mula bekerja di Filem Negara Malaysia pada tahun 1968, saya sering didatangi oleh penuntut-penuntut yang meminta berbagai-bagai maklumat tentang pengalaman saya dan juga serba sedikit sejarah perkembangan filem tempatan. Saya terpaksa selalu bersedia dengan catatan, juga ingatan saya sendiri.

Saya juga sering membaca beberapa tulisan sama ada yang tersiar di dalam akhbar atau majalah tempatan tentang sejarah dan pertumbuhan filem kita. Kerap kali saya dapati keterangan yang diberikan itu salah atau mengelirukan.

Hal ini boleh berlaku kerana banyak sebab. Oleh kerana penulis yang berkenaan hanya berdasarkan faktanya kepada keterangan orang yang ditemuinya, dan orang berkenaan hanya berpandukan ingatan dan kesan pengalamannya sahaja, maka seringkali fakta yang diberikan tidak selalunya tepat.

Si penulis pula tidak membuat rujukan lain atau menemui orang lain bagi mengesahkan atau membenarkan keterangan itu. Mungkin juga penulis membuat rujukan pada tulisan terdahulu yang memang salah keterangannya. Fakta seumpama ini akan terus diulang kesalahannya. Mungkin juga akan berterusan sampai bila-bila selagi tulisan itu dirujuk dan kesalahan itu tidak dibetulkan.

Tambahan pula sehingga ini tidak banyak bahan rujukan yang boleh digunakan untuk mengetahui sejarah filem kita. Kalau adapun tidak lengkap dan terlalu menyeluruh. Sayang sekali tidak banyak pula kajian ilmiah yang boleh dimanfaatkan oleh penyelidik masa depan atau orang ramai yang berminat.

Saya ingin menunjukkan satu contoh tentang diri saya yang dapat menjelaskan bagaimana kekeliruan seumpama ini boleh berlaku. Pada suatu ketika saya pernah ditemuramah menggunakan pita rakaman. Saya telah ditanyakan tentang tempat lahir saya. Saya katakan Parit Sulong, Batu Pahat. Anehnya apabila tulisan tentang saya itu tersiar di dalam sebuah majalah tempatan, tempat lahir saya menjadi Parit Raja. Banyaklah rencana tentang saya selepas itu yang mengikut kesalahan yang tidak seharusnya berlaku itu.

Saya sedar banyak fakta yang tidak benar dan menyeleweng tentang sejarah dan pertumbuhan filem Melayu yang amat menarik itu. Saya amat sedar tentang tidak ramainya orang yang terlibat secara langsung di dalamnya yang akan menulis tentang pengalaman mereka. Sebahagian besar daripada mereka adalah seniman dan petugas yang sekian lama memperhambakan diri kepada seni. Ingatan dan pengalaman mereka tidak mungkin dapat dirakamkan untuk tatapan masa depan.

Terus terang saya katakan bahawa buku ini jauh daripada sempurna. Yang lebih penting saya ingin menjelaskan bahawa saya tidak bertujuan menyediakan sebuah latihan ilmiah. Saya tidak mendakwa bahawa buku ini memuatkan huraian dan analisa ilmiah untuk rujukan pengkaji yang serius.

Buku ini hanyalah sebuah catatan kenang-kenangan, sebuah memoir saya yang berhubungan dengan pengalaman dan penglibatan saya secara langsung di dalam filem Melayu. Saya tidak dapat lari daripada kenyataan bahawa saya merupakan sebahagian daripada sejarah itu. Maka apa pun reaksi terhadap buku ini nanti harus mengambil kira kelemahan ingatan saya dan keupayaan saya sebagai penulis untuk melihat secara objektif terhadap perkembangan itu.

Bagaimanapun saya akan cuba menjadi objektif. Saya akan cuba membuat kupasan atau analisa di mana perlu. Saya akan mencuba mengaitkan pengalaman saya dengan tokoh dan kecenderungan semasa yang mempengaruhi industri filem itu, juga di mana perlu mengaitkan pula dengan suasana filem antarabangsa pada satu-satu masa. Filem juga harus dilihat secara terbuka dan dari aspek yang lebih luas. Apa yang berlaku di luar negara tidak dapat tidak turut mempengaruhi filem kita.

Saya membuka diri saya untuk ditegur. Saya mungkin membuat kesalahan. Atau sesuatu yang penting mungkin terlepas daripada perhatian saya. Insya-Allah saya akan membetulkannya. Lebih-lebih lagi jikalau teguran itu datangnya daripada teman-teman yang pernah menyumbang bakti dalam filem tempatan, baik daripada kalangan pengarah, pelakon, petugas filem lainnya malah wartawan dan pengkritik filem. Saya mengalu-alukan pandangan mereka.

Kepada teman-teman yang saya catatkan namanya, anggaplah ini usaha kecil bagi mengingati jasa dan sumbangan mereka memperkaya dunia seni filem tanahair. Ramai daripada mereka kini tenggelam bersama zaman. Sejarah bagaimanapun tidak akan melupakan mereka.

Saya namakan buku ini *Kaca Permata: Memoir Seorang Pengarah*. *Kaca Permata* ialah sebuah filem arahan saya sekitar tahun 1965/66. Filem itu menyorot tentang nilai kemanusiaan, tentang harga diri dan kebenaran serta nilai-nilai yang murni. Agaknya di dalam membicarakan industri perfileman kita, mahu tidak mahu kita bercakap tentang "kaca" dan "permata", tentang nilai yang murni dan yang tidak, tentang kepurau-puraan, tentang hakikat dan kewujudan dan tentang yang baik dan yang buruk. Demikianlah berdasarkan pengalaman saya puluhan tahun di dalam industri filem tempatan, saya melihat pelbagai "kaca" dan "permata" sebagai teladan dan sempadan. Semoga pengalaman dan kesan pemerhatian saya dapat dimanfaatkan oleh karyawan seni yang lain.

Bagaimanapun segala-galanya tidak akan dapat saya usahakan kalau tidak kerana satu hari bertuah pada tahun 1980. Melalui Sdr Abdullah Hussain, penulis yang saya hormati, saya mendapat maklumat jikalau saya ingin berkhidmat di Universiti Sains Malaysia sebagai Ahli Cipta, saya boleh menulis terus kepada Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, pada ketika itu Yang Berbahagia Prof Datuk Shahnnon Ahmad (Cikgu Shahnnon panggilan saya). Dipendekkan cerita saya mulai bertugas sebagai Ahli Cipta di USM pada 1 Februari 1981.

Kepada mereka berdua, saya dedikasikan buku ini. Saya terhutang budi kerana kepercayaan, sokongan dan galakan yang mereka berikan kepada saya.

Tidak lupa juga saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri Hamdan Syeikh Tahir, Naib Canselor USM ketika itu yang memberikan semangat dan kemudahan yang amat besar artinya buat penyelidikan dan penulisan saya.

Beberapa buah institusi yang membantu saya mendapatkan bahan rujukan, saya terhutang budi. Arkib Negara Malaysia, Lembaga Penapis Filem Negara, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS), sekadar menyebut beberapa contoh, banyak memudahkan usaha penyelidikan saya.

Saya juga merakamkan terima kasih kepada ramai individu yang telah membantu saya, tidak berupaya rasanya saya catatkan kesemuanya. Kepada Drs. Danvis Harahap dari Pusat Pengajian Bahasa USM dan Pak Amir Ahmad dari Universiti Pendidikan Bandung yang memberikan banyak nasihat berguna, terima kasih. Kepada Cik Haniah Yusof, Cik Rosemah Ibrahim dan Cik Mazlipan Ermbi yang dengan tekun menaip manuskrip saya, En. Zain Mahmud, A. Rahim Muda dan Ghaffar Bahari yang dengan ikhlas memberikan foto simpanan mereka, terima kasih.

Kepada Dewan Bahasa dan Pustaka yang bersedia menerbitkan buku ini terutama sekali kepada Saudara Johan Jaaffar yang jadi penyunting manuskrip asal saya, dan Saudara Mazlan Haji Mohd Noor yang merekabentuk buku ini, saya rakamkan penghargaan saya. Semoga buku ini dimanfaatkan sepenuhnya.

Kepada keluarga saya, galakan dan sokongan moral yang diberikan akan saya semat di lubuk hati sepanjang usia.

Akhir kata, Maju Filem untuk Negara.

Jamil Sulung, K.M.N., A.M.N.  
Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.



## KENANG-KENANGAN AWAL

**B**ILAKAH pertama kali filem sampai ke Tanah Melayu? Atau dengan kata lain bilakah orang kita pertama kali menonton pertunjukan wayang gambar?

*The Malay Mail*, salah sebuah akhbar tempatan berbahasa Inggeris yang tertua, pernah memuatkan iklan beberapa jenis pertunjukan yang diadakan. Sebuah iklan menarik tersiar pada satu hari dalam bulan Ogos 1902:

**MADAM A SIMMONS  
WORLD RENOWN GRAND  
PANOPTICUM**

Museum of Science, Panoramas, Waxwork exhibition and also a royal managerie of 40 trained wild animals.

Wednesday 6th. August 1902

At Magnificent Tent former Warrent-Circus stood.

Admission: European	\$1.00
Chinese Gentlemen	\$1.00
Natives and children	25 cts.

*The Malay Mail* bertarikh 20 Jun 1900 pula membawa iklan ini: JAPANESE TROUPE (PETALING STREET) Box of 5 persons \$10.00.

Demikian juga iklan akhbar yang sama pada 23 November 1900:

Commencing 24.11.1900  
The Club Kuala Lumpur

Fantoches Francaises  
Tickets: Cheapest \$1.00

Malah ada akhbar lain yang menyebutkan bahawa wayang gambar telah pernah ditunjukkan di Kuala Lumpur pada tahun 1898 lagi. Di antara gambar yang ditayangkan itu ialah peristiwa sambutan Jubli Intan Queen Victoria. Menurut sejarah sambutan ini telah berlangsung di London pada 20 Jun 1897. Pada waktu itu penggambaran berbentuk wayang gambar sudah dicipta bukan sahaja di Amerika malah di Perancis dan England.

Perihal peristiwa itu dapat ditayangkan di sini sebenarnya tidak mustahil memandangkan ramainya orang Inggeris di sini sebagai pentadbir jajahan. Bagaimanapun pertunjukannya mungkin tidak dibuat di dalam panggung khas, hanya khemah tertutup atau di mana-mana tempat terbuka.

Tidak pula dapat diketahui pertunjukan filem di Kuala Lumpur itu diusahakan oleh siapa dan berapa ramai pula petugasnya.

### Pertunjukan Awal

Walaupun bagaimanapun berdasarkan iklan yang tersiar di dalam *The Malay Mail*, tayangan pada tahun 1905 itu telah diusahakan oleh orang-orang Jepun. Filem yang ditayangkan ialah filem-filem pendek yakni gambar kejadian biasa dan juga gambar perang Jepun dan Rusia dan China.

Daripada iklan itu nyatalah bahawa filem-filem terbitan negara Jepun telah ditayangkan di sini pada awal abad ke-20 lagi!

Akhbar *The Malay Mail* bertarikh 6 Julai 1905 membawa satu lagi laporan:


"Sinematografi Kompeni Jepun yang sedang mengadakan pertunjukan di sini telah mengadakan satu tayangan khas untuk ahli-ahli Kelab Selangor sebagai yang diiklankan pada hari Sabtu lalu. Mereka telah diundang menonton di antara jam 9.00 hingga 10.30 malam Sabtu itu dan kemudiannya daripada itu penonton yang membeli tiket bayaran masuk secara biasa akan diterima menonton".

Tulisan itu seterusnya menambah:

"Pertunjukan yang bermula dari pukul 9.15 malam itu dihadiri oleh walaupun sebilangan kecil dif-dif tetapi mereka sangat mengaguminya. Mereka terdiri daripada pegawai-pegawai awam kerajaan, anggota tentera, polis, pemberita-pemberita akhbar dan pegawai-pegawai tidak rasmi". Apabila filem mula ditayangkan, sehelai kertas telah diedarkan kepada penonton:

Acara tambahan sebagai penghormatan kepada ahli-ahli Kelab Selangor,


1. Pendaratan tentera Jepun
2. Pertiempuran di Liao yang
3. Peperangan di Sungai Yalu
4. Los Nadrons Nocturnos





Gambar besar:  
Menggunakan  
pembesar suara  
adalah alat yang  
memang diperlukan  
sewaktu mengarah  
film, terutama  
apabila penggambaran luar (outdoor location) dan menggunakan pelakon yang banyak. JAMIL menggunakan *loud-hailer* waktu mengarahkan filem "PERMINTAAN TERAKHIR".

Gambar kecil:  
JAMIL sedang menunggu persiapan sebelum sesuatu syot diambil untuk filem "PERMINTAAN TERAKHIR". Di sampingnya kelihatan pembantu juru-kamera sedang mempersiapkan sesuatu pada kameranya.





Potongan dari akhbar  
(3 Januari, Malay  
Mail, 1920) yang  
menunjukkan iklan  
tentang film bisu  
yang ditunjukkan di  
pawagam ESTANA  
HALL KINEMA di  
Batu Road Kuala  
Lumpur.

(Incorporated in Hongkong.)  
**KUALA LUMPUR.**

**WE HAVE ALL THAT'S BEST IN SCREEN ENTERTAINMENT**  
TO-NIGHT'S CHANGE IS EXCEPTIONAL. IT INCLUDES  
**TWO NEW EPISODES (3 and 4)**  
OF THE GREAT WESTERN SERIAL

# "THE TERROR OF THE RANGE"

THE SERIAL WITH "PUNCH" and "POWER".  
GRIPPING AND TENSE SITUATIONS THAT APPEAL TO ALL.  
— EXCLUSIVE TO THE BIG SHOW —

## **ESTANA HALL KINEMA,**

BATU ROAD THEATRE  
TEL. 448.

Episode 3  
**"THE CHASM OF FEAR"**

**2 PARTS**

Episode 4

**"THE MIDNIGHT RAID"**

**2 PARTS.**

Supporting the above Pathe Presents  
The Emotional **IRENE CASTLE**

# **"THE GIRL from BOHEMIA"** 5 PARTS

In a New  
Gold Rooster Play

## **Lonesome Luke** IN **"Two Scrambled"**

### **LATEST PATHE NEWS NUMBER**

Starting this Tuesday: Pathe's New Mystery Serial

# **"THE SCUM OF PARIS"** 14 PARTS

*Malay Mail  
Jan. 3, 1920*

6. Wanita geisha Jepun menari menyambut kemenangan
7. Pertempuran di Mukdin
8. The Great Train Robbery
9. Gambar wajah Seri Maharaja Jepun, permaisurinya, Marshal Oyama, Jeneral Koda dan Kuroki serta pemandangan-pemandangan di negeri Jepun.

Menurut akhbar itu lagi:

"Setelah selesai tayangan ini, mereka masih duduk di tempat masing-masing. Penonton-penonton lain yang membeli tiket sudah dibenarkan masuk. Gambarnya cukup terang. Memang patut ditonton pertunjukan itu bukan sekali, tetapi beberapa kali".

"Selain daripada tayangan gambar ini disediakan pula sebuah gramafon yang memainkan pelbagai lagu, termasuklah lagu Siam dan lagu "The Duke of Plazatoro" yang mengiringi gambar itu. Filem itu jadi menarik kerana disertakan dengan bunyi letupan, air dan bunyi keretapi pada masa yang serentak dengan gambar-gambar".

Selepas Perang Dunia Kedua, terdapat beberapa buah pawagam yang didirikan di bandar-bandar Semenanjung. Di Kuala Lumpur misalnya sudah terdapat beberapa buah pawagam yang menayangkan filem-filem bisu lakonan Charlie Chaplin, Theda Bara, John Barrymore dan pelakon-pelakon lain yang terkenal pada masa itu.

Saya ingin memetik sebuah berita yang agak menarik tersiar di dalam akhbar yang sama keluaran 3 Januari 1920:

"Pertunjukan acara filem di Estana Hall Cinema mengandungi dua babak cerita koboti *The Terror of the Range* dan juga lakonan lima babak cerita *The Girl from Bohemia* yang dibintangi oleh Irene Castle, disertai pula sebuah filem lucu *Lonesome Luke* yang berjudul *Two Scrambled* dan filem berita dari Pathe yang terbaru akan ditunjukkan seperti biasa. Pertunjukan dimulakan jam 8.30 malam".

"Filem yang utama dalam pertukaran acara di Scala Hall Cinema ialah *The Exploit of a German from the Deck of U.35*. Filem ini dijangka akan ditunjukkan di

negara Jerman dan di negara-negara yang berkecuali tetapi satu salinan filem itu telah jatuh ke tangan Jabatan Inteligen Tentera Laut British, oleh yang demikian kita di Kuala Lumpur bernasib baik dapat menyaksikan filem ini".

### Pengusaha Cina

Encik Ho Ah Loke, seorang pengusaha filem yang gigih (meninggal 16 September 1982) menyatakan pada kira-kira tahun 1926 beliau telah mengusahakan beberapa buah pawagam di Ipoh. Di antaranya ialah pawagam Union dan Oriental.

Adik-beradik Shaw, Rummie dan Run Run yang datang dari Shanghai memulakan perniagaannya dengan menayangkan filem-filem Cina. Bersama-sama beberapa orang teman, mereka gigih membuat publisiti, menampal poster dan menayangkan filem-filem itu melalui pawagam-pawagam yang disewa. Kemudian sedikit demi sedikit mereka membeli dan mendirikan pawagam sendiri, taman-taman hiburan dan akhirnya menerbit dan mengedarkan filem.

Kini apa yang mereka usahakan secara kecil-kecilan di Tanah Melayu itu telah menjadi empayar besar di dunia sebelah sini. Menurut laporan terakhir mereka kini memiliki tidak kurang 125 buah pawagam di Malaysia, Singapura dan lain-lain negara Asia Tenggara.

Kemudiannya syarikat yang diusahakan oleh keluarga Ho Ah Loke pula mendirikan rangkaian pawagam-pawagam hingga menjadi saingan kepada usaha adik-beradik Shaw.

Terdapat pula pengusaha persendirian yang menayangkan filem di sebuah dua panggung mereka sendiri atau secara bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain.

Sewaktu saya kanak-kanak dan tinggal di Kampung Parit Sulong, Batu Pahat, Johor, saya mula didedahkan kepada wayang gambar yang diusahakan oleh mereka ini. Biasanya pertunjukan seperti ini ditempatkan di dalam bangunan yang agak besar atau khemah.

Usahawan yang ingin mengadakan pertunjukan wayang gambar, bangsawan

atau sarkas di kampung saya haruslah menyewa kawasan di tengah-tengah pelan Parit Sulong untuk pertunjukannya. Tanah tempat kawasan yang sesuai sebenarnya milik ayah saya, maka kerana itu saya dan keluarga sering dapat melihat pertunjukan ini dengan percuma.

Saya tidak dapat mengingat berapa sebenarnya umur saya ketika itu tetapi saya masih ingat sebuah dua filem bisu seperti *Rescued From an Eagle's Nest* yang saya tahu namanya kemudian. Saya juga dapat



HO AH LOKE salah seorang pengusaha filem di Tanah Melayu sejak tahun 1926.

menonton filem-filem lakonan Tom Mix, Charlie Chaplin dan filem-filem Tarzan. Sehingga datangnya filem bersuara, kami masih menontonnya di tanah lapang atau di dalam khemah.

### Pengaruh Filem

Sebagai kanak-kanak, pengaruh filem ini agak besar juga kepada saya dan teman-

teman yang lain. Kami pernah meniru cara Tarzan bergayut dari pokok ke pokok. Kadangkala sewaktu mandi di Sungai Simpang Kiri, kami akan meniru cara Tarzan berpaut pada akar-akar kayu ara yang berjantalan di tebingnya. Watak Zorro juga amat menarik perhatian kami kerana ketangkasan dan *adventurenya*. Kami akan membuat pedang daripada batang pohon penduduk atau batang anak pokok yang lain.

Sewaktu salah satu pertunjukan wayang gambar itu, khemah tempat tayangan itu telah terbakar. Waktu itu siang dan saya salah seorang penontonnya. Keseronokan kami tiba-tiba terganggu apabila terdengar jeritan "Api! Api! Khemah terbakar!" Gambar itu tiba-tiba hilang di layarnya. Perhatian penonton tertumpu ke belakang. Pada masa itu orang sudah bergegas mencari jalan keluar. Di bilik projektor api sedang menyala dengan maraknya. Keadaan ketika itu kacau-bilau sekali, bangku lintang-pukang dan orang berlanggar antara satu sama lain. Saya juga berhamburan dengan susah payah keluar daripada khemah itu. Dari luar terlihatlah khemah itu terbakar dengan hebatnya. Mujurlah tidak ada orang yang cedera parah. Kemudiannya barulah saya sadar bahawa jari kaki saya pecah agaknya dipijak oleh manusia yang merempuh itu. Masakan saya dapat melupakan peristiwa itu.

Kejadian terbakar seperti ini memang biasa berlaku pada waktu itu kerana filem yang digunakan pada zaman itu menggunakan bahan *nitrate* yang mudah terbakar.

Sebagai anak-anak yang tinggal di kampung dan peluang menonton wayang gambar seperti itu hanya datang bermusim, kami tidak akan melepaskan kesempatan ini pada bila-bila masa pun. Pada awal tahun 30-an itu pawagam yang paling dekat menayangkan filem setiap hari ialah di Batu Pahat. Sebelum ada jalan darat dari kampung saya ke Batu Pahat, perjalanan berulang-alik ke bandar itu ialah dengan motorbot atau sampan. Kerana tidak ada sebarang kepentingan untuk pergi ke bandar itu saya hanya pertama kali menjejakkan kaki di situ

sewaktu saya berumur sembilan atau sepuluh tahun.

Setelah lulus peperiksaan darjah empat di sekolah Melayu kampung saya dan saya dapat memasuki Government English School di Batu Pahat pada tahun 1938, saya telah menumpang di rumah orang di bandar itu dan berulang-alik ke kampung setiap hujung minggu.

Sewaktu tinggal di Batu Pahat itulah saya mendapat peluang selalu menonton wayang. Wang saku untuk belanja sekolah saya habiskan untuk menonton dan membeli komik. Waktu itu bukan filem bisu lagi.

### Minat kepada Filem

Saya begitu seronok menonton wayang. Malah saya tidak mengira apa jenis filem, ada ada peluang dan ada wang, saya akan menonton. Pawagam yang selalu saya kunjungi ialah Thye Kuan Hall. Filem-filem Cina, Tamil, Hindustan dan sekali-sekala filem Mesir ditayangkan di Pawagam Sultanah di Jalan Sultanah. Di antara filem yang tidak saya lepaskan peluang menontonnya ialah filem serial yang mengandungi 12 hingga 16 babak seperti cerita *Dick Tracy*, *The Mark of Zorro*, *The Lone Ranger*, *Hawk of the Wilderness*, *Flash Gordon* dan cerita-cerita lain yang bercorak pertarungan. Siri filem seperti ini biasanya akan dimainkan separuh saja dan akan disambung pada pertunjukan yang lain.

Sistem membeli tiket pada masa itu tidak seperti sekarang. Masa itu tidak perlu beratur, siapa yang cepat dialah yang dapat membeli tiket. Jadi jikalau ceritanya baik orang akan beresak-esak di tempat yang kecil itu, kadangkala sehingga bertimpamtimp. Saya sendiri pernah mengalami kecederaan di tangan kerana beresak-esak itu. Sudahlah begitu, hendak masuk panggung juga satu cerita yang lain. Sistem nombor masih tidak ada. Ramai pula yang berebut-rebut masuk dan mengikat tempat-tempat duduk dengan sapu tangan buat teman-teman yang belum masuk.

Orang yang sudah masuk dan dapat tempat duduk pun kalau hendak keluar sebentar terpaksa mengikat tempat duduk

nya dengan sapu tangan. Malah selalu pula berlaku sapu tangan yang diikat pun boleh dibuang oleh orang-orang nakal bagi membolehkan mereka mengambil tempat duduk itu.

Pelakon-pelakon kegemaran saya waktu itu ialah Errol Flynn dan Olivia de Havilland kerana mereka selalu berpasangan seperti di dalam filem *Robin Hood*, *Captain Blood*, *The Sea Hawk* dan *Elizabeth and Essex*.

Pertunjukan filem waktu itu tidaklah didahulukan dengan filem iklan seperti hari ini sebaliknya akan ditayangkan filem-filem berita keluaran Pathe atau lain-lain syarikat pembuat filem berita. Filem-filem berita ini samalah seperti yang kita lihat di kaca tv hari ini. Cuma filem yang dahulu itu biasa berusia dua minggu. Selepas filem berita ini ditayangkan pula filem rencana yang mungkin berupa peristiwa sukan, muzikal atau pemandangan.

Setelah beberapa buah filem pendek ini ditayangkan, panggung akan diterangkan pula beberapa minit. Sesiapa yang mahu membeli minuman atau pergi ke bilik air bolehlah berbuat demikian. Apabila locong dibunyikan filem utama akan ditayangkan pula.

Pada penghujung tahun 30-an filem-filem dari Mesir ada juga ditayangkan dan ramai juga pengembara di sini. Penyanyi Mesir yang terkenal Abdul Wahab sering membinatngi filem-filem dari sana dipanggungan dengan seniwati Laila Murad. Jalan cerita filem Mesir ini tidak jauh bezanya daripada filem Hindustan yang banyak disulamai oleh lagu dan lawak jenaka.

Filem Indonesia yang pertama mendapat perhatian yang besar di Tanah Melayu ketika itu ialah *Terang Bulan* lakonan Mochtar dan Rokiah. Lagu "Terang Bulan" itu menjadi kegemaran orang ramai dan sering dimainkan oleh pemuzik-pemuzik tempatan atau kumpulan yang dikenal sebagai "keroncong pari" ketika itu. Selain daripada Raden Mochtar dan Rokiah, melalui filem *Along-alang*, dua orang pelakon Indonesia yang terkenal di sini pada ketika itu ialah Mohd. Mokhtar dan Hadjih.

Potongan akhbar  
(Malay Mail) 6  
Julai 1905 yang  
menunjukkan filem  
Jepun, pernah  
ditunjukkan di  
Kelab Selangor  
Kuala Lumpur.

---

## CINEMATOGRAPH PERFORMANCE.

6/7/05

The Japanese Cinematograph Company, now showing here, gave an extra performance for the special benefit of the members of the Selangor Club, who, as announced in our Saturday's issue, were invited free between the hours of nine and half past ten on Saturday night, after which hour ordinary prices were charged. The exhibition started about 9-15 p.m., in the presence of a small but very appreciative audience, comprising representatives of the Civil Service, Military, Police, Press and Unofficial Community. Just as the first picture was placed on the screen, a paper was handed round, entitled "Extra Programme, exhibiting in honour of members of the Selangor Club", and reading as follows:

1. The Embarkation of the Japanese troops from Tokio.
2. General Engagement at Liao-Yang.
3. The Fight at the River Yalu.
4. Los Ladrones Nocturnos.
5. A Naval Battle outside Port Arthur.
6. A Victory Dance by the Japanese Geishas.
7. The Fight at Mukden.
8. The Great Train Robbery.
9. Portraits of the Japanese Emperor, Empress, Marshal Oyama, Generals Kodama and Kuroki, and a View of Japan.

After the conclusion of this, the guests retained their seats for the next (the open) performance, while the doors were thrown open to admit the paying public.

The clearness of the views was excellent. The Exhibition is very well worth going to see—more than once—as in addition to the Cinematograph, there is a good gramophone which has a *repertoire* ranging from Siamese songs to "The Duke of Plazatoro", which accompanies the Pictures. The pictures themselves are made more realistic by carefully-timed explosions, splashes in the water and rumbling of trains.

---



## ZAMAN PENGARAH ASING

**B**AGI memperkatakan pertumbuhan filem berbahasa Melayu di negara ini, tidak dapat tidak kita harus menyertakan Singapura kerana sebarang kajian tentang sejarah filem tempatan, melibatkan kedua-dua negara ini. Selat Teberau pada masa itu tidak merupakan sekatan dalam perkembangan menerbitkan dan menayangkan filem-filem tempatan ataupun yang dimasukkan dari luar negeri.

Pada permulaan buku ini, dalam membincangkan bagaimana penduduk tempatan mula mengenal filem-filem luar negeri, telah disebut usaha itu dibuat oleh orang-orang asing, seperti usaha orang Jepun menunjukkan filemnya di Kelab Selangor pada tahun 1905 itu. Di Singapura juga usaha membuat penayangan filem atau di tengah lapang serupa ini diusahakan oleh orang-orang asing, seperti orang-orang Cina, Yahudi dan di antaranya salah seorang perintis filem India Abdulally Esoofally (1884 - 1957) yang pernah dikatakan mengadakan pertunjukan 'bioskop' dengan menggunakan khemah pada tahun 1901 hingga 1907. Pertunjukan ini telah menjelajah Singapura, Sumatera, Jawa malah Burma dan Ceylon.

### Laila Majnun

Penerbitan filem tempatan yang pertama juga diusahakan oleh orang asing, menurut ceritanya, berlaku di Singapura sekitar tahun 1933. Di antara orang-orang yang terlibat di dalam penerbitan filem tempatan yang awal itu hanya Pak Suki (nama sebenarnya Marzuki bin Nurdin) saja yang masih ada dan masih gigih dengan minatnya iaitu berlakon. Filem pertama itu berjudul *Laila Majnun*, diterbitkan oleh sebuah syarikat yang bernama Motilal Chemical Company. Pengarahnya ialah B.S. Rajhans.

Pak Suki menjadi 'orang muda' atau pelakon utama (*Majnun*) di samping beberapa orang pelakon di antaranya Fatimah Jasmijn, Syed Ali Al Attas dan Saad. Menurut Pak Suki beliau sendiri tidak pernah dapat melihat filem itu, kerana sebaik-baik sahaja siap, rombongan bangsawannya telah menjelajah mengadakan pertunjukan di tempat-tempat yang lain.

Cerita *Laila Majnun* memang terkenal di negara ini, yakni cerita percintaan dua orang muda-mudi yang penuh dengan rintangan dan kesedihan, seperti cerita Romeo dan Juliet ataupun San Pak En Tai. Walau bagaimanapun penerbitnya tidak dapat

mengedarkan filem itu seperti yang seharusnya maka sambutanannya amat mengecewakan.

### Adik-beradik Shaw

Di Singapura pada masa itu sudah ada adik-beradik Shaw yang berhijrah dari Hong Kong. Selain daripada membuka beberapa taman hiburan di Singapura dan di Semenanjung, mereka juga mempunyai hubungan dengan beberapa orang tuan punya pawagam-pawagam yang lain bagi memastikan filem-filem yang mereka edarkan dapat diedarkan dengan baik.

Memandangkan filem-filem dari Indonesia mendapat sambutan, mereka juga bercadang menjadi penerbit filem tempatan. Maka lahirlah syarikat filem Shaw Brothers. Mereka membawa alat-alat dan juruteknik dari Hong Kong dan Shanghai dan menggunakan sebuah bangunan gudang di nombor 8, Jalan Ampas sebagai studio pada tahun 1937.

Tidak sukar bagi mereka mencari pelakon-pelakon kerana taman hiburan kepunyaan mereka di Singapura selalu didatangi oleh rombongan bangsawan, dari sinilah mereka telah memilih beberapa

orang pelakon untuk filem keluaran syarikat itu. Pelakon-pelakon awal itu di antaranya ialah Habshah, Tina, Mornok, Yem, Suki, Haji Gong dan Dara, termasuk beberapa orang yang baru datang dari Indonesia seperti Dr. A. K. Gani dan Juriah.

Filem-filem yang diterbitkan kebanyakannya bercorak drama rumahtangga soal percintaan dan ada juga cerita seram. Tajuk-tajuk filem itu adalah *Bermadu*, *Hancur Hati*, *Ibu Tiri*, *Topeng Shaitan*, *Mutiara*, *Terang Bulan di Malaya*, *Tiga Kekasih* dan *Mata Hantu*.

Filem-filem ini mendapat sambutan yang memuaskan. Penonton-penonton tempatan yang telah mula berjinak-jinak dengan filem berbahasa Melayu pelat Jawa pada masa itu dengan mudah pula dapat menerima filem yang diterbitkan oleh Shaw Brothers. Gaya lakonan dan penuturan masa itu masih terkongkong dengan gaya pentas.

Sayangnya filem-filem sebelum perang ini tidak dapat dilihat lagi salinannya, bahkan negatifnya juga sudah tidak ada lagi. Sekiranya pada masa itu sudah ada pihak yang berminat mengumpulkan filem atau menyimpannya dalam arkib-arkib filem

mungkin dapat juga kita melihatnya hari ini. Walaupun demikian disangsikan juga sama ada filem itu dapat disimpan begitu lama jika tidak disalin kepada jenis filem yang digunakan sekarang ini kerana filem-filem buatan zaman itu daripada bahan yang mudah terbakar, yang disebut *nitrate film*.

Filem pada waktu itu hampir-hampir seperti pertunjukan pentas juga, banyak menunjukkan penggambaran dari jarak jauh, juga pelakon-pelakonnya tidak banyak bergerak dan selalunya dialog diucapkan hingga selesai dari satu tempat sahaja.

Gambaran jarak dekat atau *close-up* juga jarang-jarang digunakan, begitu juga dengan gerak kamera di atas *dolly* pun jarang dapat dilihat. Lensa *zoom* tidak pernah digunakan. Pembuatan filem tempatan ini terpaksa dihentikan, kerana serentak dengan Jepun menyerang Pearl Harbour, mereka juga mula mendarat di utara Serembanjung, dan akhirnya Tanah Melayu dan Singapura jatuh ke tangan Jepun.

#### Filem Zaman Jepun

Sewaktu pendudukan Jepun, studio di Jalan Ampas digunakan oleh pihak Jepun

untuk membuat filem-filem dakyah. Salah sebuah filem itu bertajuk *On To Singapore*. Apa yang menarik ialah ada babak di dalamnya yang difilemkan di kampung saya.

Penggambaran itu dilakukan berdekatan dengan jambatan yang menyambungkan tebing Sungai Simpang Kiri jalan kereta dari Muar, ke tebing sebelah jalan yang menghala ke Yong Peng terus ke Johor dan Singapura. Tidak jauh dari jambatan ini terdapat beberapa rangka binaan kepunyaan orang tua saya bagi menggantikan bangunan kedai-kedai asal yang terbakar waktu kemusakan tentera Jepun.

Rangka-rangka kedai ini telah dibakar oleh pembuat filem itu tanpa memberitahu tuan punyanya dan tanpa membayar ganti rugi. Rumah saya tidak berapa jauh dari tempat penggambaran itu, tetapi saya tidak berani dekat kerana waktu itu anak-anak muda sering ditangkap untuk masuk tentera *Gyu Gun*, *Heiho* ataupun menjadi buruh paksa membuat jalan keretapi di Siam. Saya hanya mencuri pandang dari jauh dan ternampak beberapa orang kulit putih agaknya tawanan perang yang dikerah sebagai pekerja dan mungkin pelakon untuk filem itu.

B.S. RAJHANS  
pengarah pertama  
filem-filem Melayu







Babak tarian dalam filem "PANGGILAN PULAU", dan ELONG HAYAT dengan NENG YATIMAH, dan BABJAN, dalam tiga filem keluaran MFP.



RUN RUN SHAW  
dan RUNME  
SHAW dua  
beradik serta  
tokoh-tokoh yang  
bertugas di Malay  
Filem Productions  
(MFP)





Inilah kali pertama saya berada hampir dengan orang membuat filem tetapi pada masa itu saya tidak sedikit pun berniat atau berminat terhadap perfilman.

### Seruan Merdeka

Industri perfilman tempatan pulih semula selepas Jepun menyerah. Keadaan hidup dan ekonominya bertambah baik. Seperti juga waktu mula merintis pembuatan filem yang awal dahulu, B.S. Rajhans sekali lagi ditugaskan oleh sebuah syarikat yang bernama Malay Arts Film Production kepunyaan Encik S.M. Chesty bagi membuat filem yang berjudul *Seruan Merdeka*. Pemegang peranan utama filem ini ialah Salleh Ghani (kini Almarhum) seorang pemuda yang dilahirkan di Muar, Johor pada bulan Jun 1922.

Salleh Ghani adalah guru dalam latihan di Sekolah Bandar Penggaram, Batu Pahat, sebelum berhenti untuk memasuki Askar Johor (JMF) hinggalah kedatangan tentera Jepun. Semasa pendudukan Jepun, dia menjadi polis di Johor Bahru, selepas perang dia berkhidmat di Naval Base Singapura sebagai penjaga stor. Sewaktu di sana-lah dia mendapat tawaran berlakon dalam filem *Seruan Merdeka*. Ini berlaku pada tahun 1947.

Sebelum itu beliau dan beberapa orang lain telah dipanggil untuk diuji bakat atau *screen test* di Istana Kampung Gelam dan bernasib baik diterima memegang peranan utama di dalam filem itu. Peranan utama wanitanya dipegang oleh Rokiah Hanafi, seorang penyanyi. Syed Ali Al Attas, tokoh bangsawan yang pernah berlakon di dalam filem Melayu yang pertama pada tahun 1933 dulu, juga turut berlakon. Pelakon pembantu yang lain termasuklah Suhara

Affandi dan Johar Yahya. Jurukamera untuk filem ini ialah Tsing Ming Chin. Menurut catatan Salleh Ghani, penggambarannya bermula pada 15 Februari 1947 dan berakhir pada 23 Mei 1947. Babak-babak dalam rumah atau *indoor shooting* semua digambarkan di Istana Kampung Gelam.

Filem 35 mm hitam putih ini diproses di Singapura juga, iaitu di rumah seorang yang bernama Mr. Wong di Kampung Kapor, tidak jauh dari New World. Menurut Salleh Ghani, filem ini telah dialihsuarakan ke bahasa Hindustan dan dijual di India.

Bagaimanapun *Seruan Merdeka* ini ialah filem Arts Film Production yang pertama dan terakhir. Masalah mendapatkan tempat tayangan yang sempurna membantutkan usaha syarikat itu untuk membuat filem yang lain. Tetapi apabila Shaw Brothers memulihkan semula perusahaan filemnya, kali ini dengan menggunakan nama syarikat lain, iaitu Malay Film Productions atau MFP, dan menggunakan studio yang sama di nombor 8, Jalan Ampas, Rajhans mengarah lagi.

Filem pertama MFP arahan Rajhans ialah *Singapura Di Waktu Malam*. Watak utamanya dipegang oleh Siput Sarawak, sementara peranan utama lelaki dipegang oleh Bakhtiar Affandi. Bakhtiar berasal dari Indonesia dan terkenal sebelum ini di pentas sandiwara dan tonil Bolero. Kerana Shaw Brothers telah sedia mempunyai rangkaian pawagam, filem mereka mendapat saluran tayangan yang sempurna.

Kejayaan filem ini menggalakkan mereka menerbitkan lebih banyak lagi filem-filem tempatan. Kebetulan untuk filem yang kedua, iaitu *Chempaka*, mereka telah memperkenalkan seorang pelakon baru yang

cantik jelita, dengan gaya dan cara pertuturannya begitu manja dan menawan hati setiap orang yang menonton. Pelakon yang baru itu ialah Kasma Booty.

### Kasma Booty

Filem ini menjadi salah sebuah daripada filem laris atau *box-office* MFP mengikut taraf masa itu. Filem ini pernah ditunjukkan berminggu-minggu di mana-mana pawagam ia ditayangkan. Kasma Booty sebelum ini ialah pelakon atau anggota sebuah rombongan sandiwara yang bernama Rayuan Asmara.

Kasma Booty yang dilahirkan pada tahun 1933 berasal dari sebuah kampung di Medan, Sumatera. Ibunya bernama Kuminati Mustajyib. Pada umur 14 tahun, dia meninggalkan kampungnya untuk mengikuti rombongan sandiwara Rayuan Asmara yang diketuai oleh Jacob Booty bersamasama Ahmad C.B., penyanyi piring hitam yang terkenal pada masa itu. Rombongan sandiwara itu bermula dari Pulau Pinang lalu menjelajah seluruh Semenanjung hinggalah ke Singapura.

Rombongan sandiwara Rayuan Asmara ini pernah tersadai beberapa lama di Panggung Radin di Parit Sulong, Batu Pahat sewaktu mengadakan pertunjukan di sana disebabkan ramai anggotanya pergi ke Singapura untuk mengambil bahagian di dalam filem. Pelakon-pelakon pembantu seperti Norsiah dan Norsiah B juga setelah sekian lama di situ, akhirnya pergi ke Singapura mengikut Kasma dan menjadi orang filem.

Kerana kejayaan *Chempaka*, Kasma dimintai membintangi filem yang kedua berjudul *Pisau Beracun* iaitu sebuah cerita jenayah. Ada kemungkinan cerita ini di-



KASMAH BOOTY



S. ROOMAI NOR

ambil dari cerita pentas, kerana pada masa itu pendukung-pendukung filem di Jalan Ampas itu kebanyakannya daripada orang pentas. Ceritanya tidaklah begitu menarik tetapi kerana Kasma begitu diminati, filem itu juga mendapat pasaran yang baik. Kemudian muncul pula Roomai Noor ke dunia filem. Ia seorang pemuda yang segar dan lawa. Rajhans mengambilnya berpasangan dengan Siput Sarawak di dalam filem *Chinta*.

### **Roomai Noor**

Roomai Noor berasal dari Kampung Tengah di Pahang. Nama sebenarnya ialah Muhammad Toyib bin Salleh dilahirkan pada 22 Februari 1925. Beliau meninggalkan Pahang sewaktu pemerintahan Jepun dan menumpang di rumah Pak Sako di Singapura, kemudian bekerja sebagai mekanik dengan tentera Jepun di Pulau Belakang Mati. Selepas itu beliau memasuki tentera sukarela (*Gunpo*) dalam bahagian perubatan.

Beliau pernah dibawa ke Sumatera dan beberapa daerah di Pulau Jawa sewaktu menjadi tentera Jepun. Pada suatu ketika, kapal yang beliau naiki telah terkena torpedo Tentera Sekutu, menyebabkan beliau tercampak ke laut dan terapung-apung beberapa jam hinggalah diselamatkan oleh sebuah kapal dengan Jepun dan dibawa ke Bali.

Setelah beberapa lama di Bali beliau dibawa pula ke Pulau Sumbawa. Mujurlah latihan yang beliau terima di bahagian perubatan boleh menolong beliau di dalam beberapa keadaan, dan ketetulan pula ketampakan beliau dapat memikat hati wanita, hingga banyak yang suka dan sayang padanya. Sewaktu di Sumbawa, Jepun telah menyerah kalah tanpa syarat dan beliau mengikut pula Tentera Sekutu ke Pulau Flores Timur, dan akhirnya sampai di Australia. Dari Australia beliau dihantar balik ke Singapura dan dari sana balik ke kampung. Keluarga menyangka beliau

telah menemui ajal sewaktu dibawa Jepun belayar.

Kisah hidup beliau ini boleh menjadi bahan novel yang menarik!

Beberapa lama di kampung, beliau mendengar khabar pihak Shaw Brothers sedang mencari bakat-bakat baru. Beliau pergi ke Singapura dan memohon kerja dan diterima sebagai kerani dan membuat pelbagai tugas studio seperti penjaga sambungan atau *continuity*, penolong pengarah, jadi orang suruhan dan sebagainya. Akhirnya beliau dipelawa oleh Rajhans berlakon sebagai hero dalam filem *Chinta* di samping Siput Sarawak.

### P. Ramlee

Pada waktu yang hampir sama, seorang pemuda lain, tetapi kurus dan mukanya penuh jerawat, diterima juga bekerja di studio itu. Pemuda itu ialah P. Ramlee. Ramlee tidak memerlukan keterangan yang banyak tentang rwayatnya di sini, kerana kisah hidupnya sering ditulis bahkan sudah pun dibukukan oleh Abdullah Hussain.

Bagaimanapun ada satu perkara yang harus diperbetulkan di sini mengenai riwayat hidupnya. P. Ramlee telah dikatakan lahir pada hari Rabu 21 Mac 1928. Ini salah. Kesilapan begini berlaku kerana kadang-kadang Ramlee sendiri memberi tarikh lahirnya mengikut ingatannya saja sambil mengatakan hari itu jatuh pada satu Hari Raya Puasa. Jadi orang yang hendak membuat kajian akan cuba menghitung atau mencari kalendar lama menyesuaikan hari raya dengan hari yang dikatakannya sebagai hari lahirnya itu.

Ramlee juga pernah mengatakan kepada saya dia sengaja mengubah tahun pada umurnya sewaktu meninggalkan Pulau Pinang supaya tidak disangka terlalu muda. Ini memang perkara biasa dibuat oleh orang yang merantau atau mencari kerja yang kadang-kadang mengubah tarikh lahir malah mengubah nama. Menurut surat beraknanya (cabutan Pendaftar



P. RAMLEE



Beranak Pulau Pinang bilangan 633113), P. Ramlee dilahirkan pada 22 Mac 1919. Sekiranya menurut kiraan hari, 21 Mac 1928 tidak boleh jatuh pada hari Rabu, kerana 22 Mac 1929 ialah hari Jumaat. Surat beranaknyanya ini dapat saya lihat sewaktu kami berada di Jalan Ampas, dan masa itu dia diganggu oleh wakil insurans untuk mengambil insurans nyawanya.

Kerana perlu mengira umur dan lain-lain yang berhubung dengan insurans, maka perlu ada surat beranak dan kami sama-sama melihatnya dan saya sempat membuat salinan.

Ramlee menjadi keluarga MFP Jalan Ampas pada bulan Ogos 1948. Dia didatangkan oleh pengarah Rajhahs setelah mendengar nyanyianya di dalam satu pertunjukan di utara Semenanjung. Jadi apabila beliau bekerja di studio Jalan Ampas itu, suara beliaulah yang diutamakan, dirakamkan untuk dinyanyikan. Beliau juga diberi peranan kecil di dalam filem *Chinta*.

Sebagaimana filem *Chempaka*, filem *Chinta* juga berlaku di sebuah pulau. Agaknya penerbit menyedari bahawa penonton gemar dengan filem seperti itu, atau agaknya hanya di dalam filem demikian, pelakon wanita dapat ditunjukkan berkemban. Cara ini berulang lagi apabila MFP memperkenalkan seniwati Mariam, di dalam filem *Kembar* dan *Aloha*, juga Latifah Omar di dalam *Panggilan Pulau*.

Pada tahun-tahun permulaan itu nama Kasma Booty dan pasangan Roomai Noor - Siput Sarawak menjadi sebutan di bibir orang ramai. Kebetulan selepas berlakon dalam filem *Chinta* Roomai Noor dan Siput Sarawak telah mendirikan rumahtangga, tetapi mereka berpisah pada tahun 1953.

Sebagaimana yang dikatakan tadi waktu P. Ramlee mula-mula bekerja di MFP, dia tidaklah begitu terkenal, tetapi hal ini telah berubah tidak berapa lama kemudian. Kerana minat terhadap filem-filem tempatan semakin bertambah, Rajhans

sendiri tidak punya masa untuk mengarahkan lepas satu filem satu filem yang lain, maka pihak penerbit telah membawa masuk beberapa orang pengarah lain dari India.

Pada mulanya telah didatangkan L. Krishnan. Beliau mendapat pengalaman dari studio filem di India bertugas sebagai penjaga papan klep atau *clapperboy* pada tahun 1947. Beliau didatangkan menjadi pengarah di MFP pada tahun 1949. Semasa pendudukan Jepun beliau pernah tinggal di Singapura kerana terlibat dalam tentera pembebasan India yang diketuai oleh Subbas Chandra Bose. Selain daripada boleh berbahasa Melayu, dia juga fasih berbahasa Jepun.

Filem Krishnan yang pertama ialah *Bakti* dibintangi oleh Kasma Booty, Siput Sarawak, Roomai Noor dan P. Ramlee. Waktu itu Siput Sarawak sudah mula digelar atau ditypekan sebagai pelakon wanita jahat – pisau cukur.

Selepas Krishnan, datang pula pengarah S. Ramanathan pada tahun 1950. Filem pertama arahan beliau ialah *Kembar*. Di dalam filem inilah seorang seniwati bertahi lalat di tepi hidungnya mula diperkenalkan. Namanya Mariam binti Baharom, tetapi selepas berlakon dalam filem ini, Mariam telah dikenali dengan sebutan Mariam Kembar. Untuk filem ini juga seorang pelakon lelaki yang baru telah dipasangkan dengan Mariam. Beliau ialah M. Amin.

Kalau Kasma berasal dari Sumatera Indonesia, Siput Sarawak datang dari Sarawak sementara Mariam dari Singapura, tetapi ketiga-tiga orang muda yang dipilih jadi wira ini, iaitu Roomai Noor, P. Ramlee dan M. Amin semuanya datang dari Semenanjung.

M. Amin atau nama penuhnya Muhammad Amin bin Haji Ihsan lahir di Kuala Kangsar, Perak pada 1 September 1925.







M. MUSTARJO



H.M. BUSRA



MALIK SUTAN MUDA



SHARIFF MEDAN

Dia pernah menjadi guru sementara pada waktu sebelum perang. Selepas perang beliau berkhidmat di dalam pasukan polis sebagai guru undang-undang di Depot Polis Ipoh, iaitu di antara tahun 1946 hingga tahun 1950. Beliau kemudian berhijrah ke Singapura dan memohon kerja di syarikat MFP. Beliau telah diberi menyandang berbagai-bagai tugas hinggalah dipanggil berlakon di samping Mariam di dalam filem *Kembar*.

P. Ramlee memainkan peranan utama pertama kali di dalam filem *Takdir Illahi* arahan L. Krishnan. Beliau dipasangkan dengan Neng Yatimah, seniwati yang terkenal sebagai pelakon air mata kerana mudahnya beliau mengeluarkan air mata di dalam babak-babak sedih. Ramlee telah mula menarik minat penonton, lagi pula orang sudah tahu bahawa pemuda ini mempunyai suara yang merdu. Tetapi dari golongan orang dalam studio itu ada juga yang in hati seperti yang boleh dibaca di dalam kisah hidupnya.


Selepas itu dia berpasangan dengan Mariam dalam filem *Aloha* (1950/51) (arahan Rajhans) yang juga dibintangi oleh Osman Gumanti. Kemasyhurannya tambah meningkat dan mula mengatasi artis-artis yang lain, apabila diberi peranan berlakon di samping Rokiah dan Maria Menado dalam filem *Penghidupan* (1951) arahan L. Krishnan.

Begitu besar pengaruh Ramlee ketika itu hingga peminat meniru cara suara beliau menyanyi cara, beliau menyimpan rambut (agak tinggi sedikit di tengah-tengah kepala) dan juga meniru fesyen pakaian beliau, yang waktu itu kegemarannya ialah baju yang agak bertampal-tampal dengan corak yang berlainan warna, dan dengan cara berjenaka disebut baju kurang kain.

Pasangan dua bintang pujaan ramai ketika itu ialah P. Ramlee dan Kasma Booty terjadi di dalam filem arahan Rajhans, iaitu *Sejoli* (1951) dan sekali lagi dalam filem arahan S. Ramanathan, *Juwita* (1951).

### Pengaruh Hindu

Pada waktu itu pengaruh filem-filem Hindi memang sudah menular. Orang-orang Melayu banyak yang menjadi Dilip Kumar, Ashok Kumar, Raj Kapoor, Dev Anand, Madhubala, Nimmi dan lain-lain lagi. Lagu-lagu filem Hindi dinyanyikan di sana sini



R. AZMI

tanpa mengetahui apa maksudnya tetapi dapat digayakan dengan cukup ghairah bahkan seni kata di dalam bahasa Melayu pun banyak yang dibuat berdasarkan lagu Hindi dan di antara penyanyi filem yang terkenal menggayakannya ialah R. Azmi. Suaranya selalu digunakan untuk suara nyanyian Osman Gumanti, Ali Rahman dan banyak yang lain.

Kerana pengaruh filem Hindi ini juga banyak pelakon tempatan meniru gaya lakonan artis-artis India itu, hinggalah apabila ada peranan jahat, pelakon yang memegang peranan jahat akan menggunakan

misal dan memakai kemeja yang bercorak silang atau dam, seperti yang selalu terdapat pada filem-filem India waktu itu sedangkan pelakon India ini pula tertiru-tiru gaya samseng dalam filem koboi. P. Ramlee sendiri pada mulanya tertiru-tiru dengan gaya lakonan Dilip Kumar atau Raj Kapoor gara ada dengan sengaja atau tidak.

Di antara pelakon-pelakon wanita pula, mana yang tidak meniru cara lakonan pelakon India, akan meniru gaya Kasma Booty, seperti rentak suara dan gerak-gerinya. Sewaktu P. Ramlee berada di puncak kemasyhurannya, ada pula pela-

SHARIF DOL dan  
NORMADIAH dalam  
filem "LELA MAN-  
JA" dan satu  
pemandangan  
dalam filem  
PENANGGAL  
keluaran MFP





Haji Mahadi  
sebagai guru dalam  
film "Siti Neraaka"  
dan P. Ramlee  
dalam film  
"Juwita"



kon-pelakon yang meniru gaya lakonannya.

Sekitar tahun-tahun Roomai Noor dan P. Ramlee meningkat namanya sebagai bintang filem tempatan, saya masih di kampung giat menghantar lukisan kartun, rencana dan cerpen ke majalah-majalah yang diterbitkan di Singapura seperti *Hiburan*, *Mastika* dan lain-lain, sambil berkenalan atau bersahabat pena dengan rakan pengemang sastra seperti Tongkat Warrant (Usmar Awang), Hamzah, Jmy Asmara, Mas, Rosmera, Keris Mas dan lain-lain lagi. Saya juga ikut menubuhkan ASAS 50 di Singapura dan Ikatan Persuratan Melayu (IPM) di Melaka. Saya juga bergiat di dalam cawangan UMNO di tempat saya tinggal yang terletak di bawah Bahagian UMNO Batu Pahat dan Kluang. Pada tahun 1950, kerana tertarik dengan borang pelawaan menjadi keluarga filem yang disiarkan oleh Shaw Brothers, saya menghantar borang lamaran itu dan dipanggil untuk ditemuduga ataupun *discreen test*.

### Uji Bakat

Saya pergi ke Jalan Ampas ditemani oleh seorang kawan. Waktu itu Rajhans sedang membuat penggambaran filem *Deui Murni* yang dibintangi oleh Osman Gumanti dan Kasma Booty. Pengurus studio itu mengarahkan saya diuji bakat hari itu juga di dalam set yang digunakan oleh Rajhans untuk filemnya. Saya disuruh memakai riasan dan menghafal beberapa baris dialog. Rajhans memberhentikan penggambarannya buat sementara untuk melakukan uji bakat itu. Setelah dibuat beberapa percubaan, *clapstick* dibunyikan, saya pun berlagaklah di hadapan kamera, dialog yang saya sebutkan itu merupakan potongan dari babak dalam filem *Deui Murni* itu juga. Selesai membuat lakonan yang pendek itu, Rajhans menyebut "cut". Agaknya untuk memberi perangsang kepada saya, para pelakon dan petugas yang ada dalam set hari itu semua bertepuk dan saya balas dengan senyum kemalu-maluan sebagai tanda terima kasih.

Kerana keputusan uji bakat itu tidak dapat diberikan pada hari itu juga yakni hanya setelah filemnya diucui dan lakonan itu dinilai oleh pihak pengarah dan pegawai studio, saya disuruh balik dulu.

Saya menunggu keputusan yang nampaknya tidak kunjung tiba itu dan dengan sendirinya saya percaya percubaan saya itu tidak berhasil.

Walau bagaimanapun minat saya di dalam bidang lakonan tidaklah begitu keras. Saya hanya ingin bertugas di bidang teknik perfileman dan seni penulisannya, jadi ketiadaan jawapan dan tidak berhasilnya percubaan itu tidaklah sangat mengecewakan.

Tidak berapa lama kemudian telah berlaku peristiwa *Natrah* (Maria Hertog) di Singapura (awal tahun 1951). Peristiwa itu menggegarkan juga suasana di Jalan Ampas kerana dengan cara tidak langsung terdapat beberapa orang yang hampir terlibat tetapi mujurlah perkara itu menjadi tenang. Suasana di Jalan Ampas segera pulih seperti sedia kala.

Beberapa bulan kemudian saya mendapat khabar bahawa MFP akan membawa masuk seorang pengarah dari India dan studio itu memerlukan seorang penolong pengarah, orang yang boleh mengarang dan menterjemahkan skrip dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu. Hamzah Hussein yang waktu itu menjadi pengarang majalah *Hiburan* meminta saya menghurbungi Encik Jaafar Abdullah pegawai perhubungan MFP. (Bagaimanapun pada waktu itu Hamzah tidak menerangkan bahawa jawatan itu telah lebih dahulu ditawarkan kepadanya, tetapi kerana beliau tidak berminat, lalu beliau menghubungi saya.) Anjuran itu saya lakukan, dan ringkasnya, sekali lagi saya dipanggil ke Singapura untuk ditemuduga oleh pengurus di Jalan Ampas.

Temuduga kali ini ringkas sekali dan saya terus diterima sebagai bakal pembantu pengarah K.M. Basker. Tetapi kerana persediaan untuk beliau belum selesai, saya akan ditugaskan menolong S. Ramanathan dengan filemnya yang terbaru dan sedang



NENG YATIMAH



JUNAINAH D. HARIS



ROKIAH JAAFFAR



SIPUT SARAWAK



RADIN SUDIRO



KEMAT HASSAN



OSMAN GUMANTI



YUSOF B



GHAZALI SUMANTRI





Dua gambar dari filem  
"SRI MENANTI"  
keluaran MFP arahan  
PHANI MAJUM dan S.  
KADARISMAN memegang  
watak Cina. Filem ini ikut  
dilakokkan oleh dua artis  
Hong Kong.





SRI DEWI



SITI TANJUNG PERAK



SURAYA HARUN



MARIANI

di dalam pembikinan iaitu filem *Jiwa Lara* yang dibintangi oleh Rukiah, Osman Gumanti dan Neng Yatimah. Mulailah saya terlibat di dalam industri perfileman.

Penghijrahan saya dari kampung ke Singapura ini sebenarnya bersama-sama Usman Awang atau Tongkat Warrant yang pada masa itu menjadi anggota polis. Tetapi kebetulan masa itu suratkhabar *Melayu Raya* baru terbit di Singapura dan berkehendakkan ramai tenaga baru, jadi kerana tarikan seni menulis itu lebih menebal di jiwa Usman, dia terus meminta berhenti dari pasukan polis. Di Singapura kami menumpang tinggal buat sementara di pondok kediaman Jymy Asmara (Almarhum) yang waktu itu sudah pun menjadi pekerja akhbar *Melayu Raya*.

### Studio MFP

Telah saya katakan sebelum ini bahawa bangunan studio MFP terletak di nombor 8 Jalan Ampang, salah sebuah anak jalan yang mencabangi Jalan Balestier di Singapura. Orang-orang Cina menyebutnya Ang Mo Kio. Kini di sebelah kanan simpang masuk ke Jalan Ampas itu ada sebuah pawagam yang bernama Hoover kepunyaan Shaw Brothers. Pada tahun 1951 semasa saya di sana pawagam itu belum ada lagi.

Sekiranya kita masuk melewati Jalan Ampas itu, kita akan melintasi beberapa rumah kepunyaan orang Cina dari ada juga kepunyaan orang Melayu. Kebetulan kawasan ini berdekatan dengan kawasan Kebun Limau di Kim Keat Road, tetapi kini semuanya sudah berubah wajah. Akhirnya kita akan sampai dekat dengan dua warung kopi di sebelah kanan jalan itu. Warung kopi ini kepunyaan orang Cina juga, tetapi salah seorang daripada wanita pengusahanya dapat gelaran 'Siput' oleh penghuni Studio Jalan Ampas itu. Warung yang sebuah lagi, taukenya bergelar Ah Lam. Tidak jauh di hadapan warung ini, di sebelah kiri, terdapat sebuah bangunan rumah papan berlantai simen, yang dulunya boleh jadi hanya sebuah gudang sahaja.

Kawasan bangunan ini berpagar, sebelah depan berpagar jaring, dan di tiga bahagian lain di pagar dengan zink tebal. Pintu masuknya dari besi dan di kiri kanan bertembok batu, pada salah satu tembok itu terlekat nombor "8" yang menandakan itulah kawasan nombor 8, Jalan Ampas, ataupun studio Malay Film Productions. Di pintu masuk ada seorang Benggali yang menjaga, sebenarnya ada dua, tetapi bergilir-gilir menjaganya. Penjaga yang muda itu bernama Pritam Singh dan yang tua bernama Karam Singh.

Di sebelah dalam sedikit dari bangunan yang digunakan sebagai studio itu terdapat sebuah bangunan batu dua tingkat. Bahagian anjung di tingkat atasnya digunakan sebagai tempat latihan menari, bahagian tengah tempat kerani dan bahagian belakang dijadikan tempat makmal dan bilik penyunting. Pejabat pengurus di sebelah bawah, hampir dengan tangga di bahagian tengah bangunan itu. Di sebelah rusuk yang lain, digunakan sebagai pawagam atau bilik tayangan untuk melihat *rushes* ataupun merakamkan lagu serta lain-lain kerja selepas habis penggambaran, atau dalam istilah Inggerisnya *post-production works*.

Beberapa tahun kemudian, bangunan ini telah dirobokkan dan bangunan yang baru pula didirikan. Sementara itu di satu jalan yang lain tidak juga beberapa jauh dari studio ini kerja-kerja sedang dibuat untuk membangunkan rumah kongsi iaitu di Book Teck Road. Beberapa orang keluarga studio yang datang dari luar Singapura dan mengikat kontrak dengan MFP pada masa itu tinggal di sebuah bangunan dekat Tanjung Katung. Di antara orang yang mengikat kontrak ataupun sering diberi peranan di dalam filem-filem keluaran MFP pada masa itu ialah Siput Sarawak, Roomai Noor, P. Ramlie, Osman Gumanti, Rokiah, Neng Yatimah, D. Haris, Tompel, Siti Tanjung Perak, Mustarjo, Malek Sultan Muda, Sudarmaji, Ali Rahman, M. Amin, R. Azmi, Maria Menado, Haji Mahadi,





SARIMAH dan SAAMAH  
dalam filem "DARAH  
MUDA" arahan JAMIL  
SULONG, dan satu babak  
dari filem "ANTARA DUA  
DARJAT" arahan P.  
RAMLEE keluaran MFP.



Tiga seniwati manis MFP,  
DAYANG SOFIA,  
HASHIMAH YON dan  
ZAITON

Daeng Idris dan Hashim Nur.

Terdapat juga Edith Castello, seorang wanita serani yang gemuk, menjadi guru tari dan seorang lagi mungkin dari keturunan Ceylon bernama Gertie Kollart yang menjadi penjaga sambungan. Terdapat juga pelakon tambahan serta petugas lain yang bilangannya kira-kira 50 orang. Tetapi pada satu waktu, bilangan artis dan karyawan di studio ini mencapai angka lebih 150 orang.

Apabila saya masuk bekerja sebagai penolong pengarah, saya diberi gaji permulaan sebanyak \$180 sebulan. Gaji ini boleh dianggap besar di MFP masa itu, kerana ada di antara pelakon dan pekerja yang sudah bekerja sejak tahun 1948, bergaji hanya \$70 dan tidak naik-naik. Hal ini hanya saya ketahui setelah bekerja di situ beberapa waktu.

Pengurus studio di Jalan Ampas itu bernama Shaw Vee Ngok. Dari namanya sahaja sudah dapat diduga bahawa dia mempunyai kaitan keluarga dengan tuan punya berpuluh-puluh pawagam di seluruh Malaysia dan Singapura pada waktu itu. Menurut khabar memang benar pengurus itu anak saudara pada jutawan adik-beradik Runme dan Run Run Shaw. Isteri kepada pengurus itu, Puan Daisy Shaw bertugas sebagai pembantu pengurus, tukang wang dan berbagai-bagai lagi.

#### Unit-unit Penggambaran

Semenjak MFP mempunyai beberapa orang

pengarah, maka sudah terdapat dua unit ataupun pasukan yang membuat penggambaran digelar Unit A dan Unit B. Pendeknya kedua-dua unit ini boleh membuat penggambaran dua cerita pada waktu yang sama, misalnya kalau Unit A membuat penggambaran menggunakan set di dalam studio, maka Unit B bolehlah membuat lokasi di luar studio. Dengan cara ini bermakna mereka harus mempunyai dua jurukamera dan dua jururakam bunyi.

Dua orang jurukamera pada waktu itu berbangsa Tionghua, yang tua bernama Chow Cheng Kok dan yang muda bernama Tong Chye. Jurukamera tua itu bolehlah dikatakan berpengalaman tetapi berfahaman lama ataupun ortodoks sedikit. Kalau mengukur kekuatan cahaya lampu dia tidak menggunakan perkakas pengukur cahaya atau *light-meter* tetapi cukup dengan menggunakan belakang tapak tangannya pada sinaran cahaya. Berbahasa Melayu pun dia tidak berapa fasih, tetapi bolehlah difahamkan sekiranya dia membahaskan dirinya, dia akan menunjukkan telunjuknya ke hujung hidungnya, itu bermakna "saya" ataupun "aku". Jurukamera yang muda pula periang sedikit orangnya, tetapi sudahlah ditakdirkan, dia lebih dulu meninggal dunia.

Kemudian Shaw Brothers membawa beberapa orang jurukamera dan karyawan lain dari India pula. Unit juga bertambah menjadi tiga pasukan. Jururakam bunyi

pada masa itu terdiri daripada dua pemuda Cina, Chan Chew Tong dan Chong Chee Liat, dibantu pula oleh Yap Poh Kai dan seorang pemuda bernama Mustapha. Dalam perubahan-perubahan yang akan datang, jururakam bahagian bunyi ini tetap dikelolakan oleh juruteknik Cina dan Mustapha juga akhirnya dinaikkan pangkat menjadi jururakam, tetapi di bahagian teknik-teknik lain, seperti di bahagian suntingan filem, pada waktu itu dikerjakan oleh seorang yang bernama Wong Fun dan dibantu oleh Hayat Harris, tetapi kemudian datang penyunting India, H.R. Narayanan dan Hayat Harris yang sudah lama bertugas di situ tidak pernah dapat menduduki taraf penyunting yang sebenar.

Pelulis dan pengarah seni ataupun Art Director waktu itu dipegang oleh Pak Haniff, bapa kepada penyunting/pengarah Hussin Haniff. Setelah orang tua itu meninggal, beberapa orang dilantik menjadi pengarah seni ataupun pembantu pengarah seni, ada di antaranya dari pelukis tempatan seperti Rasul, Darwis dan Mustaffa Yassin, tetapi yang mengetahui bahagian itu kemudiannya ialah karyawan dari India seperti J.S. Anthony dan A.V. Bapat.

Memang sejak dari mulanya juga filem-filem tempatan memerlukan lagu-lagu yang dinyanyikan oleh para pelakon ataupun untuk ditarikan di dalam sesuatu filem, dan digunakan juga sebagai lagu latar. Maka untuk tugas ini MFP menggaji dua orang



pemuzik berpengalaman iaitu Yusof B dan Osman Ahmad. Sebelum mereka diberikan kerja tetap mengubah lagu di studio ini, lagu-lagu filem keluaran studio itu ada juga yang digubah oleh Ahmad Jaafar dari Radio Singapura dan Pak Zubir Said yang terkenal kemudiannya sebagai pencipta lagu kebangsaan Singapura "Majulah Singapura".

Sebagaimana yang diketahui, filem pada masa itu ialah dalam bentuk 35 mm hitam putih dan bidang yang digunakan ialah bidang yang disebut bidang *standard*, hampir berupa empat segi, bukannya seperti bidang *cinemascope* yang melintang panjang. Kerana studio itu ada mempunyai makmalnya sendiri, maka apa-apa penggambaran yang dibuat pada hari itu hasilnya dapat dilihat dalam bentuk yang digelar *rushes* pada petang esoknya.

Oleh kerana studio ini boleh menyelenggarakan penggambaran dua judul dalam satu masa, maka eloklah saya terangkan aturcara penggambaran di dalam sesuatu hari yang tertentu.

### Aturcara Penggambaran

Kita melihat contoh sewaktu B.S. Rajhans sedang mengarahkan filem *Anjoran Nasib* sementara S. Ramanathan sedang mengarahkan *Jiwa Lara*. Waktu itu studionya masih satu, jadi hanyalah sebuah set yang dapat dibuat pada satu-satu masa. Katakannya set yang ada untuk filem *Jiwa Lara*, maka acara penggambaran diatur khusus untuk pelakon-pelakon yang mengambil bahagian di dalam beberapa babak pada set yang sedia ada itu.

Setiap petang kerani studio yang menjaga urusan aturcara atau program akan berjumpa dengan pengarah dan penolong pengarah, meminta program penggambaran hari esok. Pengarah, setelah meneliti skripnya, akan mengaturkan artis-artis seperti Neng Yatimah, Osman Gumanti, Rokiah dan beberapa pelakon pembantu yang lain, serta empat atau lima pelakon tambahan lelaki dan wanita. Dia menerangkan juga apa-apa pakaian yang diperlukan

oleh para artis, juga barang atau peralatan yang perlu disediakan. Sekiranya ada babak makan atau minum, harus diberitahu supaya dapat dibuat persediaan membelinya. Setelah mendapat program dari Ramanathan, kerani itu akan menemui pengarah Rajhans pula untuk program penggambaran filemnya. Rajhans terpaksa memilih penggambaran di luar studio. Waktu itu tempat-tempat yang selalu digunakan ialah di Changi, di Taman Bunga Alkaf, di Mac Ritchie Reservoir dan beberapa tempat yang lain. Katalah lokasinya di Taman Alkaf; dia menyenaraikan babak yang artis-artisnya tidak mempunyai apa-apa peranan di dalam filem arahan Ramanathan, kerana sering juga, walaupun bintang utama hanya berlakon di dalam satu filem saja, kadang-kadang pelakon pembantu memegang peranan di dalam dua filem sekali.

Program kedua-dua pengarah itu ditunjukkan pula kepada pengurus studio untuk pengetahuannya, kerana dia juga perlu meneliti tentang perkembangan sesuatu filem serta menapis pula tentang keperluan-keperluan yang lain. Kemungkinan ada pengarah yang memerlukan barang yang susah dicari, yang mahal, ataupun bilangan pelakon tambahan yang ramai, dia terpaksa mengajak pengarah itu berkompromi demi menjaga biaya sesuatu produksi. Sekiranya ada keperluan yang kecil sekalipun dia terpaksa bersedia dengan kewangan untuk hari esok, kerana barang-barang seperti makanan dan minuman mestilah dibeli dengan wang tunai, dan bayaran untuk pelakon tambahan pun mesti dibayar secara harian.

Setelah pengurus mengesahkan program itu, kerani pun menaip beberapa salinan untuk diletakkan pada papan kenyataan umum agar diketahui oleh sekalian warga studio supaya masing-masing yang terlibat membuat persediaan. Selain daripada itu kerani juga menemui artis-artis yang disenaraikan untuk penggambaran. Sekiranya petang itu artis-artis ada di studio, mereka diminta menandatangani surat mengatakan sudah menerima program



S. SHAMSUDDIN




IBRAHIM PENDEK



WAHID SATAY



M. ZAIN



AHMAD NESFU



NYONG ABDULLAH



KUSWADINATA



IBRAHIM DIN



AZIZ SATAR

penggambaran itu dan sekiranya itu tidak ada, kerani menghantar jurupanggil atau messenger ke rumah tiap-tiap artis dan menyampaikan surat panggilan itu kepada mereka. Seorang yang ditentukan, juga disuruh mencari beberapa orang pelakon tambahan sebagaimana yang diperlukan oleh tiap-tiap pengarah.

#### **Pelakon Tambahan**

Mengenai pelakon tambahan ini, sebenarnya tukang cari tidak perlu pergi jauh. Beberapa orang yang memang sudah biasa jadi pelakon tambahan, boleh dikatakan setiap hari akan datang "mendeng-

ngendeng" ke studio, menunggu dekat warung yang berhampiran di situ. Jika ada peluang, mereka akan diberitahu supaya datang untuk beriakon hari esok.

Bayaran untuk pelakon tambahan pada waktu itu (1951), kalau hanya menjadi "pak pacak" atau "orang ramai" ialah sebanyak \$3 termasuk tambang dan makan. Kalau diberikan dialog sepatah dua, dia berhak dibayar \$4.50. Hanya beberapa tahun kemudian bayaran ini dinaikkan sedikit, ada yang mendapat \$5, \$7 dan lebih daripada itu bergantung kepada corak peranannya.

Selain daripada mereka yang datang



Dua babak dari filem  
keluaran MFP. AZIZ  
JAAFAR dan AZIZ  
SATAR dalam filem  
"JERITAN BATIN",  
dan NORMAH ZAINAL  
dengan IBRAHIM  
HASSAN dalam  
"DAHAGA".



ke studio, ada pula pusat-pusat atau tempat yang tertentu untuk mencari pelakon tambahan, misalnya dekat taman hiburan New World, dan di Geylang Serai. Bahkan ada sebuah kedai kopi di penjuruan Jalan Joo Chiat yang digunakan sebagai tempat perkumpulan dan tempat pesan-memesan bagi "orang-orang seni" itu.

Keesokan paginya studio itu kelihatan sibuk, satu unit membuat persiapan untuk keluar, dan satu unit lagi akan mengadakan penggambaran di dalam set di Studio Nombor 8.

### Penggambaran Luar Studio

Pada awal tahun 50-an itu, sekiranya penggambaran dibuat di luar studio, para artis dan karyawannya akan naik lori. Pihak studio menyediakan sebuah lori biasa yang bertutup dengan zink dan dilengkapi dengan bangku panjang di kiri kanannya, di sinilah para artis dan petugas akan duduk. Selain daripada artis dan petugas, lori itu juga penuh dengan alat-alat rias dan pakaian untuk penggambaran sekali, ditambah pula tempat itu dimuatkan lagi dengan alat-alat penggambaran seperti kamera, tripod, rel untuk dolly bagi gambaran bergerak, payung, papan pemidang, pemantul sinar atau reflector dan lain-lain lagi.

Sekiranya pelakon tambahan ramai maka satu lori lain akan disewa, lori biasa yang terbuka saja. Mereka akan duduk ber-

longgok seperti lembu yang hendak diantar ke tempat sembelih. Sekiranya hujan di tengah jalan, barulah mereka bergesa-gesa menarik kembes dan duduk mencangkung beramai-ramai di bawah kembes itu. Hanya selepas setahun dua kemudian barulah studio ini membeli sebuah van dan artis-artis dibawa ke lokasi dalam keadaan yang lebih selesa sedikit.

Artis dan juruteknik yang pergi ke tempat penggambaran di luar studio diberi duit untuk makan, seringgiti seorang, tetapi bagi pelakon tambahan, duit maknanya termasuk dalam bayaran hariannya, jadi kalau ada yang mahu berjimat terpaksalah membawa bekal sendiri.

Makanan pula terpaksa dipesan atau ditugaskan seseorang membelinya dengan cara dibungkus. Biasanya penjaja pakaian akan disuruh pergi membelinya. Sampai waktu berhenti makan, masing-masing akan berselera mencari tempat makan sendiri.

Tentang minum, memang disediakan satu timba atau tempat air yang besar, diisi air dan air batu dengan beberapa cawan atau gayung plastik. Jarang sekali waktu makan itu mereka meninggalkan tempat lokasi dan pergi ke kedai makan, kerana cara begini akan menghabiskan banyak masa. Apabila penggambaran dibuat di luar masing-masing mengejar matahari dan menggunakan kesempatan waktu panas seberapa yang dapat. Pernah juga apabila sampai ke lokasi, cuaca terus berubah

menjadi redup. Masing-masing akan duduk menunggu cuaca berubah menjadi terang. Sekiranya pengarah membuat keputusan bahawa penggambaran tidak dapat diteruskan, mereka akan mengemaskan kembali semua barang dan pulang ke studio.

Satu kebaikan membuat penggambaran di dalam studio ialah jurukamera tidak perlu menunggu cahaya matahari yang baik, sebab segala-galanya menggunakan cahaya lampu. Babak malam pun boleh diambil pada waktu siang kerana jurukamera akan membuat pencahayaan meniru rupa malam, tetapi sekiranya lokasi di luar studio memerlukan waktu malam, terpaksa penggambaran dibuat pada waktu malam. Walaupun ada teknik membuat gambaran malam pada waktu siang di luar studio tetapi cara ini boleh dikatakan hampir tidak pernah dibuat.

Mari kita melihat sebentar bagaimana penggambaran di lokasi dilakukan. Kita melihat bagaimana Rajhans bekerja. Kamera diletakkan menghala ke suatu arah tempat seorang pelakon akan beraksi. Kamera dilindungi oleh sekaki payung yang besar supaya filem yang tersimpan di dalam *magnesium* tidak tercaat oleh bahang panas matahari.

Katakanlah babak yang hendak digambarkan menunjukkan pelakon utamanya sedang menyanyi. Lagunya telah lebih dahulu dirakamkan dan dipindahkan kepada filem. Waktu itu tape atau pita suara



M. ZAIN, SARIMAH,  
DAYANG SOfIA dan  
AZIZ SATAR dalam  
filem komedi arahan  
OMAR RDJIK berjudul  
"PILIH MENANTU".  
(MFP)





Pelakon Filipina yang terkenal PANCHO MAGALONA berakron dalam filem yang berjudul "AZIMAT" ikut berakron DAENG IDRIS, JINS SHAM-SUDDIN dan SITI TANJUNG PERAK





Pose yang menarik  
dari RAHMAH  
RAHMAT dan  
SARIMAH



megnetik seperti yang ada sekarang ini belum digunakan lagi. Sebelum sesuatu penggambaran di buat, artis disuruh melatinkan lakonannya, bergerak dari arah mana dan menghala ke mana, bila perlu berhenti, sambil menyanyikan lagu dan berakhir di bahagian yang sudah direncanakan.

Pembantu jurukamera akan mengukur jarak artis dari kamera dengan menggunakan tali ukur. Para petugas cahaya diarahkan oleh jurukamera memantulkan cahaya matahari dengan papan reflektor ke arah artis. Sering juga artis merungut tidak tahan kerana pantulan sinar matahari itu sangat kuat memukul muka dan matanya, walau bagaimanapun dia disuruh bersikap tabah sambil menunjukkan air muka yang sesuai dengan kehendak cerita.

Jurubunyi akan memainkan lagi bahagian-bahagian yang diperlukan itu berulang-ulang kali semasa latihan itu. Artis pula akan membuka mulut mengikut seni kata lagu seolah-olah dialah yang menyanyi padahal lagu itu dirakam dengan menggunakan suara orang lain. Penolong pengarah pula mengawasi gerak mulut artis. Sekiranya tidak sesuai syor itu tidak boleh dipakai.

### Cara Rajhans Bekerja

Pengarah Rajhans misalnya mempunyai satu tabiat waktu dia mengarah. Dia akan duduk memegang suis penggerak kamera. Apabila artis sedang beraksi dia kadangkala seperti tidak memerhatikan, dia seperti mejamakan matanya seolah-olah dia melihat gerak-geri artis itu di dalam otaknya dan membayangkan lakonannya melalui rentak suara dan percakapannya. Ada berbagai-bagai cerita tentang pengarah Rajhans ini diceritakan oleh artis-artis yang pernah berlonak di dalam filemnya.

Cerita-cerita begini memang sering terjadi apabila para artis berkumpul, ada-ada saja cerita yang mereka bualkan, bukanlah dengan niat mencerna atau menghina tetapi menonjolkan sesuatu keadaan yang lucu, yang aneh dan yang istimewa tentang seseorang yang lain seperti pengarah, pelakon atau pegawai studio.

Rajhans walaupun sudah bertahun-tahun di sini tetapi tidak dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik terutama apabila menerangkan sesuatu cara lakonan kepada seseorang artis.

Bagi satu babak yang hendak difilemkan pernah dia mengarahkan kepada seorang artis dengan kata-kata yang lebih marah sama dia, tetapi jangan banyak marah, sikit marah ... and then ... you tengok dia macam benci ... you nangis, tapi jangan betul-betul nangis, macam mau nangis O.K."

Berbalik kepada syot tadi, penolong pengarah akan mengatakan latihan sudah sempurna dan syot bolehlah diambil. Penjaga papan tanda atau *clapstick* sudah pun menulis tajuk, cerita pada papan tanda itu, tarikh penggambaran, bilangan babak, syot dan *takenya*. Dia berdiri di depan kamera memegang papan itu dan melaukkan suara kepada jurukamera "klap" (*clap*),



NENG YATIMAH dan YUSUF LATIF dalam filem "SERUAN DARAH" keluaran MFP

P. RAMLEE dengan isterinya NORIZAN





Dua gambar dari filem  
"MAMBANG MODEN"  
satu-satunya filem jenaka  
arahan JAMIL SULONG.  
SAADIAH dengan OMAR  
SUWITA, DAYANG SOFIA  
dengan AZIZ JAAFAR





OMAR HITAM atau  
UDO OMAR dan  
MAK DARA



bererti jurubunyi menghidupkan alat peram dan kamera akan merakamkan tulisan pada papan itu sebagai panduan kepada penyunting. Pengarah seterusnya akan bertanya apakah semuanya sudah sedia? Kalau penjaga bunyi mengatakan "sedia", demikian juga artis, pengarah pun akan bersuara lagi, "Ready ... go".

Dalam menggambarkan adegan nyanyian *playback* ini, mesin yang memainkan lagu filem itu bersambung atau serantau dengan suis yang menjalankan kamera, jadi apabila jentera bunyi dihidupkan kamera juga akan berputar dengan sendirinya. Sistem ini membolehkan gerakan filem yang menangkap gambar, iaitu sebanyak 24 petak akan terhasil pada gerak bibir dan lain-lain aksi artis apabila disesuaikan rakaman gambar dengan suara nanti. Di dalam istilah filem ini disebut *synchronisation*.

Apabila sampai setakat syot yang dikehendakinya, ataupun ada sesuatu kesilapan, pengarah akan menyeru "cut". Apabila terjadi kesilapan, atau ketidakpuasan hati antara pengarah, artis ataupun jurukamera, maka syot itu akan diambil semula, sekali, dua kali atau beberapa kali hingga masing-masing berpuas hati.

Tiap-tiap syot itu akan dicatat oleh jurucatat atau *continuity girl* di dalam cartanya. Catatan itu termasuk nombor babak, bilangan syot dan pengambilan atau *take* serta bentuk syot itu dari jarak jauh, dekat atau sederhana, berapa panjang filem yang digunakan untuk sesuatu *take* sama ada syot itu O.K. (baik) atau N.G. (No Good) dan beberapa catatan yang lain untuk beliau mengingat sambungan-sambungan yang berikut.

Kamera akan diubah pula untuk pengambilan dari jurusan lain mengikut kemahuan pengarah, hinggalah selesai babak itu difilemkan. Biasanya jikalau masih banyak waktu, mereka akan menggambarkan pula babak yang lain sekiranya babak itu terjadi di lokasi yang sama mengikut jalan ceritanya.

### Penggambaran dalam Studio

Mari kita lihat penggambaran di dalam stu-

dio. Katakanlah set pada hari itu menunjukkan ruang tamu di rumah seorang yang sederhana tarafnya. Di dalam babak ini Osman Gumanti sedang berbicara dengan Rokiah. Percakapan mereka itu akan dirakamkan oleh jurubunyi yang duduk jauh dari kawasan penggambaran itu. Sebelum dibuat bangunan studio yang baru, alat-alat perakam studio MFP ini diletakkan dalam sebuah lori khas.

Jurubunyi akan melihat kedudukan para artis dalam tiap-tiap syot yang hendak diambil, kemudian dia akan menggantungkan mikrofon tidak berapa jauh di atas kepala artis. Biasanya mikrofon itu digantung pada sebatang joran panjang yang boleh digerakkan ke kiri, ke kanan, ke atas dan ke bawah. Gerak-gerak ini akan dikawal oleh pembantu jurubunyi. Bagi meletakkan mikrofon, jurubunyi memerlukan jarak, yang sesuai dari orang yang bercakap. Selalu pula terjadi, cahaya lampu yang dipasang oleh jurukamera untuk artis, akan memukul pada batang joran ataupun mikrofon hingga timbul bayang-bayangnya pada muka dan badan artis ataupun pada dinding dan semua ini jelas dilihat di dalam kamera.

Di sinilah perlu ada kompromi ataupun saling pengertian antara jurukamera dan jurubunyi kerana masing-masing mahukan hasil yang baik. Kalau kesulitan ini sudah diatasi latihan bagi artis akan dijalankan, serupalah sebagaimana yang dibuat oleh unit penggambaran dengan pengarah Rajhans tadi.


Kerana pengarah Ramanathan juga belum begitu mahir berbahasa Melayu, dialog asalnya yang telah dibuat dalam bahasa Inggeris akan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh penolong pengarah. Jadi, penolong pengarahlah yang menyenak sama ada percakapan artis ini tidak salah dari teks dialog ataupun tidak lari dari tujuannya.

Apabila latihan dan segala-galanya sudah memuaskan, pengambilan syot akan dibuat. Pada waktu itu loceng isyarat dibunyikan bagi memberitahu sekalian orang



M. ZAIN dan UDO OMAR selalu memegang peranan lucu.

BAT LATIFF








**NORMADIAH dan MAK DARA** dalam **AKSI KUCING** arahan **OMAR ROJIK** dan **ZAITON** sebagai penyanyi dalam filem yang sama.





HAJI ARSHAD



HASNAH ALI

yang ada di sekitar studio itu bahawa penggambaran yang menggunakan rakaman suara akan dibuat, jadi masing-masing mestilah senyap supaya kesan asing tidak masuk ke dalam rakaman. Kali ini sebelum pesawat kamera digunakan, jururaga papan klap berdiri di hadapan kamera memegang papan itu dengan mencekik bahagian atasnya dan bersedia untuk menepuknya ke bawah supaya berbunyi seperti satu ketukan.

Pengarah akan bertanya "Ready"? Apabila semua bahagian menjawab sedia, pengarah akan memberi perintah, "Sound... Go!" Daripada tempatnya jururakam akan menjalankan pesawat jentera rakaman dan menyeru, "Running!" Pengarah akan menghidupkan suis kamera yang dipegangnya. Kabel suis ini bercantum pada kamera dan kini filem di dalam kamera akan berputar. Apabila jurupapan klap mendengar filem

dalam kamera sudah berputar, dia akan bersuara "Jiwa Lara, scene 20, shot 5, take one!" terus menepuk papan itu dan lari keluar dari depan kamera. Seketika lagi pengarah pula bersuara, "Action!" Barulah artis-artis berlakon sebagaimana yang dibuat di dalam latihan tadi hingga pengarah menyeru "Cut!" Sistem merakamkan suara serentak pada waktu penggambaran ini, ataupun disebut rakaman langsung, berjalan beberapa lama, dari menggunakan filem dengan cara rakaman optikal kalau disebut istilah perfilemannya, hinggalah sampai ke masa menggunakan pita magnetik.

Pada suatu waktu kemudian MFP akan mengubah sistem rakaman langsung ini kepada sistem isi suara/bunyi, meniru sistem yang dibuat oleh Hong Kong. Di Barat sistem itu disebut sistem Itali kerana mungkin orang Itali yang lebih dahulu

menggunakan sistem isi suara yang kini ditiru oleh pembuat filem di sebelah rantau ini seperti negeri Thai, Filipina, Indonesia dan lain-lain.

### Peralatan Filem

Mengingat kembali keadaan peralatan perfileman di studio MFP sewaktu saya mula bertugas di sana (sejak November 1951), nyatalah semuanya buatan lama, hinggalah ada yang secara berलucu menyebutnya sebagai antik dan perlu dihantar ke muzium saja. Kamera 35 mm jenama Mitchell yang banyak digunakan oleh studio-studio di Barat, tetapi umurnya sudah cukup lama, kalau baik pun keadaannya mungkin kerana sudah dihantar untuk dipermudahkan semula dengan diucui dan diperbarukan catnya serta diganti segala skru dan alat-alat sampingan yang sudah haus dan







Kiri, JINS SHAMSUDDIN dan ZAITON, dan atas, ROZITA, ZAINON FIJI, SAAMAH dan HAJI MAHADJI dalam filem "BUDI DAN DOSA" arahan JAMIL SULONG (MFP).



K. FATIMAH



HABSAH



SAAMAH



ZAINON FUJI

longgar. Sepanjang ingatan saya, hingga studio itu dibubarkan dalam tahun 1967 tidak ada kamera yang betul-betul baru yang digunakan. Ada beberapa buah kamera yang lama ini hingga pada tahun 1981 saya lihat masih tersimpan di Studio Merdeka di Ulu Klang. Kamera ini bagaimanapun tidak digunakan lagi kerana pada masa ini hampir kesemua penerbit menggunakan kamera jenis Arriflex.

Selain daripada itu kalau ada tambahan atau penggantian perkasas di studio ini, boleh dikatakan kebanyakannya bekas dipakai di Studio Hong Kong. Di dalam perkembangan produksi filemnya, MFP terus membina studio tambahan di kawasan yang berhadapan dengan Studio Nombor 8 itu. Bangunan ini apabila siap disebut Studio Nombor 9 dan dibahagikan menjadi dua pentas ataupun stage. Studio Nombor 8 disebut pentas "A", Studio Nombor 9 pentas "B" dan "C". Akhirnya akan didirikan lagi satu bangunan di hujung jalan yang menuju ke Studio Nombor 9 itu dan akan dipanggil Studio 9B ataupun pentas "D".

Apabila siap keseluruhan bangunan ini bangunan pejabat lama di kawasan Studio Nombor 8 itu telah diroboh, digantikan dengan bangunan baru. Di kawasan ini terdirilah bangunan pejabat di bahagian kiri pintu masuk bangunan untuk menempatkan pengurus studio, pegawai eksekutif, pejabat bendahari, bilik rehat atau bilik tempat menunggu dan bilik penyuntingan.

Di bekas tapak rumah lama itu kemudiannya didirikan bangunan dua tingkat. Di sebelah bawahnya ada bilik mesyuarat, bilik rakaman, bilik projektor dan sebuah pawagam untuk melihat *rushes* serta lain-lain filem, termasuk juga digunakan sebagai tempat merakam lagu, isi suara dan lain-lain kerja rakaman akhir.

Di bahagian atas pula ada beberapa bilik untuk pejabat pengarah dan pembantu-pembantunya. Di sebelah kanan di belakang studio Pentas "A" yang tidak dipinda apa-apa pun, didirikan pula bangunan makmal filem hitam putih dan di belakang sekali bangunan menyimpan filem.

### Studio Nombor 9

Studio Nombor 9 apabila siap, menjadi sebuah bangunan yang besar dan panjang. Sebelum masuk ke pentas penggambaran, di sebelah kirinya terdapat bilik menyimpan



**BARJAN** sebagai seorang pelukis dalam filem **JAMIL SULONG "BIDASARI"**.

alat-alat lampu atau bilik juruelektrik. Di sebelah kanannya merupakan bilik juru-kamera dan tempat menyimpan semua peralatan kamera. Di belakang bilik ini ialah bilik rias wanita, kemudian berselangan bilik air, ada pula bilik rias lelaki.

Di penjuru bangunan di sebelah bilik rias lelaki ada sebatang pokok kayu ara penuh dengan akar jurainya. Sekiranya kita berjalan terus dan membelok ke kiri ada pula bilik menyimpan pakaian dan seterusnya bilik pelukis dan pengarah seni dan akhirnya bilik pengarah muzik.

Kerana besar dan panjangnya bangunan Studio Nombor 9 ini, beberapa set boleh dibina serentak. Kebetulan di bahagian tengah di antara kedua-dua pentas disediakan pula tempat berupa kolam empat segi yang boleh ditutup apabila tidak digunakan. Sekiranya ada babak tertentu, tempat ini





Empat gambar dari filem  
"SAMSENG" arahan  
Raymon Estella,  
dilakokkan oleh AZIZ  
JAAFAR, A. RAHIM dan  
ROSNANI





AHMAD HAMID (AHMAD C)



SHARIFF OOL



ALI FUJI



M. RAFAE

bolehlah menjadi kolam mandi atau sebagainya. Sewaktu saya mengarahkan filem *Isi Neraka* tempat ini digunakan sebagai tempat Salleh Kamil ditelan bumi. Tempat ini juga saya manfaatkan sebagai kolam mandi dalam filem *Bidasari*.

Bilik jururakam di bangunan ini terletak di bahagian lotengnya tetapi apabila sistem pita magnetik digunakan, bilik rakaman ini sudah tidak ada manfaatnya lagi. Apabila bangunan Studio 9B siap, selain pentas "D" ada pula bangunan stor bagi menyimpan segala peralatan atau *props*. Di belakangnya dibina juga tempat tukang-tukang kayu membuat set dan beberapa peralatan yang diperlukan.

Di samping Studio 9 dan 9B ada kawasan lapang yang kadangkala digunakan bagi membina set luar studio. Bahkan kawasan lapang di sebelah Studio Nombor 9 itu dibina set kekal berbentuk sebuah gua batu yang digunakan di dalam beberapa jenis filem.

### Rumah Berek

Selain daripada bangunan studio syarikat ini membina pula beberapa unit rumah berek. Bangunan ini di sebelah dalam jalan yang disebut Boon Teck Road. Jalan ini tidak pernah dibaiki, penuh dengan petak dan lubang-lubang. Kalau kita naik kereta seperti terasa naik kapal yang dipukul gelombang. Ramai pemandu teksi yang tidak mahu masuk ke jalan itu kerana khuatirkan sesuatu akan terjadi pada keretanya.

Bilik-bilik di berek ini nanti akan dibagikan kepada kakitangan syarikat itu seperti artis dan karyawan-karyawan yang lain yang difikirkan oleh pihak pengurus harus diberi tempat kediaman. Saya juga mendapat peluang tinggal di dalam salah sebuah bilik ini.

K.M. Basker pengarah yang akan saya bantu itu datang dari bahagian Malabar, India. Orangnyanya berbadan sederhana dan berkaca mata. Dia dibesarkan dan pernah bersekolah di beberapa tempat di Tanah Melayu kerana mengikut bapa saudaranya seorang pegawai kerajaan.


Katanya dia pernah tinggal di Segamat, juga di sebuah tempat tidak jauh dari Temerloh dan di Kuala Lumpur. Setelah mengarahkan beberapa filem di Studio MFP dia berpindah pula ke studio Cathay-Keris dan kemudian membuat perusahaan

sendiri di studio Cinecraft iaitu bekas Studio Nusanantara Film Productions di Bukit Timah. Dia juga kenalan baik pengarah L. Krishnan. Kini beliau membuka syarikat membuat filem iklan yang bernama Tele Film di Singapura.

Setelah cerita filem yang bakal diarahkannya itu diluluskan oleh pihak penerbit, skrip yang ditulis di dalam bahasa Inggeris akan diserahkan kepada saya supaya diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.

Sebelum ditugaskan bekerja dengan beliau saya terlebih dahulu menjadi penolong sementara kepada pengarah S. Ramanaathan. Saya juga berkesempatan melihat Krishnan dan Rajhans pengarah, maka bentuk skrip filem itu mudahlah saya fahami walaupun masing-masing pengarah itu ber-

SARIMAH dalam filem  
"DARAH MUDA"  
arahan Jamil Sulong





Beberapa pandangan lucu dari filem komedi AZIZ SATAR dalam filem "KAKI KUDA" dan "SIAPA BESAR" keluaran MFP.







IBRAHIM PEDEK dapat  
peluang pergi ke  
HOLLYWOOD berlakon di  
samping Rock Hudson  
dalam filem yang berjudul  
"SPIRAL ROAD".

lain cara menyusun skripnya. Ada pengarah yang hanya menyediakan skrip untuk babak yang hendak difilemkan hari itu sahaja lembar demi lembar. Tetapi hal ini jarang berlaku. Pengarah-pengarah yang lain biasanya menyediakan skrip yang sudah lengkap, tetapi tidak banyak salinannya, satu untuknya dan satu untuk penolongnya. Artis-artis yang lain tidak pernah mendapat skrip yang lengkap, kadang-kadang artis yang utama hanya diberi salinan babak yang bakal difilemkan hari itu sahaja. Bagi pelakon-pelakon yang mempunyai peranan kecil ataupun sepeleah dua dialog, hanya diberikan cara lakonan ataupun dialognya waktu syotnya akan diambil tetapi dilatihkan dahulu beberapa kali.

#### Tugas Penolong Pengarah

Tugas penolong pengarah sebenarnya banyak, selain daripada menterjemahkan skrip, ialah menaipnya. Kerana saya selalu beranggapan pelakon utama harus mempunyai skrip, saya selalu menaip sekurang-kurangnya empat salinan: Muka atas untuk pengarah salinan kedua untuk saya dan dua salinan lagi untuk pelakon utama lelaki dan wanita. Bahkan untuk pelakon-pelakon pendukung yang ada dialog yang panjang saya buat juga salinan untuk mereka, tetapi hanya pada babak yang mereka lakonkan sahaja. Membuat salinan skrip untuk tiap-tiap pelakon tidak digalakkan,

saya percaya satu daripada sebabnya ialah pihak studio atau pengarah tidak mahu skripnya dibaca oleh sebarang orang.

Walau bagaimanapun beberapa tahun kemudian studio membeli juga sebuah mesin penyalin skrip yang menggunakan spirit. Setiap lembar skrip yang dilekatkan pada mesin itu, boleh dibuat beberapa salinan, walaupun mata hurufnya tidak berapa terang, tetapi memadai juga daripada terpaksa menaip berhelai-helai salinan. Mesin penyalin ini bukanlah mesin stensil ataupun fotokopi seperti yang ada sekarang. Orang yang selalu menguruskan salinan di mesin itu ialah H.M. Busra (Almarhum) yang bertugas sebagai penolong di bilik kerani kewangan dan menjadi pelakon di MFP.

Skrip filem biasa mempunyai antara 60 hingga 100 babak. Sebagai contoh, katalah cerita itu hendak menggambarkan satu kejadian yang berlaku dari halaman sebuah rumah sampai ke ruang tamu dan dari situ terjadi pula sedikit peristiwa di dapur. Sekiranya ketiga-tiga tempat atau lokasi ini tidak dapat dibuat dalam satu set kerana kekurangan ruang, terpaksa lah dibahagikan menjadi tiga set yang dibuat pada waktu yang berlainan. Untuk menyenangkan menyusun skripnya, babak di luar dipecahkan menjadi tiga babak ataupun lebih, bergantung kepada beberapa kali diulangi kejadian yang berlaku di tempat-tempat yang tersebut tadi.



SAADIAH dalam "PANJI SEMERANG"

Sebelum cerita itu disusun menjadi satu skrip yang lengkap dengan kata bual dan arah-arahannya, satu ringkasan cerita harus dibuat sebagai panduan, kemudian dibuat pula pecahan cerita itu kepada babak-babak dengan menyebutkan pula, nombor babak, di mana tempatnya, bila masanya (siang, malam, pagi, petang atau sebagainya), siapa watak penting yang ada di dalam babak itu, apa pula *prop* yang diperlukan dan akhirnya ringkasan kejadian yang berlaku di dalam babak itu. Pendeknya dari rangka skenario itu sudah dapat dilihat







Kiri, MAK MENAH YEM dengan ZAITON dan di atas ialah AHMAD DAUD dan lain-lain artis dalam filem "PUSAKA PONTIANAK" (MFP).

cerita itu sudah dipecahkan hingga menjadi beberapa babak keseluruhannya.

Dari rangka itu barulah dimasukkan butiran lain seperti dialog dan sebagainya. Ada pengarah yang menyertakan pecahan syotnya di dalam skrip lengkap itu, tetapi banyak pula yang menyimpan cara pengambilan itu untuk pengetahuannya sahaja, hanya apabila sudah sampai ke lokasi barulah ia menerangkan syot yang dikehendaknya kepada jurukamera dan penolong pengarah.

### Bahan Cerita

Cerita-cerita yang dibuat kebanyakannya adalah dedakan daripada cerita pentas bangsawan atau Sandiwara, atau dari filem India. Cina dan Barat yang diubahsuai. Kadang-kadang ada juga daripada legenda atau dongeng asing dan tempatan, ataupun cerita yang dibuat dengan cara mengumpulkan idea yang diberi oleh beberapa pelakon atau kenalan. Jalan ceritanya senang dan tidak pula banyak perbezaannya, cuma cara penyampaian dan mengolah plot saja yang berlainan.

Cerita-cerita bangsawan atau dari filem India, selalunya berbentuk purba atau *costume play*. Certanya berlaku pada zaman purba di India atau di Timur Tengah atau di atas kayangan seperti filem *Dewi Murni*, *Raja Sehari*, *Takdir Ilahi*, *Aladin*, *Nilam dan Nasib*.

Cerita daripada Sandiwara atau karangan asli biasanya berbentuk drama moden. Tema yang biasa ialah tentang cinta, pertentangan miskin kaya, baik jahat, orang kota dengan orang desa, soal taraf dan maratabat seperti filem *Sejoli*, *Penghidupan*, *Antara Senyum dan Tangis*, *Patah Hati*, *Miskin*, *Sendarah* dan lain-lain lagi. Tema ini memang universal, sekarang pun masih banyak digunakan. Kalau berubah pun ialah perwatakan dan lokasi serta penggambarannya saja.

### Lagu-lagu Filem

Kadang-kadang jalan ceritanya tidaklah begitu panjang sangat, tetapi di dalam sese-

buah filem itu disertakan beberapa lagu untuk dinyanyi dan ditarikan, pendeknya kalau dikumpulkan bahagian nyanyian dan tarian sahaja mungkin satu pertiga daripada seluruh filem itu. Tiap-tiap satu lagu memakan masa di antara tiga hingga lima minit, jadi kalau dalam sebuah filem ada tujuh buah lagu, hitung panjang sudah ada lebih 30 minit, sedangkan panjang sebuah filem itu antara 90 hingga 100 minit saja.

Pembuatan filem-filem dongeng itu pula memberikan peluang kepada pengarah menggunakan beberapa cara *trick shot* atau *special effect* seperti sayur boleh bergerak dengan sendirinya, permaidani boleh terbang, jin di dalam botol, orang kelihatan kembar dan berbalas cakap dan bermacam-macam lagi. Pada zaman permulaannya dulu, penonton memang tertarik dengan *trick shot* dan gambaran yang agak ganjil itu tetapi apabila filem Barat menunjukkan *special effect* yang lebih sofistikated maka *trick shot* yang dibuat dengan cara kasar dan asal boleh saja, menjadi bahan cemoohan penonton yang kini sudah lebih kritis.

Golongan intelektual dan pengkritik sering menyentuh tentang adanya lagu-lagu dan tarian di dalam filem tempatan kerana babak-babak itu seperti sengaja diadakan dan tidak kena pada tempatnya. Sedangkan perkara seperti itu tidak pernah terjadi di dalam kehidupan sehari-hari. Para pengulas itu tidak silu-silu mengatakan filem-filem tempatan terlampau keindahan dalam cara penyampaian.

Tetapi kritikan seperti ini tidak pernah dipedulikan oleh pihak penerbit atau pengarah. Bagi mereka, penonton biasa inginkan hiburan, mereka tidak begitu kritis terhadap cara persembahan, mereka puas dengan jalan cerita yang mudah dan terhibur dengan lagu-lagu dan nyanyian itu. Sekalipun mereka tidak suka ceritanya, mungkin ada penonton yang datang kerana menyukai lagunya. Selain daripada itu para penerbit juga dapat hasil sampingan dari jualan piring hitam lagu-lagu filem itu.

Pihak artis dan karyawan pula tidak dapat berbuat apa-apa dengan kritikan itu

kerana mereka tidak punya kuasa membantah. Mereka diberi gaji untuk melakonkan apa saja cerita yang diingini oleh penerbit dan melakukan babak babak yang diaturkan oleh pengarah. Sekiranya mereka tidak suka atau membantah, peranan mereka boleh digantikan dengan orang lain yang mahu melakukannya. Selain daripada itu mereka akan terlibat dengan kesalahan melanggar perjanjian yang dibuat dengan majikan dan boleh pula membawa beberapa akibat yang tidak menguntungkan pihak artis atau karyawan itu sendiri.

Kenapa cerita tidak diambil daripada novel? Salah satu sebabnya mungkin kerana penerbitnya berbangsa asing dan tidak dapat merasakan atau menjwai isi novel, jadi tidaklah ditugaskan pengarah membuat cerita dari novel. Malah yang menjadi kebiasaan, ialah cerita yang disadur daripada filem asing. Penerbit mungkin sukakan temanya ataupun sudah terbukti tema itu ada tarikan *box office*.

### Kontrak Artis

Artis yang mengikat kontrak dengan MFP – ataupun dengan Merdeka Film – dikehendaki menandatangani satu perjanjian yang diatur menurut kepentingan majikan atau syarikat itu. Biasanya sesuatu kontrak itu berjalan selama tiga atau lima tahun dan majikan berhak pula melanjutkan kontrak itu apabila habis tempohnya dengan syarat dan bayaran yang sama. Di antara syarat-syarat dan tujuan kontrak itu adalah seperti berikut:

1. Tidak boleh mengadakan sebarang pementasan tanpa kebenaran bersurat daripada syarikat.
2. Tidak boleh memberi sebarang pendapat kepada sebarang pihak mengenai dengan filem yang dilakonkannya, atau apa-apa rahsia syarikat tanpa izin bertulis.
3. Mesti menghadirkan diri untuk latihan, tugas-tugas perfileman, rakaman dan

sebagainya pada masa dan apabila dikehendaki.

4. Tidak boleh membuat apa-apa perjanjian atau berlakon dengan syarikat filem lain semasa dalam kontrak dengan syarikat ini dan juga dalam masa enam bulan selepas berhenti daripada ikatan kontrak.
5. Tidak boleh membenarkan gambarnya digunakan sebagai publisiti oleh sebarang orang atau syarikat tanpa kebenaran bertulis.
6. Harus berlakon dalam sebanyak tiga filem sekian tahun ia mengikat kontrak dengan bayaran sebanyak sekian ringgit sebulan atau sekian ringgit bagi satu filem.
7. Sekiranya artis berkenaan tidak dapat berlakon dalam sekurang-kurangnya tiga filem dalam jangka waktu sekian tahun ini, terpaksa menyambung tugasnya hingga selesai bilangan filem tersebut, tanpa apa-apa bayaran.
8. Sekiranya sudah habis tempoh ikatan perjanjian, tetapi ada bahagian filem yang dilakonkannya belum selesai atau perlu dipindah ataupun terpaksa diambil semula, dia mestilah sanggup menyempurnakannya tanpa apa-apa bayaran tambahan.
9. Sekiranya melanggar syarat-syarat yang dikenakan, syarikat boleh mendakwa dan meminta ganti rugi.
10. Syarikat berhak memberhentikan artis tersebut dari kontraknya jikalau didapati dia tidak memuaskan.
11. Untuk pakaian biasa di dalam filem-filem lakonannya, artis haruslah menggunakan pakaian sendiri.

Berdasarkan syarat-syarat di atas ternyatalah seseorang artis itu tidak boleh mengadakan sebarang persembahan tanpa izin bersurat dari majikan tetapi syarat ini selalu dilanggar oleh para artis. Apabila mereka telah menjadi terkenal terdapat artis-artis ini yang dipanggil oleh penganjur

penganjur pertunjukan pentas, parti-parti politik dan sebagainya untuk membuat pertunjukan, kerana dengan adanya mereka sebagai daya menarik tentulah ramai yang akan datang menonton pertunjukan itu.

### Pertunjukan Pentas

Pemergian artis ini, biasanya ke Semenanjung, adalah tanpa pengetahuan pihak pengurus studio. Selain daripada itu, pihak artis pula akan hanya memberi kesanggupan sekiranya dia tidak ada apa-apa acara penggambaran pada hari dia dijemput untuk pementasan itu. Biasanya apabila selesai saja sesuatu pementasan artis berkenaan akan segera balik ke Singapura. Memang akan menjadi masalah sekiranya ada acara penggambaran dan artis yang perlu ada tidak hadir, kemungkinan acara penggambaran hari itu dibatalkan dan ini merugikan syarikat kerana boleh jadi pada hari itu banyak pelakon tambahan yang dipanggil, beberapa persiapan telah disediakan kerana syarikat terpaksa membayar semuanya walaupun tidak dibuat apa-apa penggambaran. Pembatalan penggambaran sehari pun akan dikira sebagai tergendala untuk mencapai matlamat hari selajanya filem itu. Ketidadaan artis yang terlibat itu akan dipersoalkan oleh pengarah, sampai kepada pengurus studio dan mungkin juga sampai ke pengetahuan ibu pejabat syarikat, iaitu kepada tauke atau penerbit.

Memang pernah terjadi pengurus studio menerima aduan dari pegawai pawagam syarikat pemilik studio dari pekan ataupun bandar artis itu mengadakan pementasan. Artis itu akan dipanggil ke pejabat pengurus dan akan terjadilah soal-menysoal yang kadang-kadang boleh membawa kepada kerucingan.

Pengarah studio pada waktu itu ialah Encik Kwek Chip Jian yang berasal dari Palembang. Dia menggantikan Encik Shaw Vee Ngok apabila studio ini berubah wajah. Dia pandai berbahasa Melayu dan menggunakan huruf 'R' dengan bunyi 'GH' sebagai orang di Palembang. Sebenarnya



Sebuah adegan dari filem  
"ANAKKU SAZALI"  
arahan PHANI  
MAJUMDAR.

Gambar kanan:  
BABJAN mengangkat BAT  
LATIFF dalam filem  
"SINGAPURA DILANGGAR  
TODAK". (MFP)





B.N. RAO



V. GIRIMAJI



K.R.S. SHASTRY

beliau seorang yang baik hati tetapi terpaksa bersikap tegas dan kadang-kadang berlagak sebagai seorang pengurus yang marah, apabila ada artis yang melanggar aturan perjanjiannya ataupun lain-lain penyelewengan. Selalunya apabila berlaku perkara seperti ini, dia akan memberi amaran dan artis berjanji tidak akan melakukannya lagi.

Kadang-kadang Encik Kwek betul-betul marah apabila disalahkan oleh pihak ibu pejabat. Dia sendiri tidak suka pihak pengurusan bertindak lebih keras seperti menahan artis-artis itu dari berlakon bagi sebarang filem hingga beberapa lama walaupun gaji artis itu berjalan terus. Pendek kata bagai digantung tak bertali. Artis yang menerima hukuman begini akan berasa kecewa kerana keinginan jiwa seninya untuk berlakon terpaksa dipendam, nama dan wajahnya tidak keluar di dalam filem lagi.

Artis-artis yang suka membuat pertunjukan pentas ini biasanya memang ada kebolehan melawak, menyanyi atau menari dan bayaran untuk sesuatu pementasan pun memang lumayan, walaupun kadang-

kala ada yang ditipu oleh pihak penganjur. Kesanggupan mereka mencuri-curi mengadakan pertunjukan yang bertentangan pula dengan syarat-syarat kontrak antara lain kerana gaji sebagai pelakon pada masa itu tersangat kecil, ada yang tidak sampai \$100 sebulan. Padahal apabila sudah menjadi orang terkenal, mereka perlu menunjukkan imej dan lagak yang sesuai sama ada secara peribadi ataupun dengan keadaan rumah kediaman mereka. Kerana keperluan seperti inilah mereka terpaksa berbelanja besar hingga melebihi gaji dan dengan itu harus mencari pendapatan luar untuk menampung keadaan hidup yang sudah sedemikian rupa.

Kerana gaji rendah dan layanan majikan yang tidak memuaskan maka ditubuhkanlah satu persatuan yang digelar Persatuan Artis Malaya atau PERSAMA. Hal ini akan saya ceritakan kemudian kelak.

Hari demi hari semakin ramai orang yang menjadi anggota syarikat MFP. Beberapa orang pengarah dan juruteknik perfileman didatangkan terus dari India seperti:

1. B.N. Rao (1952) filem pertamanya *Putus Harapan* dibintangi oleh P. Ramlee, Rokiah dan Musalmah.
2. V. Girimaji (1953) filem pertamanya *Istana Impian* dibintangi oleh Ahmad Mahmud, Saadiah dan Neng Yatimah.
3. K.R.S. Shastri (1953) filem pertamanya *Kerana Kau* dibintangi oleh Mariam dan Saadiah.
4. Phani Majumdar (1954) filem pertamanya *Hang Tuah* dibintangi oleh P. Ramlee, Ahmad Mahmud, Nordin Ahmad, Yusof Latiff, Zaiton dan Saadiah.
5. Dhresh Gosh (1958) filem pertamanya *Gergasi* dibintangi oleh Aziz Jaafar dan Hashimah Yon.
6. Kidar Sharma (1958) filem pertamanya *Kaki Kuda* dibintangi oleh Aziz Sattar, Normadiah dan Saloma.

Jurukameranya pula ialah V. Vasudev, R.C. Prushotham, C. Ramachandran dan Bir Singh.



DHIRESH GOSH

Sebagai pengarah seni atau *art director*, didatangkan pula A.V. Bapat yang berpengalaman dari studio filem di Bombay dan J.S. Anthony yang mendapat pengalaman dari studio di India Selatan. Penyunting filem dari India ialah H. R. Narayana.

Tetapi ada juga anggota studio itu yang berhenti atau berpindah ke studio lain. Bachtiar Affandi, tokoh tonil Bolero yang juga salah seorang daripada barisan pelakon filem yang utama selepas perang, kembali ke Indonesia dan berkarya dengan syarikat filem di sana untuk beberapa waktu. Jaafar Wiryo pindah ke Studio Keris untuk mengarahkan filem bagi syarikat itu, tetapi kemudiannya dia juga kembali ke Indonesia.

### Pengarah Tempatan Pertama

Saya ingin pula menceritakan kisah A.R. Tompel atau nama sebenarnya Aman Ramli Jaafar. Secara senyap-senyap dia telah membantu syarikat filem Nusantara dengan menggunakan nama Armaya tetapi

perkara ini diketahui juga oleh pihak Studio MFP dan dia dipanggil untuk bertemu dengan pegawai syarikat. Memandangkan dia begitu berhasrat untuk mengarah dia diminta mengarahkan sebuah cerita yang berjudul *Fatimah*, tetapi entah bagaimana, kerana tidak dapat kata sepakat berhubung dengan cara bayaran dan sebagainya, Tompel menarik diri dan berkarya di Syarikat Filem Nusantara hingga syarikat itu tutup. Tompel kemudiannya menubuhkan pentas sandiwara berkeliling dengan nama Sandiwara Kencana. Kebetulan pula Kasma Booty juga mengambil sikap seperti itu dengan kumpulan sandiwaranya yang diberi nama Booty Suria Negara. Pada tahun 1961, apabila Studio Filem Merdeka dibuka di Hulu Kelang, Kuala Lumpur, Tompel diberi peluang mengarahkan filem lucu *Abu Nawas* tanpa banyak kejayaan.

Cerita *Fatimah* yang ditolak oleh Tompel itu kemudian diberikan kepada Haji Mahadi sebagai percubaan pertama untuk beliau mengarah. Judul itu ditukar menjadi *Pernama Di Perlimbahan*. Sama ada beliau belum mempunyai cukup persediaan atau kerana ada sebab-sebab yang lain, pihak syarikat berpendapat hasilnya tidak cukup memuaskan, maka hilanglah peluang Haji Mahadi menjadi pengarah seterusnya. Walaupun demikian, dia boleh dikatakan anak Melayu yang pertama mengarahkan filem di Syarikat MFP iaitu pada tahun 1952.

Di dalam filem *Pernama Di Perlimbahan* Haji Mahadi telah memberi kesempatan kepada Nordin Ahmad menjadi pelakon utamanya di samping Maria Menado. Sebelum ini Nordin hanya menjadi pelakon pembantu. Kerana memandangkan beliau berkemampuan untuk menunjukkan lakonan yang lebih baik, Nordin diberi memegang peranan yang lebih besar dalam filem *Cemburu* (1952) arahan Ramanathan di samping Yusof Latiff, Rosnani dan Mariani. Begitu juga dalam filem *Arjuna* (1953) arahan V. Girimaji yang dibintangi oleh Ahmad Mahmud. Walau bagaimanapun dia tidak diberikan peranan utama.






AZIZ JAAFAR (kanan  
sekal) bersama-sama  
(dari kiri) ALI FUJ,  
IBRAHIM HASSAN dan  
MOHD. FAFFI dalam filem  
"DANDAN SETIA"



P. RAMLEE dalam filem  
"NUJUM PAK  
BELALANG" bersama-  
sama KEMAT HASSAN,  
SAAMAH dan AHMAD  
NESFU.



NORDIN AHMAD dan isterinya SALMAH HITAM

Seperti peranannya di dalam filem *Gelora Hidup* arahan B.N. Rao yang dilakonkan oleh Yusof Latiff dan Rosnani ataupun di filem *Panggilan Pulau* arahan Ramanathan, dibintangi oleh P. Ramlee dan Latifah Omar, dia hanya diberikan peranan pelakon pembantu yang penting, ataupun protagonis dalam sebuah kisah segitiga. Mungkin kerana berasa tidak puas hati beliau berhijrah ke Cathay-Keris Studio. Di sana beliau diberi peranan sebagai pelakon utama di dalam beberapa buah filem di antaranya *Mahsuri*, *Hang Jebat* dan seterusnya pada tahun 1964 beliau diberi peluang menjadi pengarah. Filem arahnya yang pertama ialah *Wan Perkasa* yang dilakonkan oleh M. Amin dan Siput Sarawak.

#### Seniwati MFP

Sebelum ini saya telah menyebutkan nama Maria Menado berpasangan dengan Nordin Ahmad dalam filem *Permata Di Perlimbahan*. Daripada namanya diketahui dia berasal dari kepulauan Menado di Indonesia. Dia menjadi terkenal daripada usaha A. Razak, seorang penganjur pertunjukan di Singapura. Maria telah memenangi beberapa gelaran ratu cantik dan ratu kebaya, kemudian diterima berlakon dalam filem *Pulau Mutiara* arahan S. Ramanathan dan kemudiannya dalam filem *Penghidupan* yang dibintangi oleh P. Ramlee dan Rokiah arahan L. Krishnan.

Selepas seniwati Kasma Booty, Maria Menado bolehlah disebut sebagai *glamour girl* di MFP, tetapi tempat itu selalu digugat oleh pendatang-pendatang baru. Lebih kurang pada tahun 1957, Maria berpindah ke Studio *Cathay Keris* di East Coast Road di sebelah kawasan Katong. Di sana beliau membintangi beberapa buah filem, tetapi yang paling menonjol ialah peranan sebagai Comel dalam filem *Pontianak* arahan B.N. Rao.

Di dalam hal ini saya ingin mencatat satu hal yang menarik. Sewaktu menjadi karyawan Tamu di USM, saya telah berkenalan dengan Yusof, seorang penuntut ju-




MARIA MENADO



OSMAN GUMANTI  
dan MARIA dalam  
film "PULAU  
MUTIARA"



Filem purba **DANDAN SETIA** keluaran Cathay Keris, kelihatan para dayang-dayang sedang mempersembahkan sesuatu berita kepada raja.



SAADIAH memegang peranan sebagai SITI MUSLIHAT bersama AHMAD MAHMOOD, AZIZ SATTAR dan MARIANI dalam filem "SITI MUSLIHAT" (MFP)







rusan seni halus di universiti itu. Menurut beliau, cerita *Pontianak* itu diilhamkan daripada karya bapanya Razak seorang pelukis di studio itu. Beliau membuat cerita itu sebagai bahan buku komik yang akan diterbitkan. Apabila pegawai studio melihat cerita itu, mereka memikirkannya sesuai untuk dijadikan cerita filem. Suami Maria pada masa itu ialah A. Razak. Jadi banyak yang menyangka cerita itu karya beliau, kerana secara kebetulan pula A. Razak yang bertugas sebagai penganjur pertunjukan memang berkemampuan mengarang cerita. Tambah pula selepas itu beberapa filem di dalam siri *Pontianak* memang diterbitkan, karya A. Razak.

Setelah Maria berkahwin dengan Duli Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar, Sultan Pahang (Almarhum), filemnya tidak ditayangkan lagi, sebab itulah generasi muda kini banyak yang tidak dapat melihat lakonan beliau dan tidak mengenal beliau sebagai seorang bintang filem yang jelita.

Selain daripada Maria Menado, artis wanita di MFP dimeriahkan lagi dengan kehadiran Saadiah, Rosnani, Latifah Omar, Mariani, Eloni Hayat, Rahmah Rahmat, Hashimah Yon, Normadiah dan Sarimah. Seorang pelakon wanita yang banyak memegang peranan utama di MFP tetapi tidak menjadi anggota tetap yang bergaji bulanan di studio itu ialah seniwati Zaiton. Selain daripada Zaiton, pelakon bebas yang selalu diambil ialah Dayang Sofia, Seri Dewi dan Murni Sarawak.

Senarai pelakon lelakinya bertambah dengan kehadiran Ahmad Mahmud, Aziz Jaafar, Salleh Kamil, A. Rahim, S. Kadarisman, Ibrahim Pendek, Shariff Dol, Aziz Sattar, S. Shamsuddin, Kuswadinata, Ahmad Hamid, M. Raffi, Muhammad Zain, Omar Suwita, Malik Sutan Muda dan Jins Shamsuddin. Pelakon bebas yang selalu diambil memegang peranan watak tua atau lucu ialah Uda Omar (Omar Hitam), Ahmad Nesfu, Babjan dan seorang Benggali peninjau yang dipanggil Sarban Singh.

Saya menjadi pembantu kepada K.M. Basker hingga tahun 1956. Selain *Patah Hati* filemnya yang pertama, filem-filem yang saya jadi penolongnya ialah:

1. *Miskin* (1952) lakonan P. Ramlee, Rosnani dan Omar Rojik. Saya juga mengambil bahagian yang kecil sebagai guru Ramlee.

2. *Hati Iblis* (1953) lakonan Ali Rahman, Eloni Hayat atau Aini Hayati.
3. *Air Mata* (1953) lakonan Ahmad Mahmud dan Rosnani.
4. *Mangsa* (1953) lakonan Siput Sarawak, Yusof Latiff dan Ahmad Mahmud.
5. *Pawang* (1954) lakonan Rosnani, Hj. Mahadi, Daeng Idris dan saya sendiri.
6. *Insan* (1955) lakonan P. Ramlee, Saadiah, Ahmad Mahmud dan Zaiton.
7. *Menyerah* (1955) lakonan Siput Sarawak, Yusof Latiff dan Kadarisman.
8. *Ribut* (1956) lakonan Ahmad Mahmud, Rosnani dan Saadiah. Filem ini digambarkan dalam warna *Gaevacolour* sebagai percubaan.
9. *Keadilan Ilahi* (1956) lakonan Yusof Latiff dan Saadiah.
10. *Putera Bertopeng* (1957) lakonan Ahmad Mahmud, Latifah Omar, Normadiah dan Kadarisman.

Kemudiannya saya telah membantu pengarah lain pula, K.M. Basker mengarah lagi beberapa buah filem sebelum dia berpindah pula ke Cathay Keris setelah habis tempoh kontraknya di MFP. Jikalau dilihat daripada senarai di atas, banyak filem arahan Basker yang bercorak moden. Filem *Pawang* misalnya bukanlah filem bercorak purba, tetapi cerita biasa yang mengisahkan pertikaian antara orang baik dengan orang jahat di sebuah desa.

Filem *Ribut* pula ialah filem warna yang pertama kali dibuat secara menyeluruh sebagai percubaan dari studio MFP, sedangkan filem *Putera Bertopeng* pula ialah satu-satunya filem bercorak kostum arahan Basker.

Dalam masa ini peralihan dari studio lama ke studio baru berjalan dengan licin dengan erti kata tidak ada produksi yang tergendala atau mesti dihentikan kerana percubaan itu. Sedikit demi sedikit kawasan bekerja dan membangunkan set sudah bertambah besar dan artis-artis berasa selesa kalau hendak berias atau bertukar pakaian kerana kini sudah ada dua bilik rias, satu untuk lelaki dan satu untuk wanita di Studio Nombor 9.

Rumah berek di Boon Teck Road juga sudah siap. Kasma Booty, kerana kedudukannya sebagai bintang utama mendapat dua unit, sedangkan pelakon ataupun

anggota studio yang bujang harus berkongsi dua orang satu unit. Saya sendiri terpaksa berkongsi dengan Husny Suud Junior seorang pendatang baru dari Indonesia. Kami tinggal di situ dengan percuma. Kasma Booty dan Tompel tidak tinggal lama di Boon Teck Road itu, mereka berpindah apabila tidak lagi menjadi anggota studio MFP.

Dalam tahun 50-an ini jugalah pihak Shaw Brothers dan penerbit-penerbit filem serantau menubuhkan satu persatuan yang bergelar "Federation of Motion Picture Producers of South East Asia" (EPA) dengan tujuan memaju dan memperkenalkan industri perfileman serantau dan merapatkan rasa persefahaman antara karyawan setempat. Maka dijadikan pula syarat bahawa persatuan itu akan mengadakan pesta filem dengan bertukar-tukar tempat. Run Run Shaw menjadi salah seorang daripada pemangku presiden persatuan itu.

Dengan adanya usaha ini, maka Studio MFP pun mengatur rancangan menerbitkan filem yang agak sesuai untuk dimasukkan ke pesta yang bakal diadakan di Tokyo.

### Filem Hang Tuah

Cerita Hang Tuah telah dipilih untuk difilmkan dalam warna-warni. Cerita itu dipadankan daripada sebuah buku dalam bahasa Inggeris yang disusun oleh Mubin Sheppard (sekarang Tan Sri), Phani Majumdar seorang pengarah filem bangsa Benggali yang telah mengarahkan beberapa filem di Bombay telah dijemput mengarahkan filem ini. Saya pada masa itu jadi pembantu K.M. Basker diminta membantu Majumdar, mungkin Jaafar Abdullahi yang menjadi pegawai perhubungan MFP mencadangkan perkara ini kepada pihak Shaw Brothers.

Sebelum membuat skripnya, saya dan Majumdar telah pergi ke Seremban bersama dengan Mubin Sheppard bagi mendapatkan fikirannya tentang cara persembahan filem itu. Atas anjuran beliau juga, kami singgah di sebuah rumah tidak jauh dari Merlimau, Melaka, kerana rumah itu mengandungi ukiran tradisional yang harus ditiru sebagai rekabentuk dan jadi latar belakang bangunan-bangunan yang bakal dibuat untuk filem itu nanti. Selain daripada itu nasihat dan petunjuk-petunjuk juga dipinta daripada Cikgu Buyong Adil (Almar-



ELONY HAYAT

hum) seorang ahli sejarah dan budayawan. Cikgu Mahmud Ahmad (Almarhum) serta Abdullah Hussain seorang pengarang dan penulis filem.

Pemegang watak dipilih daripada artis-artis yang sedia ada di Studio MFP dan beberapa orang pelakon bebas. P. Ramliee (Almarhum) dipilih menjadi Hang Tuah, Ahmad Mahmud sebagai Hang Jebat. Untuk menambahkan drama di dalam cerita itu diadakan pula seorang gadis orang asli (Saadiyah) yang tertawan kepada Hang Tuah semasa dia menuntut ilmu. Dengan penambahan watak ini, dicipta pula lagu-lagu yang sesuai disertakan bagi babak-babak yang difikirkan wajar. Misalnya waktu Hang Tuah di Pahang, dibuat lagu "Joget

Pahang". Kerana dalam beberapa filem lain saya pernah membuat seni kata atau gurindam lagu-lagunya maka saya telah diminta melakukannya untuk lagu-lagu filem ini. Irama lagunya kebanyakan dibuat oleh P. Ramliee, termasuklah lagu "Berkorban Apa Saja" yang dinyanyikan oleh Hang Tuah kepada Tun Teja (Zaiton).

Kerana mengejar waktu untuk menyiapkan filem itu agar sempat dihantar ke Pesta Filem Asia semua tenaga pekerja dikerahkan membuat persiapan bangunan, pakaian dan lain-lainnya tanpa berhenti. Acara penggambaran pun dari satu babak ke satu babak dengan secepatnya boleh dibuat dengan lincis hinggalah pernah penggambaran atau shooting itu berjalan dari

pagi sampai malam, dan semalaman itu terus bekerja sampai pagi esoknya pula, setelah berehat sekejap, maka penggambaran dijalankan lagi. Kami tidak balik ke rumah, makanan pun dihantar ke dalam set dengan cara berbungkus seperti penggambaran di luar studio. Vasudev atau panggilan ringkasnya Vasu saja, jurukamera filem itu, pernah tidur berdiri buat seketika, dengan mukanya tersembam pada kamera sewaktu menunggu orang menyediakan

hingga bersin.

Selain daripada itu dia pula menghidap penyakit darah rendah. Pada waktu kami sedang duduk-duduk berehat sementara menunggu sesuatu syot dia pernah pangsang menyebabkan orang-orang yang berhampiran terperanjat. Tetapi apabila kami diberitahu tentang apa yang dihidapinya barulah hilang rasa cemas kami. Dalam keadaan begitu dia akan dibiarkan untuk beberapa waktu hingga dia sedar kembali dengan sendirinya.

Filem *Hang Tuah* difilemkan dalam bidang biasa dan menggunakan *Eastman-color*. Filem ini dihantar ke Denham Laboratory di London untuk diproses. *Rushes*nya tiba dalam masa di antara seminggu atau sepuluh hari dalam bentuk hitam putih disertakan dengan beberapa meter yang berwarna sebagai panduan untuk menilai hasil warna tiap-tiap babak yang difilemkan.

Walaupun kami bekerja bertungkus-lumus tanpa mengenal penat, tetapi filem itu tidak sempat menyertai pesta sebagaimana yang dimaksudkan dari awal. Hanya di dalam pesta yang kemudiannya barulah filem itu dapat dipertandingan dengan mendapat hadiah lagu bercorak tradisional yang terbaik.

### Pengarah Majumdar

Selepas filem *Hang Tuah* Majumdar mengarahkan sebuah filem Cina yang bertajuk *Sarkis*. Saya terus membantunya di dalam filem-filem arahnya yang lain melainkan waktu dia mengarahkan filem *Rumah Panjang* (1957) kerana dia pergi ke Sarawak dengan rombongan juruteknik yang sangat kecil bilangannya dan jurukamera juga dipinjam dari Jabatan Filem Negara Malaysia.

Filem *Rumah Panjang* mengisahkan percintaan seorang pemuda Inggeris (Kenny Buchanan) dengan seorang gadis Dayak (Luli). Pada masa itu undang-undang kesulitaan tentang pakaian belum dikuatkuasakan, jadi orang-orang Dayak yang mengambil bahagian di dalam filem itu

adalah seperti pada zaman sebelum perang ataupun, sebelum merdeka dahulu. Kini, filem itu mungkin ditahan pengedaran dan penyebarannya kerana sebab-sebab yang tertentu. Filem-filem Majumdar yang saya bantu ialah:


1. *Anakku Szali* (1957) dibintangi oleh P. Ramlee, Zaiton, Nordin Ahmad, Rosnani, Tony Castello.
2. *Kasih Sayang* (1957) dibintangi oleh Saadiah, Hj. Mahadi, Jins Shamsuddin.



TAN SRI DATUK H.J.  
MUBIN SHEPPARD

kelengkapan sebelum syot diambil untuk babak itu.

Pengarah Majumdar pula mempunyai resmi suka menyedut sejenis tembakau. Sebentar-sebentar dia akan membuka satu kotak kecil dan mengambil sejempunt serbuk, dibawanya ke hidungnya lalu disedut



PHANI MAJUMDAR

3. *Masyarakat Pincang* (1957) dibintangi oleh Rosnani, Neng Yatimah, Salleh Kamil, Tony Castello.
4. *Seri Menanti* (1958) dibintangi oleh Zaiton, Chang Chun, Kadarisman, Tong Dan.

P. RAMLEE sebagai HANG  
TUAH, bersama-sama  
YUSOF LATIFF dalam  
filem "HANG TUAH"  
arahan PHANI MAJUM-  
DAR yang pertama di  
MFP.





AHMAD MAHMUD sedang bergelut dengan A. RAHIM dalam filem "SRI TANJUNG".



BAT LATIFF dan  
HASHIMAH YON dalam  
filem "SRI TANJUNG"  
arahan Jamil Sulong  
(MFP)

5. *Doktor* (1958) dibintangi oleh Aziz Jaafar, Zaiton, Normadiah.

Di dalam filem *Anakku Szali* Ramlee memegang dua peranan, sebagai ayah dan sebagai anak yang nakal. Dia juga pengubah lagu-lagu filem itu. Sewaktu di pertandingan Pesta Filem Asia yang berikutnya Ramlee telah mendapat hadiah sebagai pelakon terbaik. Mengambil sempena dari filem ini juga Ramlee menamakan seorang anaknya dengan nama Szali (Jali Boy).

Filem *Kasih Sayang* pula membentangkan kisah perpisahan keluarga sewaktu huru-hara peperangan. Kerana Studio MFP baru membawa masuk alat untuk pancaran tayangan latar atau *background projection* maka di dalam beberapa babak ada ditunjukkan pandangan yang menggunakan


teknik ini, seperti menunjukkan kejadian di waktu perang kapal terbang sedang menyerang dan mengobom seolah-olah pelakon memang ada sewaktu kejadian itu berlaku.

Alat ini dikatakan sangat berguna bagi sebuah studio filem sekiranya cekap menggunakannya. Pada masa itu di Barat alat ini banyak digunakan untuk menunjukkan babak orang berbuai di dalam kereta yang sedang berjalan atau apa saja pandangan latar yang dikehendaki, syaratnya pandangan latar itu difilemkan terlebih dahulu setelah dikaji bagaimana kedudukannya apabila disesuaikan dengan artis yang akan difilemkan di dalam studio kelak.

Gambar latar yang sudah difilemkan itu akan diproses dan apabila sampai waktu penggambaran ia dipancarkan melalui jen-

tera seperti sebuah projektor tetapi kuasa putarannya disatukan dengan putaran kamera. Jadi, apabila artis sedang berlakon di depan kamera, filem latar belakang itu terpancar pula pada sebuah layar dari sejenis bahan lutsinar yang khas, maka hasilnya nanti ialah artis itu seperti terlibat sama di dalam pemandangan di latar belakang itu. Misalnya sekiranya filem latar belakang itu laut luas, maka si pelakon seolah-olah sedang belayar di dalam sebuah kapal layarnya. Teknik ini juga boleh digunakan sekiranya si pelakon mahu dipertemukan dengan gergasi, dengan memberikan orientasi yang berbeza daripada sudut pandangan, si pelakon kelihatan kecil dan gergasi kelihatan sangat besar. Pendeknya penggunaan alat itu bergantung kepada daya imaginasi pengarah dan ahli teknik sesuatu

ROSNIANI sedang menari dengan SALLEH KAMIL dalam filem "MASYARAKAT PINGANG" keluaran MFP arahan PHANI MAJUMDAR.





P. RAMLEE, ZAITON  
dan NORDIN AHMAD  
dalam filem "ANAKKU  
SAZALI" arahan  
PHANI MUJAMBAR  
(MFP)





AZIZ JAAFAR dan  
ZAITON dalam filem  
"DOKTOR" arahan  
PHANI MAJUMBAR  
(MFP)



Dari film "SRI  
MENANTI" arahan  
PHANI MAJUMDAR  
(MFP)

studio. Sekarang alat *back-projection* ini boleh disebut dengan teknik pancaran dari depan atau *front-projection* seperti yang dimanfaatkan untuk filem *Superman*.

Filem *Seri Menanti* yang diarahkan oleh Phani Majumdar bolehlah dikatakan satu percubaan menggunakan tema cinta antara kaum. Dua orang artis dari Hong Kong telah didatangkan ke studio Jalan Ampas untuk memegang peranan. Artis lakinya ialah Chang Choong dan yang wanitanya Tong Dan. Dalam filem tersebut, Zaiton mencintai Chang Choong, begitu juga Tong Dan. S. Kadarisman memegang peranan watak Cina sebagai bapa Tong Dan.

Pelakon-pelakon Hong Kong ini tidak mengerti bahasa Melayu, bahkan Tong Dan tidak tahu berbahasa Inggeris pun, jadi dialog mereka di dalam filem itu, dituturkan dalam bahasa mereka sendiri iaitu bahasa Kantonis dan artis-artis kita berbahasa Melayu, masing-masing hanya perlu mengetahui di mana habisnya ucapan seseorang ketika menyampaikan dialognya. Sesudah selesai filem ini disunting, suara Tong Dan dan Chang Choon akan diganti dengan suara orang lain yang menggunakan bahasa Melayu, tetapi mengikut gerak mulut yang dibuat oleh artis-artis Hong Kong itu.

Dalam babak menyanyi pula, Tong Dan terpaksa menghafal bunyi kata-kata dalam bahasa Malaysia dan menggerakkan

bibir sesuai dengan kata-kata yang dinyanyikan oleh penyanyi asalnya.

Di India, Majumdar memang terkenal suka membuat filem yang bertema sosial dan filem-filem arahnya di Studio Jalan Ampas yang bercorak moden pun membawa unsur yang sama. Dalam filemnya yang terakhir iaitu filem *Doktor* dia bukan saja menganjurkan supaya jangan percaya kepada pawang tetapi menunjukkan anaknya salah satu watak utamanya menjadi doktor dan setelah lulus ia berkhidmat pula di desa, bukan mengejar kemewahan dengan membuka kliniknya di tengah kota.

Format skrip Majumdar berbeza daripada format K.M. Basker. Majumdar lebih kemas. Tiap-tiap muka kertas skripnya dibuat dua garisan dari atas ke bawah, atau di sebelah kiri, kira-kira lima sentimeter dari tepi dan baris yang sebelah kanan lebih kurang enam sentimeter dari tepi muka surat. Ruang tengah yang sebesar 11 atau 12 sentimeter itulah digunakan untuk mengisi inti skrip, seperti apa yang berlaku dan dialog yang diucapkan oleh watak-watak di dalam cerita.

Format Majumdar ini banyak saya jadikan panduan apabila saya menjadi pengarah.

Sebenarnya, walaupun banyak pengulas menulis dengan cara sinis terhadap filem-filem arahan pengarah-pengarah dari India, ataupun sindiran yang mengatakan filem Melayu ala India, kita tidaklah boleh

memperkecilkan karya pengarah-pengarah ini. Mahu tidak mahu merekalah peneroka sejarah perfileman tanahair dan kita dengan cara yang tidak langsung memusakai tugas ini, sama ada baik ataupun buruk.

## Pengarah Filipina

Saya juga ingin menyentuh tentang pengarah yang datang dari Filipina. Selepas Dires Gosh, MFP tidak membawa masuk pengarah-pengarah dari India lagi sebaliknya memasukkan pula beberapa orang pengarah dari Filipina. Pengarah-pengarah Filipina ini dikontrak atas dasar bayaran satu filem. Jadi selepas menyiapkan satu filem, mereka akan balik ke Filipina, ataupun kalau disetujui disuruh pula mengarah filem yang lain. Pengarah Filipina yang pertama ialah Eddy Infante (1955) yang ditugaskan mengarah filem *Gadis Liar* ataupun *Elephant Girl*. Bersama-samanya didatangkan pula dua pelakon Filipina. Artis wanitanya bernama Paraluman dan yang lakinya Teddy Belamino. Normadiah turut juga membintangi filem ini.

Dua tahun kemudian, iaitu pada tahun 1957 didatangkan pula Ramon Estella untuk mengarahkan *Kembali Seorang*. Filem ini dibintangi oleh Saadiah, Ahmad Mahmud, Salleh Kamil dan Daeng Idris. Ramon Estella banyak pengalaman bukan saja sebagai pengarah, tetapi sebagai penulis skrip, penyunting, bahkan dia juga



AHMAD C. AHMAD  
NESFU dan IBRAHIM  
PENDEK dalam filem  
komedi berjudul  
"SAUDAGAR MINYAK  
URAT".



Gambar kiri:  
KADARISMAN sedang  
mengatakan sesuatu  
kepada pekerja-  
pekerjanya dalam filem  
komedi "SAUDAGAR  
MINYAK URAT" arahan  
RAMON ESTELLA (MFP)

Gambar bawah:  
ZAINON FIJI dan  
IBRAHIM PENDEK dalam  
filem yang sama.



seorang pelukis dan ahli muzik. Penggambaran filemnya yang pertama di MFP ini memakan masa hanya 19 hari, kerana kerjanya yang begitu cepat dan hasil filemnya pun memuaskan. MFP banyak menggunakan karya pengarah ini. Filem-filem arahan yang lain ialah:

1. *Anak Pontianak* (1958) lakonan Hashimah Yon, Jins Shamsuddin.
2. *Matahari* (1958) lakonan Maria Menado, Omar Rojik.
3. *Saudara Minyak Urat* (1959) lakonan Normadiah, Kadarisman dan Aziz Sattar.

4. *Samseng* (1959) lakonan Jins Shamsuddin, Rosnani, Zaiton, Aziz Jaafar.
5. *Melancong Ke Tokyo* (1964) lakonan Saadiah dan Kadarisman.
6. *Dupa Cendana* (1964) lakonan Ahmad Mahmud, Saadiah dan Aziz Jaafar.
7. *Pusaka Pontianak* lakonan Ahmad Daud, Saadiah dan Salleh Kamil.

Satu cara pengarah ini bekerja seperti juga beberapa orang pengarah Filipina yang lain ialah mengambil gambar utama atau *master-shot* sesuatu babak terlebih dahulu, iaitu memfilemkan dari jarak jauh hampir keseluruhan kejadian di dalam

sesuatu babak kemudian mengulangi menggambar lakonan dan perbuatan babak yang sama beberapa kali dari berbagai-bagai sudut kamera.

Cara begini memang boleh menyejakan kerja, lebih-lebih lagi kalau terjadi sesuatu dan tidak sempat melakukan *shot-shot* yang lain, setidaknya-acara yang berlaku dalam babak itu sudah tersimpan di dalam *master-shot*. Walaupun teknik ini banyak menggunakan filem, tetapi menurut fikiran mereka lebih baik rugi filem daripada melambatkan masa kerja dan penyediaan filem itu.

Kedatangan mereka ini membawa

AHMAD MAHMUD dalam filem "DUPA CENDANA" arahan RAMON ESTELLA (MFP). Ceritanya mungkin diambil dari cerita Filipina.



kesan-kesan yang tersendiri. Kalau pengarah India membawa unsur India ke dalam karya mereka, pengarah Filipina pula membawa unsur Barat, kerana mereka begitu terpengaruh dengan teknik-teknik perfileman Amerika. Selain daripada itu, dari segi kebudayaan, orang-orang Filipina dipengaruhi pula bukan saja oleh unsur-unsur Amerika dan Sepanyol, juga unsur-unsur Melayu dan Islam di selatan negara mereka.

Terdapat beberapa perbezaan dari segi cara bekerja mereka di studio ini. Pengarah-pengarah India ataupun jurukameranya mahukan semua artis lelaki dan perempuan memakai rias atau *make-up*, bukan saja

untuk menambahkan kecantikan rupa tetapi untuk mengelakkan daripada berkilat kerana berpeluh atau kerana kulit yang berminyak.

Jurukamera berasa senang mengatur kekuatan cahaya lampu kerana kulit orang yang berbeza-beza warnanya memerlukan seni pencahayaan yang berbeza-beza, tetapi dengan menggunakan riasan atau *make-up*, kekuatan cahaya itu boleh disamakan saja.

Jurukamera yang datang dari India ini mengikut kebiasaan sangat mengambil berat tentang seni pencahayaan untuk sesuatu *shot*. Berbagai-bagai lampu akan di-



S. KADARISMAN dengan seorang wanita Jepun waktu berada di Tokyo dalam filem "MELANCONG KE TOKYO" (MFP)

AZIZ JAAFAR dan SAADIAH dalam filem "MELANCONG KE TOKYO" arahan RAMON ESTELLA (MFP)







SALLEH KAMIL bersama  
ALI FIJI dan AHMAD C  
selalu memegang peranan  
jahat. Beraksi dalam filem  
"MASYARAKAT PIN-  
CANG" arahan PHANI  
MAJUMDAR (MFF)



SALLEH KAMIL dan  
SAADIAH bersama DAENG  
IDRIS dalam filem  
"SERGEANT HASSAN"  
(MFP)

P. RAMLEE dalam salah  
satu babak filem  
"SERGEANT HASSAN"  
arahan pengarah Filipina  
LAMBERTO A. AVELLANA  
(MFP)



gunakan bagi memberi kesan yang sesuai, misalnya pada dinding harus ada beberapa bayang-bayang, di kepala artis harus ada cahaya yang memukul ke rambut dan sekiranya penggambaran itu dari jarak dekat terutama pada artis-artis wanita, maka sejenis penapis mungkin digunakan untuk melembutkan pandangan pada wajah artis. Bagi menghasilkan kesan-kesan atau efek begini tentulah memakan masa.

Pengarah-pengarah Filipina jarang yang mementingkan ciri-ciri yang begini. Misalnya tentang riasan, hanya artis wanita saja yang perlu berdandan tetapi artis lelaki tidak perlu. Mereka suka lelaki kelihatan natural misalnya yang hitam biar hitam, kelabu biar kelabu.

Begitu juga tentang seni pencahayaan. Mereka tidak memerlukan seni gambaran yang tidak natural asalkan pencahayaan jelas memberi kesan menunjukkan waktu itu siang atau malam sudah cukup, melainkan kalau ceritanya memerlukan efek-efek cahaya yang tertentu, misalnya menandakan hari akan ribut, ada kilat, atau babak heran, maka efek-efek yang sesuai haruslah diadakan.

Filem *Matahari* yang diarahkan oleh Ramon Estella mengisahkan kejadian pada masa pemerintahan Jepun. Tema seperti ini tidaklah asing bagi pengarah itu kerana Filipina juga mengalami pemerintahan Jepun seperti kita di Malaya dan Singapura dulu.

Filem *Melancong ke Tokyo* lebih me-

rupakan satu promosi pelancongan di samping memberi peluang kepada artis-artis seperti Saadiah dan S. Kadarisman pergi ke Jepun. Beberapa orang pelakon Jepun juga turut berlakon dalam babak-babak di negara itu. Filem ini dibuat dalam *Eastman-color*, penggambaran di negara matahari terbit ini dilaksanakan oleh karyawan dan juruteknik yang ada di sana untuk memperkecilkan belanja. Sayangnya filem ini seolah-olah menunjukkan Kadarisman sebagai pelancong dari Tanah Melayu seperti rusa baru masuk kampung.

Pengarah-pengarah Filipina yang lain ialah:

1. T.C. Santos, mengarahkan *Tofan* (1957), dilakonan oleh Ahmad Mahmud, Zaiton dan Mariani.
2. Rolf Bayer, mengarahkan *Azimut* (1958), dilakonan oleh Pancho Magalona, Saloma, Tita Doran dan Jins Shamsuddin.
3. Lamberto A. Avellana, mengarahkan *Sergeant Hassan* (1958) lakonan P. Ramlée, Saadiah, Jins Shamsuddin dan Salleh Kamil.

Filem *Sergeant Hassan* ialah sebuah filem yang menunjukkan kehidupan seorang askar Melayu. Peranan ini dipegang oleh P. Ramlée. Untuk penggambarannya, anggota unit dan para pelakon telah pergi ke tempat latihan askar Melayu di Port Dickson dan tinggal di sana beberapa waktu. Beberapa tempat di Negeri Sem-

bilan digunakan juga sebagai lokasi cerita ini. Agaknya patut juga dirakamkan di sini, bahawa selepas filem itu siap dan pengarahnya balik ke Filipina, ada beberapa babak yang dianggap tidak sesuai dan perlu dipinda. Tugas meminda filem itu dibuat oleh P. Ramlée. Beliau juga mengubah lagi untuk filem itu, satu daripadanya ialah "Menunggu Hujan Teduh".

Pengarah Lamberto Avellana kini dikenali sebagai tokoh besar dalam industri filem di Filipina dan mendapat gelaran Artis Nasional. Dia pernah memenangi hadiah *Grand Prix* di pesta filem Asia serta mendapat surat-surat sanjungan kerana filemnya di pesta-pesta Vancouver, Edinburg, Kemboja, Frankfurt, San Francisco dan hadiah Conde de Foxa di pesta Balbao Sepanyol sebanyak dua kali.

Kalau mengikut kemahuan pengarah-pengarah Filipina, mereka tidak menginginkan nyanyian atau tarien di dalam filem mereka jika nyanyian dan tarien itu tidak ada hubungannya secara langsung dengan jalan ceritanya, tetapi kerana sudah menjadi tradisi filem-filem Melayu harus ada lagu maka dimasukkan juga beberapa buah lagu, itu pun dengan cara yang paling sedikit dan agak kena pada tempat dan keadaannya saja.

### Lagu dalam Filem

Mengetahui soal pengisian beberapa banyak lagu di dalam sesuatu filem terserahlah



AHMAD NESFU sebagai seorang sarjana dalam filem "GERGASI" (MFP), yang dibantu oleh SALLEH KAMIL, DAYANG SOFIA, OMAR SUWITA dan JAH MAHADI.



kepada pengarah menentukan pada waktu membuat skripnya. Biasanya sebuah filem mempunyai tidak kurang tiga buah lagu dan pernah mempunyai sampai sembilan atau sepuluh buah lagu. Kalau cerita itu memang mengenai seorang penggubah atau penyanyi, ada kemungkinan lebih banyak lagi lagu-lagu dimuatkan dalam filem itu. Babak-babak yang selalunya diiringi dengan nyanyian ialah babak sedih atau babak gembira di antara wira dan wirawati ini termasuklah babak-babak romantik.

Kalau ada sesuatu majlis pula, sudah tentu nyanyian akan diiringi pula dengan tarian. Senarai lagu-lagu yang diinginkan oleh pengarah supaya diadakan di dalam persembahan filemnya akan ditunjukkan kepada penggubah lagu dan diceritakan juga ringkasan jalan ceritanya kepada penggubah-penggubah itu sambil diterangkan pula corak lagu yang bagaimana dikehendaki

untuk babak-babak yang dimaksudkan.

Sesudah memahami tujuan pengarah, penggubah akan mencipta lagu-lagunya, apabila sudah siap diperdengarkan kepada pengarah, sekiranya dia setuju, eloklah, tetapi kalau tidak disetujui, penggubah terpaksa pula mencipta yang lain.

Mana-mana lagu yang perlu dinyanyikan harus dikarang pula gurindam atau seni katanya. Pada satu waktu dahulu, S. Sudarmaji banyak mengarang seni kata lagu-lagu, kemudian apabila saya diminta oleh pengarah saya seperti Basker dan Majumdar mengarang lirik, banyak pulalah lagu-lagu filem yang saya buat seni katanya termasuklah beberapa lagu karangan P. Ramlee. Berikutan dengan itu ramai juga penolong pengarah yang lain mengarang seni kata untuk lagu-lagu filem mereka. Kebetulan pula bayaran menulis seni kata lagu itu dibayar oleh syarikat di antara \$25 atau \$30

sebuah, jadi merupakan pendapatan sampingan bagi kami.

Sekawtu saya menjadi pengarah, saya telah meminta penolong saya mengarang seni kata lagu-lagu untuk filem itu sekiranya dia mahu melakukannya.

Semasa masih belum ada pita magnetik dan teknik rakaman cara sekarang, rakaman lagu-lagu dibuat di bilik rakaman yang juga pawagam studio itu. Penggubah atau pengarah muzik akan memanggil semua pemain muzik yang diperlukan untuk orkestra. Jururakam akan memasang beberapa mikrofon untuk alat-alat muzik yang digunakan, termasuklah satu untuk penyanyi. Setelah dibuat beberapa latihan, maka rakaman dibuat dengan serentak seawaktu semua ahli muzik bermain, si penyanyi menyuarakan kata-kata mengikut iramanya. Sekiranya ada kesilapan dari manamana pihak rakaman seperti itu akan di-

**NONA ASIAH**



**MOMO LATIFF**



ulangi lagi hingga semua pihak puas hati.

Cara rakaman sekarang tidaklah begitu menyusahkan para pemuzik atau penyanyi. Di studio rakaman yang mempunyai alat dan kelengkapan yang paling terbaru, pemuzik boleh membuat rakaman secara bergilir-gilir pada waktu yang berbeza-beza, kemudian rakaman yang berasingan itu boleh dimainkan semula dengan cara serentak mengikut ilustrasi muzik yang digubah oleh penggubahnya. Kemudian si penyanyi boleh dipanggil dan menyanyi sendirian dengan mendengarkan lagu itu, sekiranya dia tersalah, pita itu boleh dimainkan semula, bahkan tidak perlu dari awal, boleh dibuat di tempat di mana dia membuat salah tadi saja.

Di antara penyanyi wanita yang selalu digunakan untuk lagu filem ialah Nona Asiah, Momok Latif, Lina, diikuti pula oleh Saloma, Rosiah Chik dan Siti Mariam. Yang

lelakinya ialah R. Azmi, P. Ramlee dan Aziz Jaafar. Bayaran untuk penyanyi adalah antara \$30 hingga \$50 bagi sebuah lagu. Ahli-ahli muzik pula akan dibayar sebanyak \$25 bagi setiap lagu yang ia turut memainkan muziknya.

Membuat rakaman latar juga menggunakan teknik yang hampir sama. Tiap-tiap gulung filem dipotong ke dalam beberapa bahagian pendek mengikut beberapa banyak tempat yang memerlukan lagu latar. Potongan filem itu dimainkan satu demi satu sebagai panduan pengarah muzik. Misalkan sajalah potongan itu memerlukan lagu yang rancak selama lebih kurang 60 saat, diikuti pula dengan lagu berirama perlahan selama 30 saat.

Lagu yang sesuai ini telah lebih dahulu dikarang oleh penggubah, dan dilatihkan kepada ahli-ahli muzik. Apabila semuanya sudah dirasakan betul, lalu dirakamkan

seiring sewaktu filem-filem itu diputar di layar perak.

Pemuzik-pemuzik pula membelakangkan layar sambil melihat nota-nota serta memerhatikan arahan pengarah muzik yang mengendalikan rakaman sambil melihat gambar yang sedang ditayangkan. Sekiranya ada kesalahan, rakaman ini akan diulang lagi hingga pihak pengarah muzik, sutradara dan jururakam puas hati.

Potongan-potongan filem ini akan disambung semula oleh penyunting mengikut had panjang yang telah dibuat dari awal.

Begitu juga halnya, teknik rakaman ini menjadi lebih mudah apabila sudah ada pita magnetik. Lagu-lagu latar kadangkad tidak payah dibuat melalui rakaman atau ciptaan pengarah muzik tetapi digunakan saja lagu-lagu yang sudah siap asalkan rentaknya sesuai dengan perjalanan babak sesuatu filem.

SALMAH ISMAIL atau SALDMA



ROSIAH CHIK



SITI MARIAM





Ketiga-tiga gambar  
adalah dari adegan  
film "MAS MERAH"  
(MFP)








Salah sebuah filem P. RAMLEE yang dianggap mempunyai sindiran terhadap masyarakat yang berkasta, "ANTARA DUA DARJAT" dalam gambar SAADIAH, AHMAD NESFU, RAHIMAH ALIAS dan NORDIN ARSHAD, S. SHAMSUDDIN di kiri sekali.


Gambar kanan: AHMAD NESFU dan KUSWADINATA dalam filem yang sama.





S. KADARISMAN  
memegang peranan orang  
tua, bersama SAADIAH.

Gambar kanan:  
ZAITON dan  
KUSWADINATA dalam  
film "KORBAN" (MFP).



## Tarian dalam Filem

Seperti disebut di atas filem-filem keluaran MFP banyak dibuat dengan memasukkan nyanyian dan tarian. Untuk menyesuaikan mereka beraksi di dalam babak-babak tarian, maka pelakon-pelakon yang bekerja di studio itu digalakkan mengikuti kursus menari. Latihan menari dikelolakan oleh seorang wanita Nasrani yang bernama Edith Castello. Beliau gemuk orangnya tetapi sangat berpengalaman. Suaminya seorang ahli muzik. Beliau ini juga ibu kepada Tony Castello dan Louis Castello penyanyi dan pemuzik muda yang pernah popular di Singapura dalam tahun 60-an dan 70-an dulu. Tony pernah berlakon sebagai pelakon kanak-kanak di dalam filem keluaran MFP, di antaranya ialah sebagai P. Ramlee waktu kecil dalam filem *Anakku Sazali* dan juga di dalam filem *Masyarakat Pincang*.

Puan Edith Castello yang dipanggil dengan nama timangan "Bobby" saja, mengajar artis-artis menari pada tiap-tiap hari atau apabila diperlukan membuat koreografi dan mengelolakan tarian yang bakal diadakan di dalam sesuatu filem.

Selepas pertengahan tahun 50-an peranan guru tari dan koreografi ini banyak dilakukan oleh Normadiah. Di antara tarian dan koreografi Normadiah yang terkenal ialah tarian "*Inang Baru*" dalam filem *Penarik Beca*, "*Sekapur Sirih Seulas Pincang*" dalam filem *Semerah Padi*, dan "*Ketipang Payung*" dalam filem *Nujum Pak Belalang*.

Selama ini, orang ramai tidak begitu tahu keadaan orang-orang filem di dalam kehidupan mereka sehari-hari. Mereka di-khayalkan oleh imej yang ditonjolkan melalui peranan atau lakonan mereka di layar perak saja. Tidak kurang juga yang menyangkan orang-orang filem bergaji besar dan hidup mewah. Tetapi keadaan mereka yang sebenarnya diketahui oleh beberapa orang penulis berita filem di Singapura yang bergaul dengan orang-orang filem ini setiap hari. Memandangkan artis-artis dan pekerja studio ini tidak mempunyai organisasi atau persatuan bagi membela mereka dan juga untuk merencanakan sebarang kebajikan di antara mereka sendiri, maka dengan desakan, nasihat dan sokongan penulis-penulis ini dipanggilah para artis dan pekerja di Studio MFP dan dari studio filem yang lain juga supaya berkumpul dan dikemukakan









SAADIAH dan JINS SHAMSUDDIN dalam filem "TAQDIR" (MFP).

Gambar kanan: AZIZ JAAFAR dalam filem "SUMPAN WANITA" arahan OMAR ROJIK (MFP).



cadangan mengadakan satu persatuan. Saya tidak ingat semua penulis yang terlibat di dalam usaha ini tetapi di antaranya ialah Abdullah Hussain, Hashim Hassan, Asraf dan Usman Awang.

Ringkasnya, tertubuhlah Persatuan Artis Malaya atau singkatan PERSAMA pada 23 Mac 1954 dan rumah seniwati Musalmah di nombor 271 Tembeling Road dekat Tanjong Katong dijadikan ibu pejabatnya. Rumah Musalmah ini banyak riwayatnya berhubung dengan PERSAMA dan para artis, lebih-lebih lagi buat P. Ramlee sendiri kerana di rumah inilah dia pernah bermikah dan berceraai dengan Norizan dan Musalmah juga orang perantaraannya apabila berkahwin dengan Saloma dan Musalmah juga jadi wakilnya berunding dengan beberapa pihak terutama pihak Shaw sendiri apabila ada krisis tentang Ramlee dan dunia filemnya.

Ramlee dilantik menjadi Presiden PERSAMA yang pertama. Salleh Ghani menjadi Setiausaha dan saya menjadi Bendahari.

Tujuan PERSAMA mengikut perlembagaannya adalah seperti berikut:

1. Memperbaiki taraf hidup artis-artis filem.
2. Bertindak atas segala perkara berkaitan dengan soal-soal layanan daripada majikan seperti gaji; tempat kediaman, kesihatan, keadaan bekerja, masa bekerja dan lain-lain perkara yang bersangkutan.
3. Memajukan profesionalisme ahli-ahlinya dan menggalakkan mereka supaya meninggikan kedudukan mereka di dalam lapangan seni mahupun di dalam lapangan ekonomi.
4. Menyatupadukan semua artis-artis dan menterangkan perhubungan antara pekerja dan majikan, antara ahli dengan ahli dan cuba menyelesaikan sebarang perselisihan antara mereka itu dengan jalan aman damai.

5. Memperbaiki kebajikan, kebendaan, sosial dan pelajaran semua ahli-ahli menggunakan sebarang cara yang halal yang akan ditetapkan oleh ahli-ahli Lembaga Kerja dari semasa ke semasa apabila didapati berfaedah.

Tentang keahliannya pula ialah:

1. **AHLI BIASA:** terdiri daripada seniman-seniwati filem, pekerja studio dan pekerja-pekerja lain di dalam perusahaan filem tanpa mengira bangsa, agama atau kepercayaan.
2. **AHLI SEKUTU:** terdiri daripada seniman-seniwati pentas Melayu, penari-penari, penyanyi-penyanyi, ahli muzik dan bekas seniman-seniwati yang pada masa lapang menyumbangkan tenaga untuk meninggikan seni filem dan lakonan.
3. **AHLI KEHORMAT:** mereka yang tidak pernah mencari nafkah sebagai seorang pelakon tetapi tidak boleh me-

megang sebarang jawatan, menghadiri atau mengundi dalam sebarang mesyuarat dan tidak dikenakan membayar yuran.

Pada mulanya PERSAMA mengaturkan acara membantu ahli-ahli sekiranya ada kematian, rawatan di hospital, kerja-kerja kahwin dan sebagainya, iaitu tugas-tugas biasa sebagai sebuah persatuan kebajikan. Kemudian soal-soal lain yang lebih penting seperti gaji dan layanan bekerja menjadi perhatian besar buat semua ahli. Apabila sampai ke peringkat ini kami dinasihatkan supaya menjadi sebuah persatuan yang bertaraf Kesatuan Sekerja atau *trade union* supaya mendapat sokongan yang lebih kukuh di dalam membuat segala keputusan nanti. Maka PERSAMA pun berdaftarlah sebagai sebuah *trade union*.

Ahli jawatankuasanya kini terpalasah mengaturkan senarai gaji-gaji ahli yang ada sekarang dan memikirkan bagaimana tang-



Para pekerja studio dan jawatankuasa BERSAMA, berbincang sesuatu dengan pengurus studio MFP Jalan Ampas, Encik KWEK CHIP JIAN JAMIL SULONG sebelah Encik KWEK dan di kanan sekali pengarah seni MUSTAFFA YASSIN.

Gambar kanan:

Datuk SENU sebagai wakil YTM Tunku ABDUL RAHMAN, membincangkan tentang layanan terhadap artis dan pekerja filem dengan pihak MFP studio. Yang kelihatan di antaranya JAMIL SULONG, MUSTAFFA YASSIN, NDR-MADIAH, ABDULLAH HUSSAIN, DATUK SENU, S. KADARISMAN, ROSNANI, P. RAMLEE, MUHAMMAD KECHKI, SYED HASSAN SAFI dan OMAR ROJKI.



gagaji yang harus dimajukan kepada majikan. Sewaktu menyenaraikan susunan gaji itu, ternyataah terdapat di antara mereka yang sudah bekerja beberapa tahun, ada yang sejak tahun 1948, tidak pernah pun mendapat apa-apa tambahan.

### Pengisian Teknik

Kesan bunyi ataupun efek latar bagi sesuatu filem, misalnya bunyi orang bertumbuh, kuda berlari, orang terjun ke dalam air dan sebagainya, dibuat setelah penggambaran selesai dan filem sudah disunting. Ini dilakukan biasanya sebelum membuat rakaman lagu latar. Rakamannya dibuat di

tempat yang sama, iaitu di bilik rakaman yang ada mempunyai bilik tayangan filem. Potongan-potongan filem pada babak-babak yang tertentu akan ditayangkan.

Beberapa orang pembuat kesan bunyi akan melihat bahagian mana di dalam filem itu yang memerlukan tambahan bunyi. Kemudian mereka menyediakan alat-alat yang sesuai bagi menghasilkan bunyi yang diperlukan, seperti air untuk bunyi orang terjun ke dalam air, rumput-rumput kering untuk bunyi orang berjalan di atas rumput, daun-daun kayu untuk kesan bunyi orang melanggar daun dan lain-lain lagi. Apabila segala kelengkapan sudah siap, mereka akan berlatih beberapa kali, kemudian filem

itu akan ditayangkan dan mereka membuat kesan bunyi selari dengan kejadian yang berlaku di dalam filem itu. Ada juga kesan yang diatur oleh jurusunting dari pita-pita yang memang sedia ada bunyi-bunyi yang tertentu, seperti bunyi petir, burung, hujan, keretapi, kapal terbang dan sebagainya.

Bagi dialog yang dibuat dengan cara isi suara atau *dubbing*, cara kerjanya lebih kurang begitu juga. Babak-babak yang sudah disunting akan dipotong setakat yang sesuai bagi memudahkan para artis mengikut dialognya. Filemnya dicantumkan antara pangkal dengan hujungnya supaya apabila dimainkan pada alat pemancar atau projektor, lakonan yang sama ditayangkan

## Undang2

# Artistes Union, M

### Undang2 1. Nama dan Pejabat yang

Trade Union ini akan dinamakan "Union, Malaya" (Persatuan Artis Malaya). Nama ringkasnya "PERSAMA" yang didaftarkan akan bertimbalan nombor 271, Tembeling Road, Seberang Perai, Pulau Pinang, dan sebarang tempat yang harus ditetapkan oleh Lembaga Kerja.

### Undang2 2. Tujuan

(a) Untuk menyatukan dan meningkatkan taraf artist2 film.

(b) Untuk memperbaiki keadaan artist2 dan untuk bertindak sebagai Pekara yang berkait dengan kesihatan, keadaan2 bekerja, masalah2 perkara yang bersangkutan dengan hendak meninggikan keadaan sosial artist2.

(c) Untuk memajukan profesional ahli2nya dan menggalang supaya meninggikan kedudukan

(1)

Petikan dari undang-undang tujuan Persatuan Artis Malaya (PERSAMA).

didalam lapangan seni mahupun didalam lapangan ekonomi.

(d) Untuk menyatu padukan semua artist2 yang bekerja pada seluruhnya dan mententeramkan perhubungan2 antara pekerja dan majikan, antara ahli dengan ahli, dan menchuba menyelesaikan sebarang perselisihan antara mereka itu dengan jalan aman damai.

(e) Untuk membantu, dengan wang atau lainnya, sebarang ahli atau ahli2 yang didalam kesusahan2, seperti sakit, kemalangan, kehilangan tenaga atau kematian.

(f) Umumnya, untuk memperbaiki kebajikan kebendaan, social dan pelajaran semua ahli2 menurut sebarang chara yang halal yang akan ditetapkan oleh ahli2 didalam suatu mashuarat agong, atau oleh Lembaga Kerja, dari semasa kesemasa apabila didapati berfaedah.

### Undang2 3. Keahlian.

(a) Ahli Biasa - Hanya seniman2 dan seniwati2 film, pekerja2 studio film dan pekerja2 didalam rupa yang lain didalam perusahaan film. tidak kira bangsa, ugama atau keperchayaan mereka, boleh menjadi ahli biasa Union.



Gambar atas:  
Sebahagian dari insan Jalan Ampas Studio MFP bergambar dengan pelawat-pelawat.



Gambar bawah:  
JAMIL SULONG (No. 4 berdiri dari kanan) bersama pelakon dan petugas di hadapan sebuah hotel di Alor Setar waktu penggambaran filem "RAJA BERSIANG".

Gambar atas:  
JAMIL dan  
beberapa orang  
pelakon MFP  
bertemu dengan  
pelakon-pelakon  
pentas drama  
SHAKESPEARE dari  
England.



Gambar bawah:  
JAMIL bersama  
dengan para artis,  
petugas dan  
pelawat dari  
Sarawak bergambar  
ramai sebagai  
kenangan.







Gambar kenangan dengan penghulu dan penduduk sebuah kampung dekat Alor Setar waktu penggambaran "RAJA BERSIANG". Kelihatan SARIMAH, JAMIL dan HAJI MAHADI.



Gambar atas:  
JAMIL bersama-sama  
NORMADIAH, ZAITON,  
SARIMAH dan AZIZ  
JAAFAR dalam satu  
perjumpaan.

Gambar bawah:  
Wakil kerajaan Ing-  
geris di Singapura  
sedang baramah  
mesra dengan JAMIL  
dan SARIMAH.







Gambar kiri:  
**JAMIL SULONG** bersama-  
 sama dengan **H.M.  
 ROHAIZAD (SYED HAMID  
 @ WAN CHIK)** yang pada  
 waktu itu sebagai  
 penolong pengarah.

Gambar atas:  
**JAMIL** dengan para  
 petugas unit yang  
 memilemkan filem  
 "BIDASARI" bergambar  
 di hadapan sebuah hotel  
 di Kota Tinggi Johor.

Gambar bawah:  
**USMAN AWANG  
 dan ABDULLAH  
 HUSSAIN**





Gambar atas:  
P. RAMLEE  
mengarahkan salah  
sebuah filemnya di  
sebuah bangunan  
yang diubahsuai  
sebagai hospital mata.

Gambar bawah:  
P. RAMLEE bersama-  
sama pengurus studio  
ENCIK KWEK CHIP  
JIAN, melayani  
sepasang tetamu dari  
luar negeri.





Gambar atas:  
**JAMIL SULONG** bersama beberapa pembantunya teknisyen dari Jepun, dalam penggambaran filem "RAJA BERSIANG" di Pasir Panjang Singapura.

Gambar bawah:  
**OMAR ROJIK** mengarahkan filem "PANJI SEMERANG" (MFP).



## Artis Utama dan Pembantu

terus berulang-ulang kali tanpa berhenti melainkan setelah jentera itu dihentikan. Semasa filem itu ditayangkan, para artis akan melatih menuturkan dialog yang telah diucapkan sewaktu penggambaran dibuat dahulu. Dia harus mengikut gerak bibir yang sama serta memberi emosi yang sesuai dengan keadaan yang berlaku pada babak itu. Latihan ini dilakukan berulang kali sehingga memuaskan barulah rakaman akan dibuat. Sekiranya ada yang tidak betul, rakaman akan dibuat berulang-ulang kali, sehingga semua pihak puas hati bahawa rakaman itu baik dan boleh digunakan.

Rakaman isi suara ini memang memerlukan banyak filem perakam, terutama waktu rakaman masih dibuat dengan cara lama atau menggunakan optikal tetapi apabila sudah menggunakan sistem rakaman pita magnetik, penggunaan pita yang banyak tidaklah begitu dirasakan kerana pita yang digunakan itu boleh dipakai lagi pada waktu yang lain.

### Gaji Artis

Di sini eloklah saya perturunkan sebahagian daripada senarai itu:

#### Penolong Pengarah

Nama	Tarikh masuk kerja	Gaji \$
1 S. Sudarmaji	1948	210 00
2 Omar Ali (Rojik)	4.10.1950	240 00
3 Jamil Sulong	1.11.1951	230 00
4 Muhammad Keahk	1.03.1952	230 00
5 Syed Hassan Safi	4.08.1952	210 00
6 A. Hamid Muhammad (Rohaizad)	7.01.1953	210 00
7 S. Kadarisman	28.04.1953	210 00

#### Pembantu dan Petugas Bahagian Kamera

Nama	Tarikh masuk kerja	Gaji \$
1 Yaacob Mahmud	16.10.1952	90 00
2 Haruzah Rahman	4.02.1953	90 00
3 Rahman Jais	1.03.1953	90 00
4 Hassan Nawt	4.03.1953	90 00
5 K.R. Ayyakanna	1953	160 00
6 A. Bakar Ali	6.06.1954	160 00
7 Jumari Saripan		160 00
8 Hairi Yassin	9.04.1955	80 00

Nama	Tarikh masuk kerja	Gaji \$
1. Siti Tanjung Perak	1949	200 00
2 Musalmah	1950	100 00
3 Salbiah	1950	100 00
4 Fatimah Osman		85 00
5 Zainun		85 00
6 Zubedah Hamzah		90 00
7 Ali S. Muhammad (Fiji)		90 00
8 Mustajab	1950	130 00
9 Malik Sutan Muda	1950	140 00
10 Mariani Baharum	1950	150 00
11 Shariff Doi	1950	200 00
12 Haji Mahadi	8.12.1950	210 00
13 Neng Yatimah	1950	250 00
14 Jermilah Md Som	1951	85 00
15 Saaidah Baharum	5.11.1951	100 00
16 Shamsuddin Dali	1951	120 00
17 Rosnani Ludin	15.02.1952	100 00
18 Martani Ismail	10.04.1952	100 00
19 Muhammad Hamid (Ahmad C)	1952	100 00
20 Salleh Kamil	1952	100 00
21 Habsah Buang	17.07.1952	100 00
22 Saamah	1952	100 00
23 A. Rahim Abu	1952	150 00
24 Nordin Ahmad	1952	200 00
25 Yusof Latiff	7.03.1952	200 00
26 Eloni Hayat	1953	200 00
27 Ahmad Mahmud	1953	150 00
28 Normadiah	1953	200 00
29 Aziz Sattar	1953	150 00
30 Ibrahim Hassan (Pendek)	1954	100 00
31 HM Busra	1955	70 00
32 Rosiah Abdullah (Chik)	1955	90 00
33 Kemat Hassan	1956	70 00
34 Jins Shamsuddin	1956	70 00
35 Omar Suwita	1956	85 00
36 Hashimah Yon	1956	85 00

Di antara bahagian-bahagian yang tidak disebut di sini termasuklah bahagian rakaman, makmal, suntingan, penata cahaya, penata rias, pakalan, stor, pemandu, pegawai keselamatan, penjaga sambungan, pelukis, pengarah muzik dan buruh kasar yang berjumlah lebih daripada 150 orang.

P. Ramlee sendiri yang pada masa itu sudah menjadi pengarah dan berpendapatan sebanyak \$600 sebulan, sama dengan bayaran yang diterima oleh pengarah-pengarah yang dibawa masuk dari luar negeri. Di dalam rencana pemohonan PERSAMA itu, gaji pengarah, jurukamera dan

beberapa orang yang bukan ahli PERSAMA, tidak akan disentuh. Kami juga merancang tiap-tiap bahagian itu haruslah ada tanggaji yang tertentu atau yang minimum apabila seseorang mula masuk kerja, kemudian diikut susunan tingkatan kenaikan sekian-sekian banyak pada setiap tahun hingga mencapai had yang maksimum.

### Pemberhentian Kerja

Mungkin rancangan kami ini diketahui oleh majikan dan untuk memuda kekuatan persatuan sebelum PERSAMA sempat mengemukakan tuntutan, dengan cara menjejut MFP memberhentikan Musalmah, Omar Rojik, S. Kadarisman, Syed Hassan Safi dan H.M. Rohaizad.

PERSAMA segera meminta nasihat dari Encik T.T. Rajah, orang kuat kesatuan sekerja di Singapura waktu itu dan juga peguam Persatuan Buruh iaitu Encik Lee Kuan Yew yang kini menjadi Perdana Menteri Republik Singapura.

Daripada pertemuan ini, maka sepucuk surat pun dihantar kepada majikan, yang salinannya diturunkan di bawah ini:

PERSAMA  
Artistes' Union Malaya.  
Telephone: 44723  
271, Tembeling Road,  
Singapore 5.

6th March '57.

P.A.M. 34/3/57

The Managing Director  
The Malay Film Production Ltd.,  
116/120 Robinson Road,  
SINGAPORE.

Dear Sir,

This is to inform you that the *Artistes' Union Malaya (PERSAMA)*, at an Emergency General Meeting on March 5th, 1957, has made the following resolutions:

1. The Union strongly protests against the dismissal of five employees of the Malay Film Productions Ltd., who are members of the Union. They are:

(a) Musalmah

(Artiste)

- |                      |                      |
|----------------------|----------------------|
| (b) A. Hamid         | (Assistant Director) |
| (c) Omar Ali         | (Assistant Director) |
| (d) Kadarisman       | (Assistant Director) |
| (e) Syed Hassan Safi | (Assistant Director) |

2. That the five above mentioned employees be immediately reinstated.

3. Unless these demands are accepted by you by March 16th 1957, members of the Union who are under your employment shall be forced to go on strike from that date.  
Anticipating an early reply from you.

Yours faithfully,

.....  
(signed)

Salleh Ghani  
(Hon. Secretary)

C.C. Commissioner for Labour  
T.T. Rajah Esq.  
M/S Lee & Lee  
M.F.P. Studios Manager

Setiausaha,  
PERSAMA  
Persatuan Artistes Malaya,  
271 Tembeling Road,  
Singapore 15.

19th March, 57.

Kepada Seluruh Trade Unions.

Singapore and Federation of Malaya

1. AHLI-AHLI kami PERSAMA (Persatuan Artistes, Malaya) yang bekerja di Malay Film Production (Syarikat yang dipunyai oleh Shaw Brothers Ltd.) telah mogok mulai dari 16/3/57.

2. Sebabnya kami menjalankan mogok itu, ialah kerana majikan MFP, telah membuang ahli-ahli kami sebanyak lima orang dengan tujuan hendak memecahkan persatuan kami. Mereka yang dibuang itu ialah jawatankuasa-jawatankuasa yang telah dilantik untuk mengemukakan soal-an tun-

tutan gaji bagi ahli-ahli kami yang bekerja di MFP nama-namanya seperti ini:-

- |                     |               |
|---------------------|---------------|
| 1. Musalmah Kamsani | Artiste       |
| 2. Omar Rojik       | Ass. Director |
| 3. S. Kadarisman    | - do -        |
| 4. S. Hassan Safi   | - do -        |
| 5. H.M. Rohazad     | - do -        |

3. Kami telah menghantar satu surat kepada pihak majikan MFP pada 6/3/57 iaitu menuntut supaya majikan mengambil kembali akan mereka yang telah dibuang dari pekerjaan itu.

4. Kami juga telah menghantar satu rombongan berjumpa Ketua Menteri Federation of Malaya, menerangkan segala kejadian dan pertikaian yang telah berlaku di antara pihak PERSAMA dan majikan. Tunku bersimpati dengan pihak kami.

5. Di sini kami ahli-ahli PERSAMA berseru dengan hati yang penuh menaruh harapan agar dapat kiranya rakan-rakan kami membantu dan menolong kami mahu-pun dari segi moral, wang dan lain-lain juga, supaya dapat kami berjuang terus menentang majikan yang zalim dan berkuku besi itu.

6. Sekiranya ada derma-derma dan bantuan-bantuan dari rakan-rakan kami yang ikhlas hendaklah dialamatkan seperti ini:-

Hon. Secretary  
271 Tembeling Rd. Singapore 15.

7. Segala bantuan dan sokongan adalah kami junjung tinggi.

Terima kasih.

MERDEKA

Hon. Secretary	President
Salleh Ghani	P. Ramlee

Kemudian satu rombongan telah juga dihantar untuk menghadap Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang pada masa itu menjadi Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu. PERSAMA mengharapkan nasihat dan restu dari Tunku berhubung dengan perkara yang berlaku. Tunku kemudian menghantar Encik (kini Datuk) Senu Abdul Rahman sebagai wakil peribadinya untuk

menemui pihak tuan punya MFP.

Sudah menjadi sejarah, pemogokan yang dikatakan itu terus berlaku, kerana pihak MFP tidak menarik balik pemberhentian orang-orang yang terlibat.

Lebih kurang sebulan pemogokan itu berjalan (sehingga 7 April 1957). PERSAMA mendapat banyak sokongan moral dan material daripada persatuan dan orang perseorangan. PERSAMA juga mengadakan pertunjukan untuk menambah tabung persatuan.

Akhirnya MFP menarik balik pemberhentian itu sambil diadakan badan perunding antara PERSAMA dan pihak majikan. Pendeknya soal gaji semakin masa yang lama juga sebelum ada perubahan, itu pun terpaksa bertolak ansur antara kedua-dua pihak. Walau bagaimanapun pihak pekerja berasa tidak puas hati dalam beberapa perkara berhubung dengan aturan kerja.

Pada tahun 1964, Ramlee berhijrah ke Merdeka Studio di Kuala Lumpur, oleh yang demikian di dalam Mesyuarat Agung Khas yang diadakan, saya dilantik menjadi Presiden PERSAMA.

Salleh Ghani yang selama ini menjadi Setiausaha PERSAMA sudah menjadi pengarah di Cathay Keris kemudian pindah pula ke Kuala Lumpur, jawatan Setiausaha dipegang pula oleh Mustafa Yassin dan kemudiannya digantikan oleh Jins Shamsuddin.

Pada masa saya menjadi Presiden ini, pekerja-pekerja MFP pernah pula menjalankan tindakan kerja mengikut masa kerana membantah beberapa perkara berkenaan dengan syarat kerja. Waktu itu saya sedang mengarahkan filem *Darah Muda*. Sebenarnya apa yang dilakukan bukan kerja mengikut masa seperti yang biasa diketahui tetapi melambatkan-lambatkan pekerjaan. Bayangkan sajalah, kalau biasanya pada satu hari kita boleh mengambil 15 hingga 20 syot, tetapi kerana tindakan yang dijalankan ini dalam sehari cuma satu atau dua syot saja yang dapat diambil. Betapa susah kita hendak mengingatkan sambungan antara satu syot dengan syot yang berikutnya kalau babak itu terpaksa digambarkan secara berditik-ditik dan berlanjut-lanjutan.

Krisis itu berlaku kerana para pekerja berasa tidak puas hati. Selalu mereka berlaku pertentangan di antara mereka dengan majikan. Para artis tidak banyak kerennanya, malah mereka berasa sukar untuk bersetuju



Keluarga pekerja dan pelakon Malay Film Productions (MFP) Jalan Ampas mengadakan perjumpaan Hari Raya dalam studio.



B

MAT

RAYA



dengan kemahuan-kemahuan pekerja. Yang lebih teruk ialah pengarah yang juga menjadi ahli persatuan itu. Mereka tidak ramai, sedangkan yang lain ramai, jadi sebarang keputusan persatuan terpaksa dipatuhi oleh pengarah, sekalipun perkara itu menyusahkan dan menghalang tugas-tugas kreatif yang melibatkan karya sendiri.

Ketidakpuasan hati pihak buruh ini membuat mereka bergabung pula dengan Singapore General Employees Union yang menganggotai pula SATU atau Singapore's Association of Trade Unions yang radikal dan agresif. Secara peribadi saya tidak menyetujui gabungan ini dan dengan perlahan-lahan saya menarik diri. Oleh yang

demikian, persatuan banyak dikuasai oleh H.M. Rohaizad dan Jins Shamsuddin. Pihak artis pula memikirkan kedudukan mereka akan lebih terjamin kalau menyokong parti kerajaan Persekutuan, maka dengan diketuai oleh Zulkifli (ketika itu suami Sarimah), mereka menjadi ahli UMNO cawangan Toa Payoh yang upacara pembukaannya dirasmikan oleh Encik Khir Johari pada 18 April 1965.

Sama ada hal ini berkaitan atau tidak, pada akhir bulan April itu MFP memberi surat berhenti kerja kepada semua pekerja dan pelakon di studio yang kini berjumlah 109 orang dengan memberi tempoh selama sebulan.

Akibatnya pelbagai perundingan telah dibuat dengan kerjasama beberapa orang kenamaan daripada UMNO dan badan-badan lain. Pemberhentian beramai-ramai itu bagaimanapun ditarik balik dan MFP tidak jadi ditutup.

Walaupun bagaimanapun atas alasan kerugian, dua tahun kemudian, iaitu pada penghujung tahun 1967 MFP telah benar-benar ditutup, menamatkan riwayatnya sebagai studio filem sejak tahun 1930, dikira dari zaman adik-beradik Shaw menggunakan kawasan ini sebagai tempat mereka mula berusaha di bidang filem. ●



## ZAMAN ANAK TEMPATAN


**S**EBELUM ini telah saya sebutkan bahawa Haji Mahadi pernah dicuba sebagai pengarah di MFP pada tahun 1952 dengan filem *Permata Di Perlombongan*. Namun demikian sebenarnya di studio lain seperti di Nusantara, Naz Achnas dan A.R. Tompel (Armaya) sudah lebih dahulu mendapat peluang menjadi pengarah. Mereka bagaimanapun rakyat Indonesia yang berada di Singapura.

### P. Ramlee

Setelah beberapa tahun, iaitu pada tahun 1955 Ramlee diberi peluang mengarahkan filem *Penarik Becca*. Seperti mana yang tercatat di dalam buku *P. Ramlee: Kisah Hidup Seniman Agung* yang ditulis oleh Abdullah Hussain, filem itu mendapat kejayaan di luar dugaan dan nama Ramlee tambah disanjung. Sebelum ini Ramlee sudah banyak mengubah lagu untuk filem pengarah-pengarah yang lain. Biasanya kalau tidak Sudarmaji, dia akan meminta saya mengarang seni kata lagu-lagunya.

Apabila dia mula mengarah, beberapa buah lagu filemnya telah saya buat seni katanya seperti lagu-lagu untuk filem *Penarik Becca* dan *Semerah Padi*. Kemudian saya sudah sibuk pula dengan filem saya sendiri dan Sudarmaji menjadi penolong pengarahnya, Sudarmaji pula yang membuat kebanyakan seni kata lagu-lagunya.

Manusia Ramlee memang suka berbual, lebih-lebih lagi kalau tentang cerita filem yang bakal atau sedang diarahkannya. Dia tidak jemu-jemu menceritakannya berapa kali pun. Biasanya bila dia bercerita



P. RAMLEE dalam salah satu posenya waktu muda. Gambar ini mungkin diambil sewaktu beliau di Pulau Pinang sebelum berhijrah ke Singapura.





P. RAMLEE dengan KASMAH BOOTY dalam filem "SEJOLI" dan berpasangan dengan SAADIAH (bawah) dalam filem arahan P. RAMLEE yang pertama "PENARIK BECA".





RAMLEE dalam filem "PENARIK BECA" bersama HABSAH, SAADIAH dan UDD OMAR @ OMAR HITAM dan RAMLEE dengan ZAITON (Gambar kanan) dalam "ANAKKU SAZALI".







ramailah orang yang akan mendengar dan mereka berasa segan pula hendak meninggalkan tempat itu. Kalau datang lagi kenalan lain yang belum mendengar cerita itu, Ramlee akan mengulangi ceritanya. Di dalam bercerita itu sekiranya timbul idea baru atau ada orang yang mencadangkan sesuatu yang lebih baik, idea itu akan dimasukkan ke dalam ceritanya.

#### **Tabiat P. Ramlee**

Kepandaian dia berbual dan bercerita itu membuat dia menjadi seorang periwayat yang baik untuk filem-filemnya.

Satu kegemaran Ramlee, sama ada disedarinya ataupun tidak ialah sambil duduk bercerita atau berbual, sebelah kakinya tidak berhenti terhenjut-henjut dengan cepat, saya kira itu menandakan otaknya sedang berfikir.

Dia suka duduk bersempang di kedai kopi Siput atau Ah Lam di depan Studio Nombor 8 dengan segelas kopi di depannya. Biasanya bila dia duduk di situ ramailah yang datang bersempang dengannya.

Saya jarang melihat dia mempelawa mereka minum. Kalau mereka mahu minum mintalah sendiri, kerana biasanya masing-masing memang ada "buku kira-kira" di warung-warung itu. Ini bukanlah bermakna dia lokek cuma mungkin kalau dia mempelawa tiap-tiap orang yang bersempang di warung itu tentu tidak dapat diisikan dalam sebuah buku besar!

Mengingat kembali soal minum di warung-warung ini, memang menjadi satu kebiasaan pula di studio itu, kalau seseorang didenda kerana sesuatu sebab, misalnya dia datang lambat dan menyebabkan orang lain tertunggu-tunggu untuk penggambaran, maka dia terpaksa membelanja ahli unit itu minum kopi. Demikian juga kalau ada pula yang barangkali menyambut hari jadinya atau mendapat tuah lain, mereka akan tertumpu ke situ.



P. RAMLEE sebagai  
ADUKA dalam filem  
arahannya yang kedua  
"SEMERAH PADI",  
berpasangan dengan  
SAADIAH.









**HUKUM ZINA DALAM ISLAM!**  
**P. RAMLEE**   
**SE**  
**MERAH**  
**PADI**  
(DARI BUKAN SUD-TUDAS)



Ketiga-tiga gambar ini dari filem "SEMERAH PADI" selain dari P. RAMLEE terlihat juga SAADIAH, HASHIM NOR dan NORDIN AHMAD.

Lagi satu pandangan yang agak tegang dari filem "ANTARA DUA DARJAT" arahan P. RAMLEE. Kelihatan S. KADARISMAN mengancam SAADIAH. P. RAMLEE dan ZAINON FIJI nampak di belakang.





Salah sebuah film  
peperangan MFP,  
"SERGEANT  
HASSAN" dilaken-  
kan oleh  
P. RAMLEE.



## Pengarah Filem Jepun

Selepas *Penarik Beca* filem arahan Ramlee yang kedua ialah *Semerah Padi*. Pada pendapat saya filem itu adalah salah sebuah filem yang sangat baik dari segi arahan dan penyempaiannya. Cerita itu sumbangan Omar Rojik. Sebelum ini antara Ramlee, saya dan Omar Rojik memang sering berbual-bual tentang filem-filem Jepun, terutama filem arahan Kurosawa dan juga lakonan Toshiro Mifune di dalam filem *Rashomon*.

Pengaruh lakonan dan arahan Jepun memang dapat dilihat dalam filemnya *Semerah Padi*. Pengaruh itu tidak semestinya dari filem *Rashomon* sahaja iaitu filem Akira Kurosawa yang pernah memenangi hadiah di Venice pada tahun 1951 dan hadiah Akademi pada tahun 1952, tetapi mungkin daripada beberapa buah filem Jepun yang lain juga. Pengaruh ini bukanlah bermakna dia meniru sesuatu yang tertentu secara total, tetapi hanya daripada cara persembahan dan pendekatan termasuk juga jurusan kamera, serta kedudukan dan gerak geri pelakon. Salah satu babak yang menarik ialah babak pertarungan Ramlee dengan Salleh Kamil di dalam sebuah pondok. Kalau diamati baik-baik, beberapa jurusan penggambaran dan cara gerak geri pelakon hampir serupa dengan cara filem purba Jepun digambarkan.

Mencari perubahan dan bereksperimen memanglah kegemaran Ramlee. Di dalam sebuah filem lain, dia sengaja menghendaki set yang kecil dan kemudiannya menggunakan kaca kanta ukuran lebar, misalnya 25 mm atau yang lebih rendah daripada itu. Dengan menggunakan lensa ini, benda yang difilemkan menjadi berbeza, seolah-olah seperti cermin yang mengajuk atau disebut *distortion*. Ruang kecil boleh kelihatan luas, barang yang dekat sekali dengan kamera akan nampak lebih besar daripada ukuran sebenarnya dan yang di belakang nampak jauh sedikit, tetapi kesemuanya masih jelas kelihatan, yakni tidak kabur fokusnya. Lebih-lebih lagi kalau



P. RAMLEE melayani dua orang tamu waktu penggambaran salah sebuah filemnya.

kamera diputarakan ke kiri atau ke kanan, sekiranya yang digambar ialah pemandangan sebuah bangunan, akan kelihatanlah bangunan itu seperti melengkung atau bergelombang mengikut bentuk kaca kanta itu.

Penggunaan kanta seperti ini kadang-kadang membawa kesan psikologis dan impak yang tertentu kepada penonton. Kalau kamera diletak di sudut bawah selari dengan lantai atau tanah, yang digambar akan kelihatan lebih hebat seperti kebanyakan syot di dalam filem *Citizen Kane* arahan Orson Welles.

Kalau seseorang menumbuk dengan menghalakan penumbuknya kepada kamera, maka penumbuk itu kelihatan begitu besar dan tangan si penumbuk seolah-olah bertambah panjang!

Ramlee juga pernah mengubah kebiasaan mengambil gambar di luar studio yang selalunya mengharapkan cahaya matahari yang cukup terang. Dengan kerjasama jurukamera Bakar Ali, dia memfilemkan beberapa babak tanpa menggunakan cuaca panas terik, hanya cukup dengan cahaya redup atau panas yang sederhana, dengan syarat keadaan seperti itu berpanjangan atau konsisten.





P. RAMLEE dan  
ZAHARAH AGUS dalam  
filem komedi "MADU  
TIGA"

Gambar kanan:  
ANI JASMIN bersama-  
sama AZIZ SATAR,  
P. RAMLEE dan S.  
SHAMSUDDIN dalam  
"PENDEKAR BUJANG  
LAPOK"








WAN CHIK DAUD  
sedang diusik oleh  
IBRAHIM DIN,  
P. RAMLEE dan A.R.  
TOMPEL dalam  
"MASAM-MASAM  
MANIS" (Merdeka).



Antara siri komedi filem-filem P. RAMLEE, siri "BUJANG LAPOK" yang dilakukan bersama-sama AZIZ SATTAR dan S. SHAMSUDDIN tetap jadi kegemaran sampai kini (MFP).



RAMLEE dengan SARIMAH dalam filem "IBU MERTUAKU" dan bersama-sama SALOMA.



Apabila melihat filem *Rashomon* yakni babak Toshiro Mifune yang memegang peranan seorang penyaman sedang berjalan pantas di dalam hutan diikuti oleh kamera, Ramlee juga telah membuat cara yang serupa di dalam filemnya *Semerah Padi*.

### Teknik Fotografi

Kami membincangkan teknik memfilemkan babak itu dengan bersetuju bahawa kalau gambaran dibuat dengan meletakkan kamera di atas doli atau "dolly" terpaksa lah rel yang digunakan akan berjejal-jejal panjangnya. Ini adalah satu perkara yang sangat menyusahkan kerana studio itu tidak mempunyai rel yang banyak. Kalau adapun akan menyulitkan pula petugas-petugas kamera bagi menolak kamera mengikut kecepatan artis yang sedang berjalan dan tugas jurufokus yang mengubah jarak fokus kerana sudah tentu jarak artis dengan kamera akan berubah-ubah.

Cara yang lebih senang ialah meletakkan kamera pada satu tempat dan artis disuruh berjalan pantas atau berlari-lari anak mengikut satu bulatan yang jaraknya sudah ditentukan dari kamera. Dengan cara ini, jurukamera hanya terpaksa memutar kamera 360 darjah beberapa lama yang dikehendaki. Sudah tentulah dengan menggunakan cara ini, kecepatan jurukamera sangat mustahak supaya putaran itu menjadi licin tanpa tersangkut atau berbeza-beza kecepatannya.

Satu cara yang lain, yang pernah saya buat ialah dengan meletakkan kamera di atas doli dan menggunakan rel seperti cara yang biasa dibuat. Tetapi lokasi itu hendaklah diatur sebegitu rupa, jadi apabila kamera mengikuti artis yang sedang berjalan dengan cepat, pada satu bahagian yang tertentu, artis itu hendaklah melintasi di sebatang pohon yang besar atau objek lain yang besar, yang boleh memenuhi bidang kanta secara seluruhnya untuk seketika. Kemuhiannya kamera akan menangkap artis itu semula dari syot yang lain. Pengambilan yang serupa akan dibuat berulang-ulang kali dengan mengubah serba sedikit latar belakang, tetapi permulaan gambarannya, haruslah dengan melintasi objek yang sama pada akhir syot yang awal tadi, iaitu *view-finder* dipenuhi oleh sesuatu objek yang besar. Apabila disunting nanti, syot ini



Berpasangan  
dengan ZAHARAH  
AGUS dalam  
"MADU TIGA"  
(MFP).





Gambar kiri:  
RAMLEE dengan M. ZAIN  
dan UDO OMAR dalam  
filem "NASIB SI LABU  
LABI" (MFP).

Gambar atas:  
MAHMUD JUN dan  
P. RAMLEE dalam satu  
adegan filem komedi  
keluaran Merdeka Studio  
arahan P. RAMLEE.



P. RAMLEE

# Ibu Mertua Ku



disambung seluruhnya, hasilnya akan kelihatan seperti satu adegan yang bergerak panjang tanpa putus-putus. Teknik ini saya gunakan di dalam filem *Batu Belah Batu Bertangkup* sewaktu Neng Yatimah berlari dalam hutan menuju ke Batu Belah dan diikuti oleh kedua-dua anaknya, Melor dan Pekan (Hasnand dan Bat Latifi).

Kejayaan Ramlee mengarahkan *Penarik Becu* tidaklah bermakna dia mendapat peluang mengarahkan filemnya yang kedua dengan segera. Disebabkan kedudukannya sebagai pelakon juga dia dikehendaki terlibat dalam *Hang Tuah* dan *Anaku Sazali* arahan Phani Majumdar.

Untuk *Semerah Padi* Ramlee meminta

saya membuat seni kata lagu-lagunya. Salah sebuah lagunya ialah "Sekapur Sirih Seulas Pinang" disesuaikan untuk babak tarian ketika Taruna akan berangkat bersama-sama pendekar yang lain menentang penjajah yang mengancam kampung mereka.

#### **Makna Perkataan**

Satu perkara yang saya masih ingat setelah lagu ini jadi kegemaran ramai, ada pihak yang mengecam bahawa perkataan "seulas" itu salah penggunaannya, kerana menurut kebiasaan, ulas itu ialah seperti ulas durian atau limau tetapi pada pinang sepatutnya digunakan kata sekacip, sepiak




Babak-babak dari filem "IBU MERTUAKU" dilakonkan bersama SARIMAH, ZAITON dan MAK DARA sebagai ibu mertua (MFP).





Berpasangan dengan SARIMAH sebagai salah seorang dari isteri P. RAMLEE dalam "MADU TIGA"



Melihat komposisi  
sesuatu syot sebelum  
diambil adalah lebih  
senang dengan  
kamera jenis ini.  
P. RAMLEE dengan  
kamera Mitchell.

Gambar kiri:  
Babak yang  
menyeramkan dalam  
filem "IBU MER-  
TUAKU" (MFP).

P. RAMLEE dan  
BAT LATIFF  
masing-masing  
memegang trofi  
yang dimenangi  
dalam PESTA  
FILEM ASIA  
TENGGARA.

Gambar kanan:  
P. RAMLEE dengan  
bintang A. M. N.  
yang diterimanya.





ataupun sebuks, tidak harus digunakan seulas.

Saya memiadikan diri tidak menjawab kritikan atau ulasan itu kerana saya bukanlah seorang ahli bahasa. Saya hanya mengingatkan diri sendiri bahawa penggunaan perkataan seulas itu saya ambil dari kebiasaan penggunaan daerah. Kebetulan di kampung saya orang yang makan sirih seperti emak dan nenek saya menggunakan kata-kata "seulas pinang", bagi pinang yang sudah dicacai atau dibelah menjadi ketul-ketul kecil.

Kadang-kadang saya bertanya sendiri, apakah pula istilahnya bagi pinang yang dicacai atau dihiris nipis-nipis oleh orang India yang berjumlah di kaki lima kedai-kedai di pekan?

Walaupun bagaimanapun nampaknya sebutan seulas pinang itu diteruskan penggunaannya, bahkan ungkapan itu pernah digunakan juga untuk tajuk rencana pengarang sebuah majalah yang berpengaruh.

Demikianlah juga halnya dengan se-patah kata yang saya gunakan di dalam filem *Miskin*. Di dalam filem itu Omar Rojik memegang watak pemuda nakal. Dia membuat fitnah dan berkelakuan tidak sopan. Dalam satu babak, dia telah mengadu kepada bapak Rosnani dengan menggunakan antara lain. Kata-kata "... anak pak cik itu memang gatal!" Ungkapan ini diluluskan oleh pihak penapis filem, tetapi ada pengulas yang menegur bahawa perkataan "gatal" itu tidak elok digunakan, kononnya terlampau kasar dan tidak manis, sepatutnya Omar boleh menggunakan perkataan "miang" atau sebagainya. Antehnya hingga ke hari ini istilah "gatal" tetap popular.

Filem *Miskin* itu dibuat pada tahun 1952. Waktu itu agaknya memang ramai penulis yang romantik. Beberapa lama kemudian barulah banyak yang menulis dengan cara yang lebih realistik, tidak segan-segan menggunakan kata-kata yang kasar, keras, dan lucu. Jangankan perkataan "gatal", yang lebih tidak manis daripada itu pun ada yang digunakan. Mungkinkah saya mendahului mereka dalam kesanggupan menggunakan kata-kata yang sesuai mengikut watak orang yang bercakap? Tersehalah.

Tiga daripada filem Ramlee yang awal itu bercorak drama. *Penarik Becu* ialah drama semasa. *Semerah Padi* dan *Panca*

*Delima* bercorak drama kostum, walaupun *Semerah Padi* berupa separuh purba tetapi *Panca Delima* lebih bersifat khayalan dan memerlukan penggunaan *trick-shot* dan efek khas atau *special effects*.

Kerana pengarah-pengarah lain banyak membuat filem bercorak drama, Ramlee mengambil keputusan membuat sebuah filem lucu untuk arahnannya yang keempat. Filem yang dibuatnya ialah *Bujang Lapuk* (1957). Filem itu cukup berjaya hingga membolehkan lahir beberapa siri *Bujang Lapuk* lagi selepas itu. Padaun Ramlee, Aziz Sattar dan S. Shamsuddin sangat bersesuaian sebagai tiga orang jejaka yang bersahabat dan masing-masing menempuh beberapa peristiwa yang mencokek hati.

### Bayaran untuk Ramlee

Untuk filem ini juga Ramlee mula menerima bayaran secara kontan iaitu sebanyak \$30 000 bagi sebuah filem dengan beberapa syarat. Salah satu syaratnya dia mesti menyiapkan dalam masa yang tertentu. Sekiranya terlebih masa, bayaran itu akan dipotong sekian-sekian banyak dalam sehari. Syarat ini dibuat bagi memastikan Ramlee tidak melengah-lengahkan waktu membuat sesuatu produksi.

Menurut kenyataan dalam buku riwayat hidupnya, hanya untuk *Bujang Lapuk* saja Ramlee menerima bayaran yang cukup tetapi filem-filemnya yang lain dia tidak pernah mengambil sikap tergesa-gesa menyiapkan filemnya dan mengamalkan pula tablet datang bekerja bila dia suka.

Pada tahun 1964 Ramlee berhijrah ke Kuala Lumpur untuk berkarya di Merdeka Film yang terletak di Ulu Kelang. Selepas filem *Bujang Lapuk* dan sebelum meninggalkan MFP Ramlee telah membuat filem-filem berikut:

1. *Pendekar Bujang Lapuk* (1958/59)
2. *Musang Berjanggut* (1959)
3. *Nujum Pak Belalang* (1959)
4. *Antara Dua Darjat* (1960)
5. *Ali Baba Bujang Lapuk* (1960/61)
6. *Seniman Bujang Lapuk* (1961)
7. *Labu Mertuaku* (1962)
8. *Labu Labi* (1962)
9. *Nasib Labu Labi* (1963)
10. *Tiga Abdul* (1963)
11. *Madu Tiga* (1963/64)

Sempena hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda yang di-Pertuan Agong pada tahun 1963, Ramlee telah dikurniakan bintang Ahli Manguku Negara (AMN), iaitu bintang filem Melayu yang pertama mendapat anugerah yang seumpamanya itu.

### Arahan Pertama


Setelah Ramlee membuktikan kebolehan-nya mengarahkan filem, sikap majikan terhadap kebolehan anak peribumi di dalam bidang tersebut mulai berubah. Pada tahun 1958 saya telah ditawarkan mengarah filem. Lalu dicarilah cerita yang popular untuk arahan pertama saya. Selain daripada itu pihak studio menubuhkan satu penal perunding cerita dan skrip terdiri daripada Pegawai Eksekutif Lee Tun Koo, Pengurus Studio Kwek Chip Jian, Pegawai Perhubungan Jaafar Abdullah, P. Ramlee dan penolong-penolong pengaruh seperti Omar Rojik, Kadarisman, Rohaizad, Sudar-maji, Syed Hassan Safi, saya dan kemudiannya diikuti pula oleh Kemat Hassan, Zulkifli Ahmad dan Nordin Ahmad.

Di atas anjuran Ramlee dan Kadarisman, cerita *Batu Belah Batu Bertangkup* dipilih menjadi cerita arahan saya kerana ia merupakan cerita rakyat yang popular. Omar Rojik dicadangkan menjadi pembantu saya. Saya dan Omar ditugaskan membuat lakon layar daripada cerita itu, berdasarkan cadangan dan pindaan penal perundingan cerita.

Penal perunding itu akan bertemu sekali atau dua kali seminggu. Mana-mana cerita yang dipersetujui untuk difilemkan akan sama-sama dibincangkan di dalam majlis ini. Bagaimanapun skrip Ramlee tidak pernah kami rundingkan walaupun dia sebenarnya tidak berkeberatan menengangkan jalan certitanya di dalam majlis seumpamanya itu.

Skrip yang disusun oleh saya dan Omar Rojik akan kami bawakan juga kepada Ramlee sebagai penghormatan kerana beliau pengaruh yang tertua di antara kami. Ramlee bersetuju cara yang kami lakukan dan mencadangkan pula supaya ditambah satu babak bagi menunjukkan asal usul *Batu Belah* itu.

Kami telah mencipta pula satu watak baru iaitu watak Daeng Perkasia seorang yang mempunyai kesakitan boleh memin-



P. RAMLEE



P. RAMLEE dan  
SALOMA bersama-  
sama keluarganya.



dahkan jin penunggu sebatang pokok ke dalam binjai kemudian jin yang ada di dalam binjai itu dikurung pula di dalam sebuah batu besar yang dibelahnya dengan keris hikmatnya. Babak ini dapat dilihat di dalam filem tersebut, selepas babak Pak Hitam (Supaat) menerangkan asal usul Batu Belah itu kepada anaknya Pekan (Bat Latif).

Beberapa soal teknik dan efek khas terpaksa diadakan untuk babak-babak tertentu dalam filem *Batu Belah Batu Bertangkup*. Misalnya babak Daeng Perkas (Shariff Dol) melawan jin penunggu pokok berpuaka, pokok itu akan terbelah dua dan jin yang pada mulanya berada di dalam pokok itu berpindah ke buah binjai di tangan Daeng Perkas. Walaupun teknik ini hanya menggunakan persiapan-persiapan khusus terlebih dahulu, juga dengan cara menggunakan gambar ganda atau *double exposure* dan *over printing* satu filem ke atas filem yang lain, kerjanya memerlukan ketelitian dan memakan masa. Studio MFP tidaklah mempunyai alat-alat yang sofistikated seperti di negara yang sudah maju, jadi segala-galanya banyak dilakukan dengan cara improvisasi saja. Jurukamera C. Ramachandra mencuba sedaya upayanya menghasilkan efek yang dikehendaki.

Untuk set Batu Belah pula, pengaruh seni Mustafaa Yasin dengan bantuan jurubina set telah dapat membuat rekabentuk batu yang boleh terbuka dan tertutup dengan hiasan yang agak menyeramkan. Banyak pekerja yang diperlukan untuk mengangkat bahagian atasnya seolah-olah batu itu terganggu disertai pula dengan efek asap daripada *dry ice*.

Selain daripada itu, kamera juga perlu diletakkan di atas satu tempat khas yang berspring, jadi bila ditekan sedikit saja, kamera akan bergerak dan memberi kesan seolah-olah kena gempa.

Salah satu babak yang menyulitkan ialah babak berlagu ayam, kerana kami tidak dapat mencari ayam laga yang betul-betul garang dan biasa berlagu. Untuk menyu-

dahkan babak itu, ayam-ayam ini sudah cukup letih, sudah malas hendak berlagu, lebih-lebih lagi kami tidak dapat mencari pasangan ayam yang serupa untuk ditukar ganti sebagai *double* apabila seekor dari ayam itu penat atau mogok.

Sebahagian besar filem ini perlu diisi suara. Sebenarnya hampir kesemua filem yang dibuat dengan rakaman langsung waktu itu perlu diisi suara serba sedikit untuk menyiapkannya iaitu untuk menambah mana-mana suara dan bunyi yang kurang. Tetapi isi suara yang dimaksudkan di sini ialah isi suara atau merakamkan dialog selepas habis penggambaran bagi sebahagian besar babak-babak di dalam filem itu. Pendek kata, sejak itu bermulalah unsur-unsur mengubah sistem rakaman langsung sebagaimana yang biasa dibuat di studio itu kepada mengisi suara seluruh filem.

Bat Latiff, anak kepada Mariam Kembar diberi peranan Si Pekan pada waktu kecil. Dia terpaksa dicukur dan menyimpan sedikit jambul di ubun-ubunya serta memakai barut. Bat telah mengondol hadiah pelakon kanak-kanak yang terbaik dalam Pesta Filem Asia kerana perannya itu.

Rahmah Rahmat juga diberikan peranan penting sebagai puteri raja yang dijilati oleh Aziz Jaafar yang berlakon sebagai Pekan sesudah besar. Sebelum ini Mamah (nama timang-timangan Rahmah Rahmat), hanya selalu memegang peranan pelakon tambahan ataupun sebagai penari saja.

Ada beberapa perkara lain ingin saya rakamkan di sini sebagai kenangan sewaktu membuat filem *Batu Belah Batu Bertangkup* itu.

Saya dapat peluang mengarahkannya pada bulan November 1958, iaitu tujuh tahun tepat setelah saya bertugas di MFP, kerana dengan secara kebetulan saya masuk bertugas di situ pada bulan November tahun 1951.

Upacara pembukaan filem ini juga mendapat penghormatan kerana keberang-

katan Duli Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar Pahang (Almarhum). Baginda menghadiri majlis kenduri doa selamat pelancaran filem itu dan berkenan memetik suis kamera dan merakamkan satu babak majlis itu. Bat Latiff membaca Fatihah pembukaan dan diikuti oleh Haji Mahadi membacakan doanya.

### Tawaran Studio Lain

Kami yang bertugas di studio MFP tidak mengetahui berapakah sebenarnya perbelanjaan membuat sesebuah filem dan berapa pula hasil tayangannya. Ini adalah urusan badan lain di ibu pejabat Organisasi Shaw yang bertempat di nombor 120, Jalan Robinson, Singapura. Kami hanya boleh mengagak dan membuat dugaan berdasarkan perkiraan sendiri atau mendengar desas-desus perbualan pegawai-pegawai syarikat itu.

Gaji saya semasa membuat filem ini samalah seperti gaji seorang penolong pengarah sebanyak \$280 sebulan. Apabila selesai mengarah filem itu saya diberi wang bonus sebanyak \$300 saja, kemudian apabila filem itu ditayangkan dan mendapat sambutan yang baik, saya diberi tambahan bonus sebanyak \$500 lagi. Gaji saya tidak juga naik, senyap-senyap saya mendongkol mengangankan sikap majikan yang sedemikian.

Waktu itu syarikat filem Cathay-Keris di East Coast Road sudah berjalan dengan lancar. Beberapa orang pelakon tempatan dan pengarah dari India sudah pergi ke sana dan mereka mendapat gaji yang lebih baik daripada gaji yang mereka terima di MFP.

Pada suatu hari saya mendapat telefon dari Saudara Hamzah Hussein yang sudah menjadi Pegawai Perhubungan Syarikat Cathay-Keris. Dia mengatakan kalau saya ada kelapangan malam itu, pengurus studio yang bernama Tom Hodge ingin menemui saya di Bangunan Cathay. Saya mengatakan kesanggupan saya menemui beliau.



A. RAHIM sebagai Panglima Harimau Berantai sedang bertentangan dengan AZIZ JAAFAR dalam filem "LELA MANJA", arahan JAMIL SULONG (MFP).

Gambar kanan:  
JINS SHAMSUDDIN  
dan A. RAHIM dalam  
filem yang sama.



Pada malam itu, bertemulah saya dengan Tom Hodge, yang dahulunya pernah menjadi Ketua Pengarah Malayan Film Unit (kini Film Negara Malaysia). Sdr. Hamzah juga ada bersama-sama. Hamzah menerangkan bahawa pertemuan itu bertujuan menyanjikan sama ada saya berpusing dengan kerja dan pendapatan di MFP. Terus terang saya katakan pada masa itu saya tidak puas hati, kerana nyatalah selepas filem yang saya arahkan itu berjaya, gaji saya masih pada tahap lama sedangkan bonus mengahar pun sangat kecil sekali.

Tom Hodge menanyakan kemungkinan kalau saya dipelawa bertugas di Cathay-Keris. Kata saya, tidak kira siapa majikan dan di mana saya bekerja asalkan usaha dan kerja saya dihargai dan dinilai dengan sewajarnya.

Saya terangkan dengan jujur berapa gaji saya waktu itu dan seterusnya saya katakan kemudahan di MFP seperti dapat tempat tinggal percuma tidak jauh dari studio.

Mereka bertanya lagi, sekiranya saya mahu bekerja di Cathay-Keris berpindah gaji yang saya kehendaki. Saya katakan saya tidak tahu berapa sepatutnya gaji seorang pengarah, tetapi saya terangkan juga kalau bekerja dengan Cathay-Keris kemudahan dan ganjaran yang pernah saya dapat dari MFP perlu ada, seperti rumah, bonus bagi tiap-tiap filem, dan bayaran yang berasingan kalau berlakon, menulis skrip atau mengarah link dan sebagainya.

Tidak ada sebarang keputusan di dalam pertemuan itu. Tom Hodge dan Hamzah mengatakan mereka akan menimbang hasil perbualan malam itu dan sekiranya ada apa-apa perkembangan, saya akan dihubungi lagi.

## Tawaran Balas

Sama ada berita pertemuan itu sampai ke pengetahuan pihak pengurusan atau secara kebetulan sahaja, beberapa hari kemudian saya dipanggil bertemu Pegawai Eksekutif Studio, Encik Lee Tun Koo. Beliau

datangkan ke studio itu selepas peristiwa permogokan. Pegawai studio itu Encik Shaw Wee Ngok telah digantikan dengan seorang yang bernama Mr. Lui. Beliau ini berjawah masam dan agak birokratik sifatnya, kebanyakan pekerja studio tidak suka dan pernah menandatangani surat beramai-ramai menyatakan tidak mengingini beliau sebagai pengurus. Selepas itu barulah didatangkan Mr. Kwek dan seorang perunding bernama Mr. Hsu, tetapi tidak berapa lama kemudian Mr. Hsu diganti oleh Mr. Lee Tun Koo.

Bila saya menemui Lee Tun Koo, dia menerangkan syarikat ingin mengubah skim gaji saya. Beliau menerangkan gaji pengarah-pengarah yang lain ialah \$600 sebulan, maka gaji yang serupa akan diberikan kepada saya dengan bonus sebanyak \$3 000 bagi setiap filem.

Saya nyatakan ketidakpuasan hati saya selama ini dengan gaji yang saya terima sesudah mengahar filem dan juga bonus yang diberikan kepada saya. Oleh itu saya memberanikan hati mengatakan kebetulan saya sudah ada pelawaan dari pihak lain, sekiranya saya tidak diberi gaji \$1 500 dengan bonus \$3 000 saya akan berhenti.

Bila saya menyebutkan pihak lain, saya percaya dia dapat meneka siapa kerana pada masa itu, syarikat yang menjadi saingan MFP hanyalah Cathay-Keris.

Bagaimanapun dia cuba memujuk saya bahawa tingkat gaji pengarah di studio itu memang \$600 sahaja, sebaliknya dia sanggup menaikkan bonus sesuatu filem itu lebih daripada yang disebutkannya.

Saya memikirkkan bonus yang banyak pun tiada gunanya, kerana kemungkinan peluang mengahar di studio itu hanya sekali setahun, atau paling banyak tiga filem dalam dua tahun, kerana bilangan pengarahnya sudah bertambah. Tetapi kalau gaji saya tinggi dengan bonus sebagaimana yang dikatakan mula-mula tadi pun, saya fikir mencukupi.

Pendeknya dalam hal ini kami telah bertolak ansur. Dia menaikkan bonus ke-

pada \$6 000 dengan gaji tetap \$600 dan saya bertaahan pada gaji \$1 200 dengan bonus sebanyak \$3 000.

Saya juga menentuhkan tentang Ramlee yang mendapat \$30 000 untuk beberapa filem walaupun saya tahu memang tidak wajar meminta setinggi itu. Ramlee terpaksa berlakon, mengahar, mengarang lagu, menyanyi dan membuat skrip sedangkan saya hanya boleh mengahar dan membuat skrip saja.

Akhirnya dia tunduk kepada kemahuan saya itu. Saya membuat perkiraan begini. Dengan gaji \$1 200 sebulan, dalam setahun bermakna  $1\ 200 \times 12$  berjumlah \$14 400 ditambah pula dengan bonus Tahun Baru Cina yang biasanya sebulan gaji, iaitu \$1 200 jadi jumlahnya \$15 600 setahun. Kalau saya mengahar satu filem setahun pun dengan bonus \$3 000 jumlah pendapatan setahun sebanyak \$18 600. Sekiranya gaji saya \$600 sebulan, dalam setahun campur bonus tahun baru hanyalah \$600  $\times$  13 berjumlah \$7 800 dan sekiranya bonus sebanyak \$6 000 satu filem pun, hasil setahun baru \$7 800 + \$6 000 bersamaan \$13 800 sahaja.

Jadi begitulah keadaannya. Sementara itu dari pihak Cathay-Keris tidak terdengar pula sebarang berita.

Selepas mengahar *Batu Belah Batu Bertangkup*, saya mengahar filem *Raja Lakshmana Bentan* pula dengan dibintangi oleh Ahmad Mahmud, Rosnani, Normadiah dan S. Kadarisman. Mulai filem ini semua filem di MFP menggunakan cara *dubbing*.

## Memulakan Perubahan

Di dalam filem ini, saya telah membuat sedikit perubahan. Kalau biasanya setiap kali ada babak nyanyian, artis akan diperlihatkan menyanyi atau kadang-kadang menari sekali. Tetapi bagi satu babak di dalam filem ini saya tunjukkan Normadiah sedang bersedih, dia tidak menyanyi, tetapi hanya duduk termenung atau bergerak dengan perasaan yang sedih. Gerak-geri ini

diiringi oleh nyanyian lagu latar suara Normadiah sendiri. Cara ini sudah banyak digunakan sekarang terutama filem-filem dari Indonesia dan mungkin sudah lama didahului oleh filem-filem Barat.

Di dalam babak akhir filem ini juga ada pertunjukan di antara Ahmad Mahmud dengan Kadarisman difilemkan di dalam hujan lebat, satu hal yang kemudiannya banyak diikuti di dalam filem tempatan. Malah pergaduhan itu digambarkan di dalam air, lumpur atau longkang.

### Telor Bahasa

Satu perkara yang kurang menyenangkan saya ialah telor bahasa artis-artis di Jalan Ampas itu berbagai-bagai ragamnya mengikut daerah mana mereka berasal. Anak-anak Malaysia dan Singapura sendiri mempunyai gaya dan telor yang berbeza-beza. Misalnya yang datang dari utara, lebih senang menggunakan kata-kata seperti: [ke mana], [mengapa], [dia], [saya] berbeza dengan orang-orang yang di selatan menggunakan kata-kata [kə mana], [mengape], [diə], [saya] dan lain-lain perkataan yang hujungnya begitu. Sedangkan artis-artis seperti Siti Tanjung Perak sangat keras telor Jawanya dan Malik Sultan Muda pula lebih senang menggunakan perkataan "tampak" daripada "nampak".

Seniman Roomai Noor pula walaupun berasal dari Pahang, kerana banyak bergaul dengan orang-orang Indonesia terutama pada waktu Jepun, di dalam banyak filemnya yang awal lebih berat kepada gaya bahasa Indonesia.

Sering berlaku apabila menuturkan sesuatu dialog, artis-artis ini mencampurkan loghat dan telor serta bunyi [a] dengan [ə]. Walaupun pada hakikatnya sewaktu penggambaran filem ini, tiap-tiap kesalahan boleh diulang semula pengambilannya, tetapi jikalau ini berlaku bagi setiap take, tentulah menghabiskan banyak filem dan masa.

Akhirnya saya mengambil keputusan sendiri, jikalau saya membuat filem purba



AHMAD MAHMUD dan ROSNANI dalam filem "RAJA LAKSAMANA BENTAN" arahan JAMIL SULONG (MFP).



AHMAD MAHMUD

atau bercorak tradisional, artis-artis haruslah menggunakan sebutan [ə] sebaliknya apabila berlakon di dalam filem bercorak moden, mereka haruslah menggunakan sebutan [a] tetapi dengan tekanan dan gaya loghat Melayu bukan seperti cara orang Indonesia.

### Sumber Cerita

Banyak cerita-cerita purba filem arahan saya datangnya dari S. Kadarisman yang mempunyai sumber cerita dari Bangsawan dan Sandiwara. Filem saya yang ketiga ialah *Lela Manja* (1959/60) lakonan Aziz Jaafar, Rosnani, Jins Shamsuddin dan Zaitun. Jins pada masa itu seorang pelakon baru terpaksa bersaing dengan beberapa ramai pelakon yang sudah *established*. Untuk menambah daya tarikan pada perwatakannya dia bercukur botak dan bermisai. Cara ini sangat berkesan dan menonjol kerana selepas itu beberapa orang pelakon pentas meniru perwatakan jahat seperti itu.

Filem ini juga cuba menonjolkan betapa seorang ketua atau pemerintah (Aziz Jaafar) begitu menyayangi rakyatnya. Dia lebih rela meninggalkan segala kesenangan dan hartanya bagi mengelakkan pertumpahan darah dan kemusnahan rakyat yang tidak berdosa sekalipun hasratnya untuk memerintah tetap menyala dan kebenciannya terhadap kekejaman juga tidak berkurangan. Walau bagaimanapun dia terpaksa mengumpulkan orang yang taat setia kepadanya bagi menghapuskan golongan yang jahat kerana dia sedar pemerintahan yang tidak adil akan membuat rakyat menderita juga.

Setelah filem *Lela Manja*, saya membuat skip filem yang bercorak keagamaan, menyentuh sedikit kedatangan Islam ke negeri Melaka walaupun kisah yang selainnya hanya khayalan belaka. Cerita itu setelah dibincangkan oleh Majlis Perunding Cerita, lalu diberi nama *Isi Neraka* (1960). Peranan utama dipegang oleh Ahmad Mahmud, Saadiah dan Haji Mahadi. Saya sendiri memegang peranan sebagai raja



AHMAD MAHMUD bertarung dengan SALIH KAMIL dalam filem "ISI NERAKA" arahan JAMIL SULONG (MFF).

Melaka, tetapi hanya muncul di dalam satu babak saja.

Satu kesilapan antara lain yang terdapat di dalam filem itu ialah meletakkan catatan masa dan tempat pada awal cerita itu. "Melaka ... Abad 14" di *superimpose* pada gambar sebuah pelabuhan zaman

dulu. Catatan kredit itu bermakna kejadian dalam cerita itu berlaku pada tahun 13... sedangkan kedatangan Islam ke Melaka sekitar tahun 14... yakni abad yang kelima belas bukan abad keempat belas. Setelah filem ini diedarkan, seorang paderi dari Melaka menulis kepada saya menegur per-

kara di atas.

Cerita ini diilhamkan daripada beberapa kisah penderhakaan terhadap ibu. Satu cerita yang dahsyat ialah perihal anak memaki dan menendang ibu yang sedang bersembahyang kemudian ditakdirkan apabila dia turun ke tanah, kakinya ditelan





SALLEH KAMIL

oleh bumi. Cerita itu dikatakan pernah terjadi beberapa kali di beberapa tempat. Sama ada benar atau tidak, Tuhan saja yang tahu, atau mungkin cerita itu hanya rekaan untuk mengingatkan anak-anak agar jangan menderhaka kepada orang tua.

#### Isi Neraka

Walau bagaimanapun, cerita seperti itulah saya perembangkan hingga menjadi *Isi Neraka*. Ceritanya menunjukkan kedatangan Islam di Melaka dan ramailah orang yang memeluk agama itu, termasuk seorang perempuan yang tinggal di sebuah kampung. Anaknya yang masih liar mempersendakan amalan ibunya. Peranan anak itu dipegang oleh Salleh Kamil, pelakon MFP yang sering memegang peranan jahat. Kemuncak cerita itu ialah Salleh Kamil ditelan oleh bumi di hadapan rumahnya setelah dia menyiksa ibunya, watak yang dipegang oleh Habsah.

Set untuk babak ini dibuat di pentas atau studio nombor 9 dan 9A. Set bumi yang merekah dan menelan Salleh Kamil itu dibuat pada tempat yang terdapat kolam di studio itu. Tanahnya dibuat dengan satu cara yang tertentu, hingga boleh kelihatan merekah dan rapat semula. Salleh Kamil yang tersesit oleh bumi itu sedikit demi sedikit akan menghilang hingga luput seperti ditelan bumi.

Ada juga babak yang dipotong oleh pihak penerbit filem. Babak yang dimaksudkan ialah sewaktu Rahmah Rahmat atau nama timang-timangnya Mamah berada di tepi pantai datangnya pemuda-pemuda nakal mengusiknya. Mereka mengerumuni Mamah dan menanggalkan pakaiannya. Mamah terpaksa berlari pulang ke rumahnya tanpa seurat benang pun di badannya. Babak ini memang hebat kedengarannya lebih-lebih lagi kalau dibuat di Barat atau di tempat lain tetapi untuk filem ini penggambarannya dibuat secara kiasan saja. Tidak ada pemandangan yang menjolok mata. Malah sewaktu menggambarkannya pun, Rahmah Rahmat duduk berehat di

belakang kamera, baju dan kainnya saja yang dicampak dan terlihat di dalam filem.

Di dalam menunjukkan Mamah berlari tanpa baju itu pun hanya bayangan saja yang diambil, Mamah waktu itu memakai baju mandi yang sopan. Walau bagaimanapun, syot itulah yang dipotong oleh pihak penapis filem.

Saya kira filem *Isi Neraka* ini mendapat sambutan yang sangat baik kerana hingga sekarang pun masih ada penonton- penonton lama yang menyebut tentang filem ini apabila bercakap tentang filem-filem saya. Di antara babak yang agak menjemukan bagi saya ialah ketika Ahmad Mahmud dengan kawan-kawannya menyanyi lagu "Can

Malican" di tepi pantai. Saya fikir babak nyanyian itu terlalu panjang.

Lagu joget yang dinyanyikan oleh kawan-kawan Salleh Kamil di dalam gua tempat tinggalnya itu pun agak panjang tetapi lebih menghiburkan. Bagi pihak yang mementingkan sejarah dan kenyataan memanglah tidak kena lagu joget dan "Can Malican" itu dinyanyikan pada zaman itu, kerana kemungkinan lagu-lagu tersebut tercipta jauh lebih terkemudian daripada latar cerita itu.

Kemudiannya saya mengarahkan pula cerita purba yang lain yakni *Seri Tanjung* (1960/61) dibintangi oleh Hashimah Yon. Boleh dikatakan inilah kali pertama Hashi-



Pelakon HABSAH dan S. KADARISMAN dalam filem "ISI NERAKA"

SALLEH KAMIL ditelan bumi dalam filem "ISI NERAKA"






SALLEH KAMIL dengan  
KEMAT HASSAN dalam  
babak laga ayam dalam  
filem "BATU BELAH  
BATU BERTANGKUP"  
arahan pertama JAMIL  
SULONG (MFP).  
Gambar kanan:  
SAADIAH dalam satu  
babak filem "INDERA  
BANGSAWAN (MFP)







S. KADARISMAN  
sedang memarahi AZIZ  
JAAFAR dalam salah  
satu babak filem  
"LUBALANG DAIK"  
arahan JAMIL  
SULONG (MFP)  
Gambar kiri:  
JINS SHAMSUDDIN  
dengan SURAYA  
dalam filem yang  
sama.





Gambar besar kiri:  
AZIZ JAAFAR dan  
JINS SHAMSUDDIN  
dalam filem "PER-  
TARUNGAN", (MFP).  
Gambar atas dan  
bawah:

Babak-babak dari filem  
yang sama terlihat  
SHARIFF DOL, AZIZ  
JAAFAR dan  
S. KADARISMAN





Shares MALAY FILM PRODUCTIONS presents

# Si-Tanggung

WRITTEN BY  
JAMIL SULONG

STORY BY  
ENNS SAMUDIN  
ZATTON • SARIMAH

HYDMADIAN • SALEH KAMIL  
KADARISMAN • NAIT ALARON  
RAHMAT RAHMAT • N. FATIMAH  
A. RAHM • M. S. RUDA





Gambar kiri:  
Salah sebuah poster  
dari film "SI TANG-  
GANG" arahan JAMIL  
SULONG (MFP).

Gambar atas:  
Sebuah jeti dibina dan  
kapal yang diubahsuai  
untuk filem yang ber-  
corak purba "SI  
TANGGANG".

Gambar bawah:  
JINS SHAMSUDDIN  
dan NORMADIAH  
dalam filem yang  
sama.





ZAITON dan RAHMAH RAHMAT dalam filem "SI TANGGANG".

mah mulai diberi peranan utama. Cerita ini pun hanya rekaan saya saja.

#### Penggambaran di Laut

Filem arahan saya yang keenam ialah *Si Tanggang* (1961). Untuk filem ini saya memerlukan sebuah kapal layar sebagai kapal kepunyaan Nakhoda Tanggang. Kebetulan sebelum ini dalam filem *Raja Laksamana Bentan* kami pernah menggunakan kapal layar, jadi tidaklah menjadi masalah untuk

mengadakannya. Kami telah menyewa salah sebuah tongkang Cina yang banyak terdapat dekat Beach Road. Pengarah Seni A.V. Bapat bersama-sama tukang-tukang di MFP mengubah wajah tongkang itu menjadi sebuah kapal layar. Tetapi yang menjadi masalah kepada kami ialah untuk menggambarkannya. Ke mana saja pandangan kita halakan akan terampakkah pulau, tanah daratan ataupun tiang-tiang dan pondok kelong. Oleh kerana saya memer-

lukan pemandangan lautan lepas, kami dibenarkan membuat lokasi ke pantai timur laut Johor, iaitu di sebuah kampung nelayan di Telok Penyengat. Untuk pergi ke sana kami menyeberang dari Changi.

Kami tinggal lebih seminggu di situ. Setiap hari penggambaran di dalam kapal (tongkang) itu menggunakan lautan lepas sebagai latar belakangnya.

Kadang-kadang pada waktu makan, kami pergi ke sebuah pulau kecil mencari telur burung camar dan memungut batu-batu di pulau itu yang kebanyakannya berbentuk bulat atau bujur sebesar telur itik.

Pulau ini juga telah saya gambarkan dari jarak jauh sebagai kapal Nakhoda Tanggang yang telah menjadi batu apabila dia disumpah oleh ibunya menjadi burung helang.

Cerita Nakhoda Tanggang ini agak popular malah telah ada buku yang dikarang orang berdasarkan cerita rakyat. Ramai pula yang mendakwa cerita itu milik satu-satu tempat.

Cerita Jong Batu di Brunei juga khabarnya mempunyai kisah yang serupa, demikian juga cerita Malim Kundang di Sumatera, bahkan kemudiannya sebuah filem Indonesia yang berjudul demikian telah diterbitkan oleh Remaja Ellynda Film dan seniwati kita Nor Azizah menjadi pelakon undangannya.

Sewaktu kecil saya pernah mendengar nenek mengatakan cerita itu berlaku di sekitar kampung saya, iaitu tidak jauh dari sungai Senangar di hulu Sungai Simpang Kiri, Batu Pahat. Kononnya pada zaman dahulu, jikalau air jernih, di dasar sungai itu akan terampakkah bangkai kapal Nakhoda Tanggang yang sudah menjadi batu. Selain daripada itu, nama-nama gunung dan bukit di sekeliling kawasan itu banyak mengambil sempena nama alat-alat di kapal itu yang hanyut dan terdampar ke sana. Misalnya Gunung Payong, dikatakan sempena payung isteri Nakhoda Tanggang, Bukit Kual di dan Bukit Capal pula sempena kual dan capal Nakhoda Tanggang. Begitu juga burung helang yang berbunyi "kui! kui!" itu sebenarnya Si Tanggang yang sudah menyesal dan menyebut "Makku! Makku!"

Saya masih teringat satu peristiwa sewaktu membuat filem ini. Kapal kami sedang ditunda oleh motobot untuk kembali ke pantai. Waktu itu hujan lebat, sekeliling gelap-gelita, tiba-tiba tali bot yang



Babak-babak  
dari film  
"SI TANGGANG".



menunda kami jadi kendur dan kapal kami hanyut dibawa arus hampir terdampar di Pulau Bukom. Bagaimanapun motobot tadi dapat menarik semula kapal itu dan kami selamat sampai ke pantai dekat Pasir Panjang.

pengarah yang sama pula bukanlah semata-mata kerana seseorang artis itu menjadi *favourite* atau kesayangan seseorang pengarah. Pemilihan pelakon ataupun *casting* ini tidaklah dapat dikatakan satu tindakan yang betul-betul bebas.

dua unit berjalan serentak pada satu masa.

Oleh kerana bilangan pelakon utama pada sekitar pertengahan tahun 60-an di MFP tidak ramai maka Jins Shamsuddin, Ahmad Mahmud dan Aziz Jaafar sahajalah yang digilir-gilirkan.

Dalam filem *Lubalang Daik*, Aziz Jaafar juga berlakon sama. Aziz membawa peranan "baik" dan Jins memegang peranan "jahat" seperti di dalam filem *Lela Manja*. Di dalam filem ini juga satu kacip besar digunakan sebagai alat penghukum bunuh orang-orang yang menentang pemerintahan Jins.

Hanya selepas filem *Lubalang Daik* saya berpeluang mengarahkan filem yang bercorak moden yakni *Gerhana* (1962). Cerita ini saya reka sendiri berdasarkan beberapa kisah biasa. Anehnya apabila filem itu ditayangkan, saya telah menerima beberapa pucuk surat yang mengatakan cerita itu merupakan kisah mereka sendiri.

Di dalam *Gerhana*, Ahmad Mahmud memegang peranan utama. Dia menjadi seorang buruh yang menyintai Zaiton yang membawa watak anak seorang hartawan. Akhirnya mereka kahwin lari. Tetapi apabila mereka sudah mendapat anak dan datang berhari raya ke rumah ibu bapa Zaiton, mereka telah dihalau dari rumah itu.

### Pelakon Bukan Melayu

Di dalam filem ini saya telah menggunakan beberapa orang pelakon bukan Melayu yang memegang peranan pelakon pembantu. Hampir di dalam setiap filem saya yang bercorak moden terdapat pelakon dari kaum lain seperti Cina, India dan Inggeris bagi memperlihatkan masyarakat yang berbilang kaum.

Saya juga berpendapat ini satu cara lagi menarik minat kaum-kaum lain menonton filem tempatan walaupun ini bukan satu-satu caranya. Contohnya ialah filem-filem Hindustan dan filem-filem dari Hong Kong yang ditonton oleh ramai orang Me-



Satu babak dari filem "LUBALANG DAIK" arahan JAMIL SULONG (MFP).

Sebuah lagi cerita yang menjadi bahan filem saya ialah *Lubalang Daik* (1962). Cerita ini diambil daripada *Bangsawan* dan dicadangkan oleh Kadarisman.

Sekali lagi Jins Shamsuddin diberikan peranan penting di dalam filem saya. Soal memberikan peranan kepada artis yang sama dari satu filem ke satu filem lain oleh

### Sistem Studio

Yang lebih utama ialah kerana sistem yang ada di Studio MFP ketika itu:

1. Tiap-tiap artis bergaji tetap atau bergaji bulanan.
2. Di studio ini ada tiga unit dan biasanya



Dua babak dari filem "DARAH MUDA" (MFPP) arahan JAMIL SULONG, dibintangi oleh SARIMAH, JINS SHAMSUDDIN S. KADARISMAN dan ramai lagi.

layu bukan kerana di dalamnya ada pelakon Melayu memegang peranan di dalamnya, tetapi ada perkara-perkara yang tertentu yang menjadi daya tarikkannya. Selain daripada itu ada beberapa filem dari Indonesia, terutama yang bercorak mistik, laris di sini kerana yang menonjolnya bukan saja masyarakat Melayu, tetapi juga orang-orang Cina sedangkan filem ini bukan dibintangi oleh pelakon-pelakon dari Hong Kong atau Taiwan.

Seterusnya saya mengarahkan lagi beberapa buah filem bercorak drama moden seperti *Darah Muda* (1963), *Budi Dan Dosa* (1963) dan kemudiannya pada tahun 1964 saya cuba pula membuat filem komedi *Mambang Moden* yang dibintangi






SAADIAH dan  
SARIMAH  
bintang MFP.







Gambar atas:  
Babak pertarungan  
dari film "PANJI  
SEMERANG".  
Gambar bawah:  
SATU adegan dari  
film "SRI ANDALAS"  
dua film (MFP).  
Gambar besar:  
SARIMAH dan  
KUSWADINATA dalam  
"DAYANG  
SENANDUNG".







Babak dari film  
"MEGAT TERAWIS"  
dibintangi oleh AHMAD  
MAHMUD, HASHIMAH  
YON, A. RAHIM dan  
OMAR SUWITA dan  
satu babak dari  
"LUBALANG DAIK"  
(gambar Kanan)  
dibintangi oleh  
SARIMAH, AZIZ  
JAAFAR, JINS SHAM-  
SUDDIN dan SORAYA.





A. RAHIM

oleh Saadiah, Aziz Jaafar, S. Shamsuddin, Ibrahim Pendek dan Omar Suwita.

Selepas itu saya kembali semula membuat filem purba *Bidasari* (1965). Di dalam filem ini saya telah memperkenalkan Nor Azizah. Seorang pelakon baru dari Kota Bharu telah juga mendapat perhatian. Namanya Ed Osmera.

Di dalam *Bidasari*, Sarimah berlakon di samping Jins Shamsuddin dan di dalam filem yang berikutnya, *Dayang Senandung* (1965), Sarimah berlakon pula di samping Ahmad Mahmud.

Penonton ketika itu tentulah ingat di dalam filem *Dayang Senandung* Sarimah terpaksa berias hitam, kerana sudah jadi sumpahan dia berkulit seperti itu dan hanya boleh menjadi cerah semula setelah dia keluar dari istana menjadi orang kebanyakan berkahwin dan melahirkan anak.

Sebahagian daripada filem ini digambarkan dekat air terjun Kota Tinggi, Johor. Unit kami menginap di beberapa buah hotel di pekan itu dan setiap pagi kami bertolak menuju ke kawasan air terjun yang jaraknya beberapa kilometer dari situ. Dengan ini sudah dua kali lah kami dapat keluar dari kebiasaan penggambaran di sekeliling Singapura, pertama untuk filem *Si Tanggung* dan kedua untuk filem ini. P. Ramlee juga pernah membuat penggambaran lokasi di luar Singapura untuk filem *Semerah Padi*, yakni di Kota Tinggi juga, untuk babak sawah padinya.

Pihak syarikat memang sentiasa liat dan tidak senang hati bagi memberikan kami kemudahan penggambaran di lokasi yang jauh. Sebolehnya mereka mahu penggambaran dibuat di Singapura saja, keluar dari studio sebelah pagi dan balik sebelah petang. Memang tidak dapat dinafikan bahawa jikalau penggambaran itu dibuat jauh dari studio, kos membuat filem akan bertambah kerana perbelanjaan tambang atau kenderaan para artis dan pekerja pergi balik. Juga ongkos tempat tinggal, elau perjalanan dan lain-lain keperluan mesti juga dikeluarkan.

Walaupun bagaimanapun, selepas itu sekali lagi saya dapat membuat penggambaran di lokasi luar Singapura, iaitu untuk filem *Raja Bersiang* yang akan saya terangkan nanti.

Filem seterusnya arahan saya ialah drama moden bertajuk *Kaca Permata* (1965/66). Di dalam filem ini Jins Shamsuddin memegang dua peranan. Ramai juga pelakon utama memegang peranan di dalam filem ini di antaranya Rosnani, Zaiton, Rokiah Jaafar, Haji Mahadi dan penyanyi Ahmad Daud juga diberikan peranan berlakon sebagai pemuda desa yang dapat peluang bekerja di kota Singapura.

Dua peranan yang dipegang oleh Jins ialah sebagai bapa yang berpasangan dengan Rosnani, kemudian membawa peranan anaknya apabila sudah besar, seorang pemuda nakal yang menodai gadis lincah Normah Zainal.

#### **Ala James Bond**

Kerana pengaruh filem James Bond maka di dalam tahun 1966, pihak MFP menyuruh saya membuat filem bercorak itu.

Dengan kerjasama Jaafar Abdullah, sebuah cerita telah terbentuk dan diberi tajuk *Jefri Zain Dalam Gerak Kilat*. Peranan Jefri Zain diserahkan kepada Jins Shamsuddin.

Seperti juga di dalam cerita James Bond, mesti ada tokoh lawannya, maka Salleh Kamil memegang peranan seorang gila kuasa yang menubuhkan pasukan gerak sulitnya untuk mengumpul maklumat dan menjalankan tugas-tugas tertentu. Pangkalan atau ibu pejabatnya terletak di satu tempat yang sulit lengkap dengan senjata dan alat-alat elektroniknya.

Sesuai dengan peranannya, orang-orang yang jadi pengikut Salleh Kamil, sama ada lelaki atau perempuan, memakai pakaian seragam. Mereka itu terdiri daripada berbagai bangsa. Kerana keahliannya di bidang elektronik dan kuasa jarak jauh, Salleh juga membekalkan tiap-tiap ahlinya dengan alat berhubung dua hala dan alat



JINS SHAMSUDDIN



yang tersebut juga berfungsi sebagai pengahcam nyawa ahli itu, jika ia didapati berlaku curang atau berpaling tadah.

Untuk mencari pelakon asing terutama watak wanita Eropah bagi filem ini, isteri-steri dan pegawai-pegawai tentera British di Changi telah kami temuduga, akhirnya terpilihlah sepasang suami isteri bersama-sama seorang perempuan lagi.

Beberapa orang Cina juga diperlukan. Sarimah dijadikan teman Jins sebagai penyiasat kumpulan gerak sulit itu. Salim Bachik juga, kerana ingin sangat berlakon filem, saya berikan peranan sebagai ejen rahsia dan kawan Jins Shamsuddin.

Senjata senjata yang digunakan dalam filem ini kebanyakannya senjata betul, seperti pistol dan senapang stirling, oleh yang demikian kelulusan daripada pihak polis wajiblah kami ambil. Setiap hari ada pegawai polis yang mengikut penggambaran itu bukan saja bagi menjaga keselamatan senjata tetapi juga sebagai penasihat bagi babak-babak yang memerlukan penggunaannya. Pendek kata, kerjasama pihak polis cukup memuaskan.

#### Peristiwa Cemas

Terdapat beberapa kecamasan kecil yang berlaku sewaktu penggambaran filem ini. Pada suatu malam, kami membuat peng-

gambaran lokasi di sebuah jalan. Babak itu menunjukkan seorang wanita (Sylvia Koh) yang menjadi kakitangan Salleh Kamil sedang memandu kereta. Kerana dia membuat kesilapan Salleh akan menggunakan kuasa jarak jauhnya membunuh wanita itu dengan asid racunnya dan kereta yang dipandunya itu akan masuk gaung, meletup serta terbakar.

Kebetulan pula, Sylvia memang tidak pandai memandu kereta, terpaksa dia membuat aksi memandu saja sedangkan bersembunyi di sebaliknya ialah pemandu kereta yang bertugas dengan syarikat filem kami. Si pelakon diperlukan menjaga kemudi untuk menguasai tujuan kereta.

Sewaktu membuat gambaran jarak jauh sebuah kereta dikehendaki menuju ke dekat kamera dan melintas. Sewaktu penggambaran dilakukan Sylvia menjadi panik, kereta itu menuju tegak ke arah kamera sedangkan kami berada di sekeliling kamera itu. Kami juga menjadi cemas dan menjerit supaya pemandu yang sebenarnya menjengah dan membetulkan haluan kereta. Sambil menjerit kami juga bertempiran lari bagi mengelak kereta itu! Mujurlah pemandu itu sedar apa yang berlaku dan membetulkan kemudi pada saat-saat terakhir dan mengelakkan kecederaan berlaku.

Di dalam babak yang lain yakni sewaktu tembak-menembak antara Salleh Kamil dengan orang-orang Jins Shamsuddin, walaupun peluru yang digunakan ialah peluru kosong tetapi kertas ataupun kapur pengganti timahnya itu jikalau digunakan dari jarak dekat dan terkena kepada kulit akan menyakitkan juga. Ini berlaku pada Salleh dan beliau agak terperanjat apabila berasa sakit dan lebam. Dia agaknya menyangka peluru itu bukannya peluru palsu tetapi peluru betul.

Di antara beberapa filem yang saya terlibat membuatnya, saya rasa seronok benar mengerjakan filem ini.

Pada permulaan cerita ini saya bertujuan menunjukkan sepasang pelancong Eropah sedang berbulan madu dan mandi-manda di pantai bersama-sama dengan ramai pengunjung yang lain. Kerana mereka orang Barat dan sedang berbulan madu tidaklah hairan jikalau ditunjukkan mereka sedang bernesma sambil berbaring, berdekapan dan berciuman.

### Kontroversi Babak Cium

Bagi maksud ini Jaafar Abdullah menggunakan gimik menyiarkan berita bahawa di dalam filem *Gerak Kilat* saya akan menunjukkan babak cium, satu-satunya babak yang berani dan yang belum pernah dibuat oleh filem tempatan.

Kerana berita itu, bermacam-macamlah spekulasi yang timbul. Ada yang mengatakan yang bercium itu ialah Jins Shamsuddin dan Sarimah. Banyak pula penulis-penulis filem yang mahukan keterangan daripada saya dan saya telah menggunakan segala daya untuk memberikan jawapan yang berdiplomasi dan dengan tidak

menafikan memang saya bermaksud hendak menunjukkan babak cium di dalam filem itu.

Akibat tulisan yang hebat di dalam massa media, perkara ini sampai dibawa ke Parlimen di Kuala Lumpur. Hal ini menjadi isu yang besar kerana desakan melarang filem Melayu menunjukkan artis Melayu orang Islam bercium. Sekiranya ada babak seperti itu, filem itu hendaklah diharamkan.

Di sini saya salinkan sebuah berita yang keluar di dalam akhbar *Utusan Melayu* keluaran 25 April 1966.

### UMNO DESAK: FILEM-FILEM MELAYU YANG MENUNJUKKAN "BABAK-BABAK CIUM"

Kuala Lumpur 24 April - Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Bangsar telah mengambil keputusan untuk mendesak Menteri Besar Selangor Datuk Harun Haji Idris supaya mengharamkan tayangan "filem-filem Melayu" yang menunjukkan babak-babak



Gambar kiri & bawah: Beraksi sebelum "shooting" dalam filem "GERAK KILAT" SALLEH KAMIL, JINS SHAMSUDDIN dan seorang pelakon barat.

Gambar atas: SALIM BACHIK ikut berlawan dalam filem ini.





bercium seperti yang terdapat di dalam filem *Jefry Zain Dalam Gerak Kilat*.

Ketua Pemuda bahagian itu, Encik Mohd. Nur Jan menyatakan filem seumpama itu mencabul kesucian dan tatasusila timur dan melanggar undang-undang peribadi Islam dan bangsa Melayu.

Encik Mohd. Nur menegakkan pengarah Jamil Sulong sepatutnya mestilah membekal teknik dan plot filem itu kalau hendak mendapat pasaran yang memuaskan. "Pihak penerbit jangan memikirkkan masalah pasaran saja. Tetapi mesti memikirkan akibatnya. Masyarakat yang telah rosak jangan disrokkang lagi," katanya.

Pengarah Jamil Sulong dalam usahanya memajukan filem Melayu telah memasukkan babak perciuman di dalam filemnya yang terbaru bernama *Jefry Zain Dalam Gerak Kilat*. Filem arahan Jamil Sulong itu akan ditayangkan di seluruh Malaysia tidak berapa lama lagi.

Begitulah keadaannya, filem itu masih dalam penggambaran, si penulis hanya mendengar berita yang dimuatkan oleh penerbitan-penerbitan yang juga tidak tahu apa yang akan difilemkan, tetapi begitu mudah berita seperti itu disambut dan diperbesar. Jaafar Abdullah gembira dengan berita itu kerana minat orang semakin memuncak menunggu filem itu nanti.

Waktu membuat penggambaran di luar, Jins kadang-kadang diminta oleh juru-gambar daripada majalah-majalah hiburan seperti membuat pos bercium dengan siapa saja (Sarimah tidak mahu). Untuk menambahkan kebenaran berita itu, Jins juga sanggup membuat pos itu, sepertimana yang terdapat di dalam sebuah majalah. Dia digambarkan di dalam beberapa pos berpelukan dan seakan-akan bercium dengan Margaret Clugher, salah seorang pelakon tambahan di filem itu!

Apabila filem itu sudah siap dan didedarkan, barulah orang tahu siapa yang bercium. Agaknya kerana publisitinya begitu hebat filem itu mendapat sambutan yang cukup baik bagi edaran awalnya di semua pawagam.

Masa membuat *Jefry Zain Dalam Gerak Kilat* ini juga sudah ada ura-ura MFP akan membuat filem tentang *Raja Bersiong* karya Yang Teramat Mulia Tunku Abdul

Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia pada masa itu dan dicadangkan filem itu berbentuk *cinemascope* dan bernama dan saya juga dipilih sebagai pengarahnya. Segala persediaan diatur untuk menayakan pembuatan filem yang dianggap besar ini. Segala pakaian dan peralatan terpaksa ditengah terlebih dahulu. Urusan ini saja mungkin memakan masa berbulan-bulan kerana bilangannya bukanlah sedikit.

Untuk kelengkapan pakaian tertentu dan hiasan kepala cara Siam, ternyata tukang-tukang di Singapura hanya sanggup melakukannya dengan harga yang mahal. Kerana itu pihak penerbit terus membuat tempahan di Hong Kong, iaitu di studio Shaw Brothers yang mempunyai banyak tukang-tukang yang mahir membuat barang-barang tiruan untuk kegunaan di dalam filem.

Walau bagaimanapun, sehingga selesai saya membuat *Gerak Kilat* kelengkapan-kelengkapan untuk *Raja Bersiong* masih belum siap lagi, jadi untuk mengisi waktu sebelum mengarahkan filem itu, saya diminta mengarah satu cerita yang boleh disiapkan dengan segera.

Saya telah menyiapkan skrip *Jebak Maut* (1967) sebuah cerita jenayah. Ahmad Mahmud ialah bekas pegawai tentera yang berpangkat Mejar yang kini seorang penyiasat preman atau *private detective*.

Penggambaran dibuat di lokasi dan set yang tidak banyak, jadi jangka waktu menyiapkannya tidaklah begitu lama.

Filem ini memerlukan beberapa orang pelakon pelbagai kaum juga, termasuklah wanita Thai yang diberi peranan sebagai Madam X, ketua sebuah kongsi gelap. Lain-lain pelakon ialah Aziz Jaafar, Sarimah, Haji Mahadi dan ramai lagi pelakon tetap MFP.

## Raja Bersiong

Setelah siap filem *Jebak Maut* barulah perhatian sepenuhnya dapat saya berikan pada filem *Raja Bersiong*. Bagi mendapatkan persetujuan Tunku tentang skrip yang kami buat dan untuk menayakan kepada beliau tentang beberapa perkara lain seperti lokasi dan alat-alat yang diperlukan, saya dan Jaafar Abdullah telah pergi ke Alor Setar. Waktu itu Tunku sedang berehat di sana. Kebetulan pada waktu itu peristiwa konfrontasi Indonesia-Malaysia sudah berakhir dan di dalam proses mengertakan semula

hubungan yang memang sentiasa ada.

Kami menghadap Tunku di rumahnya - Rumah Merdeka. Tunku kemudian membawa kami ke kawasan istana lama di Alor Setar dan menyatakan jikalau istana itu boleh digunaknkan, kami dibenarkan membuat penggambaran di situ untuk babak-babak dalam istana. Tetapi setelah meninjau keadaan istana itu, kami dapat sangat sukar untuk mengubah keadaannya yang ada sekarang sesuai dengan gambaran zaman Raja Bersiong. Kami terangkan kepada Tunku lebih senang kalau set istana itu kami buat di Singapura. Untuk pemandangan di luar istana juga akan kami cari satu kawasan yang sesuai di Singapura, supaya mudah kerja-kerja filemkan itu dilaksanakan. Tunku bersetuju dengan cadangan kami itu. Tetapi skrip pula beliau membuat beberapa pindaan dan cadangan baru, tentang dialog pula Tunku mencadangkan lebih baik kalau dibuat dengan caraگرداند.

Cadangan Tunku kami catatkan. Kami juga mengambil beberapa gambar latar bahagian muka tembok istana lama itu supaya dapat ditiru oleh pengarah seni bapangan apabila mendirikan set yang diperlukan nanti.

Sebenarnya sebelum penggambaran *Raja Bersiong* dimulakan, kami membuat beberapa pertemuan lagi dengan Tunku di Kuala Lumpur dan kemudiannya Tunku juga apabila melawat Singapura akan menjengah ke studio sekiranya penggambaran sedang dilakukan.

Walaupun bukan ini pertama kali MFP membuat filem berwarna, tetapi untuk menghasilkan mutu yang lebih baik, syarikat menjemput tiga orang pakar filem dari Jepun. Kerana orang-orang Jepun itu tidak mengerti bahasa Melayu dan mungkin juga tidak faham bahasa Inggeris dengan fasih, maka digaji pula seorang penterjemah, yakni seorang wanita Jepun yang tinggal di Singapura. Beliau bernama Nyonya Ma.

Segala peralatlannya telah siap sedia. Kerana filem ini akan digambarkan dalam bidang *scope*, maka kanta-kanta anamofik yang menghasilkan bidang lebar ini juga didatangkan daripada Hong Kong termasuklah sebuah kamera yang sudah dipermudahkan atau *reconditioned*. Sebahagian besar daripada artis yang ada di studio MFP dipilih berlakon untuk filem itu. Ahmad Mahmud menjadi Raja Deria, Sarimah se-



Dalam pembuatan film  
"RAJA BERSIANG"  
waktu di Singapura atau  
lokasi di Alor Setar,  
TUNKU ABDUL RAHMAN  
sering datang melihat  
penggambarannya.







RAHMAH RAHMAT,  
ZAITON dan AZIZ  
JAFAR dalam  
film "RAJA  
BERSIONG"



AZIZ JAAFAR

bagai permaisuri, Nor Azizah sebagai Nang Ti gadis kampung yang akan dikahwini oleh raja itu apabila beliau lari dari istana apabila rakyat memberontak, Aziz Jaafar sebagai hulubalang, serta Haji Mahadi dan Omar Suwita sebagai pembesar negeri. Pak Yem disuruh mencukur rambutnya bagi memegang peranan seorang pendeta atau sami.

Agaknya elok juga diterangkan sewaktu merundingkan pembuatan filem ini, saya memberitahu kepada penyal perunding cerita, bahawa kisah *Raja Bersiong* karya Tunku itu telah pernah difilemkan dalam bentuk hitam putih atas nama produksi Maria Menado pada tahun 1967 dan dilakonkan oleh Maria dan Malik Selamat.

Walaupun demikian pihak syarikat MFP ingin juga meneruskan produksi ini kerana filem yang bakal dibuat ini walaupun sama temanya, tetapi tentulah berbeza cara penyampaiannya, lebih-lebih lagi MFP akan menerbitkannya dalam bidang scope dan warna 'Eastman'.

### Pakar dari Jepun

Juruteknik dari Jepun telah pun sampai. Skrip yang kami tulis terpaksa diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dan kemudian diterjemahkan pula ke dalam bahasa Jepun oleh Nyonya Ma.

Orang Jepun yang datang itu rupanya seorang pengarah bernama Yamazaki. Jurukameranya bernama Arano dan juruchahaya bernama Tokyo Ichi. Apabila waktu penggambaran dibuat, segala sudut kedudukan kamera, pecahan babak dan pencahayaannya tergantung kepada tiga orang ini, terutama kepada Yamazaki. Saya akan menjadi pengarah lakonan dan pengarah bersekutu sahaja. Pendek kata saya tidaklah berfungsi sebagai pengarah yang berkuasa seluruhnya dalam pembikinan filem ini. Malah kalau tidak ada orang-orang Jepun ini pun, saya tidak akan berkuasa penuh kerana sebagai pengarang cerita dan yang banyak mengutarakan kemahuaannya. Yang Teramat Mulia, Tunku mempunyai

suara yang mutlak dan kebanyakan kehendaknya terpaksa kami ikut.

Hari pelancaran filem *Raja Bersiong* dibuat secara besar-besaran. Kebetulan set pertama merupakan set dalam istana Raja Kalha yang luas dan hebat. Kenduri doa selamat dihadiri oleh YTM Tunku dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Singapura Tan Sri Jamal Latif.

Babak tarian di dalam istana raja ini ditarikan oleh penari yang didatangkan khas dari Bangkok. Mereka adalah rombongan dari Akademi Seni Halus Diraja dan kedatangan mereka ke Singapura adalah dengan usaha YTM Tunku. Kami terpaksa memfilemkan babak tarian itu seberapa segera yang boleh, kerana penari-penari itu ada acara lain dan mereka terpaksa balik ke Bangkok seberapa segera. Satu perkara yang menyulitkan kami ialah kehadiran penari-penari itu adalah dengan mendadak saja, jadi mereka tidak ada sebarang kontinuiti di dalam babak-babak lain di istana itu atau di dalam cerita itu.

Beberapa orang gadis pekerja jabatan kerajaan di Kuala Lumpur juga didatangkan ke Singapura dan diberi peranan sebagai dayang dan inang istana. Mereka hanya dapat hadir untuk beberapa hari saja, selepas itu mereka terpaksa balik bertugas. Oleh yang demikian kehadiran mereka juga adalah seperti sesuatu yang timbul dan tenggelam tanpa sebarang hubungan yang hakiki di dalam keseluruhan cerita.

Sebahagian daripada gadis-gadis yang terpilih menjadi anggota penari diraja termasuklah anak perempuan Tunku yang bernama Mariam yang dibawa juga ke lokasi di Kedah. Mereka ditonjolkan menjadi kawan Nor Azizah yang berperanan sebagai Nang Ti, gadis desa. Babak mereka ialah sewaktu bermain air di pancuran dan bertemu dengan Raja Deria yang sedang melarikan diri.


Selain daripada itu, kerana memerlukan pelakon pembantu yang banyak dalam babak pertempuran, kami dapat kerjasama tentera daripada briged yang kelima ber-



NOOR AZIZAH




HAJI MAHADI



OMAR SUWITA





YEM

tempat di Singapura di bawah perintah Brigadier Datuk Syed Ahmad Al-Sagaf.

Sebuah kota besar dibina di Pasir Panjang. Di sanalah beratus-ratus orang

pelakon pembantu sebahagian daripadanya pegawai tentera yang diberi pakaian sebagai tentera kerajaan Kalha dan sebahagian lagi pelakon pembantu biasa yang

menjadi rakyat biasa berlagak dengan peranan masing-masing. Walau demikian ramai sekalipun masih kelihatan sedikit apabila digambarkan dengan menggunakan kanta bidang luas.

Beberapa hari kami mengadakan penggambaran di sini, berjemur di dalam panas terik untuk menyudahkan babak-babak yang diperlukan.

### Penggunaan Gajah

Cerita tentang Siam tidak sah kalau tanpa gajah kerana pada zaman itu gajah sangat diutamakan dan dimulikan. Di Singapura tidak ada gajah, jadi terpaksalah babak-babak yang memerlukan gajah dibuat di Kedah, kerana di sana boleh didapati beberapa ekor gajah yang jinak.

Rombongan artis dan karyawan yang pergi ke Alor Setar pun cukup ramai, tetapi acara mereka datang dan pergi terpaksa diatur mengikut jadual penggambaran.

Sebahagian besar daripada kami menginap di Hotel Federal Alor Setar. Lokasi yang sebenarnya bukannya di Alor Setar, tetapi di Jitra dan lain-lain bahagian di dalam hutan dan perkampungan yang jauh dari pekan. Saban hari rombongan bertolak meninggalkan bandar dan balik setelah habis penggambaran apabila matahari hampir terbenam.

Tunku juga bercuti sewaktu kami membuat penggambaran di sana. Beliau akan menunjukkan bagaimana cara naik gajah, dan bagaimana cara gajah putih mencari bakal pengganti raja yang sudah lari meninggalkan istana.

Mengikuti ceritanya gajah sakti yang mencari ganti raja itu ialah gajah putih. Tetapi gajah putih tidak ada, kata Tunku kalau dahi gajah ada setompok putih pun boleh. Maka dahi salah satu daripada gajah itu pun disapu dengan cat putih!

Pendeknya kalau hendak diceritakan tentang penyelenggaraan filem *Raja Bersiung* daripada awal sampai akhir, boleh jadi satu buku yang besar. Jadual peng-



Y.A.M. TUNKU  
melawat studio  
MFP pada masa  
penggambaran  
filem "RAJA  
BERSIANG"



OMAR ROJIK

gambaran sepatutnya selama tiga bulan saja tetapi sudah tiga bulan, tidak juga selesai. Visa pekerja-pekerja dari Jepun itu terpaksa dipanjangkan untuk sebulan lagi, itu pun tidak selesai dan mereka terpaksa balik. Setelah mereka balik, satu babak kecil yang belum selesai terpaksa kami siapkan.

Ada babak yang tidak memuaskan hati Tunku apabila filem ini sudah siap. Malah sesudah filem itu dipertunjukkan di merata-rata tempat dan saya sudah berhenti dari MFP dan bertugas di Filem Negara pada tahun 1968, saya diminta memfilemkan satu babak menggunakan ramai pemuda-pemuda Belia Pelopor Negara. Kerana filem ini sudah siap, salinannya sudah diedarkan ke merata-rata tempat, bahkan studio MFP di Singapura pun sudah ditutup, maka terpaksa keinginan Tunku itu dibatalkan.

Selepas siap membuat filem *Raja Bersiong*, saya dihantar pula bertugas di Studio Merdeka Kuala Lumpur tempat Ramlee sedang bekerja. Ini terjadi pada penghujung tahun 1967.

### Omar Rojik

Anak Melayu yang diberi peluang mengarah selepas saya di Syarikat MFP ialah Omar Rojik. Nama Omar Rojik yang sebenarnya ialah Omar bin Ali, berasal dari Kedah. Bapanya bernama Ali bin Ibrahim dan ibunya bernama Raonah binti Senari. Dia dilahirkan pada 23 November 1925 dan mendapat pelajaran sekolah Melayu dan Inggeris.

Kata Omar, dia satu-satunya anak sebuah keluarga yang paling miskin, yang menumpang membuat pondok di hujung tanah keluarga sendiri. Selepas sekolah Melayu dia masuk sekolah Inggeris persendirian, itu pun hanya sampai darjah tiga. Walau bagaimanapun dia boleh dikatakan seorang yang cerdas di dalam pelajarannya. Pada waktu itu dia juga memasuki parti keroncong dan pandai memainkan alat-alat muzik dengan cara menghafal saja. Dia juga

gemar membaca buku terutama novel-novel dari Indonesia.

Apabila habis sekolah dia bekerja beberapa ketika di sebuah bengkel PWD tetapi kerana tidak senang dia berhenti. Semasa pendudukan Jepun dia memasuki angkatan belia dan bekerja memperbaiki enjin kapal terbang tentera Jepun. Pada masa itulah dia dapat mempelajari bahasa Jepun.

Selepas perang, beliau pernah terlibat dengan parti politik yang dipimpin oleh Ahmad Boestaman. Kerana tiada pekerjaan yang tetap akhirnya dia merantau ke Singapura setelah mendengar khabar Royal Air Force (Inggeris) Singapura memerlukan juruteknik.

Dia gagal dalam temuduga. Mujurlah dia bertemu dengan R. Azmi yang pada masa itu sedang membuat nama sebagai penyanyi. Omar menumpang tinggal di bilik sewa Azmi di Jalan Syed Alwi berdekatan dengan New World. Sewanya \$7.60 sebulan.


Dengan pertolongan R. Azmi juga dia dapat bekerja sebagai buruh kasar di Syarikat Malay Film Productions dengan gaji \$50 sebulan. Dari situlah dia mula mengenal dunia filem tempatan.


Seperti orang lain di studio itu, walaupun tugasnya dikatakan sebagai buruh, Omar disuruh membuat berbagai-bagai pekerjaan. Dia pernah juga ditugaskan berlakon memegang beberapa peranan kecil hingga meningkat kepada peranan yang agak besar. Salah satu peranan besar yang diberikan kepadanya ialah berlakon di samping Kasma Booty di dalam filem *Manusia* (1951). Dia juga pernah berlakon sebagai askar Jepun dalam filem *Sergeant Hassan* (1958).

Kerana kebolehannya, Omar diangkat menjadi penolong pengarah. Seperti yang saya sebutkan sebelum ini, dia jadi pembantu saya sewaktu saya mengarahkan filem yang pertama *Batu Belah Batu Bertangkup*. Akhirnya pada tahun 1960 dia diberikan peluang pertama dengan filem *Sumpah Wanita*, sebuah filem bercorak



OMAR sebagai pelakon, penolong pengarah dan pengarah.





HASHIMAH YON

purba berdasarkan cerita yang diberikan oleh Ramlee. Pelakon utama di dalam filem itu ialah Aziz Jaafar, Jins Shamsuddin dan Hashimah Yon.


Beberapa buah cerita filem arahnya adalah ciptaannya sendiri. Kata Omar, dia mendapat ilham cerita selalunya selepas tidur dan bermimpi melihat buku. Seperti saya juga, beberapa filem awalnya merupakan filem purba. Di bawah ini saya senaraikan filem-filem arahnya sewaktu di MFP, selepas filem *Sumpah Wanita*:

1. *Pertarungan* (1960) lakonan Aziz Jaafar, Jins Shamsuddin dan Zaiton.
2. *Panji Semerang* (1961) lakonan Aziz Jaafar, Saadiah dan Dayang Sofia.
3. *Singapura Dilanggar Todak* (1961) lakonan Aziz Jaafar, Hashimah Yon dan Bat Latiff.
4. *Kasih Tanpa Sayang* (1962) lakonan Ahmad Mahmud, Hashimah Yon, Aziz Jaafar.
5. *Pilih Menantu* (1963) lakonan Sarimah, Aziz Sattar, Dayang Sofia dan Mohd. Zain.
6. *Jeritan Batin* (1963) lakonan Ahmad Mahmud, Saadiah dan Aziz Jaafar.
7. *Siapa Besar* (1964) lakonan Aziz Jaafar, Zaiton, Normadiah dan Ahmad Mahmud.
8. *Sayang Si Buta* (1965) lakonan Jins Shamsuddin, Saadiah dan Zaiton.
9. *Takdir* (1965) lakonan Jins Shamsuddin, Saadiah dan Zaiton.
10. *Dahaga* (1966) lakonan Aziz Jaafar dan Sarimah.
11. *Aksi Kucing* (1966) lakonan Aziz Jaafar dan Zaiton.
12. *A Go Go 67* (1967) lakonan Aziz Jaafar, Nor Azizah dan Normah Zainal.

Walaupun orangnya kelihatan serius tetapi dalam mengarahkan filem komedi seperti *Pilih Menantu* dan *Siapa Besar*, Omar nampaknya dapat memberikan persembahan yang baik.



ZAITON



S. KADARISMAN

Saya suka memanggil Omar dengan panggilan "Jeneral" kerana nama sebenarnya Omar bin Ali itu hampir dengan bunyi nama Jeneral Omar Bradely salah seorang panglima perang Amerika Syarikat yang terkenal pada masa perang dunia yang kedua dahulu.

Kesukaan Omar apabila bekerja ialah meletakkan tuala di lehernya supaya senang mengelap peluh. Kalau ada sesuatu yang tidak menyenangkannya, tabiat Omar ialah menyapu mukanya dengan tapak tangannya beberapa kali dan berjalan pergi balik di belakang kamera. Tingkah lakunya ini sering diajuk oleh kawan-kawan yang suka berkelakar di studio itu.

Setelah Syarikat MFP dibubarkan pada tahun 1967, Omar berhijrah ke Studio Merdeka.

### S. Kadarisman

Saya juga ingin berbicara tentang S. Kadarisman. Dia berasal daripada keluarga orang seni pentas.

Isterinya Puan Fatimah ialah anak kepada Encik Khairuddin atau Cik Din atau Tairo tokoh bangsawan yang terkenal. Isteri Tairo pula ialah Cik Hatijah (Miss Tjah). Mereka pernah mempunyai kumpulan bangsawan dengan nama "Dean Tjah Opera".

Beliau lebih senang dengan panggilan Kadar sahaja. Kata Kadar, huruf "S" di awal namanya itu adalah daripada perkataan Shahadat kerana nama penuhnya ialah Shahadat Kadarisman. Sebelum menjadi pelakon filem dia sudah biasa berlakon di pentas bangsawan, kerana itu dia banyak mengetahui cerita-cerita bangsawan dan sandiwara. Kerana kemahirannya bermain silat dan membentuk pergaduhan secara pentas, saya sering menjadikannya jurulatih untuk babak-babak pertarungan di dalam filem saya.



Sebelum datang ke MFP, Kadar terlebih dahulu berlakon dengan syarikat filem Nusantara tetapi kerana kemajuan di syari-



kat itu sangat terhad, Kadar berhijrah ke MFP. Di studio ini dia bukan saja berlakon tetapi menjadi penolong kepada pengarah S. Ramanathan. Tetapi setelah membantu pengarah itu di dalam beberapa filem, dia meminta menjadi pelakon saja. Kebetulan pada waktu itu beberapa orang sudah boleh memegang tugas penolong pengarah, di antaranya ialah Rohaizad atau Wancik (nama sebenarnya ialah Syed Hamid bin Muhammad), Kemat Hassan, Zulkifli Muhammad, Syed Hassan Safi Al-Shahab dan Nordin Arshad.

Disiplin pentas menjadikan Kadar seorang yang begitu berdedikasi dalam seni lakon. Dia suka memegang berbagai peranan dan membawa watak yang memerlukan beraneka emosi ataupun perubahan wajah.

Memang menjadi kegemarannya kalau peranannya di dalam sesebuah filem itu membolehkannya berhias sebagai seorang



**KADARISMAN** sangat dedikasi dalam seni lakon, gemar sekali berlakon dalam pelbagai watak.







yang botak, muka berparut, orang bodoh dengan mata yang terbonjol keluar, seorang perompak bermata satu dan sebagainya.


Kadar diberi peluang mengarah filem pada penghujung tahun 1965. Filem arahan pertamanya sebuah cerita purba yang dipetik daripada cerita bangsawan dan disesuaikan dengan lagu asli iaitu *Seri Andalas*. Pelakon-pelakon pentingnya ialah Sari-mah, Ahmad Mahmud dan Nor Azizah. Bagaimanapun sebelum itu dia pernah juga disuruh menyiapkan sebuah filem dengan cara menyambungkan beberapa babak hiburan dengan satu filem rencana berhubung dengan melahirkan anak. Tugas ini tidaklah boleh dianggap sebagai kerja khusus seorang pengarah filem. Filemnya yang kedua ialah *Anak Buluh Betong* (1966) dilakonkan oleh Aziz Jaafar, Ahmad Mahmud, Saadiah dan S. Rosley. Pada tahun 1967 Kadar mengarahkan *Lampung Karim* dengan S. Rosley, Saadiah dan Zaiton, kemudian dia mengarah *Terlibat* (1967) lakonan S. Rosley dan S. Aminah.

#### Zaman Kemosotan

Pertengahan tahun 60-an disebut orang sebagai tahun kemuraman dan kemosotan filem tempatan. Filem tempatan memang ditumpukan kepada masyarakat Melayu saja sebagai penontonnya. Jalan cerita dan persembahannya tidak menarik kaum asing untuk menontonnya. Selain daripada itu, memang tidak ada usaha daripada pihak penerbit bagi meneroka pasaran lain kerana



Filem-filem MFP dibuat dalam studio dengan set-set yang dibina atau di lokasi dengan persiapan dan tenaga kerja yang cukup.



NORMADIAH

sebagai pengedar dan pemilik pawagam, mereka tahu penonton- penonton kaum lain sudah menjadi pelanggan tetap bagi filem-filem Barat, filem dari Hong Kong, filem Hindustan dan Tamil. Tidaklah wajar dalam percaturan ekonomi mereka mengubah sistem yang sudah menjamin keuntungan seperti ini.

Bagi masyarakat Melayu sendiri, di kalangan yang terpelajar, yang intelektual dan yang berpangkat tinggi, boleh dikatakan tidak mengenal malah memandang rendah kepada filem-filem tempatan. Mereka gemar melihat filem-filem Barat saja.

Sebahagian lagi masyarakat penonton Melayu lebih tertarik kepada filem Hindustan kerana wira dan wirawatinya yang kacak dan cantik serta lagu-lagu dan pemandangannya yang menarik. Pada hakikatnya cerita filem Hindustan itu sama saja formulanya. Pendek kata walaupun mereka tidak faham perkataan yang diucapkan dalam filem itu, mereka senang menontonnya. Lagu-lagu yang dinyanyikan banyak pula yang boleh ditiru dan dinyanyikan tanpa mengetahui apa maknanya!

Kemunculan televisyen menjadi satu pukulan yang hebat kepada filem terutama kepada filem tempatan. Bersaingan dengan itu timbul pula generasi yang gemarkan lagu-lagu pop. Di sana sini timbul "kugiran", istilah ringkasan "kumpulan gitar rancak". Muda-mudi mabuk dengan penyanyi-penyanyi yang popular dan dengan sekejap saja ramai di antara penyanyi-penyanyi itu menjadi mashhur dan dipuja, sehingga nama bintang-bintang filem kita menjadi kabur dan tenggelam.

Sudahlah demikian, konfrontasi yang ditimbulkan oleh Indonesia kerana lahirnya Malaysia, menyebabkan filem-filem tempatan tidak lagi dapat dibawa masuk ke Indonesia. Sebelum ini sekurang-kurangnya walaupun ada usaha mengawal pasaran filem Indonesia sendiri hingga beberapa syarat telah diadakan untuk mengurangkan kemasukan filem Malaysia ke sana, tetapi filem kita tetap dapat beredar. Di antara lain syarat itu melibatkan pertukaran timbal-balik yang tidak seimbang, tiap-tiap satu filem Malaysia yang akan dimasukkan ke Indonesia, pihak pengedar di Malaysia dan Singapura mesti sanggup mengedarkan beberapa filem Indonesia pula.

Karena sebab-sebab inilah, termasuk pertikaian-pertikaian buruh dan artisnya,

maka penghujung tahun 1967 tuan punya MFP membuat keputusan menutup syarikat itu.

### **Pengusaha Bebas**


Apabila MFP mulai menunjukkan kemajuan dengan filem keluarannya selepas perang atau pada tahun 1948/1949, pihak lain juga mula menampakkan minat dalam hal ini. Tidak lama kemudian lahirlah Nusantara Film (1950). Pada mulanya syarikat ini bertempat di bangunan Hotel South East Asia di Tanjung Keling Singapura. Tuan punya syarikat itu ialah Encik Hsu Chow Meng. Hubungannya yang rapat dengan beberapa orang seniman seperti Pak Zubir Said, Naz Achmas dan A.R. Tompel menyebabkan dia berani memasuki lapangan ini. Dia sendiri pernah belajar tentang drama dan filem sewaktu menuntut di Shanghai.

Beliau juga mempunyai persetujuan dengan pihak pengedar filem di Indonesia. Bagi setiap filem keluarannya, pengedar di Indonesia sanggup membelinya dengan harga \$40 000. Jadi Chow Meng membuat filemnya dengan mengawal perbelanjaan produksi supaya tidak lebih \$30 000 dan menjamin keuntungan baginya lebih kurang \$10 000.

Dengan lahirnya Syarikat Nusantara, maka berpeluanglah Naz Achmas menjadi pengarah filem Melayu yang pertama. Dia ditugaskan mengarah filem bertajuk *Pelangi* dengan pelakon-pelakonnya Nona Asiah dan Ismail Kassim memegang peranan penting dibantu pula oleh Salmah Ismail (Saloma). Naz Achmas sebenarnya warganegara Indonesia yang tinggal di Singapura pada waktu itu. Beliau seorang pelukis dan lukisannya selalu terdapat menghiasi majalah dan kulit-kulit buku cerita di tahun 40-an dan 50-an.

### **A.R. Tompel**

Tompel yang selalu berlakon di dalam filem MFP pada tahun-tahun permulaan selepas perang itu diberi juga peluang mengarah filem oleh Chow Meng. Tompel mempunyai bakat mengarah dan kerana pengalamannya dalam bidang pementasan serta filem, Chow Meng berpendapat tentulah beliau boleh mengarah filem. Disebabkan dia masih ada kontrak dengan MFP, Tompel menggunakan nama samaran Armaya.



A.R. TOMPEL



ALI RAHMAN dan  
SOFIA IBRAHIM dalam  
sebuah filem terbitan  
Studio Merdeka Hulu  
Kelang.



ROSNANI dan ROKIAH  
JAAFAR dalam satu  
babak film  
"GERHANA" (MFP).

Dia mengarahkan beberapa keluaran Nusantara di antaranya:

1. *Perkahwinan Rahsia* lakonan S. Kadarisman, Eloni Hayat dan Rokiah Hanafi.
2. *Norma* lakonan Kadarisman, Salbiah Harun dan Salmah Ismail.
3. *Cinta Murni* lakonan Kadarisman, Rahman B, Salbiah Harun dan R. Suriati.
4. *Sehati Serasa* lakonan Kadarisman, Rahman B, Salbiah Harun dan Salmah Ismail.
5. *Sesal Tak Sudah* lakonan Ratna, Daeng Idris, Salbiah Harun dan Salmah Ismail.
6. *Seniwati* lakonan Normadiyah, Bakarudin dan Kadarisman.

Seperti yang saya katakan awal-awal tadi usaha Tompel di Nusantara itu akhirnya diketahui juga oleh pihak MFP dan dia ditawarkan mengarah filem di sana tetapi kerana tidak dapat kata sepakat, Tompel terus bekerja di Nusantara hingga habis kontraknya dengan MFP. Apabila Nusantara pula ditutup, Tompel membuka Sandiwaru Keliling.

Selain daripada Tompel, Chow Meng sendiri pernah mengarah filem di Nusantara dengan menggunakan nama samaran M. Wijaya. Filemnya ialah *Mencari Jodoh* lakonan Kadarisman, Rahman B dan Eloni Hayat, juga *Budi Mulia* lakonan Kadarisman, Rahman B dan Daeng Idris.

Kini Chow Meng bersama-sama beberapa orang lagi membuka syarikat filem iklan di Kuala Lumpur.

Naz Achinas juga selepas itu mengarahkan dua filem lagi berjudul *Pacar Putih* lakonan Kadarisman, Normadiyah dan Junaidah dan *Dian* dilakonan oleh Kadarisman, Normadiyah dan Osman Gumanti.

Studio Nusantara yang pada mulanya di Tanjung Keling itu selaras dengan perkembangannya telah berpindah ke sebuah bangunan bekas kilang sabun di atas sebuah bukit di Jalan Bukit Timah. Kerana



SALOMA

pihak Indonesia tidak lagi sanggup membeli filem-filem Nusantara dan menghadapi masalah menayang dan mengedarkannya, syarikat ini akhirnya terpaksa ditutup. Bangunan studio itu diubah menjadi Cinecraft dan peralatannya disewakan.

Dengan menggunakan alat-alat inilah maka sebuah syarikat yang bernama United Malay Film Company membuat filem yang berjudul *Angin Berpesan* diarahkan oleh Naz Achnas dan pelakon-pelakonnya terdiri daripada Suki, Zara Agus, Nurani Muti, Salmah Ismail dan Nor Lambak. Tetapi hanya inilah saja usaha syarikat itu, selepas itu tenggelamlah ia. Tidaklah diketahui sama ada salinan filem-filem ini boleh didapati lagi atau tidak. Mungkin negatifnya juga sudah dimusnahkan. Indonesia yang dikatakan membeli filem-filem keluaran Nusantara itu, walaupun kini sudah ada sinematek atau arkib filemnya, belum tentu menyimpan salinan-salinan ini kerana salinan yang dijual ke sana selepas dimainkan beratus atau beribu kali tentulah banyak calar dan putus hingga tidak boleh digunakan lagi.

Seperti mana yang dapat dilihat daripada barisan pelakon-pelakon di Nusantara, ada nama-nama yang kemudiannya menjadi tokoh seni yang terkenal. Misalnya Nona Asiah dan suaminya Ismail Kassim, terkenal sebagai penyanyi radio dan piring hitam pada zaman itu. Suara Nona Asiah selalu digunakan sebagai suara nyanyian artis-artis filem yang lain.

Kadarisman bertambah terkenal apabila berhijrah ke Syarikat MFP. Begitu juga Normadiah.

### **Saloma**

Salmah Ismail memang gadis genit sewaktu di Nusantara. Bakat menyanyinya juga sudah mula ketara. Dia sering menyanyi di pentas, di radio dan akhirnya menyanyi di kelab malam. Suaranya juga pernah digunakan sebagai latar belakang semua artis-artis filem. Dia kemudian lebih terkenal apa-



**DAENG IDRIS**

bila menganggotai kumpulan Panca Sitara bersama-sama P. Ramlee dan di Radio Singapura pula dia dan kumpulannya pernah diberi siri hiburan yang digelar "Kalung Senandung".

Salmah atau Saloma tidak berapa gemar berlakon kerana itu tidak banyak filem yang dilakonkannya. Kalau berlakon pun peranannya tidaklah banyak atau besar sangat. Malah setelah berkahwin dengan Ramlee, Salmah lebih senang diberi peranan menyanyi daripada memegang sesuatu watak yang berat.

### **Pak Daeng Idris**

Salah seorang pelakon watak yang sangat baik ialah Pak Daeng Idris. Dia juga berasal dari pentas. Walaupun beliau bermula di Nusantara namun hanya setelah berlakon di dalam filem keluaran MFP barulah bakatnya yang sebenar tertonjol.

Di antara filem keluaran MFP lakonannya ialah *Sengsara* arahan S. Ramanathan, *Kembali Seorang* arahan Ramon Estella, *Empat Isteri* arahan B.S. Rajhans, *Belantara* arahan S. Ramanathan, *Sumpah Orang Minyak* arahan P. Ramlee, *Hang*





MUSTAFFA MAAROF

Tuah arahan Phani Majumdar, dan Pawang arahan K.M. Basker. Beliau kembali ke Indonesia pada penghujung tahun 1960.

### Ho Ah Loke

Selain daripada Syarikat Filem Nusantara, lahir pula Syarikat Filem Keris dengan Ho Ah Loke sebagai penanggungjawabnya.

Studio Keris bertempat di satu kawasan yang bernama Tempinis di Singapura, jauh daripada kesibukan kota dan lebih hampir dengan pantai tempat orang berkelah dan beristirahat.

Ho Ah Loke sebagaimana yang diterangkan pada awal buku ini, pernah menjadi tuan punya pawagam di Ipoh pada tahun 1926 dan di beberapa pekan yang lain di negeri Perak. Beliau dilahirkan di British Guinea pada 3 Mei 1901 dan pernah menuntut di Universiti Hong Kong. Beliau menganggotai berbagai bagai persatuan di antaranya SMPTE (Society of Motion Pictures Technicians and Engineers). Selepas perang beliau bergabung dengan Loke Wan Toh, memulakan perusahaan filem di bawah Organisasi Cathay. Beliau juga salah seorang perintis Persatuan Penerbit Filem Asia atau Federation of Asian Motion Picture Producers (FAMPP) yang kemudiannya mengadakan Pesta Filem Asia Tenggara dan selepas itu ditukarkan menjadi Pesta Filem Asia pula.

Waktu menubuhkan syarikat filem Keris (1951), Ho Ah Loke memberikan kepercayaan membuat filemnya yang pertama kepada Jaafar Wiryodinomo, tokoh pentas dari Indonesia yang mula dikenal berlakon dalam filem-filem MFP bersaing dengan D. Haris, Tompel, Siput Sarawak dan Bachtiar Affandi. Filem pertama yang diarahkannya berjudul *Ramli Ramlah* dilakonan oleh Rosini, Ahmad Shah dan Tuminah. Rosini ialah seorang pendatang baru dari Pulau Pinang.

Pembukaan Studio Keris ini menggalakkan kedatangan beberapa bakat baru ke situ. Selain daripada pelakon-pelakon

yang dikatakan tadi, maka datanglah Ahmad Mahmud, Mislia, Mustafa Maarof, Bakaruddin dan Mimi menjadi artis-artisnya. ditambah pula dengan Roomai Noor, M. Amin, Maria Menado, Shariff Medan, Salleh Ghani, Nor Lambak dan lain-lain lagi.

Jaafar Wiryo mengarahkan beberapa buah filem lagi, di antara filem-filem ini ada yang terpaksa diperbaiki oleh Roomai Noor dan Shaw Vee Ngok. Filem-filem itu ialah:

1. *Berbahagia Di Singapura* lakonan Siti Hanim, Rohaya dan M. Amin.
2. *Cinta Abadi* (Kembali Ke Desa) lakonan Mislia dan Salleh Ghani.
3. *Kampung Nelayan* lakonan Mislia dan Salleh Ghani.

Beberapa tokoh dari MFP berhijrah pula ke Keris. Roomai Noor yang masih dalam kontrak, membantu dengan cara senyap-senyap sambil cuba melepaskan dirinya dari kontrak itu. Dan akhirnya berjaya. Selepas itu kekalah dia di Keris hingga bergabung menjadi Cathay-Keris.

Shaw Vee Ngok yang bekerja sebagai pengurus di MFP, berhijrah ke Keris, begitu juga B.S. Rajhans dan L. Krishnan.

Seorang Serani bernama A.C. Simmon juga mengarahkan sebuah filem bertajuk *Setia* dengan syarikat ini. Filem itu dilakukan oleh Rosini, Ahmad Mahmud dan M. Amin.

L. Krishnan mengarahkan filem *Bunga Percintaan* yang dilakukan oleh Mustafa Maarof, Mislia dan Norsiah K.

Syarikat filem Keris boleh juga dikatakan pelopor filem Melayu yang berwarna dengan filem yang bertajuk *Buluh Perindu* arahan B.S. Rajhans. Bintang utamanya ialah Rosini, Bakaruddin, Shariff Medan dan hampir kesemua pelakon di studio itu.

Menurut beberapa orang yang pernah bekerja di studio ini keadaan di situ kadangkala kadang mencemaskan kerana entah bila-bila masa saja akan datang surat yang mengatakan semua kakitangan diberhentikan kerja kerana studio itu hendak disusun




ZAHARAH AHMAD



ROSNANI JAMIL



ROSE YATIMAH



SALLEH GHANI

semula, kemudian dengan cara tiba-tiba pula kesemuanya akan diambil bekerja semula.

Encik Ho Ah Loke mempunyai satu tabiat yang aneh menurut pekerja-pekerja di studio itu. Dia suka membawa wang di dalam beg kertas. Mana-mana artis yang cerdik dan pandai membuat cerita yang melembutkan hati beliau dengan senang akan mendapat pinjaman ataupun hadiah wang. Kadang-kadang wang yang diberinya tidak dikira sangat, berapa saja yang dapat diselukrya ke dalam beg ataupun dari dalam sakunya, wang itu akan diberikan kepada orang yang bertuah itu.

### Studio Cathay-Keris

Studio di Tempinis ini akhirnya ditutup apabila Keris bergabung dengan Syarikat Cathay dan dinamakan Cathay-Keris Film Productions dengan bangunan studio yang baru dan moden di Jalan East Coast antara Katong dengan Bedok.

Sebelum percutian ini, beberapa buah filem lagi telah diterbitkan oleh studio

di Tempinis itu. Kerana Ah Loke mempunyai hubungan baik dengan pemilik-pemilik pawagam, terutama dengan Syarikat Cathay, maka filem-filem keluaran studionya senang mendapat saluran pengedaran.

Syarikat Filem Keris ini juga sanggup menjemput seniman Indonesia untuk berlakon di dalam filem keluarannya dengan cara bergabung dengan artis-artis tempatan. Judul-judul filem hasil kerjasama begitu termasuklah filem *Terang Bulan Di Malaya* (1954) arahan B.S. Rajhans dan pelakon-pelakon terdiri daripada Raden Mokhtar, Sukarsih, Rosini dan Bakaruddin.

*Irama Kasih* (1955) arahan Lorry Friedmann, dengan pelakonnya Netty Herawaty dari Indonesia berpasangan dengan Roomai Noor dan Nor Lambak. Pengarah yang sama juga membuat filem yang berjudul *Saudaraku* (1955) lakonan Darussalam dari Indonesia bersama-sama dengan Ahmad Shah dan Maria Menado. Demikian juga filem *Mutiara Dari Malaya* (1955) lakonan Roomai Noor, Mislia, M.

Amin dan Sri Uniati dari Indonesia.

Sutradara Indonesia yang terkenal Pak Usmar Ismail juga berkesempatan berkarya dengan Syarikat Cathay-Keris. Dia mengarahkan sebuah filem yang berjudul *Bayangan Di Waktu Fajar* (1963) lakonan Roomai Noor, Latifah Omar dan pelakon-pelakon Indonesia Rendra Karno dan Nurbani Yusuf.

Roomai Noor diberi peluang menjadi pengarah pada tahun 1956 dengan filem yang diberi tajuk *Adam*. Memanglah dengan adanya Studio Cathay-Keris, maka pemilik Syarikat MFP memandangnya sebagai satu saingan. Boleh dikatakan setiap kali filem Cathay-Keris ditunjukkan di mana-mana pawagam kepunyaan Cathay, maka pawagam kepunyaan Shaw Brothers (SB) akan menayangkan pula sebuah filem tempatan keluaran Syarikat MFP, begitulah sebaliknya.


Kebetulan pula di beberapa buah pekan dan bandar, pawagam kedua-dua syarikat ini terletak tidak berapa jauh di antara satu dengan yang lain. Entah di mana letaknya strategi persaingan yang seperti ini tidaklah saya tahu.

Cathay-Keris mengeluarkan berpuh-puluh malah beratus-ratus buah filem, walaupun tidak lebih baik tetapi setanding dengan apa yang dikeluarkan oleh MFP.

Syarikat Cathay-Keris juga memberi gaji yang lebih baik kepada pekerja dan pelakornya walaupun syarikat itu tidak menyediakan tempat tinggal seperti MFP. Syarikat ini juga lebih dahulu menggunakan alat rakaman pita magnetik daripada MFP yang pada tahun 50-an itu masih menggunakan rakaman bentuk optikal.

Apabila MFP memberi peluang kepada anak-anak tempatan menjadi pengarah, Cathay-Keris juga membuka peluang yang sama.

Salleh Ghani dilantik menjadi pengarah. Beliau telah mengarahkan filem *Seri Mersing* (1960). Para pelakonnya terdiri daripada Nordin Ahmad, Rosnani, Roseyatimah dan Mariani. Setelah mengarah beberapa filem di syarikat ini iaitu filem *Tun Fatimah* (1961) lakonan Nordin Ahmad dan Maria Menado; *Jalak Lenteng* (1961) lakonan Yusof Latiff dan Latifah Omar. Salleh Ghani kemudian berhijrah ke Kuala Lumpur untuk bertugas di Studio Merdeka di Hulu Kelang.



HUSSEIN HANIFF Pe-  
nyunting Filem dan  
Pengarah di CATHAY  
KRIS





Sebagai seorang pengarah HUSSEIN sangat cerewet dan emosi. Filem pertamanya "HANG JEBAT" dianggap klasik.



## Hussein Haniff

Selain daripada Salleh, Hussein Haniff pula dilantik menjadi pengarah. Di kalangan orang yang tidak rapat dengan karyawan filem pada masa itu, nama Hussein Haniff menjadi tidak dikenali kerana sebelum ini dia hanya bertugas sebagai penyunting filem di Studio Cathay-Keris. Bapanya Muhammad Haniff atau Chitra pernah bekerja sebagai pelukis atau pengarah seni di Studio MFP dan sebelum itu pernah bertugas sebagai pelukis tirai dan peralatan atau property di beberapa pentas bawasan.

Berdasarkan pengalamannya sebagai seorang penyunting, Hussein Haniff telah dapat mengarah filem dengan baik, terutama di dalam aspek komposisi dan sudut kamera. Kerana dia juga bertindak sebagai penyunting, maka suntingan bagi filemnya cukup kemas. Beliau mementingkan nilai sesuatu shot dan tempo filemnya. Walau bagaimanapun filemnya yang pertama dianggap filemnya yang terbaik iaitu *Hang Jebat* (1962) dibintangi oleh Nordin Ahmad dan Latifah Omar. Beliau mengarahkan beberapa filem lagi, sebelum meninggal dunia.

Di sini disenaraikan beberapa filem arahan Hussein Haniff:

1. *Dang Anum* (1962) lakonan Nordin Ahmad, Fatimah Ahmad.
2. *Korban Kasih* (1962) lakonan Yusof Latiff, Fatimah Ahmad.
3. *Mata Shaitan* (1962) lakonan Yusof Latiff, Fatimah Ahmad.
4. *Mabuk Kepayang* (1962).
5. *Masuk Angin Keluar Asap* (1963) lakonan Yusof Latiff, Fatimah Ahmad.
6. *Gila Talak* (1963) lakonan Yusof Latiff, Fatimah Ahmad.
7. *Istana Berdarah* (1964) lakonan Yusof Latiff, Fatimah Ahmad.
8. *Dua Pendekar* (1964) lakonan Yusof Latiff, Fatimah Ahmad.
9. *Hutang Darah Dibayar Darah* (1964) lakonan Yusof Latiff, Fatimah Ahmad.
10. *Kalong Kenangan* (1964) lakonan Tony Kassim, Latifah Omar.
11. *Jiran Sekampung* (1965) lakonan Yusof Latiff, Fatimah Ahmad.
12. *Udang Sebalik Batu* (1966) lakonan Yusof Latiff, Fatimah Ahmad.




YUSOF LATIFF







M. AMIN




Babak dari film  
"LANCANG KUNING"  
dan "CUCU DATOK  
MERAH" arahan M.  
AMIN (Cathay Kris).

**M. Amin**

Tidak berapa lama kemudian, M. Amin telah diberi peluang mengarah. Filemnya yang pertama ialah *Lancang Kuning* (1962) yang diambil daripada cerita bangsawan. Peranan utama dalam filem ini didukung oleh Nordin Ahmad dan Latifah Omar.

M. Amin selepas itu mengarah beberapa buah filem lagi:

1. *Cucu Datok Merah* (1962) lakonan Nordin Ahmad, Latifah Omar.
2. *Tajul Ashikin* (1963) lakonan Nordin Ahmad.
3. *Air Mata Duyong* (1963) lakonan Nordin Ahmad.
4. *Rumah Itu Duniaku* (1964) lakonan Roomai Noor.
5. *Panglima Besi* (1964) lakonan Nordin Ahmad, Dayang Sofia.
6. *Mata Dan Hati* (1965) lakonan Tony Kassim.
7. *Muda Mudi* (1965) lakonan Mustaffa Maarof, Fatimawati.
8. *Patong Cendana* (1965) lakonan Nordin Ahmad, Latifah Omar.
9. *Ikan Emas* (1965) lakonan Latifah Omar, Siput Sarawak.
10. *Gurindam Jiwa* (1966) lakonan Nordin Ahmad, Latifah Omar.
11. *Anak Dara* (1966) lakonan Tony Kassim, Suraya.
12. *Dua Kali Lima* (1966) lakonan Wahid Satay, Mat Sentol.
13. *Dosa Wanita* (1966) lakonan Salim Bachik, Fatimah Ahmad.
14. *Mat Bond* (1967) lakonan Mat Sentol, Shirley Koh.
15. *Mat Raja Kapor* (1967) lakonan Mat Sentol, Malik Selamat.
16. *Pop Muda* (1968) lakonan A. Rhymee, Norani Jaafar.
17. *Serikandi* (1968) lakonan Tony Kassim, S. Noni.
18. *Keris Emas* (1969) lakonan Kuswadinata, Any Jaafar.
19. *Sial Wanita* (1969) lakonan Nordin Ahmad, Saadiah.
20. *Aku Mahu Hidup* (1970) lakonan Kuswadinata, Any Jaafar.



MALIK SELAMAT

21. *Puaka* (1970) lakonan Aziz Jaafar, D. Sofia.
22. *Jahanam* (1971) lakonan Nordin Ahmad, Saadiah.
23. *Semusim Di Neraka* (1971) lakonan Tony Kassim, Noni S.
24. *Satu Titik Di Garisan* (1972) lakonan Aziz Jaafar, D. Sofia.
25. *Hanimbau Jadian* (1972) lakonan S. Azam, Rohani Yusof.
26. *Semangat Ular* (1972) lakonan Mustaffa Maarof, Emma Derita.
27. *Pengejaran Ke Neraka* (1972) lakonan Aziz Jaafar, Norma Zainal.
28. *Hati Batu* (1973) lakonan S. Azam, Latifah Omar.

Filem *Mat Bond* adalah filem lucu arahan bersama M. Amin dengan Mat Sentol. Filem *Satu Titik Di Garisan* telah menyertai Pesta Filem Asia di Singapura dan menggondoi hadiah *Big Merlion* sebagai filem dramatik yang terbaik tahun 1973.

Kejayaan filem-filem arahan anak tempatan seperti ini menyebabkan pihak pengurus Syarikat Cathay-Keris memberi peluang kepada pelakon Nordin Ahmad pula menjadi pengarah. Nordin memilih filem arahnya yang pertama sebuah cerita yang berjudul *Wan Perkasa* (1964) lakonan M. Amin, Siput Sarawak dan Malik Selamat. Berikutan dengan itu muncul beberapa buah lagi filem arahnya sehingga ia meninggal dunia pada 16 Jun 1971.

Di sini disenaraikan filem-filem arahan Nordin Ahmad:

1. *Naga Tasik Cini* (1966) lakonan Malik Selamat, Siput Sarawak.
2. *Kasih Ibu* (1967) lakonan Mustaffa Maarof, Latifah Omar.
3. *Play Boy* (1967) lakonan Nordin Ahmad, Rosnani.
4. *Si Murai* (1968) lakonan Mustaffa Maarof, Roseyatimah.
5. *Kekasih* (1968) lakonan Salim Bachik, Fatimah Ahmad.
6. *Keranda Berdarah* (1969) lakonan Mustaffa Maarof.
7. *Lubang Neraka* (1970) lakonan Mustaffa Maarof.

## Mat Sentol

Seorang lagi anak tempatan yang berbakat iaitu Abdul Raship bin Yahya tetapi lebih terkenal dengan gelaran Mat Sentol. Dia banyak mengambil bahagian sebagai pelawak di dalam filem keluaran Cathay-Keris di samping kebolehannya sebagai seorang pelukis. Perhatikan bakatnya yang banyak itu, beliau telah diberi peluang mengarah filem-filem berbentuk komedi. Boleh dikatakan kebanyakan filemnya diberi nama Mat. Filem-filem bentuk ini yang dihasilkan-nya iaitu:


1. *Mat Tiga Suku* (1964) lakonan Mat Sentol. Salina.
2. *Tiga Botak* (1965) lakonan Mat Sentol. Soraya.
3. *Mat Bond* (1967) lakonan Mat Sentol. Shirley Koh.
4. *Mat Raja Kapor* (1967) lakonan Mat Sentol. Malik Selamat.
5. *Mat Toyol* (1969) lakonan Mat Sentol. dll.
6. *Mat Magic* (1973) lakonan Mat Sentol. dll.
7. *Mat Drakula* (1973) lakonan Mat Jais.
8. *Mat Lanun* (1968) lakonan Mat Sentol. dll.

Sebagaimana yang dikatakan tadi, ada di antara filem itu diarahnya bersama dengan M. Amin, demikian juga filem *Mat Tiga Suku* merupakan arahan bersama dengan Hussein Haniff.

Selepas itu Mat Sentol mengarahkan lagi *Penagih Dadah* (1979) lakonan Danu Umbara dan Maureen Abdullah dan *Mat Tenggek* (1980) yang dia berlakon bersama-sama Sukarni Jaffar.

Filem komedi Mat Sentol ini dianggapkan kelakar yang kasar atau "slapstick" dan banyak pula diiringi dengan efek khas atau *special effects* yang diciptanya sendiri. Dari cara pembuatannya, dia berhasil membuat filem yang kecil modalnya tetapi kadang-kadang boleh menguntungkan pihak pemodal.

Namun setelah MFP dibubarkan dan Cathay-Keris tinggal sebagai satu-satunya studio di Singapura, studio ini bagaimanapun tidak bertambah pesat. Gejala-gejala kemerosotan filem tempatan sudah nyata benar dan sambutan penonton semakin



MAT SENTOL



Gambar atas:  
Artis MFP menyambut  
kedatangan artis Hong  
Kong.  
Gambar bawah:  
Artis dalam satu  
sidang baca skrip.  
Gambar kanan:  
Jins Shamsuddin dan  
H. M. Busra.





menurun. Selepas itu Roomai Noor berpindah ke Kuala Lumpur. Hussein Haniff dan Nordin Ahmad pula meninggal. Pengarah M. Amin bertahan juga sebentar tetapi akhirnya berpindah ke Kuala Lumpur. Tinggallah Mat Sentol menerbitkan filem lucunya. Kesudahannya, beliau juga berulang-alik dari Singapura ke Kuala Lumpur setelah Cathay Keris memusatkan usaha perfileman ke jurusan filem iklan dan dokumentari saja.

### Pengusaha Persendirian

Selain daripada syarikat-syarikat besar yang mempunyai studio ada juga pihak perseorangan yang mencuba nasib terjun ke dalam perusahaannya menerbitkan filem. H.M. Shah mencuba nasibnya dengan menerbitkan *Kasih Menumpang* (1959) lakonan Mustafa Maarof. Filem ini menggunakan tenaga artis dan juruteknik dari Cathay-Keris, tetapi hanya sekali itu saja usahanya berjaya kerana mengalami nasib yang me-

nimpa mana-mana pihak yang tidak mempunyai saluran-saluran pengedaran dan penayangan dan wang kembali yang tidak memuaskan.

Maria Menado juga pernah menjadi penerbit. Beliau mengeluarkan filem *Raja Bersiong* dalam bentuk hitam-putih. Beliau sendiri memegang peranan bersama-sama Malik Selamat. Produksi ini dibuat menggunakan peralatan kepunyaan K.M. Basker yang mengambil alih alat-alat di Cinecraft atau bekas Studio Nusantara dulu. Hasilnya juga mengecewakan.

Seniman Ahmad Mahmud juga pernah mencuba. Beliau membeli sebuah kamera 16 mm, dengan cara berdikit-dikit beliau membuat filem yang diberi judul *Antara Dua Nisan* (1967-68). Beliau sendiri berlakon bersama-sama dengan Saadiah. Segala-galanya dibuat dengan cara yang sungguh berhemat. Filem itu siap juga dan akhirnya dijual kepada Kementerian Penerangan Malaysia. Untuk usaha yang boleh dikatakan sebagai satu percubaan itu, Ahmad Mahmud mengatakan belanjanya tidaklah banyak, memakan hanya beberapa ribu ringgit saja, tetapi nyatalah usaha yang seperti itu belum boleh ditiru untuk menghasilkan satu usaha di bidang perfileman secara meluas dan berpanjangan.

Walau bagaimanapun artis-artis dan pekerja filem MFP yang di Singapura, apabila studio itu ditutup, lalu berpakat sama sendiri untuk menerbitkan filem dalam bidang 16 mm juga. Mereka akan bekerja dengan cara sukarela, hanya apabila siap dan filem itu dapat pasaran, hasilnya akan dikira dan dibahagi-bahagikan jika ada keuntungan. Pendek kata usaha ini adalah sebagai satu kooperatif yang pernah dibuat oleh artis-artis dan karyawan di Hong Kong satu masa dahulu. Usaha ini mereka namakan GAFIM atau Gabungan Artis Filem Melayu. Mereka memilih cerita yang disumbangkan oleh Salleh Kamil. Cerita itu berjudul *Ibulah Syurga*.

Sudarmaji dilantik sebagai pengarah. Filem ini diusahakan melalui Studio Telefilm kepunyaan K.M. Basker. Percubaan mereka itu siap dan filemnya dibesarkan dari bidang 16 mm ke bidang 35 mm, tetapi sekali lagi riwayat lama berulang. Usaha itu tidak mendatangkan apa-apa keuntungan, bahkan mungkin kerugian kepada pihak yang memodalkan perkakas-perkakasnya. Walhasil, usaha itu mati setakat itu.



5. SUDARMAJI



## PERKEMBANGAN FILEM DI SEMENANJUNG

**M**ARILAH kita meninjau perkembangan perusahaan filem di Semenanjung atau lebih khusus lagi di Kuala Lumpur.

Usaha awal membuat filem di sini seperti juga di Singapura bukan usaha bumiputera atau orang dalam negeri, tetapi oleh syarikat-syarikat filem luar yang datang membuat penggambaran, menggunakan negara ini sebagai latar belakang atau lokasinya.

Apakah yang dapat dikesan ialah penggambaran filem *Boo-oo* yang dibuat di Ipoh. Perak pada tahun 1937. Penggambaran filem itu dilakukan juga di beberapa tempat lain termasuk Singapura.

Penerbit filem ini ialah Paramount Pictures dari Amerika Syarikat. Pengarahnya bernama Clyde E. Elliot dan pelakon utamanya ialah Ratna Asmara seorang artis Indonesia. Pelakon lakinya Collin Tipley.

Perkembangan yang lain ialah Filem negara Malaysia, atau nama asalnya Malayan Film Unit. Lahirnya Malayan Film Unit itu ialah atas inisiatif Encik Mubin Sheppard (Tan Sri Datuk) yang pada waktu itu menjadi pengarah Jabatan Perhubungan Raya selepas tamat Perang Dunia kedua dahulu. Beliau mendengar khabar ada peralatan filem kepunyaan pasukan filem tentera

British yang hendak dijual di Singapura. Beliau telah menggunakan kebijaksanaan-nya hingga alat-alat itu dapat dibeli oleh kerajaan sebelum terlelong atau terjual kepada pihak swasta.

Dengan demikian lahirlah Malayan Film Unit dengan studio asalnya di sebuah bangsal kilang membuat kertas di Jalan Bangsar, Kuala Lumpur dalam tahun 1946. Seorang Eropah yang bernama Harry Govan menjadi pelatih kepada anak-anak negeri.

Di antara petugas awalnya ialah Encik Yusof Khan (Almarhum) yang bertugas sebagai penolong pengarah, Encik Osman Haji Shamsuddin yang bermula sebagai jurukamera, Encik Lee Meow Siong sebagai penerbit, Encik Jumaat Jaalam (Almarhum) sebagai pengurus makmal, Encik Ismail Kulop pekerja makmal, Encik Hassan Rashid sebagai pembantu jurukamera dan Encik Mat Embon sebagai penolong makmal.

Encik Tom Hodge seorang pengarah Malayan Film Unit kemudiannya berpindah menjadi pengurus Cathay-Keris di Singapura, tempatnya digantikan oleh Encik Ow Kheng Law. Beliau kemudiannya digantikan oleh Encik Mohammad Zain Hussain (Almarhum) dan kini kerusi ketua pengarah itu dipangku oleh Encik Osman Haji Shamsuddin.

Dengan terbentuknya Malaysia, Malayan Film Unit pun bertukar kepada Filem Negara Malaysia. Bangunannya yang baru di Jalan Utara Petaling Jaya telah dibuka dengan rasminya oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Syed Putra ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail, Yang di-Pertuan Agong Malaysia ketika itu pada 24 Ogos 1965.

### **Kejayaan Cemerlang**

Sejak tertubuh, jabatan ini telah mengeluarkan filem-filem berita, maklumat dan dokumentari dengan banyaknya dan beberapa buah filemnya telah memenangi hadiah sebagai filem terbaik di dalam pesta filem di serata dunia.

Sebahagian daripada hadiah-hadiah dan kepujian istimewa yang telah diterimanya adalah seperti berikut:

1. *Letter From Home (Surat Dari Rumah)*, di Pesta Filem Asia Tenggara yang pertama di Tokyo pada tahun 1954, bersama-sama dengan filem dokumentar *Before the Wind (Sebelum Angin Datang)*.
2. *Hassan's Homecoming (Hassan Pulang)*, Hadiah Golden Harvest, filem bukan drama terbaik di Pesta Filem Asia Tenggara yang kedua di Singapura pada



SOPHIA IBRAHIM

tahun 1955 bersama-sama dengan film *Youth in Action (Bela Bergerak Maju)*, sebagai perancangan film yang terbaik dan Hadiah Istimewa Persembahan yang terbaik.

3. *Malacca Then And Now (Melaka Dulu dan Sekarang)*, dihadiahkan dengan medal gangsa dan Diploma Kehormatan, sebagai film pelancongan yang terbaik di eksposisi antarabangsa di Phnon Penh pada tahun 1955.
4. *Valley of Hope (Lembah Bahagia)*, mendapat hadiah perancangan terbaik dan Hadiah Istimewa persembahan yang terbaik tentang kebajikan dan penyelesaian masalah manusia di Pesta Filem Asia Tenggara ketiga di Hong Kong pada tahun 1956. Di pesta yang sama filem *Timeless Temiar* mendapat hadiah film bukan drama yang terbaik.
5. *Wayang Kulit* mendapat hadiah *Toastal Harp* perak di Pesta Cork dalam tahun 1957.
6. *Tin From Malaysia (Timah Dari Malaysia)* memenangi dua hadiah di Pesta Filem Asia Tenggara di Tokyo pada tahun 1957 sebagai film perancangan dan fotografi yang terbaik bagi sebuah film yang bukan drama.
7. *Filem Merdeka for Malaya (Malaya Merdeka)* memenangi hadiah Golden Harvest dan Hadiah Istimewa sebagai film bukan drama dan rakaman terbaik untuk suatu peristiwa yang bersejarah, dalam Pesta Filem Asia pada tahun 1958.

Pendek kata, banyak lagi hadiah-hadiah yang pernah diterima oleh Malayan Film Unit dan kemudiannya menjadi Filem Negara Malaysia yang membuktikan kecekapan dan kebolehan karyawan di situ.

Bangunan dan studio di Jalan Utara Petaling Jaya ini lengkap dengan pentas bunyi untuk membuat penggambaran filem di dalam studio dan segala peralatan filem yang moden, termasuklah cabang animasi dan lain-lain.

Lembaga Penapis Filem di bawah Kementerian Dalam Negeri mempunyai pejabatnya di satu bahagian bangunan ini.

Beberapa syarikat filem dari luar negeri pernah menggunakan peralatan Filem Negara untuk membuat penggambaran lokasi di negara ini. Salah sebuah daripada-

nya ialah filem lakonan William Holden berjudul *Di Bawah Pohon Durian*. Kerana sesuatu sebab berhubung dengan isi filem itu, maka ia tidak diluluskan untuk tayangan di negara ini.

Beberapa orang juruteknik telah mendapat latihan kemahiran di luar negeri seperti di United Kingdom, Jerman dan Australia.

Walaupun diletakkan di bawah Kementerian Penerangan dan beberapa tahun yang lampau disatukan di bawah jabatan Radio Televisyen Malaysia, Filem Negara Malaysia banyak mendapat autonomi dan peruntukan sendiri di dalam bidang kerja dan perancangannya.


Selain daripada Studio Filem Negara, Ho Ah Loke yang pernah membuat Keris Film di Singapura, berkongsi pula dengan Syarikat Shaw dan H.M. Shah bagi mendirikan Merdeka Film Production di Batu 8½ Jalan Hulu Kelang, berhampiran dengan Zoo Negara. Shaw Vee Ngok ditugaskan menjadi pengurus di situ bersama-sama dengan isterinya.

Pejabat studio ini ialah sebuah bangunan papan yang kecil tidak jauh daripada pintu masuk ke kawasannya. Bersama-sama dengan pejabat di bangunan yang sama ditempatkan pula bilik menyunting filem dan stor pakaian dan barang-barang yang kecil.

Sebuah bilik tayangan yang juga berdinginkan papan, terletak berhampiran dengan pejabat ini. Bilik tayangan ini, selain daripada digunakan untuk menonton filem yang siap dicuci selepas penggambaran atau *rushes* digunakan juga sebagai bilik rakaman. Satu bangunan papan di kanan dan terkebelakang sedikit dari pejabat itu, digunakan pula untuk menyimpan peralatan lampu, peralatan lain (*prop*) dan alat-alat untuk set. Dua bangunan yang besar dan panjang agak ke belakang sedikit, digunakan sebagai studio atau pentas penggambaran.

Satu bangunan kecil juga digunakan sebagai makmal. Satu jentera pencuci filem hitam putih terletak di situ. Besar kemungkinannya jentera ini dulunya dibeli dari jualan lelong waktu MFP menukar alat-alat lamanya dengan alat-alat yang baru.

Di tempat-tempat yang sesuai di dalam kawasan studio ini dibangunkan rumah-rumah sebagai set tetap. Bangunan rumah-rumah ini sering diubah-ubah bentuknya



ABDULLAH CHIK



SALMAH AHMAD

mengikuti cerita filem yang sedang di dalam pembikinan. Penggambaran di dalam kawasan studio ini tidaklah ideal untuk membuat rakaman secara langsung kerana dari semasa ke semasa bunyi jeritan gajah, harimau, burung dan lain-lain haiwan akan kedengaran.

Sering pula apabila membuat rakaman pengisian bunyi dan pengisian suara atau lain-lain rakaman akan terganggu kerana bunyi-bunyi tadi, ataupun kerana bunyi enjin kenderaan yang melalui jambatan yang berhampiran dengan kawasan itu. Rakaman di sebelah malam pun sering terganggu kerana adanya bunyi jengkerik yang sangat nyaring.

Sebahagian daripada masa rakaman itu akan terbuang kerana digunakan untuk merayau-rayau di sekeliling bangunan pagawag kecil itu, menghalau ataupun menggesa jengkerik-jengkerik itu berhenti menyanyi buat seketika!

#### Filem-filem Awal

L. Krishnan ialah tokoh filem yang pertama berhijrah dari Singapura ke Studio Merdeka. Filem arahnya yang pertama ialah *Tun Teja* (1960) lakonan Abdullah Chik dan Salmah Ahmad.

Apabila filem berbentuk *cinemascope* menjadi popular di kalangan penonton-penonton kita, Studio Merdeka menukar kebiasaan daripada menggunakan kanta standard kepada filem yang menggunakan kanta skop, lalu lahirlah istilah *Merdekascope* kerana penggunaan nama *Cinemascope* tidak boleh digunakan sebarangan kerana ada hakciptanya. Kerana itu juga filem-filem dari Syarikat Shaw Brothers menggunakan istilah *Shawscope* dan lain-lain penerbit mencipta istilah sendiri pula.

Satu saja yang ganjil mengenai penggunaan kanta anamorfik di Studio Merdeka pada waktu itu iaitu hanya terdapat satu jenis kanta sahaja, kanta 50 mm. Kanta jenis lain seperti 75 mm atau 100 mm tidak ada, jadi jaranglah terdapat gambaran jarak paling dekat atau *Big Close Up* (BCU). Kanta 50 mm itu hanya boleh mengambil gambaran dekat yang terhad. Setelah studio MFP di Jalan Ampas Singapura ditutup, barulah kanta-kanta jenis lain yang digunakan di studio itu dengan kameranya sekali dipindahkan ke Kuala Lumpur dan penggambaran dekat dibuat dengan kanta yang berbeza-beza.



NORSIAH YEM

Pada zaman awalnya Studio Merdeka membuat produksi dengan modal seberapa kecil yang boleh. Misalnya alat-alat perabot yang sama dipakai untuk beberapa buah filem. Kalau ada yang bertukar pun hanya alas ataupun kusyennya saja. Di antara filem studio itu selepas *Tun Teja* ialah:

1. *Keris Sempena Riau* (1961) lakonan Abdullah Chik dan Kasma Booty – arahan L. Krishnan.
2. *Selendeng Merah* (1962) lakonan Abdullah Chik dan Kasma Booty – arahan L. Krishnan.
3. *Ratapan Ibu* (1962) lakonan Mustaffa

Maarof, Kasma Booty – arahan L. Krishnan.

4. *Fajar Menyingsing* (1963) lakonan Abdullah Chik, Kasma Booty – arahan L. Krishnan.
5. *Jambatan Maut* (1963) lakonan Mokhtar dan Sofia Ibrahim – arahan Maroety.
6. *Jauh Di Mata* (1964) lakonan Abdullah Chik dan Sofia Ibrahim – arahan Fred Young.

Sebagaimana yang pernah disebutkan bahawa A.R. Tompel pernah diberi peluang mengarah di studio ini, iaitu filem *Abu*

Babak-babak dari filem  
keluaran studio  
Merdeka Hulu Kelang.  
Gambar atas:  
Filem **TUN MANDAN**  
Gambar bawah  
Filem **ABU NAWAS**



Nawas (1961) tetapi selepas itu beliau hanya menjadi pelakon saja.

Apabila Salleh Ghani berhijrah dari Singapura ke studio ini, filem-filem yang diarahkannya ialah:

1. *Siti Payung* (1962) lakonan Mustaffa Maarof, Kasma Booty.
2. *Ibu Ayam* (1963) lakonan Mustaffa Maarof, Salmah Ahmad.
3. *Anak Manja* (1963) lakonan Mustaffa Maarof, Kasma Booty.
4. *Tangkap Basah* (1963) lakonan Mustaffa Maarof, Kasma Booty.
5. *Tun Mandan* (1964) lakonan Abdullah Chik, Salmah Ahmad.
6. *Hujan Darah* (1964) lakonan Ali Rahman, Sofia Ibrahim.

Pada tahun 1964 juga Ramlee berpindah dari Singapura ke Kuala Lumpur dan mengarah filem di situ. Filem-filem yang dibuatnya di studio ini boleh dikatakan banyak juga, yakni:

1. *Si Tora Harimau Jadian* (1964) lakonan Ramlee, Rosmawati.

2. *Ragam P. Ramlee & Damaq* (1964/65) lakonan Ramlee, Kasma Booty.
3. *Masam masam Manis* (1965) lakonan Ramlee, S. Hanim.
4. *Sabaruddin Tukang Kasut* (1965) lakonan Ramlee, Saloma.
5. *Do Re Mi* (1966) lakonan Ramlee, Wan Cik Daud.
6. *Nasib Do Re Mi* (1966) lakonan Ramlee, Saloma.
7. *Sesudah Subuh* (1966/67) lakonan Ramlee, Vera Wee.
8. *Keluarga 69* (1967) lakonan Ramlee, Siput Sarawak.
9. *Anak Bapak* (1967) lakonan Ramlee, Roseyatimah.
10. *Genimis* (1968) lakonan Ramlee, Chandra Shanmugam.
11. *Kancan Tirana* (1969) lakonan Ramlee, Sarimah.
12. *Ahmad Albab* (1969) lakonan Ramlee, Saloma.
13. *Enam Jahanam* (1969) lakonan Ramlee, Nor Azizah.
14. *Gelora* (1970) lakonan Ramlee, Sarimah.
15. *Doktor Rushdi* (1970) lakonan Ramlee, Sarimah.
16. *Putus Sudah Kasih Sayang* (1971) lakonan Ramlee, Latifah Omar.
17. *Jangan Tinggal Daku* (1971) lakonan Ramlee, dll.
18. *Laksamana Do Re Mi* (1972) lakonan Ramlee, Dayang Sulu.

Untuk filem *Doktor Rushdi*, Ramlee telah meminta saya menulis dialog dan lakon layarnya berdasarkan jalan cerita yang diberikannya.

Ramai orang mengatakan bahawa filem Ramlee yang dibuat di Studio Merdeka tidak sebegitu baik jika dibandingkan filem-filem yang diterbitkan di MFP. Ini tidaklah bermakna kebolehan Ramlee di studio ini telah berkurangan.

Pembikinan filem merupakan cara kerja yang bukan saja memerlukan tenaga kerjasama tetapi juga bakat beramai-ramai. Walaupun terdapat pekerja-pekerja yang gigih di Studio Merdeka, tetapi hasil yang diperolehi tidak sama seperti yang lahir di Studio MFP.




ROSMAWATI



WAN CHIK DAUD







P. RAMLEE, A.R. TOMPEL dan IBRAHIM DIN dalam "DO RE MI" keluaran Studio Merdeka

Filem *Masam-masam Manis* merupakan sebuah filem komedi yang bersih saja seperti yang terdapat pada filem *Adik Manja* (1978) arahan Othman Hafsham kemudian. Di dalam filem itu Ramlee telah memperkenalkan Sharifah Hanim dan loghat Kedah yang digunakan sangat berkesan sekali. Pada pendapat saya filem itu adalah satu-satunya filem yang terbaik diarahkan oleh P. Ramlee di Studio Merdeka.

### Semangat Bujang Lapuk

Ramlee cuba menghidupkan kembali semangat 'Bujang Lapuk' yang dibuatnya di Singapura. Dia faham bahawa watak Bu-

jang Lapuk, yang dihidupkan olehnya bersama-sama Aziz Sattar dan S. Shamsuddin tidak mungkin dipindahkan kepada orang lain. Maka itu dia mencipta pula watak-watak 'Do Re Mi' dengan menggunakan Tompel dan Ibrahim Din. Tetapi percubaan ini tidak dapat menandingi kejayaan yang dihasilkannya sewaktu di MFP dulu sekalipun dia cuba meneruskan gabungan itu dengan membuat filem *Nasib Do Re Mi*. Ada pendapat yang mengatakan dia berhasil membuat persembahan lucu yang agak baik dengan filem *Laksamana Do Re Mi* setelah beberapa filem yang lain kurang berjaya.

Jikalau di MFP dia mengarahkan drama moden yang serius seperti *Antara Dua Darjat* dan *Ibu Mertuaku*, di studio itu Ramlee mengarahkan filem *Sesudah Subuh*, *Gerimis*, *Gelora*, *Doktor Rushdi*, *Putus Sudah Kasih Sayang* dan *Jangan Tinggal Daku*. Walaupun mutu ceritanya baik, lakonan Ramlee dan artis-artis yang lain juga baik, tetapi latar belakang dan pelakon-pelakon pembantu mengurangkan kekuatan filem-filem itu.

Ramlee memang selalu berusaha mengisi filemnya dengan tokoh-tokoh watak bukan Melayu seperti Vera Wee dalam *Sesudah Subuh* dan Chandra Shanmugam



A. R. TOMPEL dan  
KHAJIJAH HASHIM.  
Bawah: MAHMUD  
JUNE dan SHARIFAH  
HANIM.





Adegan dalam filem  
"MASAM-MASAM MANIS"



MAHMUD JUNE

dalam *Gerimis*. Mereka mempunyai peranan besar dan penting. Sebelum ini pun sewaktu di MFP, Ramlee pernah memberi peranan penting kepada tokoh bukan Melayu di dalam filemnya, misalnya Marion Wilis ratu cantik Singapura dalam *Sumpah Orang Minyak*. Walau bagaimanapun, penyertaan mereka ini tidak juga dapat menarik penggemar filem tempatan.

P. Ramlee meninggalkan Studio Merdeka untuk membuka perusahaan filem bumiputera bersama-sama beberapa orang kawan. Syarikat itu ialah Perusahaan Filem Malaysia atau PERFIMA tetapi sebelum menghasilkan apa-apa dia telah keluar daripada syarikat itu dan menubuhkan syarikat yang lain bernama Rumpun Melayu. Dia tiba-tiba meninggal dunia pada 29 Mei 1973 sebelum sempat berbuat apa-apa.

Satu perkara yang tidak dapat dilakukan oleh Ramlee ialah menerbitkan filem-filemnya sendiri. Dia pernah berkata semasa bekerja di Syarikat MFP, "Kita ini macam produser juga, sebab kita yang memilih cerita, menguruskan segala-galanya hingga selesai. Produser di Hollywood tidaklah begitu? Jadi dalam *credit title*, nama penerbit itu patut nama kita". Beliau berkata demikian tanpa menyedari bahawa tugas produser yang menyelenggarakan sesuatu produksi seperti itu ialah Penerbit Bertugas atau *Executive Producer* sedangkan penerbit yang sebenar-benarnya ialah orang yang mengeluarkan segala perbelanjaan menerbitkan sesebuah filem dan orang yang menanggung risiko sekiranya rugi dan menikmati hasil sekiranya untung.

Itulah satu-satunya yang menyedihkan saya tentang Ramlee, iaitu harapan agar ada sebuah filem yang mencatatkan namanya sebagai penerbit. Sebelum sempat cita-citanya itu berhasil dia telah terlebih dahulu dipanggil pergi. Saya fikir elok juga dirakamkan di sini bahawa P. Ramlee pada keseluruhannya telah berlakon di dalam 61 buah filem, iaitu 42 filem keluaran MFP dan 19 filem keluaran Studio Merdeka termasuk sebuah yang diarahkan oleh Jins Shamsuddin. Ramlee juga mengarahkan 34 filem iaitu 16 keluaran MFP dan 18 keluaran Merdeka.

Studio Merdeka juga menerima kedatangan pengarah Dires Gosh yang dipindahkan dari MFP setahun selepas Ramlee datang ke situ. Filem-filem arahnya ialah:

1. *Dajal Suci* (1965) lakonan Ali Rahman, Sofia Ibrahim.
2. *Bumiputera* (1965) lakonan Sony Abdullah, Sofia Ibrahim.
3. *Gadis Langkawi* (1966) lakonan Sony Abdullah, S. Hanim.

### Tugas di Studio Merdeka

Saya datang ke Studio Merdeka pada penghujung tahun 1967 dan mengarahkan filem *Lain Jalan Ke Syurga* sebuah cerita Jah Lelawati (Almarhum), seorang artis pentas, filem dan radio di Singapura. Untuk filem ini saya cuba menonjolkan seorang bakat baru bernama Hamizon yang berpasangan dengan Ed Osmera serta Sony Abdullah. Pada masa penggambaran berjalan, selepas beberapa babak, tiba-tiba Ed Osmera mendapat sakit dan peranannya terpaksa diberikan kepada seorang pelakon baru iaitu Gaz Shariff. Sayangnya kedua-dua muka baru ini tidak bertahan lama sebagai pelakon.

Sistem bayaran di Studio Merdeka itu tidak mengikut cara pembayaran studio di Singapura. Studio di Hulu Kelang itu mengikut sistem studio di India dan beberapa negara lain, yang membayar bakat artis dan karyawan dengan ukuran peranannya untuk sesebuah filem saja. Misalnya pelakon utama akan dibayar \$3 000 untuk peranannya dalam sesebuah filem. Masa pembikinan biasanya lebih kurang tiga bulan atau lebih lama dari itu. Itulah saja bayaran yang didapatinya. Bayaran itu diatur sedemikian rupa agar dapat diterimanya dalam beberapa bahagian. Sekian banyak bayaran waktu mula menandatangani perjanjian berlakon, sebahagian lagi waktu filem sedang setengah penggambaran dan sekian banyak apabila filem sudah selesai di gambarkan dan bayaran akhir waktu seluruh filem sudah siap dan dipersetujui oleh penganarah dan penerbit.

Yang diberi gaji bulanan di studio itu hanyalah penyunting filem, penata bunyi, pelukis set, penjaga stor, penayang filem dan beberapa orang petugas biasa.


Cara bayaran begini sudah jadi kebiasaan syarikat-syarikat filem lain yang tumbuh mulai tahun 1974 hinggalah sekarang. Dengan cara begini belanja sesebuah syarikat atau *overhead* tidaklah begitu tinggi. Sistem memberi ganjaran yang berupa bonus atau royalti kepada pekerja filem belum lagi dibuat oleh sebarang syarikat




AHMAD DAUD



Kedua-dua gambar ini  
menunjukkan S.  
ROSLEE dalam sebuah  
filem bercorak  
penyiasat bertajuk  
"TERLIBAT"







ED OSMERA

walaupun ada di antara penerbit-penerbit kita hari ini pernah menyatakan mahu membela nasib orang-orang filem atau sineman dan karyawan-karyawan yang lain pada masa-masa yang lampau.

Saya hanya mengarahkan sebuah filem di Studio Merdeka pada waktu itu. Saya sama sekali tidak menyenangi cara bayaran yang dimajukan kepada saya. Studio itu sanggup membayar saya hanya \$6 000 bagi sebuah filem. Saya meminta lebih daripada itu dan tidak mendapat layanan. Setelah saya berhenti, saya mendapat peluang berkhidmat secara kontrak dengan Filem Negara Malaysia sebagai penerbit.

#### **Penghijrahan Pengarah**

Apabila Studio MFP di Singapura dibarkan, maka pengarah-pengarah seperti Omar Rojik dan Kadarisman berpindah untuk berkarya di Studio Merdeka pula dengan mengikut sistem bayaran seperti yang saya katakan tadi. Selepas itu datang pula Naz Achnas, kemudian Jins Shamsuddin, S. Sudarmaji dan M. Amin.

Filem-filem Omar Rojik yang diterbitkan di studio ini ialah:

1. *Miang-miang Keladi* (1968) lakonan Jins Shamsuddin, Sarimah.
2. *Teratai* (1968) lakonan Ahmad Mahmud, Nor Azizah.
3. *Langang Sejagat* (1960) lakonan Ahmad Mahmud, Khatijah Hashim.
4. *Keranda Jingga* (1969) lakonan Ed Osmera, Norsiaty.
5. *Satna* (1970) lakonan Ed Osmera, Sarimah.
6. *Tuah Badan* (1970) lakonan Ed Osmera, Sarimah.
7. *Kalau Berpaut di Dahan Rapoh* (1970) lakonan Ismail Mahmud, Nor Azizah.
8. *Durjana* (1971) lakonan Norsiaty.
9. *Anakku Suamiku* (1971) lakonan S. Ahmad, Sharifah Hanim.

10. *Angkara* (1972) lakonan Ed Osmera, Sarimah.
11. *Semerah Cindai* (1972) lakonan Ed Osmera, Mariati.
12. *Si Buta* (1973) lakonan Hussein Abu Hassan, Mariati.
13. *Puaka* (1974) lakonan Ed Osmera.
14. *Anak Syaitan* (1974) lakonan Ed Osmera, Mariati.

S. Kadarisman pula mengarahkan filem-filem berikut:

1. *Amok Tok Nading* (1968) lakonan Jins Shamsuddin, Khatijah Hashim.
2. *Tunggai* (1969) lakonan Ahmad Mahmud, Nor Azizah.
3. *Pendekar Empat* (1968) lakonan Jins Shamsuddin, Sarimah.
4. *Kembang Layu* (1969) lakonan Ed Osmera, Nor Azizah.
5. *Perintah Seri Paduka* (1970) lakonan Hussein Abu Hassan, Nor Azizah.
6. *Panca Indera* (1970) lakonan Ed Osmera, Mariati.
7. *Kudrat* (1971) lakonan Ed Osmera, Hussein Abu Hassan.
8. *Hutang Darah* (1971) lakonan Sarimah.
9. *Darma Kesuma* (1971) lakonan Ed Osmera, Hussein Abu Hassan.
10. *Dang Lenggang* (1972) lakonan S. Rosley, Dayang Sulu.
11. *Darah Panglima* (1972) lakonan S. Rosley, Sarimah.
12. *Pendekar Sakti* (1972) lakonan Hussein Abu Hassan.
13. *Terbabas* (1973) lakonan Dalim, Mariati.
14. *Bujang Tua* (1974) lakonan Mahmud Jun.
15. *Semambu Kuning* (1974) lakonan Dali Siliwangi, Anita.

Semasa studio MFP dibubarkan, Jins Shamsuddin berada di Hong Kong ber-




S. ROSLEE



SHARIFAH AMINAH

HUSSEIN ABU  
HASSAN



MAHYON ISMAIL



lakon di dalam filem penyiasat sulit keluaran Syarikat Shaw di sana bersama-sama artis-artis Hong Kong dan di dalam versi Melayunya, Jins memegang peranan Jefri Zain sebagai lanjutan wataknya dalam filem saya yang berjudul *Gerak Kilat* itu. Sekembalinya dari Hong Kong, Jins berlakon di dalam beberapa filem arahan Omar Rojik dan Kadarmisan di Studio Merdeka dan kemudiannya dia pula diberi peluang mengarah.

Jins memilih sebuah novel kecil karangan pengarang Harun Hassan yang berjudul *Bukan Salah Ibu Mengandung*. Waktu membuat lakon layarnya pernah juga Jins datang ke rumah saya di Petaling Jaya untuk menanyakan serba sedikit pengolahan skrip itu. Saya percaya Jins juga memang tidak segan-segan bertanya dengan orang lain seperti P. Ramlee dan sesiapa saja waktu mula-mula mengusahakan filem itu. Filem *Bukan Salah Ibu Mengandung* (1969) mendapat sambutan yang memuaskan juga. Di dalam filem itu, Jins turut berlakon dan dia memperkenalkan seorang pelakon bukan Melayu bernama Monica Jones. Nor Azizah juga turut membintangi filem tersebut. Untuk filemnya yang kedua *Di Sebalik Tabir* (1969/70) Jins memegang dua peranan, satu sebagai seorang yang baik dan satu lagi seorang jahat. P. Ramlee juga turut berlakon di dalam filem ini.

Selepas itu Jins mendapat bantuan pinjaman biasiswa MARA untuk menuntut ilmu perfileman di *British Institute of Film Technique* di London. Walaupun dia bukan orang yang pertama menuntut bidang ini di luar negeri, tetapi di kalangan orang-orang filem, beliau lah yang pertama merebut peluang ini.

Selepas Jins pergi ke luar negeri, S. Sudarmaji pula dapat peluang mengarah di Studio Merdeka. Filem-filem Sudarmaji ialah *Pedang Sakti*, *Belang Bertanda* dan *Cengkaman Maut*.

Kerana studio ini boleh mengadakan peralatan lebih daripada satu unit, maka berpeluanglah Naz Achnas mengarahkan filem pada masa yang sama atau bergilir-gilir antara S. Sudarmaji, Omar Rojik dan S.

Kadarisman. Antara filem yang diarahkan oleh Naz Achmas adalah:

1. *Asmara Kirana* (1971) lakonan Ed Osmera, Sharifah Hanim.
2. *Dosa Remaja* (1971) lakonan Ed Osmera, Mariati.
3. *Bunga Emas* (1972)
4. *Jantina* (1973).
5. *Mastura* (1974) lakonan Hussein Abu Hassan, Noran Nordin.
6. *Rahsia Hatiku* (warna - 1974) lakonan M. Amin, Sharifah Hanim.

Setelah Studio Cathay Keris tidak banyak lagi menerbitkan filem cerita, M. Amin berhijrah ke Kuala Lumpur dan diberi peluang bukan saja berlakon, tetapi mengarah filem di Studio Merdeka itu. Filem-filemnya di situ berjudul:

1. *Penyamun Si Bongkok* (1973) lakonan Dali Siliwangi, Sharifah Hanim.
2. *Pertiwali* (1974) lakonan Ed Osmera, Sharifah Hanim.
3. *Satu Penentuan* (1974) lakonan Hussein Abu Hassan, S. Hanim.

### Hasil Mengecewakan

Pada pertengahan tahun 1972, Studio Merdeka telah membuat kajian tentang

hasil beberapa filem keluaran studio itu sejak tahun 1968. Dibandingkan belanja pembuatannya dengan apa yang diperolehi oleh pihak syarikat, setelah ditolak cukai hiburan, pendedaran dan penayangan, dapatalah diperhatikan bagaimana kedudukan kewangan beberapa buah filem:

Nama filem	Tarikh diedarkan	Modal \$	Hasil
			sehingga Jun 1972
<i>Lanang Sejagat</i>	Julai 1969	62 000	62 000
<i>Keranda Jingga</i>	Dis. 1969	58 000	60 000
<i>Sabia</i>	1970	56 000	32 000
<i>Kembang Layu</i>	Mac 1969	66 000	63 000
<i>Pendekar Empat</i>	Sept. 1968	79 000	82 000
<i>Pemintah Seri Paduka</i>	Jun 1970	64 000	62 000
<i>Panglima Harimau Biantai</i>	Okt. 1969	63 000	80 000
<i>Kancan Tirana Lam Jalan</i>	Feb. 1969	87 000	91 000
<i>Ke Syurga Bukan Salah</i>	Feb. 1968	77 000	94 000
<i>Ibu Mengandung</i>	Mei 1969	64 000	112 000

Di sini jelas kelihatan betapa merosotnya hasil filem-filem tempatan pada masa itu, hanya filem *Jins* mendapat perhatian dan hasilnya boleh dikatakan memuaskan. Pada tahun 1974, pengaruh syarikat

Studio Merdeka mengambil keputusan akan menyusun semula cara penerbitan di studio sekiranya syarikat itu mahu meneruskan penerbitan filem tempatan. Waktu itu P. Ramlie sudah meninggal dunia. *Jins* Shamsuddin sudah kembali dari menuntut di luar negeri dan menubuhkan PERFIMA. Saya masih menjadi penerbit di Filem Negara.

Seorang wakil syarikat itu telah menghubungi saya dan menanyakan sama ada saya berkecenderungan untuk mengarahkan filem cerita untuk syarikat itu dalam bidang scope dan warna.

Selama enam tahun bekerja di Filem Negara saya hanya terlibat dalam pembuatan filem berbentuk laporan dan rencana sahaja. Hasrat untuk mengarahkan filem cerita memang sentiasa membara, tetapi saya tidak mahu pengalaman membuat *Lain Jalan Ke Syurga* di studio itu berulang lagi.

Saya telah meletakkan beberapa syarat dan telah dipersetujui maka saya menulis surat berhenti dengan cara mengajut. Pihak Studio Merdeka terpaksa membayar kepada kerajaan jumlah sebulan gaji kerana saya berhenti tanpa notis yang sepatutnya dibuat tiga bulan terlebih dahulu.

Di antara perubahan di Studio Mer-



ISMAIL MAHMUD




SONY ABDULLAH



deka bagi penerbitan barunya ialah pengurusan studio itu diambil alih oleh ibu pejabat Shaw Brothers di Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur.

Kami juga tidak akan menggunakan peralatan studio di Hulu Kelang. Filem ini akan digambarkan di lokasi. Filem yang sudah selesai penggambarannya akan dikirim ke Hong Kong dan di sana juga segala urusan menyuntingnya akan dibuat. Kami akan membuat isi suara saja dengan menggunakan bilik rakaman di Studio Merdeka.

Satu perkara yang tidak menyenangkan ialah walaupun saya berkeras mengatakan juruteknik tempatan sudah boleh menghasilkan filem warna tetapi atas arahan tauke di Hong Kong, beberapa karyawan filem dari Taiwan dan Hong Kong, akan datangkan sekiranya mendapat visa dan kebenaran bekerja dari jabatan-jabatan yang berkenaan. Ini boleh didapati dengan mudah dan akhirnya kesemua filem yang saya arahkan menggunakan beberapa juruteknik dari Taiwan atau Hong Kong dengan dibantu oleh pekerja-pekerja tempatan. Samalah halnya dengan filem *Raja Bersiong* dulu.



### Pemintaan Terakhir

Filem pertama yang saya arahkan selepas berhenti dari Filem Negara ialah *Pemintaan Terakhir*. Cerita ini walaupun kononnya ditulis oleh orang tempatan tetapi skrip asal dan jalan ceritanya mirip pada cerita filem Barat, seperti filem *Love Story* dan kemudian disesuaikan kepada filem Cina. Saya tidak tahu apakah tajuknya di dalam filem Cina, tetapi tajuk yang diberikan dalam bahasa Inggeris ialah *Suzana*, nama gadis di dalam filem itu.

Seperti filem *Love Story*, heroinnya menghidap penyakit yang akan membawa maut tetapi hanya dia saja yang tahu tentang penyakit itu.

Saya bercadang mencari bakat baru untuk memegang peranan utamanya. Kami telah mengiklankannya, di suratkhbar. Ramai yang membuat permohonan. Kami juga telah pergi sampai ke Pulau Pinang bagi mengadakan temuduga. Beberapa orang dari Alor Setar dan Johor Bahru di datangkan ke Kuala Lumpur untuk diberi ujian bakat atau *screen test*.

Seorang gadis Johor Bahru kami setuju memegang peranan utama itu tetapi

kemudiannya diberitakan tunangnya tidak membenarkan dia berlakon, jadi batalah rancangan itu dan sekali lagi kami mencari calon primadonanya. Di antara yang diuji termasuklah Teh Faridah tiga beradik. Teh kemudiannya mendapat gelaran Ratu Malaysia dan dipilih berlakon dalam beberapa buah filem tempatan.

Saya teringat sewaktu di Filem Negara saya telah membuat beberapa filem berkenaan dengan tarian tradisional. Di antara

mereka terdiri daripada penari Kompleks Budaya Negara, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Seorang yang menonjol di antara mereka ialah Uji Rashid. Kami pergi ke Kompleks Budaya melihat penari-penari KKBS sedang berlatih dan kemudian meminta kebenaran jurulatihnya supaya kami dapat membuat uji bakat beberapa orang di antara mereka.

Dipendekkan cerita Uji terpilih. Seterusnya kami pilih pula Nozie Nani yang

pada masa itu bekerja di pejabat MIDF. Nozie diberi peranan sebagai kakak Uji, anak kepada Saadiah dan Ahmad Daud yang menjadi suami isteri di dalam cerita itu.

Saadiah dan Ahmad Daud sebenarnya baru berpindah dari Singapura. Kebetulan cerita itu memerlukan watak Uji dan Nozie dari kecil, jadi peranan ini diberikan kepada Fauziah atau Ogy yang sebenarnya anak kepada Saadiah sebagai Uji kecil dan Norhasyigit menjadi Nozie kecil. Kini Ogy

ALI RAHMAN



MARSITA



DAYANG SULU





sudah menjadi gadis remaja yang mempunyai bakat besar sebagai seorang penyanyi dan pelakon dan Sygim pula sudah jadi peragawati membuat pertunjukan fesyen hingga ke luar negeri.

Yusof Haslam yang pada masa itu bekerja dengan syarikat bas Sri Jaya kami pilih memegang watak yang agak penting. Pelakon utama lelaknya diberikan kepada Sony Abdullah.

#### Juruteknik dari Taiwan

Penggambaran filem ini berjalan pantas. Pekerja-pekerja dari Taiwan itu sanggup bekerja siang dan malam. Kalau habis satu lokasi, sekiranya masih boleh mengambil gambar lagi, kami akan berpindah ke lokasi yang lain meneruskan penggambaran.

Kerja seperti ini memanglah cara bekerja sistem kontrak. Sekiranya segera mereka menyelesaikan sesuatu filem cepatah pula mereka mendapat bayarannya bagi membolehkan mereka mengambil kontrak membuat filem yang lain pula. Kerana itu negara-negara seperti India, Hong Kong, Filipina dan Taiwan dapat menerbitkan banyak filem dalam setahun.

Walaupun bagaimanapun mereka bukan bekerja dengan cara terburu-buru. Cara bekerja mereka sama saja, tetapi kerajinan dan kegigihan itulah yang menjadi satu ciri dan sifat pekerjaan mereka.

Saya rasakan tempoh kerja ini memang berlainan daripada kebiasaan kami sewaktu di Singapura ataupun semasa bertugas di Studio Merdeka sebelum ini. Selalunya kalau sudah habis satu lokasi, kami berhenti. Acara penggambaran di lain lokasi kalaupun sempat dibuat pada hari itu, akan dibuat pada hari yang lain.

Dari segi ekonomi produksi perfileman, memang wajarlah cara penggambaran itu dibuat dengan teliti tetapi cepat. Kalau perlu biar lama waktu yang digunakan untuk membuat persiapan, menyusun kerja dan segala peralatan. Apabila semuanya sudah siap, perancangannya sudah disusun dengan rapi, penggambaran haruslah dilaksanakan dengan lancar mengikut jadual yang sudah disusun itu. Dengan cara ini belanjawan dapat dikawal dan masa tidak terbuang dengan sia-sia.


Filem *Pemintaan Terakhir* setelah siap, dibuat pula tayangan perdananya. Untuk tujuan promosi, saya, Uji, Nozie dan Encik Sutan, pegawai perhubungan Merdeka

TEH FARIDAH





NOZLIE NANI



HAIL AMIR

Film, telah pergi ke Ipoh, Pulau Pinang dan Kota Bharu. Filem ini dihantar juga untuk menyertai Pesta Filem Asean yang keempat di Jakarta pada bulan November, 1974. Ramai para peserta dari Malaysia yang pergi ke pesta itu. Studio Merdeka menghantar saya, Uji dan Nozie dengan diketuai oleh Encik Jantan (Almarhum), salah seorang pengarah Syarikat Merdeka Film.

Uji dan Nozie memilih berhenti daripada kerja masing-masing dan mengikat kontrak dengan Studio Merdeka untuk beberapa waktu atau sekurang-kurangnya untuk tiga filem. Yusof Haslam juga berbuat demikian.

Saya mengikat kontrak selama satu tahun atau tiga filem saja kerana saya mengharapkan selepas itu saya tidak terikat lagi dengan bayaran dan syarat-syarat yang sama.

Selepas filem *Pemintaan Terakhir* saya mengarahkan pula filem *Jiwa Remaja* (1975). Kali ini Uji dipasangkan dengan Hail Amir. Yusof Haslam berperanan sebagai abang Uji. Saya juga memegang peranan kecil sebagai bapa kepada Uji dan Yusof.

Menurut hemat saya cerita *Jiwa Remaja* itu diilhamkan daripada sebuah cerita filem Barat lakonan James Dean iaitu filem yang berjudul *Rebel Without A Cause*. Cerita ini disadurkan ke filem Cina buatan Hong Kong dan kini disesuaikan pula sebagai sebuah cerita Melayu.

Babak pertarungan dalam filem ini diatur oleh jurulatih dari Hong Kong. Kalau di dalam filem-filem Barat, apabila pelakon utama dikehendaki melompat dari tempat yang tinggi, biasanya tugas itu akan digantikan oleh orang lain, seorang pelakon peng-

ganti atau *stuntman* misalnya, tetapi untuk filem ini, sewaktu Hail Amir terjun dari sebuah rumah palung tempat orang bekerja melombong bijih, yang terjun itu ialah Hail Amir sendiri, bukan doublenya. Tempat dia terjun itu cukup tinggi, tetapi Hail berani melakukannya setelah jurulatih dari Hong Kong itu menunjukkan cara terjun dan disiapkan pula kotak-kotak kosong untuk menahan jatuhnya. Gambar dari babak ini juga digunakan sebagai bahan poster untuk filem itu.

Filem ketika saya ialah *Sayang Anaku Sayang* (1975) dilakonan oleh Nor Azizah, Zulkifli Zain, Aziz Jaafar dan beberapa orang kanak-kanak. Banyak babak filem ini digambarkan di sebuah rumah kecil dekat Hulu Langat Selangor dan babak kilang balak yang dilakonan oleh Zulkifli Zain dan Aziz Jaafar diambil di sebuah ka-




YUSOF HASLAM dan  
UJI RASHID dalam  
"JIWA REMAJA" dan  
ZULKIFLI ZAIN dengan  
RAJA KHALID (Gam-  
bar bawah) dalam  
"SAYANG ANAKKU  
SAYANG" keluaran  
Studio Mereka arahan  
JAMIL SULONG.




Dua pandangan dari  
filem "PERMINTAN  
TERAKHIR" Studio  
Merdeka. Kelihatan  
UJI RASHID, SONY  
ABDULLAH, AHMAD  
DAUD, SAADIAH,  
NOZIE NANI.



ZULKIFLI ZAIN



YUSOF HASLAM



wasan pedalaman beberapa kilometer pula jauhnya dari Hulu Langat. Cerita *Sayang Anakku Sayang* ini juga adalah saduran daripada sebuah filem Cina yang mengambilnya pula daripada filem Barat.

Walaupun bagaimanapun, lakonan kanak-kanak di dalam filem itu sungguh menarik hati. Apabila siap, filem ini dihantar untuk menyertai Pesta Filem Se-Asia yang ke-22 di Pusan, Korea Selatan. Aziz Osman terpilih sebagai pelakon kanak-kanak yang terbaik. Filem *Jiwa Remaja* yang juga dihantar ke pesta ini mendapat hadiah sebagai filem tragedi yang terbaik.

### Muzikal Tempatan

Sesuai ketiga-tiga filem itu, bermakna habislah sudah ikatan saya dengan Studio Merdeka tetapi mereka merancang untuk menerbitkan sebuah filem muzikal seperti *My Fair Lady*. Tajuk filem itu ialah *Cinta dan Lagu* (1976), temanya diambil daripada sebuah filem muzikal Hong Kong juga.

Saya katakan kepada pengurus syarikat itu bahawa filem lagu seperti itu tidak akan diterima oleh penonton Malaysia. Kalau hendak juga membuat filem muzikal lebih elok buat saja filem kisah biasa yang menceritakan tentang seorang penyanyi atau seorang ahli muzik, dengan demikian bolehlah dimuatkan lagu-lagu pop yang menjadi kegemaran muda-mudi sekarang. Tetapi pengurus ini lebih patuh kepada kemahuan tuan besar atau "boss" di Hong Kong yang mahukan supaya dibuat filem muzikal sebagaimana yang disebut tadi walaupun sebagai satu percubaan. Mereka membuat perbandingan bahawa ada filem muzikal Barat dan yang diterbitkan di Hong Kong yang mendapat sambutan hangat.

Saya terima saja arahan itu, jikalau tidak nanti saya tidak mendapat upahan bertugas sedangkan kali ini saya sudah tidak terikat lagi dengan janji bayaran yang lama.

Setelah disebut beberapa nama pencipta lagu, dipilihlah Johari Salleh dari Radio Televisyen Malaysia untuk menggubah lebih daripada 30 buah lagu yang akan dimuatkan di dalam filem itu. Tiap-tiap lagu

terpaksa pula dikarang seni kata yang ada sangkut paut dengan jalan ceritanya. Bagi menyiapkan seni kata lagu-lagu ini saya pernah tidak tentu tidur kerana Johari sudah bersedia untuk membuat rakamannya di Studio King's di Petaling Jaya.

Pernah juga saya membawa mesin taip ke tempat rakaman itu, menaip seni katanya sedangkan di dalam bilik rakaman Johari bersama-sama dengan pemain muzik dan penyanyi membuat latihan. Yang mengecewakan ialah, begitu teruk saya bekerja untuk menyiapkan seni kata lagunya, tidak pun mendapat apa-apa ganjaran. Biasanya penulis lirik dibayar oleh pengarah muzik kerana bayaran itu termasuk mencipta dan merakam lagu-lagu.

Sehubungan dengan ini saya terkenang kepada P. Ramlee sewaktu kami masih di Singapura dan saya banyak menulis lirik untuk lagu-lagu gubahannya. Apabila dia membuat rakamannya dia tidak lupa memberikan ganjaran yang sewajarnya kepada saya.

### Mencari Heroin Indonesia

Berbalik kepada filem itu tadi, pihak syarikat mengharapkan filem itu apabila siap mendapat pasaran di Indonesia. Oleh yang demikian dirancangan supaya pelakon utama wanitanya diberikan kepada seorang pelakon Indonesia yang sudah terkenal. Di antara nama-nama yang difikirkan sesuai ialah Titiek Sandhora (isteri Muchsln) ataupun kalau tidak, Emilia Contessa.

Saya telah berhubung dengan saudara Muchsln melalui telefon dari Pejabat SB menanyakan kebenaran dan kesanggupan Titiek untuk berlakon dalam filem *Cinta dan Lagu* tetapi ketika itu mereka masih sibuk dengan penggambaran. Kemudian Chua Tan, wakil Syarikat SB di Singapura mengatakan dia mendapat khabar Emilia Contessa mungkin dapat menerima tawaran kami. Jadi kami segera pergi ke Jakarta untuk menemui Emilia ataupun pengurusnya. Tetapi sekali lagi kami kecewa kerana setibanya kami di sana, Emilia tidak ada di Jakarta kerana ada soal perbadi dan tidak



Gambar atas:  
HAIL AMIR dan UJI RASHID  
dalam "JIWA REMAJA" dan  
OGY AHMAD DAUD, SAADIAH  
dan SHIGIM dalam "PERMIN-  
TAAAN TERAKHIR". (Bawah)

diketahui pula bila dia akan kembali. Kami bertemu lagi dengan beberapa pelakon lain yang difikirkan sesuai dengan watak utama dalam filem *Cinta dan Lagu* itu. Dengan dipandu oleh seorang wartawan yang kenal orang-orang filem di sana, saya pergi ke rumah Yenny Rachman, tetapi dia tidak ada di rumah. Saya pergi berjumpa keluarga Yuny Arcan, dia bersetuju tetapi ada pula halangannya. Begitu juga Yaty Octavia dan Widyawati. Mereka sedang sibuk dengan filem yang sedang dalam produksi tetapi bersetuju jikalau pihak kami sanggup menunggu selepas mereka selesai dalam masa sebulan dua lagi.

Rancangan hendak mengambil pelakon Indonesia itu dibatalkan saja kerana Merdeka Film juga sudah selesai dengan segala persiapan untuk melancarkan penggambaran.

Secara kebetulan, niat Studio Merdeka hendak mengambil pelakon Indonesia itu diperli oleh beberapa penerbit tempatan, mereka menyoalkan mengapa kita harus mengambil pelakon asing. Kadang-kadang saya hairan juga dengan tulisan yang serupa ini, kerana jikalau ada syarikat filem yang lain mengambil pelakon Indonesia tidak pula ada suara yang membuat ulasan. Sikap *double standard* ini sering terdapat pada sebahagian orang-orang kita.

Akhirnya peranan utama untuk filem itu diberikan kepada Nor Azizah dengan Hail Amir sebagai pasangannya.

Kerana ceritanya berlatarkan kampung nelayan saya telah menjelajah ke pantai timur dari Kuantan sampai ke Tunpat dan saya sangat tertarik menggambaran Marang.

Apabila saya nyatakan pandangan saya

ini, pihak syarikat mengatakan perbelanjaan ke sana akan jadi terlampau mahal. Kemudian apabila juruteknik dari Hong Kong sampai kami keluar lagi mencari lokasi. Kami pergi sampai ke Pulau Pinang dan Langkawi, kemudian turun pula ke selatan, melihat pantai-pantai di Port Dickson dan Melaka. Akhirnya syarikat bersetuju dengan cadangan juruteknik dari Hong Kong supaya sebahagian daripada lokasi itu dibuat di Serkam Melaka, sebahagian lagi di Port Dickson dan yang lainnya dibuat di Kuala Lumpur.

Beberapa hari sebelum filem ini dimulakan saya sakit dan terpaksa masuk ke Hospital Assunta di Petaling Jaya. Kerana segala persiapan sudah dibuat dan ahli unit, artis dan berbelas belasan orang pelakon pembantu sudah pun dihantar ke Melaka maka penggambaran berjalan terus dengan pim-

Satu babak dari filem  
"ADIK MANJA"  
arahan pertama  
Othman Hafsham di  
Studio Merdeka.



pinan Naz Achnas dan pengarah dari Hong Kong.

Setelah filem *Cinta dan Lagu* ini siap penggambarannya saya membuat kesimpulan bahawa ia salah sebuah filem yang paling menjemukan kerana penuh dengan lagu-lagu yang membosankan. Ada pula lagu-lagu itu ditarikan pula. Rekod atau piring hitam yang dikeluarkan mengandungi sebahagian daripada lagu-lagu filem ini pun tidak mendapat sambutan.

Selari dengan usaha ini, Studio Merdeka mencari penerbit-penerbit Indonesia yang sanggup membuat filem secara kerjasama. Lamaran ini diterima oleh Ibu Tuty Mutia dan Tuty Mutia Film di Jakarta. Dari-pada hasil kerjasama ini terbitlah filem *Semalam Di Malaysia* (1975) lakonan Nozie Nani bersama pelakon-pelakon Indonesia Sutradaranya ialah Nico Palomonia. Selepas filem itu lahir sebuah filem lagi yang dimodali bersama oleh kedua-dua pihak ini. Filem yang kedua itu ialah *Loceng Maut* (1976) lakonan Hussein Abu Hassan, Teh Faridah, dan beberapa orang lagi. Dalam filem ini juga peranan yang dipegang oleh Farouk Afero terpaksa digantikan oleh se-orang pelakon baru. Pengarah filem ini ialah Naz Achnas, Gui Zihong dari Hong Kong dan Franky Rorimpandey dari Indonesia. Filem keluaran Studio Merdeka yang terakhir ialah *Adik Manja* (1980) arahan Othman Hafsham dengan Dharma Harun Al-Rashid, Noor Kumalasari, Adibah Amin dan Shasha. Cerita *Adik Manja* dan cerita *Loceng Maut* juga saduran dari filem Hong Kong.

*Adik Manja* berasal daripada sebuah filem lucu yang dilakonkan oleh Peter Chin Ho dan Li Ching. Sebenarnya filem ini telah lebih dahulu ditanyakan pada saya untuk membuatnya dan saya berpendapat filem ini mempunyai daya kelucuan yang tersendiri, cuma yang menjadi masalah ialah soal perhubungan sulit di antara penuntut wanita dengan seorang pemuda hingga menghasilkan anak di luar nikah dan terpaksa disemburynikan di dalam kawasan sekolah itu. Soal ini harus dicari jalan keluarnya supaya tidak ditahan oleh penapis filem dan jadi bahan ulasan penulis ataupun pengkritik filem nanti.

Semasa saya di Studio Shaw Brothers di Hong Kong kerana menyelesaikan urusan pos-produksi filem *Tuan Badul*, Chua Lam, pengurus produksi syarikat itu, mena-



Gambar atas:  
Filem "SEMALAM DI  
MALAYSIA" dan  
"SAYANG ANAKKU  
SAYANG" keluaran  
Studio Merdeka. (Bawah)



NOOR KUMALASARI




DHARMA



ADIBAH AMIN



SHASHA



OTHMAN HAFSHAM



nyakan kepada saya kalau saya kenal Othman Shamsuddin, seorang pengarah filem yang pernah bekerja di Filem Negara. Saya kata, ada dua orang Othman Shamsuddin di sana, yang seorang sudah menjadi pemangku ketua pengarah dan yang seorang lagi yang dulunya menjadi penerbit bersama-sama dengan saya, kemudian ditukarkan ke RTM dan selepas itu berhenti untuk membuat perniagaan filem iklan. Dia lebih terkenal dengan nama Othman Hafsham.

Selanjutnya Chua Lam mengatakan dia mendapat surat dari Kuala Lumpur, yang mengatakan Merdeka Film hendak menerbitkan sebuah filem lucu berdasarkan filem lakonan Peter Chin Ho dan Li Ching. Dia ingin tahu pendapat saya tentang Othman Hafsham ini.

Kerana saya sudah kenal lama dan pernah bergaul dengannya sewaktu di Filem Negara dan saya juga tahu dia pernah mengambil kursus perfileman di London dan pernah menyatakan keinginannya mengarah filem berbentuk cerita, saya katakan keyakinan saya mengenai beliau kepada Chua Lim. Saya katakan juga yang Hafsham (nama yang ia lebih dikenali) banyak terlibat di dalam drama baik berbahasa Malaysia atau Inggeris. Sewaktu di Filem Negara dan di televisyen Malaysia, karyanya pernah terpilih sebagai penerbitan terbaik. Saya juga mengatakan bahawa

Hafsham suka bekerja di dalam suasana bebas, dia tidak gemar kerjanya dikongkong. Dia malah sanggup berhenti daripada jawatannya sebagai penerbit di RTM kerana dia ingin bekerja tanpa terikat.

Saya sebutkan semua ini bukanlah kerana hendak mendakwa bahawa kerana keterangan saya Othman Hafsham diambil jadi pengarah oleh Merdeka Film. Dia memang sudah pun dipersetujui untuk filem yang disebut tadi cuma saya ingin mengingatkan pihak syarikat itu, agar mengerti perangai dan kemahuan Hafsham, kerana saya sudah merasakan betapa sakitnya menjalankan kerja di dalam satu suasana yang tidak sesuai. Apalagi pihak syarikat tidak sanggup mengambil sesuatu keputusan kerana pihak yang di Kuala Lumpur selalu mengharapkan keputusan datang dari pejabat induk di Singapura ataupun di Hong Kong.

### Syot Asal Dikekalkan

Sebenarnya saya juga terlibat sedikit di dalam produksi *Adik Manja* itu kerana saya diminta menulis seni kata lagu-lagunya. Sebahagian besar isi filem itu diambil bulat-bulat daripada filem lakonan Peter Chin Ho yang saya katakan tadi termasuklah babak-babak nyanyi, seperti gadis-gadis penuntut itu menyanyi beramai-ramai sewaktu naik basikal, babak menyanyikan anak supaya

tidur, semuanya terdapat di dalam filem yang asal.

Walaupun filem ini disadur hampir sepenuhnya daripada filem Cina tetapi Othman Hafsham dapat memberikan jiwa tempatan ke dalamnya, yakni ideanya sendiri. Misalnya pada babak penjaga kereta meletakkan surat pada awal cerita, alat penggilap ceminnya tanggal, orang itu jadi panik, lebih-lebih lagi terlihat pula pada pelekat yang menyebut *Allah Melihat Perbuatan Kamu*. Ataupun sewaktu doktor Benggali itu sedang memeriksa seorang anak, dia menggunakan kata-kata, "belakang kasi". Demikian juga cara dia menunjukkan *close up* kaki Adibah Amin memakai kasut kanvas, dengan cara bersahaja dia menimbulkan gelak dengan syot yang begitu rupa.

Kerana filem ini ditutup dengan peristiwa dan babak-babak lucu, soal utama mengenai pelajar melahirkan anak hasil perhubungan sulitnya dengan anak guru besar sekolah itu tidak disedar orang, hinggalah penapis filem itu sendiri meluluskan tanpa potongan.

Dalam Pesta Filem Malaysia yang pertama (1980) filem *Adik Manja* menggondol beberapa hadiah, di antaranya hadiah filem lucu yang terbaik, skrip terbaik dan pelakon pembantu wanita yang terbaik bagi Adibah Amin.



## MASA DEPAN FILEM MALAYSIA

**P**ERUSAHAAN filem tempatan mengalami zaman gelapnya mulai sekitar akhir tahun 60-an hinggalah pertengahan tahun 70-an. Pada penghujung tahun 1974, filem tempatan terasa bernafas semula apabila Studio Merdeka mengubah sikap, diikuti pula dengan kemunculan beberapa buah syarikat filem bumiputera. Walaupun syarikat-syarikat ini tidak mempunyai peralatan ataupun cara yang berkesan bagi mengedarkan filem, tetapi kerana terdapatnya kemudahan mendapat pinjaman wang melalui bank dan lain-lain badan berkanun, syarikat-syarikat ini tumbuh satu demi satu. Pada mulanya pertumbuhan itu sangat memberangsangkan tetapi kemudiannya syarikat-syarikat ini hilang pula satu demi satu.

Saranan untuk menubuhkan syarikat filem bumiputera sudah berkumandang sejak sekian lama, malah sejak berakhirnya Perang Dunia Kedua apabila filem-filem Syarikat Shaw mendapat perhatian yang cukup besar oleh masyarakat.

Pada tahun 1949 misalnya, sekurang-kurangnya terdapat beberapa orang penulis di akhbar atau majalah tempatan menganjurkan usaha ini. Pada 24 Januari 1949 misalnya, terdapat sebuah makalah yang

berjudul "Revolusi Ekonomi Malay Film Corporation".

Rencana pengarang majalah *Hiburan* bilangan 122 keluaran 17 Disember 1949 juga membuat saranan yang serupa, sekiranya ada syarikat filem Melayu tentulah mutu persembahan dan ceritanya akan jadi lebih baik dan dikawal daripada dicemari oleh unsur-unsur asing.

Salleh Ghani juga pernah membuat seruan yang sama di dalam majalah *Juita* bilangan 2 keluaran November 1951 dan dalam terbitan yang lain dia juga menyeru supaya pelakon-pelakon filem menubuhkan gabungan untuk mengawal pendapatan dan karier mereka. Seruan seperti ini sangat wajar memandangkan bayaran untuk artis pada tahun 1948/49 dahulu ialah di antara \$400 hingga \$500 untuk sebuah filem (bukan satu bulan) bagi pelakon utama, malah ada yang bergaji hari di antara \$2.00 hingga \$5.00 saja!

Di majalah *Bintang Annual* tahun 1957, saya juga pernah menulis rencana menganjurkan penubuhan perusahaan filem oleh syarikat bumiputera.

Memanglah mudah mencurahkan pandangan tetapi amat sukar pula untuk dijadikan kenyataan kerana soal wang dan lain-lain urusan niaganya.

### Pungutan Saham

Namun demikian memang ada usaha untuk menubuhkan syarikat filem dengan cara memungut saham daripada orang ramai. Hal ini berlaku pada tahun 1950 melalui sebuah majalah yang diterbitkan di Johor Bahru, iaitu majalah *Dunia Filem*. Di dalam beberapa keluarannya ada disenaraikan nama orang yang menghantar wang untuk menjadi ahli syarikat dan wang yang berjumlah hampir \$19 000 sumbangan daripada lebih 700 orang tetapi entah bagaimana usaha itu tiba-tiba senyap begitu saja.

Di dalam sebuah rencana bagi menarik minat orang tentang faedah menubuhkan syarikat perfileman itu, seorang penulis menyebutkan bahawa modal menerbitkan filem *Cempaka* hanya \$50 000 sedangkan hasil pertunjukan pada minggu pertama mencapai \$100 000. Selain daripada itu filem ini juga dijual ke Indonesia dengan harga \$30 000. Dari mana penulis itu mendapat maklumat demikian tidaklah diketahui tetapi adalah dipercayai beliau ada hubungannya dengan mereka yang terlibat di dalam pembikinan filem tersebut.

Sebuah rencana lain yang tersiar di dalam *Dunia Filem* bilangan 8 tahun 1950, mencatatkan pula bagaimana cara keun-

tungan boleh didapati hasil daripada menerbitkan filem. Kata penulis itu, modal mengeluarkan sebuah filem ialah kira-kira \$40 000 saja. Pecahannya adalah seperti yang berikut:

1. Sewa studio, filem, rushes dan juruteknik	\$20 000
2. Makanan, pakaian, pengangkutan	\$ 5 000
3. Pengurusan	\$ 1 500
4. Pengarah	\$ 800
5. Pembantu Pengarah	\$ 500
6. Pengubah lagu dan Pemain Muzik	\$ 1 000
7. Cerita dan skrip	\$ 500
8. Pelakon-pelakon	\$ 5 000
9. Ekstra (pelakon tambahan)	\$ 3 400
10. Publisiti dan lain-lain	\$ 2 000
Jumlah Besar	<u>\$39 700</u>

Mengikut senarai itu belanjanya hanya \$39 700 dan dibulatkan kepada \$40 000 saja.

Menurut penulis ini, waktu itu di Singapura dan di Semenanjung terdapat lebih kurang 150 pawagam, di antaranya 80 pawagam yang besar dan boleh menampung antara 300 hingga 900 penonton. Pendek kata secara purata, 500 orang pada sebuah pawagam.

Harga tiket pula ialah \$3.00, \$2.00 dan \$1.00 dan secara purata juga ambillah harga tiket hanya \$2.00 saja.

Katakan satu-satu filem itu dibuat empat salinan saja dan dimainkan di empat pawagam yang mengandungi 500 penonton, bermakna ada 2 000 penonton yang membayar \$2.00 pada satu pertunjukan. Biasanya satu hari ada empat pertunjukan, jadi kira-kiranya lebih kurang begini:

$$2\ 000\ \text{penonton} \times \$2.00 = \$4\ 000$$

$$4\ \text{pertunjukan} \times \$4\ 000 = \$16\ 000$$

$$\text{Sehari jumlahnya } \$16\ 000, \text{ seminggu (kali } 7) = \$112\ 000$$

Daripada hasil pertunjukan seminggu sebanyak \$112 000 ini ditolak cukai hiburan sebanyak 30%, bermakna \$112 000  $\times$  30% = \$33 600 bakinya \$78 400. Daripada baki ini tolak 10% pendedaran, bermakna \$78 400  $\times$  10% = 7 840, jadi bakinya masih ada \$70 560. Daripada

baki itu pula 50% pergi kepada tuan punya pawagam (\$70 560  $\times$  50% = \$35 280). Jadi baki bersih untuk penerbit ialah \$35 280.

Sebenarnya tidak perlu dianggarkan setinggi itu, katakan sajalah sebanyak \$25 000 hasil pertunjukan seminggu pada empat pawagam sahaja, kalau sebulan atau empat minggu, bermakna \$25 000  $\times$  4, jumlahnya \$100 000. Modal asalnya hanya \$40 000. Ini bermakna keuntungan sebanyak \$60 000 hanya dalam sebulan selepas filem mula ditayangkan.

### Impian Pembikin Filem

Demikian bayangan yang diberikan oleh rencana itu. Jikalau dipandang sepintas lalu memanglah begitu menghairahkan sekali tetapi penerbit penerbit filem hari ini tahu bahawa perkara yang seperti itu hanya satu impian belaka.

Seharusnya kajian yang lebih mendalam dalam serba-serbi aspek perniagaan perfileman mestilah dibuat, risikonya samalah seperti terlibat di dalam perniagaan yang lain, iaitu satu perjudian yang boleh menguntungkan atau merugikan.

Kini perbelanjaan membuat filem yang biasa dan sederhana ialah di sekitar \$250 000 hingga \$300 000. Sekiranya filem itu menggunakan lokasi yang jauh dan perannya dipegang oleh ramai pelakon yang sudah terkenal dan tinggi bayarannya; ongkos filem itu mungkin meningkat lagi.

Di antara filem yang besar perbelanjaannya ialah *Peristiwa Bukit Kepong* (1981/82) arahan Jins Shamsuddin terbitan bersama Jins Shamsuddin Productions dan Syarikat Kerjasama Polis Diraja Malaysia. Kosnya dikatakan satu juta ringgit malah ada pula yang mengatakan \$1.5 juta.

Menurut keterangan Rahim Razali, filem pertamanya *Abang* memakan belanja lebih kurang \$400 000.

Kerana artis dan karyawan filem yang lain terdiri daripada orang yang bebas maka khidmatnya harus dibayar dengan cara kontrak filem demi filem tidak seperti artis-artis di studio Singapura satu ketika dulu yang kebanyakannya bergaji bulan.

Pada tahun 1974-1975 pembayaran untuk artis-artis yang memegang peranan utama adalah antara \$3 000 hingga \$5 000 seorang, tetapi kini mana yang sudah terkenal mengharapkan bayaran yang lebih



Satu babak dari filem  
"ABANG" arahan  
RAHIM RAZALI dan  
babak dalam "BUKIT  
KEPONG" arahan JINS  
SHAMSUDDIN.  
(bawah)



mahal, misalnya antara \$6 000 hingga \$15 000.

Pelakon pembantu dibayar kurang daripada itu bergantung kepada kecil besar peranan yang mereka pegang. Seniwati Sarimah dikatakan pernah mendapat bayaran sebanyak \$30 000 untuk lakonannya di sebuah filem terbitan Indonesia dan mungkin dia akan mempertahankan kadar itu untuk sebarang peranan yang dipegangnya dalam mana-mana filem. Entahlah bagaimana pula dia membayar dirinya bagi filem terbitan syarikatnya sendiri!

Bayaran untuk artis-artis saja masa ini boleh meningkat di antara \$30 000 hingga \$80 000 bagi sesebuah filem.

Kebanyakan syarikat filem tidak mempunyai peralatan sendiri. Mereka menyewa segala-galanya daripada syarikat lain. Perbelanjaan menyewa ini berbeza-beza pula, bergantung kepada masa, banyak mana peralatan yang digunakan dan syarikat mana yang memberikan sewaan itu. Belanjanya di antara \$50 000 hingga \$80 000.

### Kos yang Tinggi

Selain daripada belanja yang tersebut tadi, masih banyak lagi biaya yang diperlukan, misalnya:

- Filem untuk penggambaran, jumlah banyaknya antara 40 000 kaki hingga 120 000 kaki.
- Pita rakaman.
- Ciptaan lagu.
- Bayaran makmal, termasuk belanja pengiraman.
- Membuat salinan filem.
- Filem pemikat atau *trailer*.
- Kenderaan.
- Makan minum.
- Alat-alat keperluan produksi.
- Pengarah.
- Jurukamera dan juruteknik.
- Cerita dan skrip.
- Publisiti.

Haruslah diingat, apa yang disenaraikan di atas mempunyai nilai yang bergantung kepada keadaan dan berdasarkan pengalaman, harga sesuatu barangan bukannya menurun tetapi sentiasa meningkat.

Kini persaingan juga semakin hebat bukan saja persaingan ini terjadi di antara filem keluaran tempatan tetapi juga per-

saingan dengan filem-filem luar yang masuk dengan banyaknya, kerana sikap pasaran terbuka yang diamalkan oleh negara ini.

Menurut keterangan Lembaga Penapis Filem Malaysia, bagi tahun 1981, filem-filem berbahasa asing yang dihantar untuk ditapis oleh Lembaga itu adalah seperti berikut:

Indonesia	162
Inggeris	698
Mandarin	1 058
Kantonis	321
Hokkien	15
Hindi	61
Tamil	13
Lain-lain	48
Jumlah	2 376

Bilangan ini bukan semuanya filem cerita tetapi termasuk juga beberapa filem iklan. Yang penting ialah filem asing masuk memang cukup banyak.

### Syarikat Bumiputera

Bercakap tentang pengusaha bumiputera ini seorang usahawan muda dari Sabah bernama Duddy M. Borhan harus diberi perhatian. Beliau telah menubuhkan sebuah syarikat yang bernama Sabah Film Productions. Filem pertama syarikat itu ialah *Keluarga Comat* (1974) lakonan Aziz Sattar, S. Shamsuddin, Ibrahim Pendek dan Junainah Amin, seorang penyanyi dari Singapura. Pengarahnya ialah Aziz Sattar.

Seniwati Sarimah dan suaminya Yusof Majid, membuka Syarikat Sari Artist dan usaha mereka yang pertama ialah membuat produksi bersama dengan sebuah syarikat filem Filipina. Filemnya berjudul *Malaysia 5* dilakukan oleh Sarimah, Aziz Sattar dan J. Aristonas.

Berikutan dengan itu sebuah syarikat lain bernama Puramas juga telah ditubuhkan oleh beberapa orang usahawan dan mereka menerbitkan sebuah filem yang berjudul *Boneka Permata* (1976) dibintangi oleh Yusof Haslam. Pengarahnya ialah Tony Azman, orang yang pernah menjadi pelakon pembantu di dalam beberapa filem keluaran Studio Merdeka. Naz Achnas menjadi penasihat penerbitannya. Seniman Hussein Abu Hassan juga menubuhkan syarikatnya sendiri bernama Syarikat Filem Baiduri dan menerbit-

kan filem tunggalnya *Bunga Padi Berdaun Lalang* (1976) dengan Hussein sendiri menjadi pengarah dan pelakon utama di samping isterinya Mahyon.

Ketiga-tiga filem yang disebut ini, yakni *Malaysia 5*, *Boneka Permata* dan *Bunga Padi Berdaun Lalang* diterbitkan dalam warna dan kebetulan pula ketiga-tiganya bercorak filem jenayah dan filem pertunjukan atau *action*.

Selain daripada syarikat-syarikat yang disebut itu, tumbuh lagi beberapa buah syarikat yang mempunyai rancangan bukan saja untuk menerbitkan filem tetapi menjadi pengedar, penayang ataupun membina pawagam.

Sebagaimana yang dikatakan tadi, P. Ramlee, Jins Shamsuddin, Jaafar Abdullah dan beberapa orang lagi telah menubuhkan PERFIMA atau Perusahaan Filem Malaysia, dan kemudian Ramlee bersama-sama H.M. Shah menubuhkan pula syarikat filem Rumpun Melayu. Seterusnya terdapatlah nama nama syarikat baru seperti Genter Sdn. Bhd., Kasturi Film, Noor Film, Anang Enterprise, Asli Film Enterprise, Citra Film dan Tuah Film, seka-dar menyebut beberapa nama.

Di antara syarikat-syarikat ini, Anang Enterprise telah dapat menerbitkan filem pertamanya yang berupa produksi bersama dengan sebuah syarikat filem Thailand. Filemnya berjudul *Dendam Perawan* (1978) dilakonan oleh Nor Azizah dan pelakon-pelakon Thai seperti Luxame dan Pangsguendun. Pengarahnya ialah suami Luxame, Senir Kraprayon.

Wira Filem pula usaha menumpukan usaha membuat filem bidang 16 mm jenis *sewersal* tetapi dengan cara yang terhad sekali.

Sebuah syarikat di Kota Bharu Kelantan, iaitu Rakhi Film menerbitkan filem bertajuk *Salah Asuhan* (1976) dalam bidang 16 mm warna. Pengarahnya ialah seorang pelayan Islam dari Kemboja bernama Ismail Sasakul.

Dengan tertubuhnya PERFIMA dan sebelum Jins Shamsuddin membuat filem arahnya yang pertama melalui syarikat itu, ada usaha-usaha dibuat untuk mengedar dan menayangkan filem-filem Indonesia tanpa melalui rangkaian pawagam Shaw Brothers atau Cathay. Percubaan itu dibuat di dewan-dewan tertentu di bandar atau pekan-pekan. Di Kuala Lumpur misal-



SHARIFAH AJNI



Dua pandangan dari filem  
"MENANTI HARI ESOK"  
arahan JINS  
SHAMSUDDIN

nya, telah dicuba mengadakan pertunjukan di Dewan Mesyuarat di Bangunan MARA di Jalan Tuanku Abdul Rahman tetapi hasil usaha ini tidak memuaskan.

Penayangan dengan menyewa pawagam-pawagam persendirian atau bebas juga tidak memberikan hasil sebagaimana yang dijangka.

Memandangkan sudah banyak pihak yang berhasrat menjadi pengusaha filem maka ditubuhkan satu persatuan "Gabungan Perfileman Bumiputera Malaysia" atau ringkasnya GABUNGAN. Yang menjadi tanda tanya, berapa keratkah daripada ahli GABUNGAN itu yang boleh diakui benar-benar sebagai penerbit dengan bukti filem yang sudah diterbitkannya.

Walaupun bagaimanapun GABUNGAN mati tanpa kuburnya. Namun begitu, berkat usaha mereka jugalah maka beberapa perkara yang menjadi kesulitan di dalam industri perfileman tempatan dapat disenaraikan dan dibawa ke pengetahuan kerajaan untuk pertimbangan dan tindakan yang sewajarnya.

Sebelum GABUNGAN ini, ada juga tokoh-tokoh filem yang membawa usul dan pendapat mereka ke pengetahuan pemerintah untuk menolong memajukan filem tempatan.

### Menanti Hari Esok

Perusahaan filem bumiputera sudah hampir tenggelam semula sehingga Jins Shamsuddin menyiapkan filem terbitan PERFIMA yang berjudul *Menanti Hari Esok* (1977) dengan Jins sebagai pengarah dan pelakon utama.

Jins memakan masa hampir setahun menyiapkan filem ini tetapi dia bebas berkarya mengikut sekehendak hatinya. Dia tidak perlu mengikut telunjuk orang lain kerana dia juga bertindak sebagai penerbit. Dia menghantar filemnya diproses di London walaupun lebih mahal daripada jikalau diproses di Tokyo atau Hong Kong. Dia juga bebas memilih pelakon, tempat, cara dan masa penggambaran.

Orang memang menunggu-nunggu hasil karya Jins ini kerana mereka ingin tahu apakah perubahan setelah beberapa tahun di seberang laut. Apabila *Menanti Hari Esok* ditayangkan melalui syarikat filem dan para penonton tidak berasa kecewa, bahkan berasa memang ada keistimewaan dan per-

ubahan di dalam karya Jins Shamsuddin itu.

Sebenarnya cerita *Menanti Hari Esok* ialah cerita biasa tentang seorang guru (Jins) yang menghidap penyakit yang berat dan penyakit itu disembunyikannya daripada pengetahuan keluarganya. Tabiat guru ini juga berubah apabila dia tahu dia akan mati akibat penyakit ini, di samping itu anak gadisnya dan isterinya pula menempuh beberapa peristiwa yang membuatkan cerita ini bergolak.

Kerana Jins mengisikan filem itu dengan babak melahirkan anak dengan cara dibedah yang difilemkan dalam bentuk filem berita atau rencana, penonton dapat merasakan kesan yang begitu realistik dan mengena.

Pada satu bahagian yang lain pula Jins membawakan teknik filem iklan dalam



bentuk pelbagai layar atau *split screen* untuk menunjukkan beberapa pemandangan dalam satu bidang gambar atau *frame*.

Jins menggunakan satu warna apabila menunjukkan babak imbas kembali dan pada babak akhir dia menggunakan teknik gambar ganda atau *double exposure* menunjukkan mayat yang terbang seolah-olah bangun meninggalkan jasad. Kerana hampir tidak pernah teknik digunakan dalam filem cerita tempatan yang berwarna maka persembahan ini menarik minat, dan ada yang mengatakan Jins menggunakan teknik dan cara persembahan yang baru.

Walaupun bagaimanapun filem ini menjadi sebuah filem yang paling laris dan menaikkan nama Jins sebagai seorang tokoh filem yang berkualiti.





Babak dari "HAPUSLAH AIR MATAMU" dan "PENDEKAR" keluaran Sabah Filem.

### Sabah Filem

Sementara itu Sabah Filem meneruskan usahanya dengan menerbitkan filem yang kedua iaitu *Hapuslah Air Matamu* (1976) arahan M. Amin dan menggabungkan lakonan Syarifah Aini dengan penyanyi Indonesia yang terkenal, Broery Marantika (berubah nama kepada Broery Pasolima dan kini Broery Abdullah). Filem ini juga mendapat sambutan yang baik. Malah lagu-lagu gubahan Ahmad Nawab yang dinyanyikan oleh kedua-dua biduan yang memang sudah menjadi penyanyi pujaan ramai itu menjadi lagu-lagu popular pada ketika itu.

Penerbitan itu diekori pula dengan filem yang bercorak semipurba berjudul *Pendekar* (1977) arahan M. Amin juga, dengan pelakon-pelakornya terdiri daripada Aziz Jaafar, Nor Azizah, M. Borhan dan pelakon Indonesia Farouk Afero.

*Pendekar* tidak mendapat sambutan yang begitu baik tetapi filem arahan Aziz Sattar yang berikutnya, sebuah filem komedi yang berjudul *Si Badul* (1978) dengan A. R. Badol sendiri membintanginya bersama-sama dengan R. Jaafar telah mendapat sambutan hangat hingga menghasilkan taraf filem *box office* apabila ditayangkan di pawagam Coliseum Kuala Lumpur.

Pada waktu itu banyak syarikat dan pengusaha-pengusaha yang disebutkan tadi sudah tenggelam tetapi kejayaan beberapa filem yang dikatakan tadi membuka mata beberapa pihak yang lain, maka timbullah lagi beberapa syarikat yang baru ataupun syarikat yang lama cuba menukar wajah baru.

Sarimah yang dulu ada syarikat Sari Artisnya, kini menggunakan nama baru Sharsaree Filem Production, lalu menerbitkan *Detik 12 Malam* (1979) arahan S. Sudarmaji dan Sarimah berlakon dengan beberapa bakat baru dan lama seperti Yusof Latif, Mustafa Maarof, Yusof Haslam dan Norma Omar.

Solo Filem juga lahir dan menggunakan bakat Hussein Abu Hassan bagi mengarahkan *Panglima Badul* (1978/79) yang

menggabungkan A.R. Badol dengan Benjamin S. dari Indonesia.

Mustaffa Haji Ton daripada Kumpulan Penerbitan Varia, menubuhkan pula Varia Film Productions dan saya diminta mengarahkan filem *Dendang Perantau* (1978) dilakonan oleh Uji Rashid, Latif Ibrahim dan Teh Faridah.

Ahmad Sentol yang menubuhkan syarikat Bintang Maju Film Productions mendapat tajaan kerajaan negeri Johor, membuat filem *Penagih Dadah* (1978/79). Beliau sendiri mengarahkan filem ini dengan membariskan pelakon A. Rahim dan Danu Umbara (Indonesia).

Pengedaran filem *Dendang Perantau* dan *Penagih Dadah* telah dibuat melalui rangkaian pawagam Shaw dan filem-filem yang lain itu melalui rangkaian Cathay.

Keghairahan menerbitkan filem ini sebenarnya belum menentukan keuntungan yang lumayan. Kalau dulu soal penayangan ada kesulitan tetapi apabila syarikat Cathay sanggup mengedar dan menayangkannya dan diikuti pula dengan kesanggupan yang sama oleh rangkaian pawagam Shaw, maka soal itu sudahlah terasa seperti diatasi, cuma soal hasil baliknya saja yang masih diragui.

### Syarat Berat Sebelah


Kedua-dua gergasi yang mempunyai rangkaian pawagam di serata tanahair meletakkan syarat yang lebih kurang sama saja. Apabila sesebuah filem itu ditunjukkan di pawagam mereka di bandar-bandar utama, hasil jualan tiket selepas ditolak cukai hiburan dan belanja publisiti yang khusus akan dibagi separuh. Tuan punya filem haruslah membayar belanja pengedaran kepada syarikat pengedar yang dipilihnya. Uph mengedar itu adalah di antara 10% hingga 15% daripada hasil jualan tiket. Apabila selesai sesuatu filem itu ditunjukkan di pawagam bahagian utama dan dipindahkan ke pawagam yang lain walaupun di bandar atau pekan yang sama, maka imbahang bahagian itu akan bertukar menjadi



A.R. BADOL  
pelawak terkenal



M. BORHAN  
penerbit  
Sabah Film



NORMALA OMAR



55 hingga 60 peratus untuk tuan punya pawagam dan bakiya untuk tuan punya filem. Harus juga diingat bagi tiap-tiap filem yang diedarkan dari satu tempat ke satu tempat pengedar akan mendapat bahagian pula sebagaimana janji potongan pengedaran yang ditetapkan sejak awal.

Pendeknya si penerbit, selain daripada mengeluarkan belanja untuk menyiapkan filem akan berbelanja pula untuk penapisan filem, membuat poster besar dan kecil atau lain-lain cara promosi, misalnya sapu tangan, kemeja-T dan sebagainya. Sekiranya dia mahu publisiti secara besar-besaran di luar publisiti khusus yang biasa di antara dia dan penayang, dia haruslah mengeluarkan belanja publisiti itu daripada peruntukannya sendiri.

Sewaktu menghadiri sebuah seminar tentang produksi filem di Manila semasa Pesta Filem Antarabangsa yang pertama bulan Februari tahun 1982, saya sempat mendengar ceramah John Frankenhaimer, seorang penerbit dan pengarah filem Amerika Syarikat yang mengatakan di Amerika sekiranya sesuatu produksi itu bermodal US\$20 juta, maka belanja publisiti sahaja tidak kurang daripada US\$8 juta.

Berdasarkan cara pembahagian hasil seperti itu, tidaklah hairan jikalau dikira dari seringgit pendapatan jualan tiket, wang yang kembali kepada tuan punya filem hanya antara 22 hingga 25 sen saja! Lebih-lebih lagi kalau filem itu dihantar ke Singapura, kerana Singapura meletakkan filem Malaysia sebagai filem luar negeri dan terpaksa dikenakan cukai masuk menurut sukatan yang tertentu. Pada kiraan akhirnya nanti, tiap-tiap pendapatan seringgit dari jualan tiket, hanya tinggal antara 18 hingga 20 sen saja bagi tuan punya filem.

### Perundingan Pengedar-Penerbit

Berhubung dengan soal penayangan dan pengedaran filem ini, pihak FINAS pernah membuat perundingan dengan pengedar dan penayang filem bagi mendapatkan imbalan yang lebih baik bagi pihak penerbit filem tempatan.

Di antara perkara-perkara lain yang dibincangkan dan nampaknya sanggup dipertimbangkan dan dipersetujui oleh Pertubuhan Cathay, Solar Movie Enterprise, Golden Star Bhd., Goh Eng Wah Brothers Filem Sdn. Bhd. dan Chong Gay adalah

berkenaan dengan *hold over figure*. Ini adalah hasil pendapatan jualan sehari yang boleh menyebabkan sesuatu filem itu ditahan atau diteruskan penayangannya di sesebuah pawagam. Berhubung dengan ini satu sistem dua tahap telah dicapai, iaitu untuk filem keluaran tempatan adalah ditetapkan atas kadar 20% lebih rendah daripada *hold over figure* yang ditentukan bagi filem luar atau yang diimport. Misalnya buat pawagam "A", angka tahan bagi sebarang filem yang ditayangkannya ialah sebanyak \$2 000 sehari. Bagi filem tempatan sekiranya hasilnya kurang 20% daripada itu (hanya dapat \$1 600), maka filem itu masih boleh ditayangkan pada hari-hari berikutnya.

Selain daripada itu, atas persetujuan penerbit dan penayang, sekiranya angka tahan itu kurang dan penerbit menjamin mencukupkan angka tahan filem itu daripada peruntukannya sendiri, maka filem tersebut boleh juga diteruskan tayangannya.

#### Tempat Tayangan

Persetujuan juga dicapai bahawa tidak wajar mengamal dan mengaitkan penayangan filem tempatan dengan beberapa pawagam yang tertentu saja. Tayangan harus juga dicuba di pawagam-pawagam lain yang dianggap munasabah dan promosi-promosi yang sesuai harus diadakan bagi memperkenalkan pawagam-pawagam ini kepada umum.

Menentukan tentang pawagam utama atau bandar utama atau *keytowns*, *sub-key towns* serta menilainya dari segi bilangan atau pusat penduduk telah juga dicadangkan dan satu persetujuan telah dicapai: Bandar utama terdiri daripada Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Melaka, Alor Setar dan Johor Bahru.

Kadar peratus sewa filem pula dipersetujui 50% bagi bandar utama dan 45% bagi bandar lain.

Pada masa-masanya yang lampau, pembayaran balik hasil jualan tiket kepada penerbit selalunya memakan masa tidak kurang daripada tiga bulan, syukurlah kini pihak penayang bersetuju menegerakan pembayarannya dalam masa dua bulan.

Kerana gaya tarikan jikalau sekali-pun ada pengusaha yang tenggelam, ada pula orang baru timbul mengambil tempatnya.



Babak filem "DENDANG PERANTAU" (Saria filem).

Gabungan Perfileman yang lenyap dengan sendirinya itu, diganti pula dengan kelahiran Persatuan Penerbit-penerbit Filem Malaysia (PPFM). Ahli-ahli persatuan ini dengan sendirinya menjadi ahli kepada AMPPA (Asean Motion Picture Producers Association) dan bersekutu pula dengan FPA atau Federation of Motion Picture Producers in Asia.


Persatuan penerbit-penerbit ini melanjutkan usaha merayu dan mendesak kerajaan supaya membela nasib industri fileman bumiputera dan mencadangkan supaya ditubuhkan satu perbadanan untuk melaksanakan perjuangan ini. Akhirnya usaha ini berhasil juga apabila Parlimen meluluskan Akta 224. Akta ini ialah Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional yang mendapat persetujuan Diraja pada 12 Februari 1981 dan diwartakan pada 19 Februari 1981.

Sebelum ini perkembangan yang lain berjalan terus. Para seniman, karyawan dan pihak yang ingin bergerak dengan cara bersatu menubuhkan Persatuan Seniman Malaya atau SENIMAN dan diikuti juga dengan lahirnya PAPITA atau Persatuan Penyanyi Tanahair. Wartawan hiburan pula menubuhkan persatuan mereka dengan nama Entertainment Journalist Association atau ringkasnya EJA. Melalui persatuan-persatuan ini pelbagai aktiviti telah dianjurkan, di antaranya mengadakan pesta filem.

#### Penganugerahan

Pihak yang mula-mula mengambil inisiatif ialah Seniman, dengan mengadakan Malam

MAK ENON



Penghargaan Seniman pada bulan Disember 1978. Seniman melantik satu panel pemilihan untuk memberi penghargaan kepada artis-artis tertentu. Panel telah memilih artis-artis atau seniman yang berket sebagai layak menerima penghargaan:

Seniman Agung	: P. Ramlee
Seniman Terbaik	: Mahmud Jun
Seniway Terbaik	: Sarimah
Pengarah Terbaik	: Jins Shamsuddin
Pelawak Terbaik	: Mak Enon
Pengubah Terbaik	: Alfonso Soliono
Biduan Negara	: Saloma
Biduanita Terbaik	: Sharifah Aini
Biduan Terbaik	: M. Daud Kilau

Langkah ini harus dilihat sebagai satu galakan semata-mata. Walaupun demikian ada yang meragui kriteria pemilihan itu. Apakah ukurannya sumbangan seseorang karyawan sejak dulu sehingga tempoh tahun 1978 saja, atau karya yang dibuat pada masa-masa terakhir sebelum tahun 1978 saja terlihat seolah-olah ada dua tahap di dalam penilaian itu.

Penerbitan filem-filem tempatan bertambah galak. Sambutan daripada pengemar filem Melayu juga semakin membarangsangkan. Kalau dulunya filem Hindustan menjadi kegemaran, kini kegemaran itu sudah beralih kepada filem tempatan dan artis-artis kita sendiri. Begitu juga minat terhadap filem Indonesia yang pada satu masa sangat besar tetapi keadaan ini juga telah berubah.

Setelah memperolehi kejayaan dengan filem *Menanti Hari Esok*, Jins Shamsuddin menerbitkan pula filem *Tiada Esok Bagimu* (1978), sebuah cerita yang berdasarkan kisah benar, kata Jins. Dalam filem tersebut Jins juga berlakon sebagai ayah, dibantu pula oleh Noor Kumalasari, Roomai Noor dan Umi Kalthom.

Anang Enterprise juga bergiat semula dengan melantik Saadiah Ahmad Daud sebagai pengarah wanita yang pertama, mengarahkan filem *Ceritaku Ceritamu* (1979/1980). Saadiah menaikkan nama

anaknya Fauziah (OGY) sebagai pelakon utama. Walaupun arahan Saadiah itu boleh dilupakan, tetapi Ogy menonjol sebagai seorang yang berbakat besar.

Datuk Syed Kechik pula menceburlan dirinya di dalam bidang perfileman dengan menubuhkan Syed Kechik Film Productions. Aziz Jaafar diberi peluang mengarahkan *Sumber Ilhamku* (1979) lakonan Sharifah Aini.

Sabah Film juga membuat filem dalam bentuk yang sama, sambil menonjolkan bakat penyanyi terkenal Dahlan Zainuddin. Filemnya berjudul *Kisah Seorang Biduan* (1979) arahan M. Amin. Filem ini juga memperkenalkan Gaya Zakry dan berjaya memancing semula Ahmad Mahmud ke bidang filem sesudah sekian lama meninggalkannya.

Aziz Sattar keluar dari Sabah Film bagi menubuhkan Syarikat Indera Film bersamasama dengan Zahran dan Zain Haji Ibrahim. Filem pertama keluaran syarikat itu ialah *Prebet Lapuk* (1979) dengan A.R. Badol sebagai pelakon utamanya.

Dengan bertambahnya penerbitan filem tempatan, kadang-kadang menimbulkan kesulitan pula untuk menayang dan mengedarkannya melalui dua saluran biasa, iaitu rangkaian pawagam Cathay dan Shaw. Lebih-lebih lagi ramai pula penerbit itu memilih rangkaian Cathay sebagai pengedar, sedangkan di Kuala Lumpur pawagam Cathay yang biasa menayangkan filem tempatan ialah Coliseum, di Jalan Tuanku Abdul Rahman.

Selain daripada itu penerbit juga mengharapkan sesuatu penayangan itu biarlah kena pada musim yang baik seperti Hari Raya.

Menayangkan filem di pawagam yang tidak biasa menayangkan filem tempatan ataupun di pawagam yang letaknya di tempat yang tidak ramai dikunjungi oleh orang yang biasa menonton filem Melayu akan membawa akibat yang kurang baik pada filem itu sendiri.

Sudah juga dicuba, misalnya pihak Shaw menunjukkan filem di pawagam Ca-

pitol yang biasanya digunakan untuk menayangkan filem Cina, jelas sekali tarikan penonton ke pawagam itu sungguh mengecewakan.

## Pawagam Coliseum

Datuk Syed Kechik juga pernah mencuba menunjukkan filem Indonesia di pawagam yang biasanya menunjukkan filem Cina atau Inggeris di kompleks beli-belah Bukit Bintang (Sungai Wang Plaza). Akibatnya serupa, tidak ramai orang yang menontonnya. Ada tidaknya selain daripada pawagam Coliseum; ialah pawagam Odeon yang letaknya tidak berapa jauh dari Coliseum, berhampiran dengan beberapa kompleks membeli-belah. Nampaknya percubaan menayangkan filem tempatan di pawagam itu tidaklah mengecewakan. Walaupun begitu, memandangkan hasilnya, ada pihak penerbit yang tidak berapa senang sekiranya hasil dan hari penayangan di pawagam-pawagam itu tidak sebaik hasil dan hari penayangan di Coliseum. Perkara seperti ini sama juga keadaannya di mana-mana bandar dan pekan yang mempunyai berbagai-bagai pawagam, sedangkan kedudukan pawagam itu terletak di dalam kawasan yang tertentu dengan kelompok-kelompok pelanggan yang tersendiri pula.

Satu perkara yang menyebabkan ramai penerbit yang beminat menunjukkan filem di pawagam Coliseum, bukan saja kerana kedudukannya di tempat banyak orang Melayu membeli-belah, juga kerana bilangan kerusinya yang sedikit, iaitu 888 kerusi sahaja, berbanding dengan Odeon yang mempunyai 1 147 kerusi dan Federal 1 547 kerusi menyebabkan tiket lekas habis terjual dan pawagam pun penuh. Apabila terjadi hal yang demikian, hari tayangan filem dapat diperpanjangkan.

Pawagam besar terpaksa mempunyai *hold-over figure* yang tinggi dan jarang dapat dipindahkan dan dengan keadaan yang demikian daya tarikannya mestilah bergantung kepada kekuatan filem itu sendiri.

## Pesta Filem Malaysia

Tadi telah juga dikatakan, daya galakan kepada penerbit dan pelakon ialah dengan adanya hadiah seperti yang dibuat oleh Seniman, kemudian usaha ini dibuat oleh EJA. Persatuan Wartawan Hiburan membuat pesta ini secara besar-besaran pada tahun 1980 dengan menamakan pesta itu Pesta Malam Merak Kayangan dan hadiahnya Panca Delima. Kedua-dua nama ini datangnya dari lagu dan filem Allahyarham P. Ramlee. Filem tempatan yang dipertandingkan ke dalam pesta ini ialah filem yang disiapkan pada tahun 1979 dan sebahagian lagi dalam tahun 1980.

Sebagaimana yang diduga, Jins Shamsuddin menggondol beberapa hadiah untuk filemnya yang berjudul *Tiada Esok Bagimu dan Esok Masih Ada*.

Lagi satu perkara yang menarik ialah sebilangan besar pemenang hadiah pesta itu terdiri daripada beberapa tokoh yang pertama kali melibatkan diri dalam filem cerita. Di antaranya ialah:

1. Azean Irdawati, mendapat hadiah Seniawati Terbaik, kerana peranan di dalam filemnya yang pertama *Esok Masih Ada*.
2. Adibah Amin, seorang penulis terkenal, mendapat hadiah Pelakon Pembantu Terbaik, di dalam filem *Adik Manja*, juga filem pertama lakonannya.
3. *Adik Manja*, filem pertama arahan Othman Hafsham, menggondol hadiah Filem Komedi Terbaik.
4. Lagu *Sumber Ilhamku* ciptaan Ahmad Nawab, sebagai Lagu Terbaik dan filem yang sama, arahan pertama Aziz Jaafar, yang juga mendapat hadiah sebagai Drama Ringan Terbaik.
5. Mohan, sebagai jurukamera yang terbaik, untuk filem *Esok Masih Ada*, filem cerita yang pertama digarapnya.
6. Fauziah Ahmad Daud (Ogy), mendapat hadiah Pelakon Harapan (Wanita) dalam filem *Ceritaku Ceritamu*, arahan pertama Saadiah.
7. Othman Hafsham, sebagai Penulis Skrip Terbaik, bagi filem *Adik Manja*, apabila filem itu dipertandingkan di Pesta Filem Asia di Jogjakarta, Indonesia 1980.

## Tuah Kali Pertama

Memandangkan pengaruh hasil karya pertama ini, teringat pula saya beberapa karya pertama yang lain yang pernah mendapat hadiah. Apakah persamaannya maka hal ini boleh berlaku demikian? Adakah untuk filem pertamanya artis dan karyawan ataupun juruteknik lebih teliti dan memberikan sepenuh perhatian kepada bakat dan kerjanya? Adakah para hakim dengan secara tidak sedar lebih bersimpati dan lebih tertarik kepada karya pertama seseorang?

Di Pesta Filem Antarabangsa di Manila pada tahun 1982 yang lalu, filem arahan pertama Arpana Sen yang berjudul *36 Chouringhee Lane* telah menggondol hadiah pertama.

Slamet Rahardjo, sineman Indonesia yang mengarahkan filem pertamanya *Rembulan dan Matahari* juga menggondol hadiah Filem Terbaik dalam Pesta Filem Indonesia di Semarang pada tahun 1980 dan di Pesta Filem Indonesia tahun 1981 di Surabaya, filem pertama arahan Sabiyanto Subono *Laki-laki Dan Nusa Kambangan* memberikan Maroeli Sitompol jolokan Peranan Utama Lelaki Terbaik.

Tuah usaha julung kali ini terjadi lagi di dalam Pesta Filem Indonesia tahun 1981, apabila Rahim Razali menggondol hadiah Pelakon Lelaki Terbaik dengan filem arahnya yang pertama *Abang*, begitu juga Nancie Foo mendapat gelaran Bintang Harapan kerana lakonannya dalam filem *Bintang Pujuan*, arahan pertama Shahrom Mohd. Dom.

Peristiwa seperti ini dipercayai akan berulang terus sebagai tuah julung kali kepada bakat-bakat baru dan karyawan pada masa depan.

Saya mengalaminya sendiri sewaktu orang sibuk memperingati jasa Allahyarham dan usaha menubuhkan *Pustaka Peringatan P. Ramlee*. Ada pihak yang menemui saya sengaja mencungkil dan mencari sebab-sebab yang boleh menjatuhkan imej Allahyarham untuk dijadikan satu bahan sensasi atau skop yang berlainan sekali dengan tulisan media lain yang banyak memberi pujian dan sanjungan kepada Allahyarham.

Dengan mengambil akar kata bahawa Allahyarham menggunakan irama/melodi asing untuk beberapa lagu ciptaannya, maka dengan laungan sepenuh jagat si

pembuat berita mengatakan seolah-olah saya menuduh P. Ramlee membuat lagu ciplakan. Anehnya pihak yang menemui saya, duduk hampir tiga jam di rumah saya, mengambil beberapa keterangan lain, yang pada dasarnya seolah-olah saya menunjukkan kepadanya beberapa kesilapan yang dibuat oleh orang lain tentang seni kata yang saya tulis, atau lagu yang dikarang oleh orang lain, tetapi ada pihak lain (bukan P. Ramlee) yang mengatakan P. Ramlee yang membuatnya. Keadaan ini boleh memberi sangkaan seolah-olah P. Ramlee mahu mengambil kredit daripada jasa dan karya orang lain; satu sifat yang tidak pernah dibuat oleh Allahyarham, malah salah satu daripada resminya ialah ingin memberi kredit istimewa kepada orang lain. Misalnya di dalam sesuatu filem kalau dia berkolaborasi dengan seorang bintang lain yang juga diminati orang ramai, dia lebih gemar kredit nama utama diberikan kepada bintang itu dan namanya sendiri dikemudiankan.

Memperkirakan tentang P. Ramlee, saya ingin membawa perhatian anda kepada tokoh-tokoh yang sepertinya di dalam bidang perfileman. Tentang P. Ramlee banyak orang memperkatakan filemnya, lakonannya, lagu-lagu karangannya, nyanyianya ataupun tentang kehidupannya. Sementara itu ada juga orang memperkatakan tentang karya Nordin Ahmad, Salleh Ghani, Hussein Hanif ataupun B.S. Rajhans kalau mahu menyebut yang sudah tiada, dan karya S. Kadarisman, Rahim Razali, Osman Hafsham, Jins Shamsuddin kalau menyebut sebahagian yang masih hidup, walau sekalipun bahannya mungkin tidak sebanding apa yang dikatakan tentang P. Ramlee.

Tetapi sejauh manakah sebenarnya soal-soal tentang mereka itu ada dirakamkan secara kuantitatif dan dapat dipertanggungjawabkan sebagai bahan analisa seorang tokoh yang digali penuh terperi bagi pengetahuan akademik atau pengetahuan am manusia sezaman dan generasi yang kemudian?

Kalau kita memperkatakan sesuatu filemnya, adakah dikaji secara ilmiah bagaimana pendekatan tokoh itu tentang filem tersebut? Tentang stallinya, adakah dia mempunyai kuasa penuh mengawal produksinya, apakah konsep tiap-tiap persembahannya, teknik tiap-tiap filemnya dan sebagainya.





FAUZIAH AHMAD DAUD (OGY)



Kaji selidik di dalam tiap-tiap aspek usaha kreatifnya, latar belakang kehidupannya yang mungkin mempengaruhi karyanya patut dijadikan bahan dokumentasi supaya tidak lagi kita menyesali segala kekurangan dan kehilangan yang kita rasai sekarang.

Setengah setengah penulis kini, membuat sesuatu penulisan tentang seseorang tokoh seni atau filem kita, menghadapai tugas itu sebagai satu penulisan kreatif, seperti mengisi tulisannya dengan deskripsi yang penuh khayalan dan jauh daripada kebenaran. Eloklah dibuat beberapa penapisan, lebih-lebih lagi apabila membuat rujukan dari bahan tulisan dan siaran orang-orang seperti ini.

Terlanjur menyebut kajian tentang tokoh-tokoh ini, saya sarankan supaya diusahakan sekali membuat dokumentasi ke atas setiap karyawan dan seniman filem serta sumbangan mereka di dalam apa jua bidang yang difikirkan wajar. Misalnya, adakah orang cuba mencatat siapa Osman Gumanti, apa namanya yang sebenar, di mana ia dilahirkan, latar belakangnya, apa-apa filem yang dilakonkannya dan keterangan-keterangan lain berhubung diri dan karyanya.

Inisiatif mengumpulkan bahan-bahan filem, skrip dan sebagainya, perlu dilakukan di samping perlunya kita mempunyai arkib filem. Walaupun arkib itu tidak dapat berdiri dengan sendirinya, buat sementara bolehlah dijadikan satu cabang dari Muzium Negara ataupun Arkib Negara. Seelok-eloknya ditempatkan sama ada di Filem Negara ataupun FINAS bagi rancangan mendirikan bangunan untuk Pusat Pembelaan Filem di dalam kawasan Studio Merdeka Hulu Kelang.

Di negara negara maju muzium ataupun arkib filem ini, kalau tidak diusahakan oleh pemerintah atau pengusaha filem, ada jutawan ataupun yayasan tertentu dengan caranya sendiri mengadakan simpanan khusus tentang jenis filem-filem tertentu sahaja.

Indonesia mahupun Manila sedikit demi sedikit dapat mengumpul filem berhubung tentang negara mereka. Menyimpan filem yang diterbitkan sejak tahun dua

puuluh waktu pembikinan filem dimulai di negara mereka harus menjadi contoh supaya kita dapat berbuat demikian. Filem-filem yang ada sekarang sudahkah difikirkan cara-cara mendapat salinannya sebagai bahan simpanan? Saya difahamkan amat sukar untuk mendapatkan filem-filem arahan ataupun lakonan P. Ramlee sebagai simpanan dan rujukan di Pustaka Peringatan P. Ramlee. Hal ini berlaku bukannya kerana filem sudah tidak ada, tetapi kerana pihak tertentu tidak sanggup untuk bekerjasama menjayakan hasrat itu.

Kalau demikianlah sikap yang ada, bagaimana pula dengan filem-filem yang lain? Kemungkinan filem terbitan sebelum perang sudah tidak ada salinannya. Entah apakah kedudukan filem-filem masa Jepun, dan filem terbitan sejak tahun 1945 selepas Jepun menyerah diri. Apa khabarnya dengan filem *Seruan Merdeka*, *Kampung Sentosa*, *The Kelantan Story* dan filem-filem lain terbitan syarikat Nusantara, Keris, Rimau, Cathay Keris, MFP, Merdeka, Maria, H.M. Shah, GAFIM, AHMAD MAHMUD sehingga kepada peringkat syarikat bumiputera dan tempatan sejak tahun 1974, apabila timbul satu kebangkitan baru terhadap minat menerbitkan filem-filem tempatan.

Terpadat pihak yang membuat cetak rompak menggunakan video, malah satu masa dahulu khabarnya filem-filem yang ditunjukkan di sebelah utara atau di pantai timur selalu diseludupkan ke negara Thai dan dibuat salinan "dupe" untuk tayangan penduduk negara itu yang mengerti bahasa Melayu dan berketurunan Melayu. Sedangkan kita yang sepatutnya mempunyai salinan filem dalam bahasa kita dan lakonan orang-orang kita, mendapat kesusahan untuk mengumpulnya bagi bahan koleksi negara.


Sewaktu menulis buku ini, saya berhenti buat sementara daripada mengarah filem, walaupun pada suatu ketika saya pernah diminta mengadahi semula skrip filem *Mat Salleh Pahlawan Sabah* dan ber-cadang memfilmekannya waktu saya masih dalam kontrak di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan di USM Pulau Pinang, tetapi oleh kerana beberapa cadangan saya untuk

menyempurnakan penggarapan filem itu mengambil masa untuk dipertimbangkan oleh pihak yang menemah, maka cengkeram yang diberikan, kepada saya terpaksa saya pulangkan semula kerana tidak mahu terikat dengan sebarang bebanan yang mungkin banyak implikasinya.

Di luar pengetahuan saya skrip itu diserahkan kepada syarikat lain (tanpa saya sen pun bayaran untuk usaha saya berhubung pengolahannya) dan saudara Omar Rojik mengarahkannya menurut caranya sendiri dengan menggunakan kemudahan yang disediakan oleh syarikat yang menerbitkan filem itu. Apabila filem itu siap, saya diberitahu bahawa nama saya digunakan sebagai penulsiannya. Saya hubungi syarikat yang menugaskan Sabah Filem membuat filem itu dan meminta nama saya jangan disebut sebagai penulis skrip kerana pengunaannya tanpa pengetahuan saya dan penggarapannya tidak sebagaimana yang saya mahukan. Di samping itu saya tidak menerima sebarang bayaran daripada penara lelah menyusun skrip itu. Oleh kerana nama itu sudah tercatat dalam tiap-tiap salinan filem itu, jadi tidaklah dapat ditiadakan tanpa merosak filem itu.

Walau bagaimanapun, apabila filem itu dicalonkan ke pusat filem nasional, nama saya tidak dimasukkan sebagai penulis skripnya, selaras dengan bantahan yang saya kemukakan itu. Saya tulis laporan ini agar menjadi satu rujukan dan dokumentasi kepada pihak yang ada sekarang dan akan datang, apabila filem itu menjadi bahan kajian, tulisan atau perbincangan.

Selepas dua tahun di USM saya di-tawarkan oleh saudara Yusof Majid, suami seniawati Sarimah, mengubahsuai novel Profesor Datuk Haji Shahnnon Ahmad untuk dijadikan filem. Pada asalnya saya tidak tahu bahawa Syarikat Sarimah Film berkongsi dengan pihak lain untuk menerbitkannya, hanya apabila skrip siap ditulis dan hendak mengadakan perkelengkapan skrip itu, barulah saya sedar bahawa KAY yang bersandingan dengan nama Sarimah itu ialah kepdekadan daripada nama Kamarul Ariffin Yasin.





## USAHA MEMAJU FILEM TEMPATAN

**P**ERKEMBANGAN perkembangan terakhir dalam bidang perfileman nasional begitu memberangsangkan. Dengan timbulnya beberapa tokoh baru daripada kalangan orang-orang teater dan akademik seperti Rahim Razali, Ahmad Yatim, Shahrom Mohd. Dom, Othman Hafsham dan Yassin Salleh, nyatalah membawa beberapa perubahan pada wajah filem tempatan baik dari segi pengolohan cerita mahupun seni lakonannya. Setidak-tidaknya kehadiran mereka memberikan nafas baru kepada filem-filem tempatan.

Tokoh-tokoh lama seperti saya dan yang lain-lain sudah terbiasa dengan dikan dan pengaruh-pengaruh-pengaruh lama yang menjadi ikutan kami dahulu sehingga secara yang tidak disedari pendekatan kami masih terikat dengan tradisi dan cara lama itu.

Tokoh-tokoh baru ini tidak melalui pengalaman seperti yang lalu. Oleh yang demikian mereka tidak terikat atau terikut-ikut dengan cara orang lama. Mereka bebas mencuba cara mereka sendiri. Bagi penonton yang sudah jemu dengan hidangan yang serupa, apabila didatangi hidangan yang berlainan, tentulah akan menarik

mereka kepada yang baru itu.

Dalam pada itu tidaklah bermakna orang-orang lama harus terus berhenti. Mereka masih dikehendaki dan boleh terus memainkan peranan masing-masing asalkan mereka sanggup mengubah sikap bagi menghadapi cabaran-cabaran masa kini selaras dengan cara pemikiran dan kehendak semasa.

### Cerita dalam Filem

Kita ambil contoh cerita. Haruslah dipilih cerita yang bertema universal, lebih luas jangkauannya, juga maksud dan pengolahannya. Plotnya mungkin sama atau berbeza sedikit, ceritanya juga mungkin cerita biasa, bahkan pernah juga kita temui beberapa buah filem Barat yang "tidak ada cerita", tetapi cara penyampaiannya begitu menarik hingga filem itu berkesan dan terus diminati.


Berdasarkan contoh-contoh filem seperti itu, orang-orang lama haruslah mengikis cara penyampaian cerita atau pengolahannya yang hampir-hampir tiada pembaruan selama ini.

Ada juga penulis filem yang beranggapan pendekatan tokoh-tokoh baru itu sebagai satu teknik baru. Tetapi bagi saya ini bukanlah soal teknik tetapi lebih kepada

pemikiran ataupun idea yang dibuat dengan gaya dan cara yang baru. Untuk menghasilkan sesuatu seperti ini, penerbit dan pengarah haruslah ada pengertian tersendiri tentang hakikat perfileman itu. Yang penting pengarah harus diberikan kebebasan kreatif bagi menghasilkan karya yang terbaik.

Tidak kurang pentingnya segala-galanya haruslah dirancang dan diatur terlebih dahulu, seperti kita menyiapkan rangka dan struktur sesebuah rumah, biarlah lengkap *blueprint*nya. Apabila semuanya sudah dipersetujui dan belanjanya diperhitungkan dan diadakan – bukan dihitung saja tetapi ditindakan – bolehlah penggambaran dimulakan mengikut jadual yang diatur, jangan diganggu atau diubah-ubah mengikut reaksi dan pendapat yang datang dengan mengejut pula.

Berhubung dengan perubahan mengejut ini, memang ada perbezaan membuat improvisasi dengan membuat pertukaran kepada perjalanan cerita ataupun kepada watak yang memegang jalan cerita. Anehnya perkara seperti ini sering berlaku di negeri ini kerana yang berkuasa nampaknya penerbit atau orang yang memodalkan penerbitan filem itu.




YASSIN SALLEH



AHMAD YATIM

SHAHROM MOHD DOM





Y.A.B. DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMMAD merasmikan seminar Industri Perfileman Malaysia.

## Kedudukan Pengarah

Di dalam keadaan seperti ini pengaruh hanya pada nama saja, lebih banyak menjadi pak turut kepada kehendak penerbit atau produser. Si penerbit pula, mungkin kerana tidak begitu teguh dan berdisiplin membuat perubahan sewenang-wenangnya. Bukan pula penerbit itu mendapat idea yang baru tetapi lebih banyak dipengaruhi oleh faktor-faktor yang peribadi sifatnya. Banyak benar terjadi perkara seperti ini maka hasilnya filem menjadi lemah.

Bagaimanapun ini hanyalah salah satu daripada sebab-sebab kelemahan kerana banyak pula faktor lain yang harus dipertimbangkan. Ini juga kerana pengaruh tradisi lama. Sewaktu zaman membuat filem cara studio, masing-masing bergaji tetap di bawah satu majikan maka segala-galanya harus dibuat mengikut kehendak majikan. Misalnya majikan menentukan si pengaruh mengambil artis si polan untuk memegang satu peranan kerana waktu itu si polan sedang makan gaji buta.

Atau majikan mahukan cerita Si Anu difilemkan, kerana mengikut pandangannya cerita jenis itu digemari orang pada waktu itu. Demikian juga tentang lokasi dan sebagainya, seseorang pengaruh selalu terkekan dan tidak punya kebebasan.

## Rasa Tidak Puas

Saya sendiri sehingga ke hari ini tidak berpuas hati dengan sebarang filem yang saya arahkan kerana saya tidak dapat menghasilkan karya yang seratus peratus kehendak saya. Jangankan seratus peratus, lapan puluh peratus pun tidak. Ada-ada saja perkara yang membatasinya. Saya mengaku saya banyak berkompromi dengan penerbit dan dengan artis-artis juga. Sikap ini walaupun ada baiknya tetapi lebih banyak pula buruknya. Penonton menjadi tidak puas menyemali apa yang terjadi di belakang sesebuah filem, mereka hanya menilai daripada apa yang ditayangkan saja.

Perkara-perkara seperti ini bukanlah terjadi di dalam industri perfileman negara kita saja malah di negara lain juga berlaku

keadaan yang sama. Teguh Karya, seorang tokoh filem Indonesia yang dikenali dengan filem-filemnya seperti *Cinta Permata*, *November 1828* dan *Usia 18*, pernah menulis di dalam sebuah majalah:

"Bukan tidak sering terjadi sutradara *camera* menyutradarai filem dalam pengertian filem *directing*, dalam banyak kejadian pemain yang satu jadi sutradara pemain yang lain. Isteri sutradara ikut jadi sutradara pada filem yang sama. Status *art director* pada umumnya jadi *property man*. Produser menyutradarai sutradara dan sebagainya. Bukan suatu kewajaran jika *camera man* menyutradarai di samping ada sutradara dua tiga sekaligus".

## Peringatan Perdana Menteri

Di dalam usaha memajukan filem nasional, satu seminar yang bertajuk "Seminar/Bengkel Industri Perfileman Malaysia" telah diadakan di Kuala Lumpur dari 2 hingga 4 Mac 1981 atas anjuran Jawatankuasa Kemajuan Filem Nasional. Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahatir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia sewaktu merasmikan majlis tersebut antara lain telah berkata:

"... Saya sedar bahawa tuan-tuan dan puan-puan yang hadir pagi ini adalah dari golongan yang mempunyai banyak pengalaman dan pengetahuan di dalam dunia perfileman. Oleh yang demikian ada baiknya jika kita sama-sama memikirkkan tentang isu-isu yang penting yang dapat menentukan sama ada industri perfileman Malaysia dapat berkembang dengan baik pada masa yang akan datang atau ia terus melesau pada peringkat yang ada sekarang tanpa apa-apa kemajuan.

Walaupun bagaimanapun perlu disedari bahawa masa hadapan industri perfileman tempatan tidak boleh terjamin jika ia semata-mata bergantung kepada bantuan-bantuan kebendaan dan perundangan daripada kerajaan.

Kerajaan boleh, melalui agensi-agensi menyediakan kemudahan seperti biasiswa, latihan, dan kursus-kursus, seminar-seminar, peralatan-peralatan dan mengutar serta mengawasi perjalanan industri perfileman tempatan melalui sekatan-sekatan terhadap pengimportan filem-filem asing, tetapi tindakan kerajaan ini tidak akan memberi kesan yang positif jika masyarakat perfileman tidak bersedia mengambil tindakan-tindakan tersendiri untuk meningkatkan taraf profesionalisme mereka.

Masyarakat umum tidak boleh dipaksa untuk menyokong-filem-filem tempatan jika mereka tidak berpuas hati dengan apa yang dipersembahkan kepada mereka. Pasaran yang ada di dalam negeri perlu diteroka sepenuhnya sebelum kita cuba untuk memasarkannya di luar negeri".

Beberapa kertas kerja telah dikemukakan. Di antaranya yang berhubung dengan masalah "Seni Kreatif dalam Industri Filem Tempatan". Encik Yusof Majid dari Sarimah Film Productions, yang menjadi salah seorang panelnya antara lain membicarakan tentang perlunya daya kreativiti yang bebas dan tidak terkekan. Menurutnyanya kini banyak terjadi individu-individu yang belum mahir di dalam bidangnyanya sendiri. Mahir dalam erti bernilai. Ada yang sudah mengaku kebolehannyanya walhal ia bukan lagi pakar. Akibatnya dia menghasilkan karya yang lemah dan akhirnya hancur.

Beliau menyentuh juga tentang kewangan dan seni kreatif yang kedua-duanya harus ada bagi menjayakan industri perfileman. Seni kreatif itu tulen dan seni ikut-ikutan itu tidak tulen. Sifat sentiasa menyalahkan orang lain dan enggan mengakui kekurangan dan kesalahan sendiri juga merosakkan.

Beliau menyentuh juga tentang pelakon, pengarah, penyanyi, pemain muzik, penulis dan lain-lain karyawan yang menyumbangkan bakat mereka di dalam in-





YUSOF MAJID



SYED KECHIK



TAN SRI KAMARUL ARIFFIN



ZAIN MAHMUD

dustri filem. Mereka ini ada yang amatir dan ada yang profesional dan setiap pihak mempunyai seni kreatif yang tertentu. Mereka harus menguasai sesuatu bidang itu dengan baik. Katanya tidaklah elok kalau seseorang itu hendak menguasai beberapa bidang sekaligus.

### Sejarah Seni Filem

Encik Shahrom Mohammad Dom dari Syed Keechik Film Productions membawakan perbandingan ringkas tentang sejarah seni perfileman dalam kertas kerjanya yang berjudul "Realisme dan Realiti Filem Filem Melayu". Beliau banyak menyelinai ungkapan dan pendapat-pendapat daripada tokoh-tokoh perfileman seperti Griffith, Einstein dan aliran-aliran yang terjadi seperti ekspresionisme di Jerman dan neorealisme di Itali. Beliau menerangkan juga kreativiti di dalam filem-filem arahan William Wyler, Visconti, Fellini, Kurosawa, Satyajit Ray dan lain-lain.

Sebagai penutup, beliau mengatakan kemajuan seni perfileman di Barat ialah satu kemajuan ilmu sedangkan teknik dan kegemilangan zaman filem-filem Melayu terutama pada tahun-tahun 60-an malangnya cuma merupakan kemajuan komersial. Ilmu yakni teori dan falsafah seharusnya berganding bahu dengan kemajuan teknik menjadikan filem sebagai satu cabang seni yang setanding dengan bidang-bidang seni yang lain. Dapatkah kita rangkulkah filem Melayu sebagai satu seni?

Saya juga mengemukakan beberapa pendapat tentang usaha-usaha menerbitkan filem yang lebih bermutu. Saya menyebut beberapa kelemahan dan tekanan yang terdapat. Sebagai kesimpulan saya cadangkan:

- Skip filem yang hendak diterbitkan haruslah dimajukan kepada satu panel yang bersifat bebas di bawah Pembedaan Kemajuan Filem Nasional. Panel ini boleh memberi nasihat tentang tema ataupun kelemahan sesuatu skip tetapi tidaklah berhak menahan seseorang penerbit daripada menerbitkannya jika ia memodalkan dengan wangnya sendiri dan sanggup menerima risikonya. FINAS juga harus mengawasi penerbitan filem-filem tempatan bagi menjaga mutu dan perkembangannya.

- Diadakan kursus perfileman.
- Mengadakan kemudahan bagi mendapatkan alat-alat dengan sewa yang munasabah.
- Mendedahkan orang-orang filem kepada filem-filem asing yang bermutu, terutama filem-filem yang tidak komersial dan tidak dapat ditayangkan di pawagam-pawagam.
- Mengadakan arkib atau muzium filem.
- Mengadakan diskusi perfileman dari semasa ke semasa.
- Mengadakan suruhanjaya memajukan filem tempatan di sebarang laut serta menyertai pesta-pesta filem.
- Melindungi hak seniman dan karyawan filem.

Di dalam sesi yang membincangkan tentang kedudukan dan mutu filem tempatan, panelnya terdiri daripada Encik Meor Zailan Sulaiman dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Tuan Haji Ahmad Zahran dari Persatuan Penerbit Filem Melayu dan tuan punya Indera Film dan Encik Aimi Jarr dari Persatuan Wartawan Hiburan (EJA). Ada juga yang tidak senang apabila Haji Zahran mengatakan tujuan menerbitkan filem hanya untuk mencari untung, seolah-olah dia tidak menghiraukan tentang mutu dan nilai seni sesebuah filem, asalkan laku cukuplah.

### Filem Malaysia

Pengurus Besar Pertubuhan Cathay, Encik Choo Weng Choong juga memberikan fikirannya terutama tentang pasaran filem tempatan. Beliau menekankan bahawa penerbit-penerbit filem tempatan haruslah berusaha agar persembahan filem kita bercorak kemalayaan yang bermakna bukan saja tema tetapi juga para pelakon sebaiknya berbilang kaum. Beliau percaya ini satu cara bagi menarik minat semua kaum di Malaysia menonton filem tempatan.

Encik Rahmad Siru dari Lembara Penapis Filem pula mengatakan filem-filem Melayu sekarang tidak lagi menggambarkan semangat Melayu ataupun nasionalisme seperti yang terdapat dalam filem *Hang Tuah* dan *Sergeant Hassan*. Kebanyakan penerbit hanya membanggakan idea dan cara hidup orang-orang asing, sedangkan filem-filem asing seperti Amerika dan Inggeris selalu membanggakan

negara mereka dan sifat taat setia rakyatnya serta sejarah dan tradisinya. Filem kita seharusnya menyulamkan semangat Melayu dan Malaysia di dalam ceritanya.

Encik Zain Mahmud dari Radio Televisyen Malaysia (RTM) menekankan tanggungjawab filem tempatan terhadap masyarakat dan negara. Peminat peminat filem kita selama ini terjajah dan terkongkong oleh filem-filem Hollywood, Hong Kong dan Hindustan katanya. Dalam soal ini kita tidak perlu membandingkan mutu. Membandingkan filem tempatan dengan filem Barat seperti membandingkan belacan dengan keju.

Selain daripada itu beliau mengatakan ada banyak bukti yang menunjukkan filem yang murah belanjanya tetapi berjaya menarik penonton dan filem yang besar belanjanya tidak berjaya. Dari kajian yang dibuat oleh RTM sejak beberapa tahun, rancangan televisyen yang paling ramai penontonnya ialah filem Melayu dan siri Drama Minggu Ini. Hitung panjang penontonnya sebanyak 25 juta di Semenanjung Malaysia saja. Sedangkan rancangan *Top Ten* dari Barat seperti "Incredible Hulk" dan "Dallas" cuma menarik lebih sedikit daripada sejuta penonton. Selain daripada itu, di antaranya pengemang-pengemang "Drama Minggu Ini" dan filem Melayu terdapat 30% yang terdiri daripada orang bukan Melayu.

Beliau tidak bersetuju pengkritik yang merendah-rendahkan mutu penerbitan filem-filem tempatan. Kita tidak harus mencari kesalahan katanya kerana yang salah ialah sejarah, sejarah yang memincangkan bukan saja dunia perfileman tetapi segenap aspek kehidupan kita.

Selain daripada itu, Puan Azah Aziz dari Kumpulan Arkib New Straits Times menyarankan pengarah-pengarah filem memberi perhatian yang lebih berat kepada unsur-unsur kebudayaan yang boleh membayangkan identiti bangsa dan negara.

Berikutan dengan seminar ini diadakan satu pameran meneroka sejarah perfileman Melayu anjuran Lembara Amanah Muzium Seni Negara dan Jawatankuasa Kemajuan Filem Nasional bertempat di Muzium Seni Negara di Jalan Ampang pada 7 hingga 31 Mac 1981.

### Perlunya Arkib Filem

Beberapa peralatan membuat filem, poster,



AZAH AZIZ

scrip dan senarai nama-nama filem yang sudah dibuat selama ini, juga perkakass-perkakass yang digunakan di dalam filem-filem tertentu seperti pakaian yang digunakan oleh pelakon utama dalam filem *Raja Bersiang* dan *Sergeant Hassan* telah dipamerkan. Barang-barang ini hanya sebahagian kecil daripada bahan-bahan yang sepatutnya banyakk boleh dijadikan barang simpanan bagi mengenang dan mengingati perkembangan industri perfileman tempatan.

Memandangkan Indonesia, Filipina, India dan Australia sudah berusaha mengadakan arkib filem masing-masing, maka saya telah juga mencadangkannya di dalam seminar yang saya katakan tadi agar kita juga harus mempunyai arkib filem nasional kita. Kerana tidak ada kesedaran mengenai hal ini dari dahulu, banyak filem kita yang lama sudah tidak ada lagi. Bagaimanapun filem yang diterbitkan selepas perang mungkin masih dapat dikumpulkan, itu pun kalau ada kerjasama daripada pihak pemilikinya. Tetapi bagaimana pula dengan filem keluaran Keris, Cathay-Keris, Nusantara dan orang-orang perseorangan? Dan bagaimana pula dengan filem-filem pendek seperti rencana dan berita tentang negara ini yang diambil oleh syarikat perfileman asing sejak dulu lagi? Mungkin filem yang

diusahakan oleh Malayan Film Unit, Filem Negara Malaysia dan RTM dapat kita kumpulkann. Tetapi apakah nasibnya filem dokumentari mengenai Tanah Melayu sebelum perang, semasa pemerintahan Jepun dan pada masa penyerahan Jepun? Semua ini harus tersimpan di arkib filem.

Pengkaji sejarah filem, penulis dan sebagainya akan dapat menjadikannya sebagai bahan rujukan sekiranya tersimpan filem berbentuk dokumentari dan cerita ini. Sekarang masih banyak yang tidak diketahu berkenaan dengan filem kerana ketidadaan cara dan bahan ataupun tempat yang hendak dituju apabila seseorang hendak membuat kajian atau menulis sesuatu mengenainya.

Di antara soal yang selalu ditanyanya oleh penerbit ialah apakah filem yang boleh menarik hati penonton. Pertanyaan ini menjadi obsesi orang-orang filem walau di mana sekalipun, lebih-lebih lagi kini persaingan filem begitu hebat bukan saja kerana terdapatnya cerita-cerita yang baik di kaca televisyen tetapi juga yang diedarkan melalui pasaran video.

Pada satu masa dahulu, Sir Run Run Shaw jutawan yang memperoleh kekayaan daripada filem-filem terbitannya pernah memberi petua bahawa "cerita" adalah pa-

ling penting. Penonton suka melihat wanita cantik, melihat mereka menderita dan mengeluarkan air mata serta memperoleh kebahagiaan di akhir lakonannya. Penonton datang ke bioskop untuk mencari hiburan dan melupakan kesusahannya.

Formula yang dikatakan oleh Sir Run Run Shaw itu memang mudah bunyinya tetapi untuk mengisinya bukanlah satu perkara yang boleh dibuat sewenang-wenang.

Kalau hendak dikatakan tentang cerita yang diambil dari novel yang terkenal dan digemari ramai pun belum tentu akan berjaya, kalau cara memindahkannya ke filem tidak dibuat dengan cukup teliti dan bijaksana.

### Filem yang Disenangi

Pada tahun 1981, di antara filem filem tempatan yang baik sambutanannya melalui

rangkaian pawagam Cathay, ialah filem *Dia Ibuku*, *Abang* dan sebuah filem komedi.

Pada tahun 1980, filem tempatan yang paling laris ialah *Adik Manja* keluaran dan edaran syarikat Shaw Brothers. Hasil kutipannya lebih daripada tiga juta ringgit. Filem *Si Badul* keluaran Sabah Film dikatakan mendapat hasil lebih kurang \$2.6 juta ringgit.

Walaupun filem-filem yang bercorak komedi itu nampaknya laku, tetapi ada pula filem-filem komedi lain yang rugi. Begitu juga dengan filem berbentuk drama, pertunjukan, purba, seram dan sebagainya.

Sejak kebangkitan semula filem tempatan pada tahun 1974 dan perubahan format dari hitam putih ke bidang luas dan berwarna, hingga ke masa saya menulis sudah terdapat lebih kurang 68 buah filem yang diterbitkan.

Di sini saya perturunkan jumlah tiap

tiap jenis filem berdasarkan temanya.


1. Keluarga	25 judul
2. Jenayah	9 judul
3. Muzik	5 judul
4. Komedi	16 judul
5. Purba	8 judul
6. Seram	2 judul
7. Sejarah	1 judul
8. Kanak kanak	1 judul
9. Khayalan Moden	1 judul
	<u>68 judul</u>

### Filem Indonesia

Berdasarkan angka tahun 1981 di Indonesia, filem yang berbentuk drama diikuti pula oleh filem yang bercorak seram dan komedi paling banyak menarik penonton. Tetapi selera penontonnya berubah pada tahun 1980 kerana tema remaja pula yang paling diminati.

Babak dari filem  
"DIA IBUKU"





Babak dari filem "SI BADUL"

Pada tahun 1980 terdapat sebanyak 73 filem disiapkan oleh beberapa penerbit di antara 110 perusahaan yang terdaftar. Terjadi pula kemerosotan pada tahun 1981 apabila cuma 64 judul filem yang dilahirkan.

Kalau di Malaysia kita mengukur filem-filem mengikut masa tayangan dan jualan tiketnya melalui pertunjukan di Kuala Lumpur maka di Indonesia ukuran ini dibuat dengan pertunjukan-pertunjukan yang diadakan di Jakarta dan berapa banyak bilangan penontonnya.

Filem yang paling laris pada tahun 1980 ialah *Kabut Sutra Ungu* drama karya

Ike Supomo dan arahan Syuman Jaya yang dapat menarik 488 865 penonton. Filem komedi karya Pak Nawi Ismail *Mana Tahaan* menarik 400 816 penonton. Begitu juga filem komedi *Gengsi Doong* menarik 230 555 penonton dan drama remaja *Buah Terlarang* mendapat 222 987 penonton. Filem yang dapat menarik lebih daripada 120 000 penonton ialah *Manis-Manis Sombong*, *Guruku Cantik Sekali*, *Puspa Indah*, *Taman Hati*, *Rojali* dan *Juleha*, *Remaja-remaja* dan filem perjuangan *Janus Kuning* meraih 127 322 penonton.

Pada tahun 1981 dua filem komedi

mendapat tempat paling laris iaitu *Pintar-pintar Bodoh* karya Arizal yang menarik 474 918 penonton dan *Oke Boss* arahan Elanda Rosi Rs yang menarik 385 547 penonton. Filem seram *Sundal Bolong* menarik 252 538 penonton. *Perempuan Dalam Pasungan* drama terbaik FFI 1981 arahan Ismail Subarjo menarik 264 880 penonton dan filem komedi Nawi Ismail *Gede Rasa* mendapat 221 505 penonton.<sup>51</sup>

Selera penonton di sana mungkin berbeza dengan selera orang di sini. Sesuatu yang digemari di sana tidak semestinya digemari oleh penonton di sini, begitulah sebaliknya.

## BEBERAPA CATATAN AKHIR

**A**PA yang tertulis di dalam bab-bab sebelum ini adalah catatan saya setakat tahun 1983 sewaktu saya menjadi Ahli Cipta di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Saya ingin juga menyentuh serba sedikit beberapa perkembangan terbaru di dalam industri perfileman kita.

Dengan tertubuhnya FINAS, Persatuan Penerbit-penerbit Filem Malaysia dan SENIMAN, kita menganggap perkembangan filem tempatan akan bertambah maju, mutu filem tempatan akan meningkat, prestasi dan kewibawaan manusia filem akan lebih baik. Tetapi sayangnya anggapan ini boleh dikatakan meleset.

Pada kebiasaannya penerbitan filem tempatan sedikit-tidaknyanya adalah di antara 10 atau 12 judul setahun. Tetapi kebelakangan ini, bilangan itu menjadi kurang sekali, hinggalah rancangan hendak mengadakan pesta filem setiap tahun terpaksa diundurkan. Pada tahun 1988 tidak ada pesta filem. Tahun 1989 ada ura-ura akan diadakan, tetapi belum muktamad. Kekurangan filem untuk dipertandingkan adalah salah satu daripada sebab-sebabnya.

Bukanlah maksud saya dengan menyebut nama FINAS, perbadanan itu pula hendak disalahkan kerana kekurangan produksi filem dalam setahun. Sebenarnya FINAS menggalakkan penerbitan dengan memberi sewaan dan kemudahan alat-alat serta lain-lain keperluan produksi dengan

cara kredit. Persaingan di dalam bidang perdagangan juga dikawal dengan adanya akta yang melarang satu syarikat menjalankan tiga jenis usaha sekali, iaitu menerbit, mengedar dan menayangkan filem. Hanya dua daripada tiga jenis perniagaan ini boleh diusahakan oleh sesuatu syarikat. Dengan



Bangunan Finas dan Kompleks Studio Finas yang baru (kanan)





adanya akta ini, syarikat-syarikat besar seperti Cathay dan Shaw Brothers terpaksa meninggalkan bidang penerbitan dan menumpukan usaha mereka di dalam bidang mengedar dan menayangkan filem sahaja.

FINAS juga berusaha mengadakan siri seminar mengenai filem – tetapi sayangnya seminar itu lebih banyak dihadiri oleh peminat daripada orang-orang filem sendiri. FINAS juga mengadakan bengkel berhubung dengan penulisan skrip, sistem kerja dan bagaimana menjadi usahawan yang betul bagi mempertingkatkan produktiviti sesebuah syarikat filem.

Persatuan Penerbit Filem sayangnya tidak menarik minat banyak penerbit bagi menjadi ahlinya. Walaupun bilangan syarikat penerbit filem yang berdaftar banyak tetapi yang menjadi ahli kepada persatuan itu boleh dibilang dengan jari. Dua orang bekas presiden PPFM Datuk Syed Kechik dan Sdr. Jins Shamsuddin telah cuba membujuk dan mendesak supaya penerbit-penerbit ini menjadi ahli, tetapi setakat ini hanya kira-kira 12 penerbit yang menjadi ahli daripada jumlah keseluruhan 200 buah. Semoga dengan terlantiknya presiden baru Tan Sri Kamarul Ariffin ahli PPFM bertambah dan dapat merintis dan membuka lembaran baru bagi kemajuan industri filem di negara ini.

Pesta Filem Malaysia yang diadakan mulai dari tahun 1986 ini adalah anjuran Persatuan Penerbit Filem Malaysia (PPFM) dan GAFIM, iaitu singkatan dari Gabungan Karyawan Filem Malaysia, sebuah badan gabungan dan beberapa persatuan dan agensi yang bersifat swasta dan perbadanan kerajaan yang ada hubungan dan berminat terhadap industri filem di negara ini.

Penerbit-penerbit filem negara ini seharusnya menyokong persatuan penerbit ini. Tetapi ahli persatuan ini seharusnya yang betul-betul mempunyai status penerbit, menurut syarat-syarat tertentu. Melalui persatuan ini mereka seharusnya bergerak

secara padu dan tidak menegakkan keindividualan ataupun menggunakan persatuan bagi kepentingan diri.

SENIMAN sebagai satu badan yang mewakili para artis telah mendapat restu daripada pihak-pihak yang berwajib. Sokongan ini bukan sahaja kerana mereka berasa senang bergaul dengan manusia yang bergelar bintang dan sentiasa jadi minat orang ramai, tetapi sebaliknya mereka sedar dan simpati tentang kedudukan artis kita yang terbiar dan tidak terpinpin.

Pada masa mula tertubuhnya, memang ramai yang ghairah dan menyokong. Beberapa projek telah dijalankan. Salah satu daripadanya ialah mengadakan anugerah kepada beberapa seniman tanahair. Tetapi kecemerlangannya hanya sekejap, sedikit demi sedikit kepercayaan ahli terhadap persatuan dan pihak kepimpinan semakin berkurang dan akibat rasa tidak puas hati ini beberapa ahli menubuhkan pula persatuan PAPITA ringkasan dari Persatuan Artis Penyanyi Tanahair.

Tidak cukup dengan itu, lahir pula PAKAR, Persatuan Artis dan Karyawan Malaysia. PAKAR yang ahlinya diambil dari segenap orang yang berminat terhadap sebarang bidang yang berkaitan dengan filem, sama ada bercorak seni atau teknikal. Malah para akademik, pekerja amatir atau profesional boleh menjadi ahlinya. Desakan PAKAR (terutama oleh penaja dan presidennya sendiri Encik Zulkifli Ahmad yang pernah satu masa menjadi penolong pengarah dan pembantu saya di Singapura), beberapa persoalan terutama tentang memasuki filem Indonesia ke Malaysia, ke masukan filem Malaysia ke Indonesia, soal cukai hiburan dan kegiatan cetak rompak, hangat diperkatakan. Berita terakhir, PAKAR telah mengumumkan tidak akan melibatkan diri dalam soal filem tetapi akan menumpukan perjuangan kepada soal cetak rompak dan lain-lain perkara yang berhubungan.

Terdapat pula artis-artis yang terasa

persatuan-persatuan yang wujud ini tidak berkesan memperjuangkan nasib mereka, kerana ura-pula hendak menubuhkan persatuan lain diketuai oleh Rahim Razali, A.R. Badul dan lain-lain. Memang banyak sebenarnya masalah yang dihadapi oleh artis-artis ini sama ada artis radio, televisyen, filem, pentas, penyanyi, penari, ahli muzik dan sebagainya. Cuma sayangnya setelah tertubuhnya sesuatu persatuan itu, pentadbiran dan perancangan pula selalu lemah. Bagi pihak ahli-ahli yang selalu berserah, melepaskan kepada pihak jawatankuasa persatuan membuat segala keputusan dan melaksanakannya.

Ahli-ahli tidak seharusnya mengambil jalan mudah dengan menyalahkan ketua ataupun pihak jawatankuasa tanpa mahu mengakui kelemahan dan kesalahan sendiri. Pada hakikatnya menuduh pentadbiran jawatankuasa persatuan samalah seperti menuduh diri sendiri kerana membuat pilihan dan perantukan jawatankuasa persatuan secara ikut-ikutan sahaja. Selepas itu tidak sanggup bertindak wajar setelah mengetahui kesalahan itu dan tetap tinggal terperangkap dalam muslihat yang serupa dalam perantukan demi perantukan hingga kudis akhirnya menjadi pekung dan kalau dibaratkan orang sakit parah, menunggu saat matinya sahaja.

Dalam dunia artis, sesuatu perkara yang menimpa mereka selalunya menjadi persoalan besar atau berita istimewa, kerana kedudukan mereka yang menjadi tumpuan dan perhatian ramai. Inilah risiko menjadi orang terkenal. Sekiranya seorang artis bercerai kisahnya akan menjadi satu isu besar, terutama oleh pihak media yang sengaja memainkan isu itu sebagai bahan sensasi bagi melariskan akhbar atau majalah mereka. Begitu jugalah kalau artis anak berkwah dengan artis polan, jadi satu sensasi lagi.

Ada artis baru yang ingin popular, sengaja memberikan fakta dirinya dan gambarnya untuk dijadikan bahan berita

sensasi, tanpa menyedari bahawa sikap ini akan memberi kesan kepada artis lain, yang mudah dicap oleh orang ramai sebagai tidak bermoral, tanpa maruah, dan lain-lain lagi.

Suatu masa dahulu artis digelar anak wayang kerana dipandang rendah oleh golongan masyarakat yang mahu menjaga status, prestasi diri dan keluarganya lalu melarang dan menentang anak mereka berkahwin ataupun berkawan dengan artis. Tetapi yang anehnya banyak pula artis yang mendapat pasangan orang yang terpelajar, berpangkat dan berdarjat tinggi, yang membuktikan pula tidak semua malah banyak yang menolak sikap merendah dan menghinakan golongan artis.

**S**EBENARNYA manusia selalu lupa dan tidak menyedari kelemahan dan kerendahan budinya. Mereka kadangkala mempunyai sikap *double standard*. Ada di antara mereka yang dengan secara sadar atau tidak sedar bermesra dan menggemari pihak yang dicemuh kemudian ketika pada lain membuat tuduhan dan menjadi golongan yang ikut membenci. Mungkin ada pihak yang menyangka sikap menggemari atau membenci artis ini tertumpu kepada artis wanita sahaja. Sebenarnya juga kerana artis lelaki turut menjadi sasaran.

Umpamanya P. Ramlee (Allahyarham) ramai yang menyukai dan menggalarnya Seniman Agung, tetapi ada juga pihak yang benci dan ingin memandang rendah tentang peribadinya dan sumbangannya terhadap seni tanahair. Ada pihak yang sengaja mencari jalan untuk memburukkannya dan berusaha mencari dalil dan bukti dengan menggunakan nama kenalan rapatnya atau teman sepejuangannya

sebagai patukan untuk merendahkannya.

Saya mengalaminya sendiri sewaktu orang sibuk memperingati jasa Allahyarham dan usaha menubuhkan *Pustaka Peringatan P. Ramlee*. Ada pihak yang menemui saya sengaja mencungkil dan mencari sebab-sebab yang boleh menjatuhkan imej Allahyarham untuk dijadikan satu bahan sensasi atau skop yang berlainan sekali dengan tulisan media lain yang banyak memberi pujian dan sanjungan kepada Allahyarham.

Dengan mengambil akar kata bahawa Allahyarham menggunakan irama/melodi asing untuk beberapa ciptaannya, maka dengan laungan seperti jagat si pembuat berita mengatakan seolah-olah saya menuduh P. Ramlee membuat lagu ciplakan. Anehnya pihak yang menemui saya, duduk hampir tiga jam di rumah saya, mengambil beberapa keterangan lain, yang pada dasarnya seolah-olah saya menunjukkan kepadanya beberapa kesilapan yang dibuat oleh orang lain tentang seni kata yang saya tulis, atau lagu yang dikarang oleh orang lain, tetapi ada pihak lain (bukan P. Ramlee) yang mengatakan P. Ramlee yang membuatnya. Keadaan ini boleh memberi sangkaan seolah-olah P. Ramlee mahu mengambil kredit daripada jasa dan karya orang lain; satu sifat yang tidak pernah dibuat oleh Allahyarham, malah salah satu daripada resminya ialah ingin memberi kredit istimewa kepada orang lain. Misalnya di dalam sesuatu filem kalau dia berlakon dengan seorang bintang lain yang juga diminati orang ramai, dia lebih gemar kredit nama utama diberikan kepada bintang itu dan namanya sendiri dikemudiankan.

Memperhatikan tentang P. Ramlee, saya ingin membawa perhatian anda ke dalam bidang tokoh yang sepertinya di dalam bidang perfilman. Tentang P. Ramlee banyak orang memperkatakan filemnya, lakonannya, lagu-lagu karangannya, nyanyianya ataupun tentang kehidupannya.

Sementara itu ada juga orang memperkatakan tentang karya Nordin Ahmad, Salleh Ghani, Hussein Hanif ataupun B.S. Rajhans kalau mahu menyebut yang sudah tiada, dan karya S. Kadarisman, Rahim Razali, Osman Hafsham, Jins Shamsuddin kalau menyebut sebahagian yang masih hidup, walau sekalipun bahannya mungkin tidak sebanyak apa yang dikatakan tentang P. Ramlee.

Tetapi sejauh manakah sebenarnya soal-soal tentang mereka itu ada dirakamkan secara kajian ilmiah dan dapat dipertanggungjawabkan sebagai bahan analisa seorang tokoh yang digali penuh terperi bagi pengetahuan akademik atau pengetahuan am manusia sezaman dan generasi yang kemudian?

Kalau kita memperkatakan sesuatu filemnya, adakah dikaji secara ilmiah bagaimana pendekatan tokoh itu tentang filem tersebut? Tentang stailnya, adakah dia mempunyai kuasa penuh mengawali produksinya, apakah konsep tiap-tiap persembahannya, teknik tiap-tiap filemnya dan sebagainya.

Kaji selidik di dalam tiap-tiap aspek usaha kreatifnya, latar belakang kehidupannya yang mungkin mempengaruhi karyanya patut dijadikan bahan dokumentasi supaya tidak lagi kita menyesali segala kekurangan dan kehilangan yang kita rasai sekarang.

Setengah-setengah penulis kini, membuat sesuatu penulisan tentang seseorang tokoh seni atau filem kita, menghadapi tugas itu sebagai satu penulisan kreatif, seperti seperti tulisannya dengan deskripsi yang penuh khayalan dan jauh daripada kebenaran. Elokah dibuat beberapa penapisan, lebih-lebih lagi apabila membuat rujukan dari bahan tulisan dan siaran orang-orang seperti ini.

Terlanjur menyebut kajian tentang tokoh-tokoh ini, saya sarankan supaya diusahakan sekali membuat dokumentasi ke atas setiap karyawan dan seniman filem

serta sumbangan mereka di dalam apa jua bidang yang difikirkan wajar. Misalnya, adakah orang cuba mencatat, siapa Osman Gumanti, apa namanya yang sebenar, di mana ia dilahirkan, latar belakangnya, apa-apa filem yang dilakolkannya dan keterangan-keterangan lain berhubung diri dan karyanya.

Inisiatif mengumpulkan bahan-bahan filem, skrip dan sebagainya wajun, perlu dilakukan di samping perlunya kita mempunyai arkh filem. Walaupun arkh itu tidak dapat berdiri dengan sendirinya, buat sementara bolehlah dijadikan satu cabang dari Muzium Negara ataupun Arkib Negara. Seelok-eloknya ditempatkan sama ada di Filem Negara ataupun FINAS bagi rancangan mendirikan bangunan untuk Pusat Pembelajaran Filem di dalam kawasan Studio Merdeka Hulu Kelang.

**D**I NEGERA-NEGERA maju muzium ataupun arkh filem ini, kalau tidak diusahakan oleh pemerintah atau pengusaha filem, ada jutawan ataupun yayasan tertentu dengan caranya sendiri mengadakan simpanan khusus tentang jenis filem-filem tertentu sahaja.

Indonesia mahupun Manila sedikit demi sedikit dapat mengumpul filem berhubung tentang negara mereka. Menyimpan filem yang diterbitkan sejak tahun dua puluhan waktu pembikinan filem dimulai di negara mereka harus menjadi contoh supaya kita dapat berbuat demikian. Filem-filem yang ada sekarang sudahkah difikirkan cara cara mendapat salinannya sebagai bahan simpanan? Saya difahamkan amat sukar untuk mendapatkan filem-filem arahan ataupun lakonan P. Ramlee sebagai sim-

panan dan rujukan di Pustaka Peringatan P. Ramlee. Hal ini berlaku bukannya kerana filem sudah tidak ada, tetapi kerana pihak tertentu tidak sanggup untuk bekerjasaama menjayakan hasrat itu.

Kalau demikianlah sikap yang ada, bagaimana pula dengan filem-filem yang lain? Kemungkinan filem terbitan sebelum perang sudah tidak ada salinannya. Entah apakah kedudukan filem-filem masa Jepun, dan filem terbitan sejak tahun 1945 selepas Jepun menyerah diri. Apa khabarnya dengan filem *Seruan Merdeka*, *Kampung Sentosa*, *The Kelantan Story* dan filem-filem lain terbitan syarikat Nusantara, Keris, Rimau, Cathay Keris, MFP, Merdeka, Maria, H.M. Shah, GAFIM, AHMAD MAHMUD sehingga kepada peringat syarikat bumiputera dan tempatan sejak tahun 1974, apabila timbul satu kebangkitan baru terhadap minat menerbitkan filem-filem tempatan.

Terdapat pihak yang membuat cetak rompak menggunakan video, malah satu masa dahulu khabarnya filem-filem yang ditunjukkan di sebelah utara atau di pantai timur selalu diseludupkan ke negara Thai dan dibuat salinan "dupe" untuk tayangan penduduk negara itu yang mengerti bahasa Melayu dan berketurunan Melayu. Sedangkan kita yang sepatutnya mempunyai salinan filem dalam bahasa kita dan lakonan orang-orang kita, mendapat kesusahan untuk mengumpulnya bagi bahan koleksi negara.

Sewaktu menulis buku ini, saya berenti buat sementara daripada mengarah filem, walaupun pada suatu ketika saya pernah diminta mengolah semula skrip filem *Mat Salleh Pahlawan Sabah* dan bercadang memfilemkannya waktu saya masih dalam kontrak di Pusat Pengajian Ilmu Kemaranusiaan di USM Pulau Pinang, tetapi oleh kerana beberapa cadangan saya untuk menyempurnakan penggarapan filem itu mengambil masa untuk dipertimbangkan oleh pihak yang menempah, maka meng-



Babak dari "RANJAU SEPANJANG JALAN" (Kay-Sari film)

keram yang diberikan kepada saya terpaksa saya pulangkan semula kerana tidak mahu terikat dengan sebarang bebanan yang mungkin banyak implikasinya.

Di luar pengetahuan saya skrip itu diserahkan kepada syarikat lain (tanpa satu sen pun bayaran untuk usaha saya berhubung pengolahannya) dan saudara Omar Rojik mengarahkannya menurut caranya sendiri dengan menggunakan kemudahan yang disediakan oleh syarikat yang menerbitkan filem itu. Apabila filem itu siap, saya diberitahu bahawa nama saya

digunakan sebagai penulisnya. Saya hubungi syarikat yang mengugaskan Sabah Filem membuat filem itu dan meminta nama saya jangan disebut sebagai penulis skrip kerana penggunaannya tanpa pengetahuan saya dan penggarapannya tidak sebagaimana yang saya mahukan. Di samping itu saya tidak menerima sebarang bayaran daripada penat lelah menyusun skrip itu. Oleh kerana nama itu sudah tercetak dalam tiap-tiap salinan filem itu, jadi tidaklah dapat ditiadakan tanpa merosak filem itu.

Walau bagaimanapun, apabila filem itu

dicalonkan untuk pesta filem nasional, nama saya tidak dimasukkan sebagai penulis skripnya, selaras dengan bantahan yang saya kemukakan itu. Saya tulis laporan ini agar menjadi satu rujukan dan dokumentasi kepada pihak yang ada sekarang dan akan datang, apabila filem itu menjadi bahan kajian, tulisan atau perbincangan.

Selepas dua tahun di USM saya ditawarkan oleh saudara Yusof Majid, suami seniwati Sarimah, mengubahsuai novel Profesor Datuk Haji Shahnon Ahmad untuk dijadikan filem. Pada asalnya saya



Dua gambar dari  
filem "MEKANIK" dan  
"ALI SETAN"

tidak tahu bahawa Syarikat Sarimah Film berkongsi dengan pihak lain untuk menerbitkannya, hanya apabila skrip siap ditulis dan hendak mengadakan panel pengkaji skrip itu, barulah saya sedar perkataan KAY yang bersaing dengan nama Sarimah itu ialah kependekan daripada nama Kamarul Ariffin Yasin.

Penulisan awal skrip itu, hampir kesemua insiden di dalam novel itu saya turunkan mengikut susunan Shahnon tanpa perubahan, hanya kerana memikirkan harus ada bahan "cinta" untuk tarikan filem itu saya timbulkan watak Mat Diah yang dilakonkan oleh M. Jamil anak Sarimah. Watak pemuda desa yang menaruh minat kepada Sanah anak tertua kepada Jeha dan Lahuma. Saya gunakan perkataan "timbulkan" kerana watak Mat Diah bukanlah satu watak yang sengaja diadakan tetapi watak yang memang ada disebut di dalam novel itu hanya peranannya sahaja yang tidak ditimbulkan.

Babak orang kampung menghalau ular mengikut petua orang kampung, Jeha balik dari hospital gila di dalam keadaan masih belum siaman dan kadang-kadang menjerit memanggil Lahuma di tengah-tengah malam juga saya tulis sebagaimana asalnya. Apabila skrip itu saya hantar kepada "Cikgu" Shahnon dia menyetujui tanpa sebarang perubahan kecuali beberapa istilah dan ejaan sahaja.

Kemudian apabila skrip itu dibawa ke dalam perbincangan Panel Penyemak Skrip Kay Sarimah Film, barulah beberapa babak yang difikirkan panjang dan tidak perlu, dipendek, dipinda atau ditadakan. Seperti babak menghalau ular, ditadakan. Babak Jeha balik dari rumah sakit, kalau asalnya menunjukkan dia masih belum siaman, tetapi dalam filem ini dibayangkan dia sudah siaman, kerana tiga sebab. Pertama, untuk membayangkan masa depan yang cerah sebagai satu simbol pemulihan; kedua, satu saranan bahawa ada baiknya menggunakan perubatan moden; ketiga, kalau Jeha tidak baik, masakan pihak rumah sakit akan melepaskan dia balik

dengan begitu sahaja.

Pada tahun 1983 dan 1984 kegiatan berproduksi memang segar, hingga pesta filem nasional yang diadakan oleh FINAS walaupun secara sangat sederhana dapat menonjolkan beberapa buah filem. Secara kebetulan filem *Ranrau Sepanjang Jalan* dapat menggondol beberapa anugerah, termasuk anugerah lakon layar terbaik untuk saya. Filem terbaik digondol oleh filem ini dan penerbitnya dengan rela hati mendermakan wang anugerah yang berjumlah \$20 000 sebagai sumbangan awal untuk menubuhkan satu yayasan, institusi atau sebagainya untuk kemajuan karyawan dan industri perfileman negara.

Menjelang tahun 1985 - 1986 ini keghairahan berproduksi sangat berkurangan. Hasil jualan tiket di pawagam turut berkurangan. Filem yang bercorak drama berat tidak berapa laku, kegiatan cetak rompak video pula semakin berleluasa hinggakkan filem yang baru ditayangkan dalam masa seminggu, salinan videonya sudah disewakan di kawasan-kawasan tertentu. Malah di Singapura iklan tentang filem-filem Malaysia yang telah divideokan dengan terang-terang disiarkan dalam akhbar.

Sementara itu filem yang bercorak remaja yang bersifat hiburan ringan dan disulam dengan babak-babak lucu menjadi kegemaran muda-mudi. Sambutan akan lebih meriah sekiranya filem itu dibintangi oleh penyanyi pujaan ramai seperti Jamal Abdillah, Fauziah Ahmad Daud dan Aznil Mustaffa. Ini dibuktikan oleh filem *Azura*, *Mekanik*, *Ali Setan*, *Jejaka Perasan* dan *Suara Kekasih*.

Satu hal yang menonjol dalam filem-filem ini ialah percubaan pencerita dan pengarah untuk menonjolkan kegiatan anak muda zaman ini, tetapi sayangnya perkara-perkara yang ditonjolkan itu berulang-ulang kali berlaku di atas beberapa perkara yang tertentu, misalnya:-

- a. Menunjukkan anak-anak muda suka mempunyai kumpulan-kumpulan atau



AZNIL MUSTAFFA



JAMAL ABDILLAH



TAN SRI DATUK ABDUL SAMAD IDRIS



HAJI ISMAIL ZAIN



HAJI ZAIN HAMZAH

geng, yang satu mungkin baik dan di satu pihak lagi jahat.

- b. Mereka suka menggunakan motosikal untuk pergi ke sana ke mari atau berlumba-lumba.
- c. Kalau tidak bermotor, mereka menunggang basikal di jalan-jalan raya dan di tempat-tempat lain dengan gaya yang agak membahayakan.
- d. Mereka menggunakan kesempatan menari "break dance".
- e. Mereka mengacau wanita.

Nyata sekali ini adalah gejala pengaruh film-film Barat. Setengah-setengah pihak berpendapat sifat-sifat ini adalah sifat negatif yang tidak baik diikuti dan dimanifestasikan di dalam film tempatan secara berlebihan dan terlalu kerap. Di samping itu akibat-akibat buruk daripada kegemaran-kegemaran serupa ini tidak pula ditunjukkan.

Saya pernah mendengar rungutan setengah-setengah pihak, mengapa pihak yang bertanggungjawab membiarkan film seperti ini dibenarkan di tonton di layar perak ataupun di kaca televisyen kita. Tidakkah sebelum sesebuah cerita film itu dijadikan film harus ceritanya disemak? Ini mungkin susah kerana kadang-kadang ada perkara yang tidak tertulis dalam skrip boleh digambarkan kemudian.

Kemerosotan suasana filem ini bukan sahaja dirasai oleh penerbit-penerbit film tetapi menular kepada tuan punya pawagam. Akibatnya ramai tuan punya tersebut menutup pawagam ataupun mengubah bangunannya dan mencubai bidang perniagaan yang lain.

Kira-kira sepuluh tahun dahulu bilangan pawagam di tanahair lebih daripada 716 buah dan pawagam yang digunakan untuk pameran film tempatan adalah lebih dari 40 buah. Namun hingga ke masa yang akhir-akhir ini bilangan pawagam hanya tinggal lebih kurang 179 dan yang menaungkan film tempatan hanya tinggal lebih kurang 25 buah sahaja.

Kemerosotan film dan penutupan pawagam menyebabkan 7472 orang hilang kerja dan dalam jangka waktu sepuluh tahun kerajaan rugi hasil cukai hampir \$50 juta. Tetapi di sebaliknya kegemaran menonton video telah merebak. Dianggarkan lebih daripada 3 000 pusat

pengedar video di seluruh negara dan yang berdaftar hanya 2 146. Hasil sewaan video yang sebahagian besarnya diperolehi daripada kaum Cina yang menonton karya dari Hong Kong dan Taiwan berjumlah tidak kurang dari \$410 juta setahun.

Bagi pengusaha film, FINASlah tempat mereka mengharapkan sesuatu. Ada pihak yang dahulunya berusaha menggoncang kerajaan agar berbuat sesuatu untuk industri filemfilem Malaysia dan akhirnya tertubuhlah FINAS, kini mereka merasakan FINAS tidak bergerak cergas. FINAS banyak menggaji tenaga pekerja, tetapi tidak memberi simpati yang cukup terhadap penerbit film. Kadang-kadang orang ini hanya senang bercakap di luar, mengugut dan mengeruhkan suasana dengan sikap marah dan sentimen, tetapi tidak menunjukkan muka dan menyampaikan segala kesulitan dan rungutan dengan berterus terang apabila diadakan perjumpaan dengan pihak FINAS. Malah ada pihak yang pernah menuduh FINAS hanya memanggil dan menerima fikiran daripada orang yang tidak mengerti tentang film secara praktik, hanya tahu bercakap fasal film melalui teori atau perbandingan dengan keadaan di luar negeri. Mereka menganggu FINAS terpengaruh dengan kedudukan orang-orang ini sebagai ahli akademik atau keariannya dalam bidang seni atau budaya melalui teater ataupun oleh kedudukannya dan pangkatnya yang tinggi di sesuatu jabatan.

Kalau adapun kebenaran dalam perkara ini, FINAS berbuat demikian tentulah dengan niat mengumpulkan segala pendapat, sedangkan pendapat daripada orang yang "tahu" dan yang "berkecimpung" di dalam filem sangat payah diperolehi kerana masing-masing asyik bersungut dari jauh sahaja!

Dahulu ketua pengarah FINAS ialah Encik Ismail Zain (al-haj) tetapi sekarang setelah habis tempoh perkhidmatannya, tempat beliau diganti pula oleh Encik Zain Haji Hamzah, seorang tokoh muda, yang banyak berkecimpung di dalam bidang mass media, sejak dari bekerja sebagai pegawai di Radio Singapura, pindah ke Malaysia dan banyak pula sumbangannya terhadap penerbitan filem dan televisyen di negara ini.

Bukan sahaja perubahan dari segi pimpinan, tetapi sejak 16 Oktober 1986

FINAS yang dahulunya terletak di bawah Kementerian Perusahaan dan Perdagangan Malaysia sudah berubah pula kedudukannya di bawah Kementerian Penerangan Malaysia. Secara kebetulan, waktu lahirnya FINAS di bawah Kementerian Perusahaan dan Perdagangan yang menjadi menteri ketika itu ialah Tengku Ahmad Rithauddin dan kini apabila berpindah ke Kementerian Penerangan, Tengku Ahmad Rithauddin juga menjadi menterinya.

**D**ALAM usaha untuk memperdekatkan massa dengan pergerakan FINAS dan perkembangan filem, FINAS menerbitkan buletin yang dikeluarkan secara berkala. Di samping itu dengan kerjasama RTM diadakan pula Majalah Hiburan Filem, satu acara sepanjang 40-45 minit di televisyen Malaysia yang mengisikan berbagai-bagai hal, seperti temuramah dengan orang filem, dengan orang ramai, berita filem yang sedang dalam produksi dan trailer filem yang bakal ditunjukkan di pawagam tempatan.

Ada pihak yang menyangka FINAS boleh membuat undang-undang untuk menolonong industri film tempatan, walhal sangkaan ini salah, kerana FINAS hanya melaksanakan undang-undang yang diluluskan oleh parlimen dan kabinet. Misalnya tentang hasrat meminta kembali wang cukai hiburan sebanyak 25% yang dipotong daripada harga jualan tiket. Wang ini sebenarnya adalah hasil tiap-tiap negeri dan tidak termasuk dalam hasil kerajaan persekutuan, dari itu persetujuan majlis mesyuarat kerajaan tiap-tiap negeri pula harus dipinta untuk melaksanakan hal ini, dan tugas ini bukanlah mudah dengan merayu sekali dua. Walau bagaimanapun menurut laporan yang terakhir, permintaan ini sudah dikabulkan, apabila sampai tarikh yang ditentukan akan terputus kembalilah wang cukai hiburan filem-filem nasional untuk mengisil semula tabung penerbitan tempatan.



Empat babak cerita  
purba keluaran Studio  
Merdeka Hulu Kelang.  
Dapatkan dikenal  
pelawak R. JAAFAR  
yang duduk di tengah  
gambar kiri atas?







Malam perdana filem "PERMINTAAN TERAKHIR" dihadiri oleh DATIN SUHAILA isteri DATUK HUSSEIN ONN dan di bawah SHIGIM dan OGY AHMAD DAUD dalam filem yang sama.



MARIATI dan ED  
OSMERA dalam filem  
hitam putih keluaran  
Studio Merdeka, dan  
filem warna keluaran  
studio yang sama  
"SAYANG ANAKKU  
SAYANG".



Begitu juga dengan hasrat supaya filem kita mendapat pasaran di Indonesia. Sudah berkali-kali diadakan sidang di peringkat pemerintah dan wakil-wakil filem, di dalam acara pesta filem atau sidang ASEAN, malah sudah dipersetujui pada tahun 1982 tentang kemudahan memasukkan filem Malaysia ke Indonesia, sedangkan amalan pasaran bebas negara ini memang sentiasa membenarkan filem-filem Indonesia dibawa masuk ke sini.

Persetujuan asal telah tergendala di tengah jalan, terus diadakan lagi rundingan, yang kusut diselesaikan yang berat cuba diringkankan. Pada tahun 1985 tercapai lagi satu persetujuan kemudahan membawa masuk filem Malaysia ke Indonesia. Syarikat Peredaran Film Indonesia atau P.T. Perfin menubuhkan satu cabang yang digelar P.T. Perfin Malindo dengan restu pemerintah. Melalui badan ini segala filem Malaysia yang dibawa masuk ke Indonesia akan diberi status filem nasional, yang bererti akan terlepas daripada cukai import, dan dapat taraf wajib tayang sekurang-kurangnya dua hari sebulan dalam tiap-tiap pawagam di negara itu. Jakarta ada 172 teater dan di seluruh negara terdapat 1 600 teater.

Terserahlah kepada penerbit-penerbit filem Malaysia untuk menarik minat Perfin-Malindo untuk mengedarkan filemnya dengan cara janji yang mereka persetujui bersama, dan tiap-tiap perundingan itu haruslah melalui FINAS, supaya FINAS dapat ikut serta dalam meneliti sebarang perkembangan.

Untuk melancarkan persetujuan ini dan memperkenalkan semula filem Malaysia kepada orang Indonesia, terutama di Jakarta sebagai ibu negara dan tempat konsentrasi penduduk dan pawagam yang terbanyak, diadakanlah Pekan Filem Malaysia di Taman Ismail Marzuki (TIM) Jakarta pada tanggal 7 hingga 14 Mac 1986. Sehubungan dengan itu dihantarlah filem *Jasmin, Abang, Matinya Seorang Patriot, Hapuslah Air Matamu dan Pendekar Bujang Lapok*.

Mengiringkan filem ini dihantarlah beberapa orang "tokoh" untuk berwawancara dengan peminat filem di sana. Tokoh-tokoh itu ialah Doktor Firdaus Abdullah dari

Universiti Malaya, Encik Samad Said Sasterawan Negara, Profesor Mustaffa Kamil Yassin, Ahli Lembaga Pengarah FINAS, Jins Shamsuddin dan saya. Selain daripada kami ada beberapa orang pemerhati, termasuklah Tan Sri Kamarul Arifin, Noraini Jane Ariffin dan Rosnani.

identiti kemalayaannya. Ada pula yang tidak senang dengan bahasa filemnya. Pengertian tentang bahasa filem ini terbahagi dua, satu ialah bahasa pertuturan atau loghat yang kita gunakan, kebanyakan-ganjil pada pendengaran orang-orang di Jakarta ataupun kepulauan Jawa, apatah lagi kalau bahasa itu dicampuradukkan dengan perkataan dan istilah Inggeris. Ada istilah yang kita gunakan berbeza pengertiannya bagi orang di sana.

Bahasa filem yang kedua ialah soal teknik, soal-soal simbol dan cara kita membuat interpretasi (penterjemahan) sesuatu idea di dalam sesuatu filem. Ada yang mengatakan memang nyata ada pihak kita yang sudah boleh mempertingkatkan teknik dan bahasa filem kita, tetapi ada pula yang mengkritik bahawa banyak cara pendekatan kita yang merosakkan persembahan sesuatu filem kerana penggarapannya dibuat tanpa ataupun dengan kurang rasa tanggungjawab. Walau bagaimanapun, filem P. Ramelee masih tetap menjadi kegemaran ramai.

Serentak dengan Pekan Filem Malaysia itu, filem *Dia Ibu* terbitan Sarimah Film Production arahan Yassin Salleh yang pernah memenangi beberapa anugerah di PFM-3 dahulu, telah dilancarkan di Kota Jakarta. Khabarnya sambutanannya tidaklah sebagaimana yang diharapkan, kerana belanja pelancaran dan publisitinya sahaja sudah besar, jadi untuk mengharapakan keuntungan kembali dalam waktu yang singkat masih lagi diragui. Sebagaimana yang diketahui Indonesia mempunyai kawasan yang luas, penduduknya ramai dan satu-satu filem itu memakan masa hampir dua tahun untuk dapat gelaran sudah teredar ke seluruh negara.

Namun begitu, ukuran sesuatu filem yang ditayangkan di Jakarta ialah sama ada sesuatu filem boleh menjadi sasaran box-office yang hebat ataupun tidak. Sebaliknya kita difahamkan bahawa filem-filem Malaysia mempunyai harapan mendapat sambutan lebih baik di kepulauan Sumatera berbanding dengan tayangannya di kepulauan Jawa, kerana sebahagian besar penduduk di Sumatera mempunyai bahasa dan

**S**AMBUTAN yang diterima nampaknya memuaskan, memandangkan bahawa tempat duduk di Teater Arena tempat menayangkan filem-filem itu hanya memuatkan lebih kurang 500 orang sahaja. Bayaran masuknya murah, para penontonnya kebanyakan terdiri daripada orang profesional, peminat dan pelajar seni fileman dan termasuk juga orang-orang dari media yang menerbitkan berita filem.

Setelah selesai tiap-tiap tayangan terakhir bagi sesuatu malam, diadakanlah majlis diskusi, dan kami menjadi ahli panel menjawab pertanyaan daripada penonton yang bertanya tentang filem yang baru ditayangkan itu khususnya dan tentang produksi filem di Malaysia umumnya. Selalunya yang menjadi pengerusi majlis ialah sutradara Teguh Karya.

Seperkara yang timbul berulang-ulang kali di dalam perbincangan itu ialah filem Malaysia sekarang lebih kurang saja dengan filem-filem buatan Indonesia, hanya kebanyakan filem-filem itu kurang mempunyai

tradisi yang sama dengan kita di Malaysia.


Hasil penayangan filem di Indonesia biasanya dibahagi tiga sama rata,  $\frac{1}{3}$  pemerintah,  $\frac{1}{3}$  penayang dan  $\frac{1}{3}$  penerbit (pemunya). Menurut satu senarai PT Perfin, yang mengedarkan filem *Dia Ibu*, bahagian pemunya untuk filem itu setelah ditayangkan selama 61 hari di 34 pawagam ialah sebanyak R 7.85 juta yang dianggarkan tukaran wang Malaysianya \$131 000. Satu angka yang kita harap akan lebih meningkat lagi, kerana dikhawatirkan akan mendatangkan risiko bagi filem Malaysia yang lain yang bakal ditayangkan di sana. Kalau hasil yang ini kurang memuaskan, ada kemungkinan pihak di sana berasa sangsi untuk membawa masuk filem kita kerana takut rugi. Walau bagaimanapun sewaktu menulis ini, filem *Jasmin* sedang dirancang akan ditayangkan di Jakarta. Ada juga pihak yang merakamkan filem seperti *Mekanik* dan *Ali Setan* ada harapan laris di sana kerana sifatnya sebagai filem hiburan ringan.

Menembusi pasaran Indonesia, dan pasaran negara lain seperti Singapura dan Brunei memang menjadi hasrat semua penerbit agar lebih terjamin hasil penayangan filem, selain daripada memperkenalkan filem dan negara kita di kalangan peminat antarabangsa. Salah seorang penerbit yang berusaha dalam hal ini ialah Tan Sri Kamarul Ariffin dari KAY Film. Beliau menggunakan hubungan baiknya dengan pihak-pihak tertentu di beberapa negara luar untuk memperkenalkan filemnya. Filem *Ranjau Sepanjang Jalan* dan *Jasmin* telah ditayangkan bukan saja di pesta-pesta filem di Eropah, di Amerika Syarikat dan Kanada, tetapi juga kepada kumpulan-kumpulan penuntut, pengedar dan peminat-peminat filem. *Ranjau Sepanjang Jalan* telah pun dibeli dan ditayangkan di televisyen Australia, dan rundingan tentang filem *Jasmin* sedang berjalan untuk dijual ke luar negeri. Sementara filem *Jasmin II*, berjaya menggondol hadiah suntingan filem terbaik di Pesta Filem Asia-Pasifik 1986 di Seoul.

Halikikat untuk mengharapakan pasaran luar negara bukan saja setakat pengedaran



DR. FIRDAUS ABDULLAH



A. SAMAD SAID

dan jualan langsung, tetapi dengan membuat usahasama dengan penerbit-penerbit luar negeri. Ada beberapa percubaan dibuat, terutama dengan Indonesia, Filipina dan negeri Thai.

Usahasama dengan Filipina telah diterokai oleh Syarikat Yusari Sarimah, dengan filem yang berjudul *Malaysia 5* dan Syed Kechik Film Productions mencuba juga dengan sebuah filem berjudul *Crackers*. Tidak diketahui hasil sebenar kedua-dua filem ini. Anang Enterprise mencuba dengan penerbit negara Thai membuat *Vendetta* atau *Dendam Membara*, khabarnya meleset juga. Ada beberapa usaha dibuat dengan Indonesia. Merdeka Film kepunyaan Syarikat Shaw berkongsi dengan Tuty Mutia Film dari Indonesia membuat *Loceng Maut* dan *Semalam Di Malaysia*. Walaupun filem pertama mendapat sambutan baik di Malaysia, mungkin ada sesuatu sebab, usahasama ini tidak diteruskan. Akhir-akhir ini Syarikat Aniko dari Malaysia dan P.T. Garuda dari Indonesia membuat *Gadis Hitam Putih*, dan nampaknya sambutan adalah baik, kerana filem itu bercorak muda-mudi dan para artisnya terdiri daripada bintang-bintang sara ramai di Malaysia dan Indonesia.

Usaha mencari pasaran dua negara diteruskan dengan tukar-menukar artis atau karyawan. Misalnya untuk filem *Potret Maria* didatangkan Dicky Zulkarnain, untuk *Hapuslah Air Matamu* diundang pula Broery Marantika @ Pasulima @ Abdullah, untuk *Pendekar* dijemput Farouk Afero, *Panglima Badul* menggunakan Benyamin antara lainnya. Indonesia juga mengambil artis kita seperti Sarimah dalam *Tiada Waktu Bicara*, Noor Azizah untuk *Malam Kundang*, Azmil Mustaffa, Fauziah Ahmad Daud, Rosnah Mohd Noor dan Maria Arshad dalam *Gadis Hitam Putih* dan beberapa lagi. Yang terakhir pula Amircom membuat filem *Suara Kekasih* dengan menggunakan ibu Ida Farida sebagai pengarahnya.

Usaha kerjasama ini walaupun pernah dialu-alukan dan diharap-harapkan, tetapi mungkin ada gejala-gejala yang menjadi penghalang dan merosalkan semangat

"POTRET MARIA"



"LOCENG MAUT"



"MALIM KUNDANG"



"VENDETA"








Dari film "GADIS  
HITAM PUTIH" dan  
"MATINYA  
SEORANG  
PATRIOT"





Dari film  
"JASMIN" keluaran  
Kay Film.






MATINYA SEORANG PATRIOT (Zha Film)

dan cita-cita yang berpanjangan. Khabarnya kerana unsur-unsur gabungan artis dan modal dua negara ini, filem *Gadis Hitam Putih* tidak diterima untuk pesta filem di Indonesia. Nasib yang sama diterima oleh filem ini sebelum dicalonkan ke Pesta Filem Malaysia Keenam, kerana salah satu syarat di dalam penerimaan filem yang akan dipertandingkan dalam pesta itu berbunyi:-

HANYA FILEM FILEM YANG DITERBITKAN DI MALAYSIA OLEH PENERBIT PENERBIT YANG BERWARGANEGARA MALAYSIA DAN SYARIKAT SYARIKAT MEREKA YANG DIPERBADANKAN DI MALAYSIA SAHAJA DAN YANG MENGGUNAKAN SELURUH TENAGA KARYAWANNYA DARI RAKYAT MALAYSIA YANG BOLEH DIPERTANDINGKAN SESUAI DENGAN SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN PFM6.

Mungkin syarat-syarat ini diadakan oleh PPFM dan GAFIM kerana mahu menekankan identiti Malaysia di dalam tiap-tiap filem nasional dan untuk menggalakan penerbit-penerbit kita menggunakan artis dan karyawan Malaysia. Satu cita-cita yang baik. Walau bagaimanapun saya fikir untuk masa hadapan harus diperhatikan dan dipertimbangkan juga ciri-ciri kerjasama antara syarikat dan antara negara-negara ini, supaya usaha yang sedemikian mendapat perhatian dan pertimbangan dan seterusnya mendapat ganjaran kalau nyata mempunyai potensi dalam bidang-bidang tertentu untuk menerima anugerah. Apa salahnya kalau dibuat anugerah khusus bagi usaha seperti ini sebagai daya penggalakan, kerjasama dan usahasama, sedangkan Academy Awards juga memberi hadiah kepada filem dan pelakon asing sebagai penghargaan ke atas kreativiti dan keunggulannya dalam bidang-bidang tertentu.

Kegiatan memajukan filem dan kepercayaan untuk terus menerbitkan filem dihidupkan dengan terdinya dua makmal



EMAN MANAN

warna. Satu kepunyaan swasta iaitu Makmal Warna Gaya di Shah Alam Selangor, dan Makmal Warna P. Ramlee di Filem Negara Malaysia Petaling Jaya. Pemerintah juga memberi nafas baru kepada penerbit-penerbit filem dengan mengadakan skim Drama Swasta untuk tayangan di televisyen Malaysia.

Skim ini nampaknya memang menggalakkan. Pihak yang tidak pernah membuat filem pun banyak muncul. Sebenarnya membuat filem yang panjangnya hanya 50 minit kerja dan belanjanya hampir-hampir sama dengan membuat filem cereka untuk tayangan pawagam, tetapi kerana RTM membayar satu-satu episod dengan harga antara \$40 000 hingga \$65 000, maka bayaran untuk artis dan para petugas pun terpaksa diturunkan serendah mungkin, tetapi tidaklah kurang daripada apa yang biasa dibayar oleh RTM. Penerbit-penerbit ini juga menggunakan filem warna bidang 16mm untuk menjimatkan belanja membuat filem.


Kalau seseorang penerbit hanya membuat satu atau dua episod saja, agak susahlah untuk mendapatkan keuntungan, tetapi kalau dia mendapat kontrak untuk membuat enam episod atau lebih, nisbah keuntungannya bolehlah dikatakan lumayan juga.

Ramai penerbit yang sengaja memanjangkan cerita kerana merebutkan peluang membuat beberapa episod. Misalnya kalau sesuatu kisah itu boleh selesai dengan eloknya dalam masa penceritaan dua episod, tetapi kerana inginkan bayaran lebih, maka cerita itu ditarik seberapa boleh hingga sampai lima atau enam episod. Cara memanjangkan jalan cerita ialah dengan mengulang-ulangkan perbualan, mengulang-ulangkan kejadian, membayangkan atau memanjangkan shot satu-satu babak dan berbagai-bagai cara lagi. Sikap memanjangkan cerita yang memakan masa satu jam menjadi tiga jam, maka hasilnya cerita itu longgar dan kadang-kadang membosankan.

Pendeknya bermacam-macamlah iktiar digunakan orang untuk mendapatkan peluang menerbitkan drama swasta ini. Pada mulanya sesuatu permohonan atau



MAKMAL WARNA  
P. RAMLEE  
di FILEM NEGARA



surat niat haruslah disertakan dengan skrip yang penuh, anggaran belanjawan, barisan pelakon, lokasi dan peralatan sekali, tetapi pada satu ketika yang lain diumumkan pula skrip penuh tidak payah, hanya ringkasan cerita memadai, tetapi keputusan itu diubah lagi, dan syarat-syarat seperti yang awal diperlukan semula.

Ada rungutan mengatakan mutu drama swasta tidak baik kalau dibandingkan dengan drama terbitan RTM yang dibuat oleh penerbit atau pengarah dari kakitangan RTM sendiri. Satu sebabnya ialah kerana perkara melonggarkan struktur cerita dengan terlampau banyak sisipan yang tidak perlu, tambahan pula pendekatan cara bekerja bagi petugas dan artis swasta berbeza dengan cara kerja kakitangan RTM.

Cerita-cerita yang diluluskan juga selalunya kalau dibaca pada skrip, mungkin ada orang menganggapnya baik, kerana imajinasinya membayangkan sesuatu konsep tertentu, tetapi konsep itu tidak timbul apabila skrip tadi dijadikan filem oleh seorang yang lain, kerana setiap orang mempunyai cara pendekatan dan penterjemahannya yang tersendiri terhadap sesuatu isu ataupun idea cerita.

Pada akhir-akhir ini telah muncul beberapa penerbit dan pengarah wanita, selain daripada nama-nama yang telah disebut di dalam bahagian yang lalu, tokoh-tokoh filem seperti Rosnani Jamil telah menubuhkan syarikatnya sendiri, malah telah menjadi pengarah drama untuk televisyen dan dua cereka, iaitu *Mawar Merah* dan *Antara Dua Hati*. Filemnya *Mawar Merah* telah memenangi beberapa anugerah dalam Pesta Filem Malaysia ke-7 di Melaka, dan *Antara Dua Hati* memenangi hadiah juri di Pesta Filem Asia-Pasifik ke-33 di Phuket Thailand pada tahun 1988.

Julie Dahlan, menerbitkan cereka, *Wira Angkasa* dan beberapa drama televisyen. Fauziah Ahmad Daud juga sudah jadi penerbit, diikuti oleh Syarifah Aminah, Habsah Hassan, dan khabarnya bilangan ini akan bertambah lagi.

Dari Pesta filem yang terakhir di tahun 1987 itu, hingga ini ada beberapa filem cereka yang telah diterbitkan dan mungkin layak menyertai Pesta Filem Malaysia jika diadakan kelak pada penghujung tahun 1989 ini. Di antara filem-filem yang diterbitkan itu ialah:

*Anak Sarawak, Dendang Remaja, Kembar Siam, Mat Gelap, Guru Badul, Antara Dua Hati, Ujang, Perempuan, Yasin, Ragam Pemandu, Sayang Ibu, Pak Tam Duda, Hero, Oh Fatimah, Tak Kesahlah Beb, Pelumba Malam, Kolej 56, Sumpahan Mahsuri dan Hati Bukan Kristal*. Saya sendiri mengarahkan filem yang berjudul *Sepi Itu Indah*.

Minat membuat filem di Malaysia telah menarik beberapa orang penerbit dari Indonesia untuk mengadakan usaha sama dengan syarikat-syarikat di sini, maka dengan itu lahirlah filem-filem yang bertajuk *Rahsia Rumah Tua, Irsan-Irsan Hati, Tabung Uji dan Api Cemburu*.

Untuk memperkenalkan Malaysia dan mengajak orang-orang filem luar negeri menggunakan Malaysia sebagai lokasi, beberapa daya galakan telah diberi oleh pihak kerajaan dan swasta termasuklah Sistem Penerbangan Malaysia (MAS), dan sehubungan dengan itu filem-filem seperti *Bat 21, Farewell To The King* dan *Keys To Freedom* telah dibuat di Sabah, Sarawak dan Pulau Pinang.

**S**ESUATU yang tidak dapat dinafikan, televisyen mempunyai selera yang sangat rakus dan memerlukan puluhan acara dalam satu hari untuk memenuhi tanggungjawabnya. Sebuah negara yang berdaulat dan berwibawa tentulah ingin menyiarkan sendiri daripada membeli dan menyiarkan karya asing, terutama karya Barat yang

Mustajiba Noor dan  
Raja Ema dalam  
filem "MAWAR  
MERAH" arahan  
Rosnani Jamil








Raja Ema dan Sabree dalam film "ANTARA DUA HATI" dan satu adegan dalam film ANAK SARAWAK.







EBBY SAIFUL,  
YUSOF WAHAB,  
HALIM SABIR dan  
NORLIDA AHMAD  
(Connie) dalam  
filem "SUMPAHAN  
MAHSURI"







EMAN MANAN  
dalam film  
YASSIN dan MALEK  
NOIR dalam film  
LIANG



Suatu adegan  
dalam film  
IRISAN IRISAN  
HATI





BADUL dalam  
GURU BADUL dan  
A. Rahim Muda  
(muda) dalam  
HERO





membawa unsur-unsur budayanya dan ciri-ciri hidup yang tidak harusnya menjadi ikutan rakyat negara ini. Dari itu saya sarankan, sama ada dengan pimpinan ataupun desakan, penerbit-penerbit filem ataupun video tempatan, digalakkan mengisytiharkan acara-acara ini, dari satu tahap ke satu tahap. Kelemahan tadi hendaklah dikawal dan mereka dipandu ke arah membuat program yang berprestasi demi kepentingan mengisytiharkan saluran media yang bukan saja menjadi wadah menyiarkan hiburan tetapi unsur penerangan dan pengetahuan rakyat negara ini dan pemerhati-pemerhati asing.

Sikap penerbit yang mementingkan keindividuannya hendaklah dibatasi atau dibendung. Ada baiknya beberapa penerbit mengumpul modal, bersama-sama membuat filem yang bukan saja bermutu tinggi tetapi menarik minat. Dengan cara berkongsi, modal yang dikeluarkan tidaklah begitu besar dan risikonya akan ditanggung bersama, dan kerana itu juga, tentulah pengawasan cara penerbitan dan pemasaran akan dipandang penting. Sikap bersendirian mestilah dikikis, supaya tidak ada pihak yang memilih pelakon, cerita atau karyawan dengan cara sembarangan dan kerana kepentingan peribadinya melalui sikap bekerjasama, sadar diri, dan sedar pada matlamat, saya harap hasil filem cereka atau filem swasta, akan bertambah baik dari segala aspeknya.

✓ Dapatkah kita ramalkan bagaimana keadaan industri perfileman kita masa hadapan? Wallahuaklam, Allah sahaja yang Maha Mengetahui. Perkara ini tidaklah boleh ditinggalkan kepada takdir dan berharap-harap sahaja. Setiap pihak harus sama-sama berusaha untuk mengekalkan dan meneguhkan bidang media ini. Istilah industri itu sendiri akan diragui sekiranya kita hanya dapat menerbitkan tiga atau empat judul filem setahun. Memang benar industri perfileman itu tidak hanya tergantung kepada penerbitan cereka saja, tetapi meliputi urusan membeli, memasukkan filem, mengeksportnya, mengedarnya dan menayangkannya. Tidak pula dibataskan

padahal yang disebut itu saja, kerana kita harus ingat tentang membuat filem dokumentari dan filem iklan. Dan sudah wajar pula istilah industri filem itu diperluaskan agar perusahaan video turut diiktiraf.

Apalah guna FINAS menubuhkan Pusat Bengkel Perfileman yang mungkin menjadi sebuah institusi atau akademi sinematografi. Apalah guna beberapa pengajian tinggi kini mengadakan kursus dan fakulti berhubung dengan pembelajaran filem dan media massa, kalau tidak ada tempat menyalurkan para pelajar dan para graduan itu nanti? Kita percaya masih ada hari esok untuk media ini, untuk artis, untuk karyawan yang berminat dalam bidang ini. Yang penting ialah kesedaran dan keinginan mahu mencari perubahan dan mengikut arus evolusi zaman dan keadaan sekitar. Saya suka mengambil pesanan Pak Rosihan Anwar, seorang tokoh Dewan Harian Film Nasional Indonesia, apabila beliau memberi ceramah di Yayasan Citra Pusat Perfileman Usmar Ismail pada bulan April 1986 yang lalu, apa yang disarankannya untuk insan filem Indonesia, boleh juga dijadikan panduan untuk kita di sini, kata beliau:-

"Jika keinginan pada kita semua hendak membina budaya filem-filem Indonesia (untuk kita ialah filem Malaysia) kita lakukan dalam kerangka (struktur) satu pencarian total terhadap: (1) martabat atau *dignity*, (2) tanda pengenalan diri atau identiti, dan (3) tujuan ataupun *purpose* ...."

Nampaknya di Indonesia sendiri mereka masih tercari-cari, walau ada di antara kita di sini yang sudah memberi apresiasi yang tinggi tentang karya dan karyawan filem di sana. Serupa dengan mereka, kita harus ada tujuan, ke mana arah filem Malaysia?

Menyedari hakikat kita harus merombak dan mengubah beberapa kebiasaan ataupun kerangka dalam hal perfileman kita, misalnya ciri-ciri yang berhubung dengan isi dan produksi, mencari pasaran



Dua adegan dalam  
film KEYS TO  
FREEDOM



dan pengalaman serta lain-lain lagi, dan mengingat juga banyak pawagam-pawagam yang ditutup. Oleh itu mungkin perlu mengadakan sistem pawagam yang agak sederhana dan diuruskan oleh seorang berdua saja, tidak seperti yang ada sekarang, ada pawagam yang mempunyai kerusi lebih seribu, jadi apabila pawagamnya tidak penuh orang sangka filem yang ditayangkan tidak menarik, tetapi kalau pawagamnya sederhana, dan harga tiketnya satu jenis saja, dan para petugasnya tidak ramai "overheadnya" tidak tinggi, keadaannya pula selesa, orang akan berasa senang datang ke situ, dan penutuhnya pun cepat. Apabila panggung penuh, orang yang tidak dapat membeli tiket dan pemerhati-pemerhati luar akan berasa bahawa filem yang ditayangkan mungkin baik dan menarik, kerana ramai yang datang menontonnya hingga kehabisan tiket.

**N**AMUN ini hanya satu perbandingan kasar, satu promosi yang belum ditentukan kepastiannya, kerana ukuran filem yang betul-betul baik ialah dari tahap mutu filem itu sendiri, tetapi cara psikologinya memang begitu lazimnya. Orang yang pulang kerana pergi menonton tidak dapat membeli tiket walaupun ceweka tetapi berasa harus ada sesuatu daya tarikan maka filem itu ramai ditonton. Dia terlupa bahawa pawagam mungkin kecil dan lekas penuh.

Mecahkan kedudukan pawagam kepada konsentris jenis penduduk atau penonton juga tidak baik, mungkin dari strategi dagang baik, kerana cara ini akan mengekalkan faham berasingan, dan akan mengekalkan pawagam itu menyalurkan

anasir dan unsur semacam saja, misalnya unsur kebaratan, kehongkongan dan sebagainya. Seelok-eloknya tahap demi tahap semua jenis filem ditayangkan di setiap pawagam, dan untuk masa kini, filem nasional harus ditarafkan sebagai wajib ditayangkan sekurang-kurangnya sekian hari sebulan, sekian judul sebulan, dan bilangan ini harus disesuaikan dengan kemampuan produksi tempatan yang ada. Dengan cara begini, produksi tempatan diharapkan meningkat sedikit demi sedikit hingga pada satu waktu ia dapat menjadi tuan rumah di negaranya sendiri.

Tetapi mungkin pihak penapis filem boleh bertindak lebih tegas, walaupun memang ada rungutan pada satu masa dahulu pihak penapis filem kita bersikap terlalu keras, suka memotong babak-babak yang menjolok mata, atau kata-kata yang menghasut, bacul dan kontroversial sifatnya.

Satu lagi cara yang agak memberi kesan ialah dengan adanya undang-undang Izin Produksi seperti di Indonesia. Sebelas seseorang produser menggarap filemnya, ia terlebih dahulu haruslah mendapat izin daripada jabatan tertentu dan pemohonannya haruslah disertakan tajuk cerita dan skripnya sekali, nama artis dan para karyawannya. Kelulusan produksi itu akan bergantung kepada isi cerita dan kemahiran tiap-tiap artis dan karyawannya, serta kemampuan produser itu sendiri, supaya produksinya itu tidak hanya bergerak separuh jalan.

Kebetulan pula satu daya usaha FINAS yang paling terakhir ialah mengadakan satu bank skrip. Segala penulis yang berpotensi membuat skrip cerita filem bolehlah menghantarkan skripnya kepada FINAS dan FINAS bukan sahaja menelitinya malah memperbaikinya jika skrip itu ada kepekaan untuk dijadikan sebuah filem yang baik. Sebarang produser yang bercadang menerbitkan filem, tetapi masih belum ada cerita,

bolehlah pergi ke Bank Skrip FINAS, meneliti cerita-cerita yang ada, memilih mana yang digemarinya dan seterusnya merundingkan harganya dengan FINAS dan pengarang cerita tersebut.

Melalui bank skrip ini juga kemungkinan cerita-cerita yang dapat dipertanggungjawabkan saja yang terkumpul dan dipilih. Seterusnya dengan adanya bank ini, novel-novel yang berpotensi boleh dijadikan skrip dan ditawarkan kepada penerbit-penerbit di mana saja.

Walaupun persaingan video tetap ada, ingat sahaja apa kata seorang tokoh filem Indonesia lagi, iaitu mendiang Syuman Djaja, katanya "Filem tidak mati kerana televis, teater juga tidak mati kerana lahirmya filem. Filem ada penggemarnya sendiri!" Pokoknya filem kita harus digemari orang untuk menontonnya. Diakui, dalam segala hal, persaingan mesti ada dan mesti berlaku. Dalam konteks ini kita juga tidak melupai, ada di antara kita yang akan berubah dari filem kepada video atau sebaliknya, kerana media ini sama tujuannya hanya berlainan teknikjaya saja.

Jadi apa yang perlu dipertingkatkan ialah cara dan idea sesuatu persembahan itu dimanifestasikan untuk menarik penonton. Perubahan zaman memerlukan kita mengikut dan menyesuaikan sesuatu dengan keadaan semasa. Peganglah ini sebagai satu gagasan, bahawa filem Melayu dan filem Malaysia mesti terus hidup demi kepentingannya sebagai pencerner sesuatu kejadian, sesuatu idea dan sesuatu kehidupan, demi bukan saja sebagai satu wadah hiburan, tetapi sifatnya sebagai bahan dokumentasi dan perakam budaya serta peristiwa sesuatu bangsa dalam sesebuah negara.

Dengan ini, saya akhiri catatan saya ini dengan ungkapan ....



# B I B L I O G R A F I

- Allen, Don. 1979. *The Book of the Cinema*. London: Artiste House
- Anderson dan Ritchie, 1959. *The Japanese Film*. Japan: Tuttle
- Arena Film 1960-63. Singapore: Harnny
- Barnow and Krishnaswamy, 1974. *Indian Film*. New York: Galaxy Book and OUP
- Board of the Film Censors of the Philippines, 1978. Manila
- Berita Film 1962-68. Singapura: Mohamad Salleh
- Berita Minggu 4 Oktober 1981
- Bintang Annual 1957. Singapura
- Buku Cendera Mata Film Negara Malaysia. Kuala Lumpur: Film Negara
- Buku Cendera Mata FPA Ketiga. Hong Kong
- Cowie, Peter, 1975. *80 Years of the Cinema*. Cranbury: Ceram, C.W., 1965. *Archeology of the Cinema*. New York: Harcourt, Brace and World
- Citra Film No.5, 1981. Indonesia: Yapfinas
- Denison, Michael, 1981. *International Film Guide*. London: Tantivy
- Dunia Film, 1951. Johor
- Festival Disember 1975. Jakarta: Dewan Kesenian
- Film Directory of the Philippines, 1978. Manila
- Film Finance Corporation. India
- Film Maker, January 1980
- Hong Kong Cinema Survey 1946-69. Hong Kong: Urban Council
- International Film Guide, 1981. London: Tantivy
- International Dictionary of Film and Film makers, 1985. Vol. 1-3. London: St James Press
- "Kertas Kerja Seminar Jawatankuasa Kemajuan Film Nasional". 1981
- "Kertas Kerja Bengkel Krtikan Film." 1981. Kuala Lumpur: Finas
- Lent, John, 1976. "The Motion Picture in Malaysia: History and Problem". *Asian Profile*, Vol. 4 No. 3
- Laporan Finas, Disember 1981
- Malah Film dan Radio, 1954-55. Singapura: Qalam
- Malah Bintang 1955-60. Singapura: Pustaka Ali
- Mestika Film, 1962-63. Singapura: Ibrahim Ahmad
- Mestika Film, 1962, 1966. Singapura: Ibrahim Ahmad
- Media Directory, 1982. Malaysia
- Michael, Paul, 1969. *The American Movies Reference Book*. New Jersey: Prentice Hall
- Movie Marketing, October 1963
- Ournama, Ogos 1967
- Panduan Penguidi Pesta Filem Asean Ke-27, 1982. Kuala Lumpur: Finas
- Screen Year Book 1956. Coloba (Bombay): Standard Press
- Simmen, Rene. *The World of Puppets*. New York: Thomas Y. Crowel Co
- Salm Said, 1982. *Profil Dunia Film Indonesia*. Jakarta: Grafit
- Siapa dan Siapa dalam Film, 1984. Kuala Lumpur: Finas
- "Simposium Film Melayu Sempena Pesta Filem Melayu ke-3". 1982. Kuala Lumpur: Finas
- The Star (Malaysia), 11 Jun 1981
- Wenden, D.J., 1974. *The Birth of Movies*. New York: E.P. Dutton

A

Abang 273, 298, 314  
 Abdulah Chik 241, 243  
 Abduljalil Essofally 8  
 Abduljalil Hussain 17, 85, 127  
 A. Rahim 60, 84, 88, 168, 192  
 Abdul Razak 78, 84  
 Abdul Wahab 6  
 Abu Nasron 75  
 Ailfah Amin 268  
 Aik4 Marsa 266, 267, 298  
 A Go Go 67, 27  
 Ahmad Bostanram 209  
 Ahmad C 62, 95, 100  
 Ahmad C.B. 14  
 Ahmad Daud 69, 98, 195, 251  
 Ahmad Jaafar 36  
 Ahmad Hamid 62, 84  
 Ahmad Mahamad 74, 75, 82, 84, 85, 88, 94, 170, 172,  
 175, 193, 215, 283  
 Ahmad Nefta 38, 77, 84, 95, 104, 111  
 Ahmad Yatim 291  
 Ani Hayati 84  
 An Mata 84  
 An Mata Dayang 233  
 Anis Kucung 52, 211  
 Aladin 70  
 Alfonso Soliano 283  
 Al Fiq 62, 76, 100  
 Al Rahman 21, 31, 84, 218, 259  
 Al Setan 306, 307, 315  
 Aloha 18, 21  
 Aman Ramli Jaafar 75  
 Anak Bepek 159  
 Anak Buluh Betung 215  
 Anak Buluh Betung 215  
 Anak Dara 233  
 Anaku Sanah 72, 86, 90, 91, 114, 139, 157  
 Anak Pontianak 98  
 Anak Sarauak 324, 327  
 Anu Jasmin 148  
 Anwar Nash 36

Aps Cemburu 324  
 Antara Dua Hati 226, 324  
 Antara Dua Kasut 53, 110  
 Antara Dua Nisan 238  
 Antara Senyum dan Tangis 70  
 Anura 75  
 A. Samad Said 315  
 Ashok Kumar 21  
 A.V. Bapat 35, 75  
 Asah Aziz 29, 297  
 Aswan Indriyani 285  
 Asmat 44, 103  
 Azah Jaafar 40, 48, 60, 74, 76, 84, 90, 92, 116, 167, 172,  
 179, 186, 215, 283  
 Aziz Satar 39, 40, 43, 64, 74, 82, 84, 98, 138, 151, 164,  
 274, 283  
 Azmi 307, 315

B

Babson 11, 59, 72, 84  
 Bakhtiar Affandi 75  
 Badul 278, 279  
 Bakar Ali 147  
 Bakhtiar Affandi 14  
 Bato 75  
 Bat Latiff 51, 72, 88, 167  
 Batu Belah 157, 167, 170, 176  
 Benyamin 315  
 Bertabahga di Singapura 223  
 Bermadu 9  
 Bekasan 59, 63, 194  
 Be Singh 74  
 Bemeka Permata 274  
 B.N. Hoo 74, 78  
 Broey Marantika 315  
 B.S. Rabhan 8, 9, 14, 16, 17, 18, 21, 24, 36, 42, 47, 63  
 Buah Terentang 299  
 Budi dan Dosa 57, 187  
 Busang Lapok 151  
 Buluh Perindu 223

Bunga Fadi Berdahan Lalang 274  
 Buzong Achi 85

C

Captain Blood 6  
 Cemburu 75  
 Cempaka Cempaka 283  
 Chan Chew Tong 35  
 Chang Chung 86, 94  
 Charlie Chaplin 5  
 Chempaka 14, 18  
 Chiong Chew Lat 35  
 Chose Chery Kok 35  
 Cinta 16, 17, 18  
 Cinta Abadi 223  
 Cinta Mami 220  
 C. Ramachandran 74  
 Cucu Datuk Merah 233

D

Daeng Idris 35, 44, 84, 94, 101, 221  
 Darhago 40, 211  
 Daulan Zaimuddin 283  
 Dawa, Shaw 35  
 Daudan Sena 76, 81  
 Dapu 9  
 Daruh Muda 33, 63, 187  
 Darvas 35  
 Dayang Semandung 190, 194  
 Dayang Soba 34, 43, 48, 84  
 Dayang Sulu 259  
 Dendang Perantau 274  
 Dendang Perantau 281  
 Dendang Perantau 324  
 Dev Anand 21

Dewa Murni 24, 70  
D. Harris  
Dharma 268  
Dia Ibuiku 298, 315  
Di Bawah Pohon Dunan 241  
Dick Tracy 6  
Dicky Zulkarnain 315  
Dilip Kumar 21  
Doktor '90 92, 94  
Do Re Mi 247  
Dosa dan Wanita 233  
Dr. A.K. Gani 9  
Dua Kali Lima 233  
Duda 324  
The Duke of Pisanoro 5  
Dupes Cendana 98

## E

Ebby Saiful 328  
Eddy Infante '94  
Edith Castello 35, 114  
Eli Omara 254, 313  
Elephant Girl '94  
Elizabeth and Essex 6  
Elony Hayat 11, 84, 85  
Eman Manan 321, 330, 331  
Eros Flynn 6  
The Exploit of a German from the Deck of 35, 5

## F

Farewell To The King 324  
Fajar Menyingsang 243  
Farouk Alero 315  
Fatmah 75  
Fred Young 243

Fatmah Ahmad 231  
Fatmah Jasmin 8  
Fauziah Ahmad Daud 286, 312, 315, 324  
Firdaus Abdullah 314, 315  
Flash Gordon 6

## G

Gadis Hitam Putih 315, 318  
Gadis Luar 94  
Gelora Hidup 78  
Gengsi 74, 104  
Gerhana 186, 219  
Gertie Kollart 35  
Ghazali Sumantri 27  
The Girl from Bohemia 5  
Gurnidam Jua 233  
Guru Badul 324

## H

Habsah Hassan 324  
Habshah 9, 58  
Hadiah 6  
Haji Arshad 54  
Haji Gong 9  
Haji Mahadi 23, 31, 57, 75, 84, 86, 172, 195, 204  
H.M. Busra 20, 67  
Harnzah 24  
Hancur Hat 9  
Hai Aruz 261  
Halim Sabar 328  
Hong Jehan 78, 85, 229  
Hong Tiah 74, 85, 87, 157, 259  
Hupuslah Air Matamu 278, 314, 315  
Hademah Yon 34, 74, 84, 89, 98, 175, 193, 210  
Hadem Nur 35

Hassah Ali 54  
Hati Bukan Kristal 324  
Hati Iblis 84  
Haak of the Wilderness 6  
Hayat Harris 35  
Hero, 324, 333  
Ho Ah Loke 5, 222  
H.R. Narayana 75  
H.R. Narayanan 35  
Husry Saad Junior 85  
Hussein Abu Hassan 256, 274  
Hussein Haniff 227, 228, 229, 35

## I

Ibrahim Din 38, 150  
Ibrahim Hassan 40, 76  
Ibrahim Pendek 37, 66, 84, 95  
Ibrahim Syurga 238  
Ibu Mertuaku 152, 156, 161  
Ibu, Ti 9  
Ikan Emas 233  
Ike Supomo 299  
Imuda 333  
Inang Baru 114  
Indera Bangsawan 176  
Iran 84  
Irene Castle 5  
Iran-irisan Hati 324, 332  
Isi Neraka 23, 63, 172  
Ismail Mahmud 257  
Ismail Sasakul 274  
Istana Impian 74

## J

Jasfar Abdullah 24, 85, 197  
Jasfar Wayo 75

Jacoh Booty 14  
Jakab Lentera 226  
Jamal Abdullah 307  
Jambatan Maut 243  
Jambi Sulong 3, 33, 48, 57, 59, 63, 89, 122, 129, 171,  
176, 262  
Jaaman 315, 319  
Jauh Di Mata 243  
Jebak Maut 198  
Jetti Zan 195  
Jettan Butin 40, 211  
Jins Shamsuddin 44, 57, 86, 98, 116, 169, 172, 181,  
186, 195, 196, 197, 198, 277, 283  
Juaa Lari 31, 36  
John Barrymore 5  
Johar Yahya 14  
J.S. Anthony 35, 75  
Juwahah D. Haris 25  
Juwita 21, 23  
Jyoti Amara 24, 31

## K

Kabat Sutra Ungu 299  
Kaca Permata 195  
Kamarul Arifin (Tan Sri) 295, 315  
Kampung Nelayan 223  
Kasih Menumpang 238  
Kasih Tanpa Sengaja 211  
Kasih Sengaja 86  
Kaki Ruda 64  
Kampung Serantau 287  
Kasma Booty 14, 15, 16, 18, 19, 21, 24, 75, 78, 84, 85,  
137, 209, 243  
Kerdilan Iahi 84  
Kerlangi Cornat 274  
Kermai Hiasan 27, 77, 176  
Kerbal Seorang 94  
Kerbar 18, 19, 21  
Kerbar Siam 324  
Kerana Kau 74

Kers Emas 233  
Kers Mas 24  
Kers Sempena Bau 243  
Kempang Playang 114  
Keys To Freedom 324, 335  
Khatib Hashim 248, 258  
Kidar Sharma 74  
Kisah Seorang Balian 283  
K.M. Basier 24, 63, 84, 85  
K. Fatimah 58  
Koley 56, 324  
Kortan 112  
K.R.S. Shastra 74  
Kurosawa 147  
Kuswadinata 38, 84, 190  
Kwark Chip Jua 71, 74

## L

Laila Maimun 8  
Leila Maria 22, 169, 172  
Laila Murad 6  
Laili Ibrahim 280  
Lailah Omar 18, 78, 84, 233  
Lamberto A. Awilana 102, 103  
Langsung Ramai 215  
L. Krishnan 19, 21, 63, 78, 243  
Locey Maut 315, 316  
Lonsonne Luke 5  
Louis Castello 114  
Lubalang Dak 179, 186, 192

## M

Mahdubala 21  
Mada Tiga 148, 158

Mahmad Ahmad 85  
Dr. Mahathir 292  
Mahmal Jan 155, 248, 250, 283  
Mahon 78  
Mahon Jema? 256  
Mak Dara 50, 52  
Mak Enon 282  
Mak Merah Yem 69  
Makel Nor 331  
Malik Saiman 234  
Malik Sultan Mula 20, 31, 84  
Malim Kundang 317  
Mambang Medan 48, 187  
Mara Tahan 299  
Marsija 84  
Marsis maris Sombong 299  
Mara Arshad 315  
Mara Hertog 24  
Mara Menado 21, 31, 75, 78, 80, 84, 98  
Maram 18, 19, 21, 74  
Maram 31, 75, 82, 84  
Marah 313  
Marusa 257  
Maruk Bin Nardin 8, 9  
Mas 24  
Masam masam Manis 249  
Mas Merah 108  
Masarakat Proang 86, 90, 100, 114  
Mata dan Hati 233  
Mat Gelep 324  
Matijun 98  
Mata Haru 9  
Matrisya Seorang Patni 314, 318, 320  
Mat Salleh Pahlawan Sabah 287  
Mat Sempol 235  
Maur Merah 324  
Megat Teraus 192  
Mekans 306, 307, 315  
Melancung ke Tokyo 98  
Melaka Raja 3  
Menanti Hari Esok 276, 277, 283  
Mengarah 84  
Miskin 70, 84, 164  
M. Amin 19, 31, 78, 232, 233, 234, 283



M Boehan 274, 279  
M Mustarjo 20, 31  
Mochtar 6  
Mohd Falfi 76  
Mohd Mokhtar 6  
Morsik 9, 107  
M Rafi 62, 84  
Mubin Sheppard 85, 86  
Muda Muda 233  
Mustapha 35  
Mustaffa Maarof 222, 223, 243  
Mustafa Nur 325  
Mustaffa Yasin 35  
Murni Sarawak 84  
mutiara 9  
M Zan 37, 43, 51, 84, 155

## N

Nasib 70  
Nasib Si Lahu-kah 155  
Nattah 24  
Nas Achmas 135, 258, 274  
Neng Yatmah 11, 21, 25, 31, 36, 47, 74, 86, 157  
Nirami 21  
Nizam 70  
Nona Azah 107  
Nor Azah 202, 203, 274, 315  
Nordin Ahmad 74, 75, 78, 86, 91, 233  
Nordin Arshad 110  
Norida Ahmad 329  
Norma 220  
Normadiah 22, 52, 74, 84, 90, 98, 170, 183, 216, 217  
Norizan 47  
Norzali Zainal 40  
Norzali Omar 280  
Noor Kumalasari 268, 283  
Norwah 14  
Norwah B 14  
Norwah Yern 243  
Noze Nani 261

Nuram Pak Beisang 77, 114  
Nuzing Abdulah 38

## O

Oh Fatimah 324  
Olivia de Havilland 6  
Omar Hitam 50, 84  
Omar Rosik 43, 52, 84, 116, 129, 147, 164, 208, 209, 305  
Omar Saadat 43, 192, 194, 205  
Om To Singapore 9  
Osman Gumanti 21, 24, 27, 30, 31, 36, 51, 80  
Orhman Hasham 269

## P

Panica Delima 164  
Pak Haniff 35  
Pak Sado 16  
Pak Suki 8  
Pak Tam 324  
Panco Magalona 44, 103  
Patah Hati 70  
Panggilan Pulau 11, 18, 78  
Panglima Besi 233  
Pang Senemang 67, 129, 190  
Paratuman 94  
Patih Hati 84  
Pating Cerodana 233  
Pauwang 84  
Pelumba Makam 324  
Pendekar 278  
Pendekar Bajang Lapok 148, 314  
Penghidupan 21, 70, 78  
Peranggal 22  
Perangk Beca 114, 135, 138, 157, 164

Perempuan 324  
PERFIMA 274  
Perkahwinan Rahsia 220  
Permintaan Terakhir 3, 312, 260, 263, 265  
Peristiwa Bukit Kepong 272, 273  
Persana 122  
Pertandingan 181  
Phani Majumdar 28, 72, 74, 85, 86, 87, 90, 91, 92, 93, 94, 100  
Pilih Merantau 43, 211  
Pisau Beracun 14  
Pontanak 78, 84  
Ponnet Maria 316  
P Ramlee 17, 18, 19, 21, 23, 24, 31, 33, 47, 74, 77, 78, 84, 85, 86, 87, 91, 106, 135, 136, 137, 138, 139, 140, 141, 142, 145, 146, 147, 148, 150, 151, 152, 155, 156, 157, 158, 159, 160, 161, 162, 163, 247, 283  
Prebet Lapok 283  
Pulau Muluwa 78, 80  
Putera Bertopeng 84  
Pusaka Pontanak 69, 98  
Puspa Indah 299  
Putas Harapan 74

## R

Radin Sudro 26  
Rahim Razali 288  
Ragam Pemandu 324  
Rahimah Alias 110  
Rahmah Rahmat 46, 84, 167, 174, 184  
Rahsia Rumah Tua 324  
Raja Bersong 122, 129, 195, 198, 200, 201, 297  
Raja Erna 325, 327  
Raja Laksamana Bintan 170, 184  
Raj Kapoor 21  
Raja Sehan 70  
Ramil Ramlah 222  
Rashomon 147, 152

**Rasul 35**

*Ranjau Sepanjang Jalan* 305, 307, 315  
*Ratirna Shaw* 5, 35  
*Ratipon Ibu* 243  
*Raymon Estela* 60, 94  
*R Aemi* 21, 31, 107  
*RC Pruthotham* 74  
*Rescued From an Eagle's Nest* 5  
*Ribat* 84  
*R Jaafar* 310  
*Robin Hood* 6  
*Rock Hudson* 66  
*Rohazad* 134  
*Rokiah* 6, 14, 21, 25, 31, 74, 78, 195, 219  
*Romeo dan Juliet* 8  
*Rolf Bayer* 103  
*Rooma Noor* 11, 16, 18, 24, 31, 171, 233, 283  
*Rosnani* 60, 75, 78, 84, 86, 90, 170, 172, 219, 224  
*Rosiah Chik* 107  
*Roslee* 252, 255  
*Rose Yarmah* 159, 225  
*Rosmah* 245  
*Rosmeria* 57  
*Rozita* 24  
*Rumah Ibu Duniaku* 233  
*Rumah Panjang* 86  
*Run Run Shaw* 5, 35, 85

**S**

*Saad* 8  
*Saadah* 48, 67, 74, 82, 84, 85, 86, 94, 98, 101, 172, 177, 188, 215  
*Saamah* 33, 57, 58, 77  
*Salah Asuhan* 274  
*Salm Bacik* 197  
*Saleh Ghani* 14, 226  
*Salleh Kamal* 61, 84, 86, 90, 94, 98, 100, 101, 147, 174, 175, 176, 238  
*Salmah Ahmad* 242, 243  
*Salmah Hitam* 78

*Sakoma* 74, 107, 220, 283  
*Samseng* 60, 98  
*San Pak En Tai* 8  
*Sarmah* 33, 43, 46, 63, 84, 158, 187, 189, 190, 274, 283, 298, 306, 315  
*Sarkis* 86  
*Seruan Merdeka* 287  
*Saudagar Minyak* Urat 95, 98  
*Sayang Anakku Sayang* 313  
*Sayang Ibu* 324  
*Sayang Si Buta* 211  
*The Sea Hawk* 6  
*Sihat Senoa* 220  
*Sejoli* 21, 70  
*Sekapur Sireh* 114  
*Selendang Merah* 243  
*Semalam Di Malaysia* 315  
*Semerah Padu* 114, 135, 143, 152, 157, 194  
*Seriwati* 220  
*Sergeant Hassan* 101, 103, 209, 296  
*Seri Andalas* 190, 215  
*Seri Menang* 226  
*Seri Panjang* 175  
*Seri Sedarah* 70  
*Seruan Darah* 47  
*Seruan Merdeka* 14  
*Sesal Tak Sudah* 220  
*Shahrom Mohd Dorn* 291, 296  
*Sharif Dol* 22, 62, 84, 181  
*Shariff Meilan* 20, 223  
*Sharifah Anis* 275, 283  
*Sharifah Aminah* 255  
*Sharifah Hanam* 247, 248  
*Shasha* 268  
*Shaw* 5, 8, 9, 14, 17, 24, 31, 35, 71, 85  
*Siapa Besar* 64, 211  
*Si Badai* 298, 299  
*Singapura Di Waktu Malam* 14  
*Singapura Dianggap Todok* 72  
*Spiral Riwayat* 66  
*Siput Sarawak* 14, 16, 17, 18, 19, 25, 31, 78, 84  
*Si Tanggung* 182, 183, 184, 194  
*Siti Mariam* 107  
*Siti Muslihat* 82

*Siti Tanjung Perak* 30, 31, 44  
*S. Amnah* 215  
*S. Kadarisman* 28, 84, 86, 97, 98, 170, 179, 181, 212, 213, 214  
*SM Chasly* 14  
*Sofia Ibrahim* 218, 243  
*Sony, Abdullah* 257, 263  
*Sophia Ibrahim* 240  
*S. Ramathan* 19, 21, 24, 36, 51, 63, 75, 78  
*S. Roslee* 215, 252  
*Sri Dow* 30, 84  
*Sri Menanti* 28, 86, 93, 94  
*Sri Tanjung* 88, 89  
*S. Shamsuddin* 37, 84, 110, 148, 151, 157, 274  
*Suzara Kasih* 315  
*S. Sudarraj* 106, 135, 238  
*Subbas Chandra Bose* 19  
*Sudarmaji* 31  
*Suhara Afandi* 14  
*Sumber Ilhamku* 283  
*Sumpahan Mahsun* 324, 328  
*Surpah Wanita* 116, 209  
*Suraya* 179  
*Suraya Harun* 30, 179  
*Syarifah Aminah* 324  
*Syed Ali Al Attas* 8, 14  
*Syed Kechik (Datuk)* 283, 294

**T**

*Tabung Uti* 324  
*Tatul Ashikin* 233  
*Takdir* 116  
*Takdir Ilahi* 21, 70  
*Tak Salah Beh* 324  
*Taman* 5, 6  
*T. C. Santos* 103  
*Teddy, Belarmino* 94  
*Teh Fardah* 264  
*Terang Bulan Di Malaya* 223  
*Terang Bulan* 6, 9



Gambar Saya!



## Terbibat 216

*The Terror of the River* 5

Tsada Esak Bagirni 33

Tsada Wokta Bicara 5

Tyo Kokash 9

Tina 9

Tita Doran 103

Thecla Bera 5

Tofan 103

Tom Hodge 170

Tompel (A.R.) 31, 78, 85, 135, 150, 217, 247, 248

Tong Chye 35

Tong Dan 86, 94

Tony Arman 274

Tony Castello 86

Topeng Shantan 9

Toshimi Marube 17

Tung Ming Chin 9

Tun Fatimah 226

Tunku Abdul Rahman Putra 131

Tuo Scrambled 5

Tun Teo 243

## U

Usman Awang 2, 31, 36, 127

Udo Omar 561, 584, 156

Usang 324, 331

Us Rashid 290, 292, 263

Umi Kalthom 5, 283

## V

Vendetta 315, 17

V. Gernan 74, 75

V. Vasudev 7, 86

## W

Wahid Sateh 37

Wan Chik Daud 150, 245

Wan Perkasu 78

Wing Anjokas 324

Wong 14

Wong Fun 35

## Y

Yap Poh Kai 35

Yassin 331

Yassin Salleh 290

Yern 9

Yusof B 27, 36

Yusof Latif 47, 74, 75, 78, 84, 87, 230

Yusof Mazi 294

Yusof Wahab 328

## Z

Zaharah Agus 148, 153

Zahrah Ahmad 223

Zain Mahmud 295

Zarvan Fg 57, 58, 97

Zaton 34, 52, 57, 69, 74, 84, 85, 86, 90, 91, 92, 94, 98,

172, 184, 195, 211, 215

Zuber Said 36

Zulefi 134, 262

Zulkifli Zain 264

Zorro 6